

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN KEEMPAT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

17 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)

Kandungan	Muka Surat
SOALAN-SOALAN LISAN	
Soalan No. 8 – Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid)	5
Soalan No. 9 – Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee)	8
Soalan No. 10 – Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi)	12
Soalan No. 11 – Ahli Kawasan Berapit (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin)	15
Soalan No. 12 – Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin)	17
Soalan No. 13 – Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu)	18
Soalan No. 14 – Ahli Kawasan Permatangan Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abdul Hamid)	21
Soalan No. 15 – Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah)	22
Soalan No. 16 – Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man)	23
Soalan No. 20 – Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng)	24
Soalan No. 21 – Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria)	26
PENGUMUMAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI	28
SESI PERBAHASAN PEMBENTANGAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2017 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2017	
Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	29
<i>Dewan ditangguhkan pada jam 1.10 tengah hari</i>	

Kandungan	Muka Surat
<i>Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang</i>	
Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) menyambung sesi perbincangan.	49
Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	62
Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	72
Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	79
Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	83
<i>Dewan ditangguh pada jam 6.30 petang</i>	
<i>Dewan disambung semula pada jam 8.00 malam</i>	
Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) menyambung sesi perbincangan	89
Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	98
<i>Dewan ditangguhkan pada jam 9.50 malam</i>	

LAPORAN PERSIDANGAN

MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 17 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua, Dewan Undangan Negeri
3	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I / Pantai Jerejak
4	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II /Perai
5	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15	YB. Ong Kok Fooi	Berapit
16	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
17	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
18	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
19	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
20	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
21	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
22	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
23	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
24	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
25	YB. Teh Lai Heng	Komtar
26	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
27	YB. Soon Lip Chee	Jawi
28	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubok
29	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
30	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
31	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggai
32	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
33	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
34	YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
35	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
36	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
2	YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
3	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
4	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang-Undang Negeri
3	YB. Puan Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy	-	Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Mohd Roshidi Bin Azmi	-	Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan bersidang semula pada jam 9.30 pagi.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Bacaan doa.

Timbalan Setiausaha Dewan:

Bacaan Doa.

Setiausaha Dewan:

Soalan Lisan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Persilakan Ahli Yang Berhormat Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

YB. Dato' Speaker, soalan saya nombor 8.

- No 8. (a) Apakah halatuju pembangunan industri Pulau Pinang dan berapa banyakkah jumlah pelaburan (FDI) yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri dalam masa 12 bulan terakhir ini?
- (b) Banyak manakah peluang pekerjaan yang disediakan? Sila senaraikan syarikat dan negara yang berkenaan, jenis industri, jumlah pelaburan, butiran misi-misi untuk menarik pelaburan ke Negeri Pulau Pinang.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

YB. Dato' Speaker soalan lisan daripada YB. Telok Ayer Tawar soalan mengenai Industri, Pembangunan Industri Pulau Pinang dan jumlah pelaburan. Hala tuju Kerajaan Negeri dalam Pembangunan Industri Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

1. Melaksanakan strategi untuk menarik pelabur baru dan pada masa yang sama mengekalkan pelabur sedia ada seperti melancarkan *information technology business process of outsourcing* - IT BPO di Bayan Lepas untuk menarik pemain global dalam industri *shared services of outsourcing* melabur di Pulau Pinang.
2. Hala tuju yang kedua, bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan Pusat, seperti MIDA, MITI dan juga MATRADE bagi perkara-perkara berkaitan dengan penawaran insentif negara kepada para pelabur yang kompetitif berasaskan kepada *benchmark* antarabangsa dan juga *talent corp* untuk menarik *diaspora* Malaysia di luar negara.
3. Menambahbaik infrastruktur secara berterusan bagi tamam-tamam perindustrian dan teknologi yang bertaraf antarabangsa termasuk membangunkan perkampungan *small medium* industri yang lengkap dengan semua kemudahan utama. Juga dibangunkan di kawasan yang sama.
4. Menyediakan fasilitasi kepada pelabur supaya membantu dalam *is of doing business* dengan izin dan juga bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan dalam memastikan kos untuk menjalankan perniagaan atau pun *cost of doing business* di Negeri ini kekal kompetitif.

5. Memberikan tumpuan kepada kekuatan yang sedia ada di Negeri Pulau Pinang dalam bidang elektrik dan elektronik serta kebolehan mempelbagaikan aktiviti industri seperti pembuatan peralatan perubatan, sains kesihatan, aeroangkasa dan *ionic*, dan juga technology LED.
6. Menggalakkan pembangunan usahawan tempatan melalui program perintis permula niaga yang dinamakan Penang Asolaratur for Creative Analytic dan juga technology ataupun CAT.

Itu bahagian yang pertama. Bahagian yang kedua ditanya mengenai pelaburan asing FDI yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri bagi Januari-Disember 2015 dan juga Januari-Jun 2016. Angka yang saya sebut di sini jumlah pelaburan asing Pulau Pinang dalam sektor pembuatan pada tahun 2015, pelaburan asing 4.498 billion. Untuk 2016, setengah tahun Januari hingga Jun ada 1.937 billion, 43%. Tapi kalau daripada Januari hingga Ogos tahun ini *latest figure* 2.84 billion iaitu 63% jika dibandingkan daripada tahun lepas. Sebanyak 9 pelaburan baru dan juga tambahan dengan 7,020 peluang pekerjaan telah diwujudkan di Negeri ini. Saya ada senaraikan 9 dalam tempoh yang jangka masa yang disebutkan antaranya kalau saya boleh sebut dalam senarai itu, seperti Brod Con Limited dari Amerika Syarikat 120 pekerjaan, Boston Scientific juga Amerika Syarikat, Pembuatan Peralatan Perubatan, 400 pekerjaan, Toshiba Medical daripada Jepun, Pembuatan Sistem Pengimejan Diagnostic, 200 pekerjaan, Paramicts, KLM Smartin, kemudian HP, HP ini dia juga ada dua (2) nama, dia bukan *Hewlett Packard* dia ada dua (2) nama yang berbeza, Pengurusan Rantaian Bekalan Dakwat di seluruh dunia, 1,000 orang, Jingko Solar, dan JA Solar, itu dua syarikat yang berbeza, 1,200 dan 300 dan yang kesembilan adalah JABIL, Pembuatan Perubatan dan Aerospace 2,500 jadi jumlah ini 7,020 orang.

Pada tahun 2015 hingga Oktober 2016 Kerajaan Negeri telah menyertai 18 misi program pelaburan yang saya tak perlu baca kesemuanya tapi akan dibekalkan kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Soalan tambahan. Terima kasih YB. Pantai Jerejak. Sektor pembuatan memanglah merupakan *prime mover*...(dengan izin) penggerak utama kepada ekonomi Negeri Pulau Pinang dan kiranya ada pergerakan sama ada meningkat yang dialu-alukan dan kalau menurun kita menjadi cemas, Negeri Pulau Pinang baru-baru ini digemparkan juga dengan pengumuman beberapa syarikat-syarikat besar *multinational* yang berpindah operasi ke Vietnam dan sebagainya ataupun yang menutup operasi dan menyebabkan kehilangan pekerjaan. Walaupun Kerajaan Negeri telah mengumumkan bahawa mereka-mereka ini akan diserapkan sektor-sektor perkilangan yang lain. Saya ada bersama saya ini statistik yang diberikan oleh pihak MIDA yang menunjukkan bahawa pada tahun 2011, Pulau Pinang berjaya menarik pelaburan sebanyak 9.1 billion dan menjadi yang menduduki tangga teratas di Malaysia, tetapi pada tahun 2016, tahun lepas Pulau Pinang hanya dapat menarik pelaburan sebanyak 2.68 billion dan telah jatuh ke tangga ke ketiga. Ini merupakan satu *trend*. Tadi kita diumumkan oleh YB. Pantai Jerejak tahun 2016, setakat ini ada 1.937 billion tapi yang direkodkan oleh MIDA ialah 2.6 billion akhirnya mungkin sampai akhir tahun. Jadi ini adalah satu perkara yang membimbangkan, kita bimbang kerana, soalan ia di sini, kita bimbang kalau ini adalah satu *trend* yang menurun. Kita harap usaha yang lebih gigih dilaksanakan. YB. Pantai Jerejak dimaklumkan 18 misi promosi ini untuk tahun 2016 sepanjang lima (5) tahun, dua (2) tahun. Jadi kita nak, saya nak perincian daripada 18 misi promosi pelaburan ini siapa yang pergi dan apakah hasilnya dan bagaimanakah usaha dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk menghad atau mengurangkan *downward trend*, atau *trend* menurun pelaburan asing yang masuk ke Negeri Pulau Pinang, kalau kita takutlah ia akan menjadi suatu fenomena yang akan menyebabkan Negeri Pulau Pinang menjadi mencatat pertumbuhan yang mendatar dan lepas ini mungkin sifar dan negatif, terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih di atas soalan tambahan tersebut. Kalau dilihat prestasi keseluruhan, kalau lihat jangka masa yang lebih panjang, selama tempoh lapan tahun daripada 2008 sehingga 2016 jika dibandingkan *apple to apple* dengan sebelum itu sebenarnya jumlah kumulatif kita telah berjaya mendapat 54 billion jika dibandingkan dengan 29 billion, maknanya peningkatan hampir dua kali ganda. *Figure* yang disebutkan tadi khususnya dibandingkan di antara 2008 sehingga 2016, 2011 sememangnya

FDI ini dia boleh naik dan dia boleh turun. Tapi keseluruhan kumulatif sememangnya Kerajaan yang ada pada hari ini mampu untuk mendapatkan *double the figure* daripada apa yang sebelum ini dan *phenomena global* kita tidak nafikan bahawa jumlah itu 2015 dan 2016 mungkin tidak sebanyak 2011 tetapi kita masih lagi mampu untuk mencatatkan jumlah keseluruhan yang lebih tinggi. Jika lihat kepada promosi-promosi yang kita terus lakukan seperti yang saya sebutkan tadi, daripada 18 misi kita akan senaraikan contohnya ke Hong Kong, ke Taiwan, Singapura, United Kingdom bersama-sama dengan MIDA, ke Jerman dan juga ke Amerika Syarikat semua akan dibekalkan jadi keupayaan Kerajaan Negeri, tidak semestinya daripada saya sendiri tapi daripada EXCO-EXCO yang lain juga membantu untuk terus untuk kita memberikan atau pun mempromosikan Negeri Pulau Pinang, destinasi untuk mereka membuat pelaburan yang akan datang. Kalau kita lihat peluang pekerjaan, saya ada juga sebut dalam soalan-soalan bertulis kita ada menyenaraikan 6 buah syarikat yang sememangnya nampak penurunan tetapi jumlahnya hanya 1,900 jika dibandingkan peluang pertambahan daripada syarikat yang saya sebutkan tadi. Jadi itu jawapan saya, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Soalan tambahan. Apakah rasional untuk membenarkan industri-industri yang merbahaya untuk mulakan *business* di Pulau Pinang seperti JA Solar?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Saya ada menyebutkan tadi sememangnya industri ada dua (2), JA Solar dan juga Jinko Solar. *Trend* untuk membawa industri ini bukan sahaja kepada negeri kita tetapi sebenarnya ini merupakan satu *trend* yang dalam batas untuk pengawalan mereka jadi dalam industri ini bukan sesuatu yang kemerbahayaan itu tidak dapat dikawal. Jadi ini merupakan salah satu *trend* yang ada di arena antarabangsa untuk mereka membuka kilang mereka seperti solar-solar sel ataupun solar-solar modul yang kita boleh kawal untuk memberikan tenaga tambahan selain daripada tenaga biasa yang ada.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat, apakah tindakan atau apakah perkara yang sebenar berlaku apabila pelabur beralih tempat seperti WD tukar ke Thailand, Amphenol pergi ke China, adakah sebab apa kerana kita tidak ada daya saing dengan negara seperti Thailand padahal infra kita, kebolehan pertuturan bahasa Inggeris kita, lebih baik daripada masyarakat Thailand dan apakah perkara-perkara ini yang membuatkan mereka beralih tempat?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih di atas soalan. Yang Berhormat, industri ini berubah. Mudah sahaja kalau saya hendak berikan satu *analogy*, kalau dulu kita lihat jenama contohnya Nokia, adakah Nokia telah ada pada hari ini? Jadi industri pembuatan ini sentiasa bergerak dan teknologi semakin canggih dan mana-mana teknologi yang telah *obsolete* itu sebenarnya tidak akan dapat diteruskan lagi. Jadi kalau kita lihat, contohnya daripada satu syarikat yang buat *sliding fact* contohnya. Mereka telah menamatkan permintaan kepada cara pembuatan tersebut adalah telah dapat ditingkatkan lagi teknologinya yang menggunakan *memory chip* yang lebih canggih. Jadi untuk satu-satu industri itu tidak akan berkekalan untuk selamanya. Jadi sebab itu sememangnya syarikat-syarikat yang menutup kilang mereka kerana *production line* mereka telah tidak berdaya maju lagi dan tidak dapat daripada pasaran. Sebab itu untuk Negeri Pulau Pinang, kita telah bergerak daripada *manufacturing* kepada pembuatan. Dalam pembentangan bajet pun telah disebutkan bahawa kita telah meningkat sektor perkhidmatan kepada 54% lebih sedikit daripada sektor *manufacturing* iaitu sektor pembuatan. Kita harus bergerak melihat kepada kemajuan yang ada

pada industri pada hari ini. Jadi kalau kita hanya kekal dengan industri pembuatan yang mana produk mereka telah *obsolete*, semestinya syarikat-syarikat multinational, mereka membuat keputusan mereka sendiri, jadi Kerajaan Negeri cuma *monitor* ataupun melihat di atas apa yang ada dan kita memberikan prasarana kepada kemajuan teknologi yang berubah daripada dulu kepada yang baru. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Jawi. Sila soalan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Dato' Speaker, soalan nombor 9, soalan saya.

No. 9. Sila nyatakan sejak bila Hospital Bersalin Negeri Pulau Pinang mula ditutup dan dijangka akan dibuka balik?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan dan YB. Jawi. Perkhidmatan pesakit dalam atau *in-patient* Hospital Bersalin Pulau Pinang telah dipindahkan ke bangunan utama Hospital Pulau Pinang sejak Disember 2014. Saya dimaklumkan oleh YB. Datok Keramat, anak dia antara yang *batch last* sekali lahir di situ. Dan telah memberikan perkhidmatan penuh sepertimana yang sepatutnya ditawarkan. Pemindahan ini bertujuan bagi perlaksanaan projek pembinaan blok wanita dan kanak-kanak Hospital Pulau Pinang di lokasi tersebut yang dijangka bermula pada bulan Ogos 2017 dan beroperasi sepenuhnya diharapkan pada tahun 2020.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Soalan tambahan saya. Mengapa kerajaan terutama Kementerian Kesihatan tutup hospital bersalin ini sejak tahun 2014 dan sehingga tahun 2017 baru ada hendak laksanakan ataupun membuat perlaksanaan wad wanita dan kanak-kanak? Ini telah menjadi satu, mendatangkan satu kesulitan kepada golongan-golongan terutama wanita yang ingin bersalin.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Jawi. Saya difahamkan bangunan ini adalah sebuah bangunan yang cukup lama dan saya juga dimaklumkan bangunan ini hasil daripada kajian dan juga pemantauan tidak begitu selamat untuk terus diduduki dan melihat kepada kapasiti pesakit dan juga keperluan untuk ada NICU dan juga beberapa perkhidmatan-perkhidmatan lain yang lebih penting, maka sebab itu ingin dibangunkan bangunan baru di lokasi ini. Saya tidak ada jawapan kenapa ianya mengambil masa tiga (3) tahun untuk dilaksanakan tetapi sebab saya belum jadi Menteri Kesihatan, kalau saya jadi Menteri Kesihatan, saya boleh jawab tetapi sebab masalahnya sekarang ini yang kita kenalpasti kenapa perlu dipindahkan awal kerana bangunan itu tidak begitu selamat untuk terus diduduki.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ya, YB. Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya ambil maklum bahawa Yang Berhormat bukanlah Menteri Kesihatan tetapi saya berharap Yang Berhormat akan menjadi Menteri Kesihatan dalam masa yang terdekat. Soalan saya, baru-baru ini kita telah lihat apa yang telah berlaku di Hospital Besar di Johor Bahru di mana bangunan tersebut, saya difahamkan adalah kemungkinan sama tuanya dengan bangunan hospital di Pulau Pinang di mana berlakunya kebakaran di Wad ICU yang menyebabkan lima (5) atau enam (6) orang pesakit di Wad ICU itu meninggal dunia, dan kita juga lihat baru-baru ini pengumuman oleh Menteri Kesihatan tentang kenaikan dalam caj-caj yang akan dikenakan dalam pembayaran-pembayaran untuk pesakit-pesakit. Di hospital Pulau Pinang, saya lihat sendiri bahawa kerusi roda tidak mencukupi untuk pesakit-pesakit terutamanya warga emas yang pergi ke situ untuk mendapat rawatan. Keadaan dalam wad sudah menjadi cukup padat di mana pesakit-pesakit sekarang saya lihat juga diletakkan di tempat-tempat keluar lif sahaja kita telah pun nampak ada katil-katil ditinggalkan...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Seri Delima, soalan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya akan sampai, YB. Dato' Speaker. Ini mukadimah. Beri saya peluang dahulu.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ini bukan perbahasan. Tanya soalan, ikut peraturan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Rakyat Pulau Pinang ingin tahu. Saya cuma ingin memberi soalan saya. Saya hendak tanya sama ada, pertamanya, Yang Berhormat boleh maklumkan, sama ada audit terkini telah dilaksanakan tentang keselamatan...(gangguan). *Sorry?* Audit keselamatan telah dilakukan baru-baru ini tentang tahap keselamatan di Hospital Pulau Pinang dan kedua adakah apa-apa cadangan untuk membina hospital baharu di kawasan yang lebih lapang? Satu lagi masalah kritikal yang dihadapi oleh pesakit-pesakit yang datang ke situ adalah kesesakan untuk...(gangguan). Jangan kurang ajarlah pagi-pagi. Jangan kurang ajar. Kalau Pinang Tunggal hendak kurang ajar, jangan kurang ajar, saya beri amaran kepada YB. Pinang Tunggal. Jangan kurang ajar, kalau berani bangun.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terus kepada soalan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Apa masalah?

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Tidak ada masalah.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Pinang Tunggal sila duduk.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Pinang Tunggal.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Sudah lama jadi wakil rakyat tidak faham-faham peraturan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jangan kurang ajar.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Dato' Speaker, saya tidak bagi laluan kepada YB. Pinang Tunggal.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ikut peraturan, duduk. Seorang yang menjawab, yang lain duduk.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jangan kurang ajar.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Jawi, duduk.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Saya sokong, Dato' Speaker. Setelah dicabar.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Saya tidak bagi laluan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah, duduk.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Celaka.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Kamu pun celaka.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kalau dua-dua Yang Berhormat masih hendak berdegil, dua-dua keluar.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Dato' Speaker, dia yang mengacau saya, Dato' Speaker.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Akhir sekali saya bagi amaran.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Kurang ajar. Sakit hati.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Seri Delima dan YB. Pinang Tunggal, YB. Jawi duduk. Saya yang *chair the floor*. YB. Seri Delima, dua-dua duduk. Masih ingkar perintah, susah. YB. Seri Delima tanya soalan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Ya, benarkan saya tanya soalan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan tambahan. Jangan pergi ke...(gangguan). Kalau hendak bahas, nanti masuk dalam sesi perbahasan. Saya tidak izinkan lagi. Soalan sudah tanya 2. EXCO jawab.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya belum habis lagi Dato' Speaker. *Let me ask the question*. Ini soalan rakyat Pulau Pinang mahu tahu. Satu, sama ada audit keselamatan telah diadakan, tahap keselamatan di hospital. Kedua, saya hendak tanya, sama ada ada apa-apa cadangan untuk membina satu bangunan hospital yang baru. Ketiga, kesesakan yang dilalui, yang berlaku di Hospital Besar Pulau Pinang berkenaan dengan tempat letak kereta yang tidak mencukupi kerana terdapat banyak orang pesakit yang datang yang terpaksa meletakkan kenderaan di tepi Padang Polo dan melintas jalan. Ada warga emas yang nyaris-nyaris dilanggar ketika mereka datang untuk menerima rawatan. Ini adalah masalah-masalah yang saya minta supaya EXCO bawa kepada perhatian Kementerian Kesihatan. Terima kasih...(gangguan). YB. Pinang Tunggal jangan kurang ajar.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih Yang di-Pertua Dewan. Terima kasih YB. Seri Delima...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang lain, diam. YB. Seri Delima tolong, YB. Pinang Tunggal pun tolong. Bila Speaker minta tolong. Tolong.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Boleh bagi ruang? Saya hendak menjawab. Boleh ya? Terima kasih abang-abang semua. Terima kasih. Saya hendak jawab dia dulu. Ada tiga (3) soalan. Pertama tentang audit keselamatan yang ditanyakan oleh YB. Seri Delima, baru-baru ini dalam Mesyuarat Majlis Keselamatan Negeri juga telah dibangkitkan tentang perkara ini hasil daripada insiden yang berlaku di hospital besar di Johor Bahru, pastinya kita di dalam Dewan ini merakamkan rasa sedih kita atas insiden itu dan merakamkan setinggi penghargaan kita ke atas kecekapan semua anggota kakitangan hospital itu dalam menguruskan tragedi dan bencana ketika itu. Audit keselamatan ini memang telah kita minta untuk Jabatan Kesihatan Negeri

lakukan kerana memandangkan Hospital Pulau Pinang dan juga hospital-hospital di dalam Pulau Pinang ini berusia agak tua antara yang paling tua di Sungai Bakap, 100 lebih tahun. Dan saya juga ada cadangan tentang hospital baharu ini telah kita masukkan dalam Rancangan Malaysia yang sebelum ini di mana Kerajaan Negeri mencadangkan agar satu hospital baharu di bina di Batu Kawan tetapi tidak mendapat reaksi positif daripada Kerajaan Persekutuan. Tidak ada sebarang pengumuman dan tidak ada dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia. Jadi buat masa sekarang, sama ada ada cadangan baru untuk membina hospital di Pulau Pinang, tidak ada. Dan saya juga dimaklumkan tentang isu kesesakan di Hospital Pulau Pinang. Antara salah satu sebab kesesakan yang kita kenal pasti adalah keberadaan *Out-patient Department* atau Jabatan Pesakit Luar di Hospital Pulau Pinang.

Di sini sahaja ada lebih 1,000 lebih pesakit dilihat setiap hari. Bayangkan jumlah kenderaan yang akan datang ke lokasi ini. Kerajaan Negeri sudah umumkan untuk bersedia memberikan lokasi untuk disewa oleh Jabatan Kesihatan Negeri bagi dijadikan sebagai *Out-patient Department* tetapi saya dimaklumkan masih lagi tidak ada jawapan. Antara sebabnya adalah saya difahamkan tidak ada dana untuk menaik taraf dan memindahkan *Out-patient Department* daripada Hospital Pulau Pinang ke lokasi baharu yang lebih berhampiran. Saya percaya jika *Out-patient Department* ini, Jabatan Pesakit Luar ini dipindahkan ke lokasi yang baharu, kesesakan ini dapat dikurangkan sedikit di Hospital Pulau Pinang. Jadi saya minta, rakan-rakan daripada sebelah sana kalau sebelum ini YB. Pinang Tunggal boleh bantu untuk dapatkan Stadium Hoki di Kepala Batas mungkin kawan-kawan daripada belah Pulau pula memandangkan Balik Pulau pun Timbalan Menteri Kesihatan, kita minta supaya usaha ini dapat dipercepatkan kerana kami dah bincang lebih daripada setahun dalam Mesyuarat EXCO masih tak ada keputusan diperingkat Kementerian Kesihatan juga Jabatan Kesihatan Negeri.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila YB. Berapit. Soalan seterusnya.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Yang di-Pertua soalan saya no. 10.

- No. 10. (a) Berapakah jumlah badan kebajikan rumah jagaan orang tua atau kanak-kanak yang tidak berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat? Seumpama Pertubuhan Penyayang Chi Yun dan Pertubuhan Kebajikan Da Zhi Jiang Tang.
- (b) Bagaimana Kerajaan Negeri mengatasi masalah badan-badan kebajikan rumah jagaan orang tua atau kanak-kanak yang tidak berdaftar?.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih YB. Dato' Speaker, soalan sepuluh yang telah ditanya oleh Ahli Yang Berhormat daripada Berapit. Sehingga September tahun 2016 terdapat 26 pusat jagaan orang tua dan 44 buah Pusat Jagaan Kanak-kanak yang tidak berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sejak tahun 2008 Kerajaan Negeri melalui JKM dan Pihak Berkuasa Tempatan telah turun padang ke Pusat-Pusat Jagaan Kanak-Kanak dan Warga Emas untuk mengumpul data dan memberi nasihat dan kesedaran kepada pengusaha Pusat Jagaan untuk berdaftar melalui beberapa program-program kesedaran seperti mewujudkan *One Stop Centre* bergerak iaitu menjemput semua Pusat Jagaan yang berdaftar dan tidak berdaftar untuk hadir ke *One Stop Centre* tersebut dan diberi taklimat oleh agensi-agensi Kerajaan seperti Bomba, Pihak Berkuasa Tempatan dan juga Kesihatan dan JKM tentang berkenaan untuk menubuhkan satu pusat yang berdaftar iaitu kata kesedaran dan bagi bantuan dan di sana ada jadi satu *One Stop Centre*. Bagi tahun 2016 Kerajaan Negeri mengambil langkah proaktif dan membantu dari masa ke semasa bagi memastikan Pusat Jagaan ini berdaftar dengan JKM dengan mengendalikan program Jom Daftar yang telah diadakan pada tahun ini adalah 11 April 2016 bertempat di Auditorium A, KOMTAR dan 19 Mei 2016 bertempat di dewan Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Kepala Batas. Melalui program ini, semua pengendali Pusat Jagaan telah dijemput bagi memperjelaskan proses pendaftaran sebuah Pusat Jagaan.

JKM juga turut menganjurkan program-program Jom Bantu untuk melaksanakan di setiap Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (JKMD) di mana pegawai-pegawai diperkuasakan dan akan turun padang pada setiap Pusat Jagaan untuk memberi penerangan dan juga melakukan pemeriksaan premis. Semua pengendali pusat-pusat jagaan dijemput hadir ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah berkaitan untuk memberi penerangan terperinci berkaitan dengan proses pendaftaran dan selain daripada itu juga masalah-masalah yang mereka menghadapi kami juga cuba untuk membantu. Selain itu program pemulihan pusat penjagaan tidak berdaftar juga sedang giat dijalankan dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan untuk membantu pusat-pusat Jagaan tidak berdaftar untuk membuat pendaftaran dengan JKM, jika mereka tidak ada lesen daripada PBT mereka tidak boleh berdaftar.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Soalan tambahan saya kepada YB. Sungai Puyu iaitu melihat begitu banyak Badan Kebajikan Rumah Jagaan Orang Tua dan Kanak-Kanak yang belum didaftarkan adakah apa-apa undang-undang dari Negeri untuk *monitor* Badan-Badan Kebajikan yang diluar undang-undang seperti yang berlaku di Bukit Mertajam iaitu sebuah badan kebajikan kanak-kanak yang ada masalah di bulan, kalau tak salah bulan sembilan atau bulan sepuluh itu, sekarang mereka sudah dibawa balik ke Johor tetapi pada masa sekarang lima (5) kanak-kanak telah menghilangkan diri dan Polis tak dapat mencari mereka sampai hari ini. So adakah Jabatan Kebajikan di Negeri Pulau Pinang ada cara atau *method* untuk mengawal soalan nombor satu, soalan nombor dua ialah berapakah kakitangan di Jabatan kebajikan? Adakah cukup untuk melihat keseluruhan badan kebajikan di Negeri Pulau Pinang dan apakah langkah Jabatan kebajikan untuk menolong badan-badan kebajikan yang ingin berdaftar dan macam mana menolong mereka menghadapi masalah kewangan sebab sampai hari ini saya nampak semua Badan Kebajikan di Negeri Pulau Pinang menjanakan *fund raising* mendapat kewangan mereka daripada rakyat jelata. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Memang seperti yang telah dijelaskan bahawa kami ada begitu banyak program seperti Jom Daftar dan juga ada program-program tertentu yang di mana kami jemput mereka untuk memberi kesedaran bagaimana hendak mendaftar. Ini adalah satu warisan daripada zaman Barisan Nasional yang kata dari dulunya siapa nak buka buka dan tidak ada satu perancang di mana juga ada juga satu masalah yang begitu besar di mana kementerian mengatakan bahawa untuk mewujudkan satu pusat kehendak adalah di tempat kediaman, banglo, *semi-detach* ataupun rumah yang terakhir. Ini adalah syarat untuk membuka satu pusat penjagaan baik pun kanak-kanak baik pun warga emas akan tetapi apabila mereka memohon lesen daripada PBT kerana kediaman bukan institusi mereka tidak boleh di bagi lesen mereka kena tukar syarat, apabila mereka nak tukar syarat itulah masalah-masalah berbangkit. Ini bukan hari ini sejak warisan daripada Barisan Nasional sehingga ini walaupun telah bagi memberi maklum kesedaran kepada mereka bahawa kena pinda macam ini tetapi belum dapat dipinda. Jika masalah seperti yang dibangkit satu peristiwa di Bukit Mertajam, sebenarnya Pihak Berkuasa dan juga JKM telah membuat pemantauan dan juga melalui laporan Polis kami telah buat siasatan apabila dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat terus kami ambil tindakan kerana kami belum siap sedia siasatan yang sepenuhnya tetapi telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat kami terpaksa turun padang buat siasatan buat tangkapan dan juga didakwa di Mahkamah dan untuk lima (5) kanak-kanak yang hilang kerana kami telah berserah kepada ibu bapa, ibu bapa telah bawa balik ke Johor dan Johor bukan di bawah perhatian dan pemantauan Negeri Pulau Pinang dan saya tak dapat bantu daripada segi pentadbiran tetapi kami juga minta orang kata *networking* untuk bantu mencari.

Oleh kerana mereka datang daripada Johor dan apabila ada masalah kami ada dua pilihan satu pilihan adalah masuk mereka di dalam institusi kerajaan di sana seperti macam *welfare home* atau bagi mereka satu peluang untuk bersama keluarga iaitu kata dia punya tok, dia punya nenek atau dia punya mak cik, pak cik atau lain-lain. *We try to give them a family home rather than institution*. Kami cuba elak untuk masuk pi *institution*.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Soalan tambahan YB. Dato' Speaker, terima kasih. YB. Sungai Puyu di kawasan saya ada sebuah iaitu di Pematang Durian. Saya nak terus kepada soalan. Badan ini jaga orang tua-tua ini daftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat atau tidak? Yang itu soalan saya terus kepada soalan bukan macam YB. Seri Delima tak faham peraturan, bodoh.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey.

YB. Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

YB. Dato' Speaker inilah masalah yang saya menghadapi kurang belajar, saya tak berani kata kurang ajar saya kata kurang belajar apabila....(gangguan) jangan tak boleh panggil dia bodoh tak boleh kami....(gangguan)

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang lain sila diamlah...(gangguan). Sudah, sudah terus ke jawapan sudah.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Jawapan saya jika nak tanya yang di Pusat Jagaan itu bagilah nama supaya saya boleh dapat periksa. Janganlah di langit satu (1) ini siapa ada daftar tak daftar so kenalah..(gangguan)

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Tadi sebut *my brother* lani bubuh saya balik...(gangguan). Saya sebut, saya tanya kawasan saya ada satu sahaja bukan sepuluh, satu (1) sahaja. Sebagai EXCO Kebajikan mesti tau nama sebab nama Cina punya saya tak tau sebutlah saya tak tau sebut. Dekat Permatang Durian.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Nama? Tak apa, Kalau macam ni....(gangguan). Saya bagi peluang sebelum tanya jikanya tidak ada....(gangguan)

Ahli Kawasan PinangTunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Kalau tak tau tanya Pegawai. Tanya tanya juga tapi saya nak ajar Seri Delima cara Peraturan Dewan tanya soalan tanya terus begitu sahaja tak payah pusing-pusing, gatal kat sini garu terus tak payah pusing macam itu buat apa?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ikut peraturan, sudah duduk.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Baik yang itu kata pada pagi ini kami ada satu orang kata kursus yang itu kata yang kurang belajar yang nak tunjuk lain orang yang kata dia belajar. Ini ada tunjuk ajar....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Habis jawapan?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Jawapan saya macam ini jikanya Ahli Yang Berhormat memang dah minat untuk dapat tahu adakah berdaftar sebentar minta *call* balik PA minta alamat atau nama pusat dan saya akan jawab pada hari ini juga semasa minum teh atau semasa dalam Dewan. Ia pilihan anda saya bagi peluang. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Habis? Seterusnya saya nak persilakan YB. Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan saya nombor 11.

No. 11. Saya telah mengemukakan Usul pada Sidang lepas supaya Bajet 2016 diperiksa oleh PAC (Jawatankuasa Kira-Kira Awam) supaya dijadikan input kepada Bajet 2017 dan membenteng rumusan/syor. Butirkan bagaimana Bajet 2017 seimbang bagi penduduk:

- (a) KADUN yang banyak Kampung berbanding Bandar.
- (b) Pulau berbanding Seb.Perai
- (c) Mengikut keperluan gender

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih YB. Penanti, soalan mengenai dengan proses membuat bajet, penyediaan bajet tahun 2017 Negeri Pulau Pinang menggunakan pendekatan rundingan dalam merancang Bajet Pembangunan. Semakan awal dibuat bersama-sama dengan Jabatan-Jabatan Negeri untuk mendapatkan pandangan dan juga justifikasi tentang keutamaan sesuatu projek pembangunan untuk dilaksanakan di kawasan yang dikenal pasti. Senarai cadangan projek-projek pembangunan yang dikemukakan pula adalah berpandukan kepada keperluan-keperluan yang dibangkitkan dalam mesyuarat sehingga ke mesyuarat JKKK Jawatankuasa Tindakan Daerah (JKTD) dan Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa MMK yang diwakili oleh YB-YB ADUN juga termasuk pelbagai jabatan dan juga Agensi serta Badan-Badan Bukan Kerajaan. Strategi Bajet 2017 Negeri Pulau Pinang dirangka dengan mengambil kira faktor-faktor kedudukan hasil negeri, tanggungjawab kewangan dan juga keperluan Pentadbiran Kerajaan Negeri, antara keperluan-keperluan tersebut adalah seperti (a) mengukuhkan dan memantapkan pengurusan kewangan Negeri selaras dengan tadbir urus (CAT).

Yang kedua mengimbangkan keperluan pembangunan termasuk pembiayaan kemudahan pinjaman kepada Badan-Badan Berkanun Negeri dengan kemampuan kewangan negeri, ketiganya mengamalkan pengurusan kewangan yang berhemah...(dengan izin) *optimal value for money* dan juga mengelakkan daripada pembaziran. Yang keempat memastikan perbelanjaan negeri berteraskan kepada disebut *outcome base* dan juga *performance base*. Yang kelima meningkatkan pungutan hasil semasa dan mengurangkan tunggakan dan menjana pertumbuhan dan mensejahterakan rakyat melalui sistem penyampaian perkhidmatan awam yang *efficient* jadi proses *participatory budgeting* yang seperti yang mana dimaksudkan oleh Yang Berhormat yang melibatkan penyertaan langsung YB. ADUN dan juga JKKK dan lain-lain dalam perancangan Bajet Pembangunan Negeri ini, setakat ini belum dilaksanakan secara menyeluruh dan akan dipertimbangkan pada masa hadapan. Namun demikian penglibatan secara tidak langsung dari semua pihak YB. ADUN dan juga JKKK dan lain-lain turut menyumbang ke arah merangka Bajet Pembangunan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan. Saya sebenarnya tanya soalan iaitu butiran bagaimana bajet 2017 seimbang bagi penduduk (A) KADUN yang banyak Kampung Berbandingkan Bandar. (B), Bagaimana Bajet 2017 ini seimbang bagi penduduk di pulau berbanding di Seberang Perai dan (C) sama ada bajet ini mengikut keperluan gender. Jawapan Ahli Kawasan Pantai Jerejak tadi tidak menjawab soalan saya langsung. Boleh tak jawab soalan.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

YB. ADUN Penanti daripada apa yang telah saya nyatakan tadi segala input contohnya tadi Yang Berhormat menyebutkan tentang kampung jika dibandingkan dengan bandar. Keperluan daripada kampung daripada proses yang saya sebutkan tadi kita mengambil kira input daripada /level/ paling bawah daripada maklumat....(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya tak tanya proses, ini bukan soalan kedua, ini soalan yang tadi tu, nak menerangkan soalan saya *very specific* bagaimana bajet itu seimbang bagi penduduk di KADUN yang banyak kampung berbanding bandar (A). (B), Bagaimana bajet itu seimbang bagi penduduk di Pulau berbanding Seberang Perai? Dan (C), bagaimana bajet seimbang bagi penduduk mengikut keperluan gender. Saya hanya nak jawapan, bukan saya tanya pasal proses.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Saya nak kaitkan dengan proses sebab input-input tersebut sememangnya melihat daripada keperluan-keperluan yang disebut daripada JKKK daripada input, daripada Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah dan juga daripada MMK dan juga apabila input itu telah dapat dikumpulkan maka dalam proses untuk membuat bajet mengambil kira beberapa faktor yang saya sebutkan tadi maka dia perlu mengimbangkan di mana keperluan contohnya jika sesuatu kampung, sesuatu kawasan perlu kepada penambahan bajet maka sebab itu tidak boleh lari daripada proses untuk mendapatkan input daripada yang saya sebutkan tadi.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nanti bagi Yang Berhormat yang tanya soalan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Sebenarnya saya nak jawapan dari segi sebagai contohnya ada satu wang bajet, saya nak tahu dari segi peratusan ke, ataupun dari segi jumlah bajet yang dibagi kepada kampung berbanding bandar, *actually* saya nak *figures. The numbers or the* peratusan. Yang itu yang saya nak tahu sebenarnya.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Detail kepada berapa peratus agihan hanya perlu ditambah atau perlu dikurangkan kita boleh rujuk kepada apa proses yang telah kita buat khusus dalam pembuatan dalam proses bajet untuk 2017 ini...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli Kawasan Pantai Jerejak, saya rasa soalan Ahli Kawasan Penanti mungkin nanti boleh beri bagi jawapan secara bertulis misalnya. Seperti begini Jabatan Pertanian keseluruhan bajetnya untuk 2017 semua diguna di bahagian luar bandar. Bajet JPS semuanya diguna berapa peratus itu mungkin boleh membantu.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Pecahan boleh dilihat daripada *detail* peratus diagihkan mengikut keperluan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

YB. Dato' Speaker. Soalan. Setujukah Ahli Kawasan Pantai Jerejak dengan Ahli Kawasan Penanti bahawa bajet yang dibentangkan ini tidak seimbang?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Apa yang telah dipaparkan dan telah dibentangkan itu adalah yang terbaik mengikut mengambil kira seimbang. Itu merupakan pandangan daripada YB. Sungai Aceh sendiri tetapi dalam kita memproses bajet ini itulah yang terbaik untuk mengimbangi keperluan-keperluan daripada pelbagai kawasan dan juga pelbagai pihak antara pembangunan untuk membangunkan Negeri Pulau Pinang ini... (*gangguan*)

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya. Tak apa saya minta Ahli Kawasan Pinang tunggal untuk soalan seterusnya.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan saya nombor 12.

No. 12. Apakah status Tanah Taman Manggis sehingga kini? Huraikan dengan terperinci.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih Ahli Kawasan Pinang Tunggal. YB. Dato' Speaker, soalan yang ditujukan apakah status tanah Taman Manggis sehingga sekarang. Yang Berhormat Dato' Speaker, tanah yang dimaksudkan sebagai Taman Manggis terletak di Lot 10011 Seksyen 16, Bandar George Town, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang ia adalah seluas 4,061 meter persegi ataupun 1.003 ekar. Tanah ini telah pun diluluskan pembermilikan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada 10 Mac 2011 di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 pada Kuala Lumpur International Dental Center Sdn. Bhd. Dengan tempoh pajakan 99 tahun dan didaftarkan atas hak milik Pajakan Negeri 10582. Tempoh pajakan tanah akan berakhir pajakan pada 22 April 2114. Terdapat satu kaveat pendaftar atas permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ataupun SPRM yang sedang jalankan siasatan ke atas tanah ini.

Pemohon permohonan kebenaran merancang pernah dikemukakan oleh KLIDC kepada MBPP dan telah diluluskan pada 13 Februari 2014 dan kebenaran merancang luput pada 17 November 2015. Dan kini KLIDC sekali lagi telah mengemukakan permohonan kebenaran merancang yang baharu pada 29 Julai 2016 pada Majlis Bandaraya Pulau Pinang untuk cadangan membina 1 blok bangunan bercampur bangunan 24 tingkat dan permohonan Kebenaran Merancang ini masih dalam peringkat semakan MBPP. Sekian Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Soalan tambahan saya YB. Dato' Speaker, YB. Datok Keramat, ada tak selama ini atau sebelum ini pemindahan syarikat yang terbabit itu dan tanah itu ada tak? Pemindahan tersebut mana kata perubahan syarikat itu, pemilik syarikat itu?. Perubahan pemaju itu, nama pemaju yang sedia ada sekarang ini ada tak perubahan kepada pemilik baharu dan sebagainya.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Saya perlu semak dan saya akan maklum pada Ahli Kawasan Pinang Tunggal.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Terima kasih. Saya mengharapkan...(*gangguan*). Peraturan Dewan tertib elok-elok bukan macam Ahli Kawasan Seri Delima bodoh....(*gangguan*).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli Kawasan Tanjong Bunga saya minta soalan yang seterusnya.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 13.

- No. 13. Huraikan semua projek atau Rancangan Struktur/Khas dalam sepuluh tahun yang lalu dengan senarai yang terperinci (nama dan objektif projek/kos/tender dan lain-lain) yang telah dilaksanakan public hearing , public opinion dan konsultasi ,termasuk media yang digunakan, impak dan maklumbalas daripada orang awam dan semua Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi, mahupun yang berjaya atau tidak.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih Ahli Kawasan Tanjong Bunga dan Dato' Speaker atas soalan daripada Yang Berhormat iaitu huraikan projek-projek atau RSN ataupun....(*gangguan*). Dua-dua pun ada sebut tadi.... (*gangguan*). Dia pun ada sebut.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah-sudah.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Soalan Ahli Kawasan Tanjong Bunga adalah berkenaan dengan projek atau Rancangan Struktur atau Rancangan Khas untuk diperincikan. YB. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri sentiasa melibatkan pihak-pihak berkepentingan terutama orang awam dalam perancangan sesuatu projek atau dalam membuat sesuatu keputusan berkepentingan bersama. Berdasarkan rekod sejak 10 tahun kebelakangan ini beberapa Rancangan Struktur ataupun Rancangan Kawasan Khas dan projek telah pun melalui Proses Libat Urus dengan pihak berkepentingan antaranya termasuk:

- 1). Rancangan Tapak Warisan George Town
- 2). Rancangan Kawasan Khas Bukit Bendera
- 3). Rancangan Kawasan Khas Taman Botani
- 4). Kajian Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang
- 5). Deraf Rancangan Tempatan Pulau Pinang 2020
- 6). Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong Dasar Laut Pulau Pinang
- 7). Projek-projek Infrastruktur dan Kemudahan lain seperti sistem perparitan depo pembersihan serta pasar-pasar awam.

YB. Dato' Speaker, pelbagai media telah digunakan bagi memastikan setiap libat urus mendapat maklum balas yang menyeluruh dan meliputi semua pihak yang berkepentingan antara media yang digunakan termasuklah akhbar, media, lantikan perunding melalui *open tender*, pameran, perbincangan kumpulan sasaran, perbincangan dengan wakil setempat, institusi bukan kerajaan dan wakil jabatan. Perbincangan juga dibuat bersama Yang Berhormat-Yang Berhormat Kawasan, Ahli Majlis dan para peniaga, sesi dialog, kajian impak sosial dan hebahan melalui kain rentang atau *banner*. Sesi libat urus ini mendapat impak yang positif. Maklum balas yang diterima daripada semua pihak terutamanya orang awam menjadi input yang berguna untuk diambil kira dan digunakan untuk memperbaiki rancangan ataupun projek yang akan dilaksana. Senarai lengkap Rancangan Struktur ataupun Rancangan Khas dan

projek yang telah dilaksanakan Program Libat Urus ini akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat sesi soal jawab lisan ini. Sekian.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Terima kasih atas maklum balas, YB. Datok Keramat. Jadi apakah pelan tindakan yang lebih terperinci agar lebih ramai rakyat ambil bahagian dalam *topic opinion* ada juga yang diadakan bahawa rakyat yang tercicir tak dapat ambil bahagian dalam *public opinion* ini. Ada juga yang saya terima bahawa boleh dipamerkan di media 4 bahasa kadang-kadang mereka cakap tak dapat maklumat itu. Misalnya *paired road* di Telok Bahang ada kata tak ada *public opinion* diadakan itu satu contohnya.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

YB. Dato' Speaker, sebenarnya untuk semua Rancangan-Rancangan Khas khususnya ia diperuntukkan secara perundangan bahawasanya perlu diadakan sesi-sesi dialog dengan pihak awam dan *of course* itu perlu dipatuhi di sisi undang-undang dan juga kalau kita lihat kepada projek-projek infra yang besar yang lain di Negeri Pulau Pinang seperti Pelan Induk Pengangkutan terutamanya kita lihat bagaimana prihatin Negeri Pulau Pinang terhadap mendapat input-input daripada pihak awam dan semua pihak yang berkepentingan di mana kalau kita lihat kepada EXCO yang berkenaan PIP ini lebih daripada 20 sesi dialog telah pun dilakukan sejak ia dicadangkan dan masih diteruskan dan kita akan teruskan dengan mendapat input dan dialog tersebut daripada semua pihak yang berkepentingan.

Of course saya ambil maklum, *I think* Ahli Kawasan Tanjung Bunga buat satu cadangan berkenaan supaya hebahan dibuat di dalam media bukan sahaja satu bahasa tetapi semua bahasa satu perkara itu yang memang kita boleh ambil kira untuk dilaksanakan. Itu satu cadangan yang baik dan juga saya ingin nyatakan berkenaan dengan *paired road* walaupun apa yang dinyatakan oleh Ahli Kawasan Tanjung Bunga ada pihak yang nyatakan mereka tidak beri peluang untuk didengar berkenaan cadangan *paired road* Tanjung Bunga tersebut. Sebenarnya baru-baru ini juga ada beberapa dialog sepertimana PIP lain-lain projek infrastruktur termasuk jalan kerana PIP bukan satu-satunya sahaja rancangan yang wujud untuk cadangan-cadangan infra di Negeri Pulau Pinang.

Selain daripada itu ada juga beberapa jalan raya besar termasuk daripada Jalan Air Itam hingga ke Lim Chong Eu dan juga *paired road* Tanjung Bunga ini dan juga terowong dasar laut yang mana semua kita ambil input dan baru-baru ini apabila kita hendak meneruskan dengan cadangan *paired road* menjadi satu keutamaan sekarang kepada Negeri Pulau Pinang ke Batu Feringhi. Tanjung Bunga ke Batu Feringhi. Saya difahamkan juga, ada dialog yang diadakan oleh pihak pemaju dan juga di hadiri oleh pihak Yang Berhormat dan saya percaya ini bukan akhirnya, ini adalah satu perkara yang akan senantiasia berlaku kerana kita memang hendak mendapat *input-input* daripada pihak-pihak yang berkepentingan, termasuk yang terpenting *is of course* dari pihak wakil rakyat setempat kerana wakil rakyat setempat, selaku wakil rakyat boleh dapat *input-input* daripada penduduk setempat dan menjadi perantara untuk memaklumkan kepada Kerajaan Negeri apa *input-input* tersebut. Sekian Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Tambahan. Tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan pokok YB?

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Saya nak buat pembetulan bahawa dialog dibuat atas *paired road* Tanjung Bunga-Telok Bahang bukan dibuat oleh pemaju. Tetapi diinisiatkan pejabat saya. Maksud saya kalau boleh semua projek yang terlibat di kawasan yang tertentu, satu dialog atau *public opinion* juga diadakan di kawasan tertentu atau Kadun tertentu supaya penduduk atau rakyat tempatan boleh berikan maklumat yang lebih tepat selain daripada holistik atau general yang diberikan oleh mana-mana pihak yang tidak terlibat dalam kawasan tersebut.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Memang saya setuju dengan perkara tersebut Dato' Speaker.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Satu lagi.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Cuma nak dapat sedikit pandangan daripada Datok Keramat. Saya memang setuju sangat, tadi Datok Keramat sebut selain terdapat *public opinion* berkait dengan *plan structure* dan sebagainya juga dirujuk kepada ADUN Kawasan. Tetapi Dato' Speaker, kawasan saya di kawasan sawah bendang. Baru ini saya mendapat jawapan pihak SPC telah pun meluluskan perlingkungan semula di kawasan bendang, tanah sawah yang memang tanah itu bukan tanah rang, tanah yang mengeluarkan hasil telah lulus sebanyak 13 ekar. Tetapi, adakah keputusan perlingkungan semula ini dibuat dirujuk kepada ADUN Kawasan? Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Sememangnya dalam SPC kita mengambil kira semua permohonan per lingkungan semula akan dirujuk kepada pihak ADUN Kawasan ataupun pihak Pegawai Penyelaras Kawasan. So, memang ia telah diambil kira. Isu yang saya nak tahu mungkin YB. Sungai Aceh boleh memaklumkan kepada saya lot ataupun tanah lot bendang tersebut yang spesifiklah untuk saya beri lebih maklum balas berkenaan apa yang ditanya oleh YB. Sungai Aceh.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Maksudnya tidak rujuk kepada ADUN Kawasan?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jawapan sudah bagi.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Dia kata atau Penyelaras Kawasan. Makna rujuk kepada penyiasat kawasan. Penyelaras kawasan yang dilantik oleh Harapan ka Pakatan?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tuan Haji.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Sedangkan saya Wakil Rakyat kawasan dipilih oleh pengundi kawasan yang perlu pembelaan. Jadi tidak kenalah, tidak sesuai CAT.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Datok Keramat sudah bagi jawapan. YB. Permatang Berangan, saya silakan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

Okey, Dato' Yang Berhormat. Soalan saya soalan nombor 14.

- No. 14
- (a) Mohon dinyatakan secara terperinci jumlah wang biasiswa yang dikeluarkan oleh mana-mana tabung di bawah Kerajaan Negeri dan disalurkan kepada pelajar-pelajar di setiap peringkat pembelajaran.
 - (b) Berapa ramai bilangan pelajar Melayu, Cina dan India memperolehi manfaat ini dan jumlahnya?
 - (c) Apakah syarat-syarat yang dikenakan?.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Soalan nombor 14. Jumlah wang biasiswa yang telah dikeluarkan melalui Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang kepada 950 Pelajar Tingkatan 1 hingga 3 dan 216 Pelajar Tingkatan 4 hingga 5 adalah berjumlah RM751,440.00 bagi tahun 2016. Selain daripada Biasiswa Kecil Negeri, Kerajaan Negeri juga memberi pinjaman pendidikan kepada pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi anak Negeri Pulau Pinang sahaja. Namun begitu, sebagai menghargai pelajar-pelajar IPTA yang lulus dengan cemerlang, Pinjaman Pendidikan tersebut boleh ditukarkan kepada Biasiswa Negeri dengan kelulusan Lembaga Biasiswa dan Pinjaman Penuntut Negeri Pulau Pinang.

Bagi tahun 2016, tiga (3) permohonan telah diluluskan pertukaran dan pinjaman kepada Biasiswa Negeri dengan jumlah pengecualian bayaran sebanyak RM32,500.00. Bagi tahun 2016, daripada sejumlah 1,166 pelajar yang menerima Biasiswa Kecil Negeri seramai 926 orang adalah pelajar Melayu, 136 orang pelajar Cina dan 104 orang pelajar India. Manakala daripada tiga (3) permohonan pinjaman pendidikan yang dipersetujui ditukarkan statusnya kepada biasiswa, seramai 2 orang adalah pelajar Cina dan seorang pelajar Melayu yang telah memperolehi manfaat ini.

Syarat-syarat dan kelayakan dan pemilihan Biasiswa Kecil Negeri adalah seperti berikut;

Pertama : Warganegara Malaysia,

Kedua : Pelajar Tingkatan 1 hingga 5 yang bersekolah di Sekolah Menengah Negeri Pulau Pinang;

Ketiga : Pencapaian yang baik dalam bidang akademik dan ko-kurikulum berdasarkan merit tahun semasa dan;

Keempat : Jumlah pendapatan kasar ibubapa ataupun Penjaga murid mestilah tidak melebihi RM1,500.00 sebulan.

Manakala syarat-syarat pertukaran pinjaman kepada biasiswa adalah mendapat kelulusan Ijazah atau Sarjana dengan cemerlang kelas pertama dengan CGPA 3.67 ke atas dan mengemukakan permohonan berserta dokumen yang mengesahkan keputusan pengajian.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

Soalan tambahan. Adakah bidang-bidang tertentu sahaja diberi biasiswa? Adakah para pelajar di Universiti diberi biasiswa dengan bidang-bidang tertentu sahaja.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Mengikut maklumat yang saya miliki kerana saya juga sebahagian daripada Ahli Lembaga Biasiswa ini tidak ada pengajian spesifik yang dihadkan untuk biasiswa ini.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Soalan tambahan. Saya melihat terdapat tunggakan dari segi bayaran balik pinjaman. Dan kadang-kadang ini menjejaskan dari segi pemberian pinjaman seterusnya kepada pelajar-pelajar yang lain. Berapakah jumlah tunggakan tersebut dan apakah tindakan tegas yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri ataupun Lembaga Tabung Basiswa ini untuk menyelesaikan isu tunggakan? Buat senarai hitam dan sebagainya mungkinlah. Jadi apakah tindakan yang dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya tidak ada maklumat jumlah tunggakan itu buat masa sekarang. Tetapi di dalam Mesyuarat Lembaga Basiswa ini memang dibincangkan tentang isu menuntut balik bayaran ini dan memang ada prosedur yang mana sudah menjadi prosedur di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan isu ini. Jadi saya akan maklum balik kepada Yang Berhormat tentang sama ada berapa jumlah tunggakan dan juga apakah langkah-langkah yang boleh kita diambil.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Telok Bahang, sila.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

YB. Dato' Speaker, saya dapati soalan saya ini agak ketinggalan sedikit boleh saya nak *repeat* sekali lagi. Ada *sentence* tu tidak masuk...(gangguan). Soalan saya berbunyi macam ini.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

No. 15

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Ha. 15. Nyatakan peratusan penyumbangan bagi tahun 2014 dan 2015 dengan keluaran negeri kasar KDNK bagi Negeri Pulau Pinang dalam sektor Perkilangan dan Pelancongan. Ha, itu. Bandingkan Pelancongan dan Perkilangan.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Yang Berhormat daripada Telok Bahang. Tetapi saya rasa oleh kerana perubahan soalan tadi, ini adakah satu kesalahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat cuma jawab yang soalan.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Suruh saya jawab sahajalah. Okey...(ketawa)

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ini dalam sesi perbahasan boleh tanya.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Ini *last* punya *amendment* tidak boleh dibenarkan. Tidak apalah, saya jawab *okay*. Terima kasihlah atas soalan itu. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Unit Perancang Ekonomi (EPU) peratus Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dalam sektor pembuatan perkilangan bagi Negeri Pulau Pinang masing-masing adalah sebanyak 44.1% pada tahun 2014, dan 44.7% pada tahun 2015 iaitu peningkatan sebanyak 0.6%. Bagi sektor perkhidmatan pula peratusan KDNK masing-masing adalah sebanyak 49.5% pada tahun 2014, dan sebanyak 49.1% pada tahun 2015 iaitu penurunan sebanyak 0.4%.

Berdasarkan kepada pemerhatian terhadap perkembangan KDNK Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2015, penyumbang terbesar kepada KDNK adalah sektor perkhidmatan dengan sumbangan sebanyak 49.1% yang melibatkan perkhidmatan utiliti, pengangkutan dan penyimpanan maklumat dan komunikasi sebanyak 11.2%, perdagangan borong dan runcit, makanan dan minuman dan penginapan sebanyak 15.1%. Kewangan dan insurans harta tanah dan perkhidmatan perniagaan sebanyak 10.8%. Perkhidmatan-perkhidmatan lain sebanyak 4.9% dan perkhidmatan kerja sebanyak 7.1%. Perdagangan borong dan runcit, makanan dan minuman dan penginapan merekodkan peningkatan yang ketara sejajar dengan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan terkemuka.

Sektor perkilangan merupakan cabang aktiviti ekonomi utama dibawa ke kategori pembuatan. Sektor ini juga menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2014 berdasarkan peratusan sumbangan kepada KDNK Negeri ia merekodkan sumbangan sebanyak 44.7% pada tahun 2015 berbanding dengan 44.1% pada tahun 2014. Walaupun berhadapan dengan kejatuhan nilai ringgit, serta persaingan dari negara-negara seperti Vietnam dan China, Pulau Pinang dilihat masih berdaya saing, kompetitif dan mampu menarik pelaburan dalam sektor ini. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Permatang Pasir. Sila.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya soalan yang ke 16.

- No. 16. Sejauh manakah usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam membantu para pekerja di sektor swasta khususnya pekerja-pekerja kilang yang telah menjadi penganggur akibat diberhentikan kerja secara sukarela disebabkan kelembapan ekonomi dunia?

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Ahli dari kawasan Permatang Pasir. Sebagai usaha membantu pekerja yang diberhentikan, Kerajaan Negeri melalui Pusat CAT, *Penang Career Assistance And Talent Centre* menjalankan pepadanan jawatan kepada semua golongan yang mencari kerja sama ada pekerja yang diberhentikan kerja ataupun kerja baru dengan yang ditawarkan oleh industri.

Sejak penubuhan CAT pada Mac 2009 sehingga Oktober 2016 seramai 9,027 orang telah mendaftar sebagai pemohon pekerjaan di mana sebanyak hampir 6,000 permohonan jawatan telah dijalankan. Di antara senarai nama yang dibekalkan oleh Pusat CAT, majikan akan menghubungi mana-mana calon yang diminati dan menguruskan aktiviti seterusnya secara langsung. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri telah turut meningkatkan peluang pekerjaan melalui peningkatan pelaburan, pihak *Invest Penang* bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti *Penang International Halal Hub*, *Penang Global Tourism* dan sebagainya untuk mempromosi dan menarik pelaburan asing ke Negeri Pulau Pinang dan meluaskan pelaburan tempatan. Selain dari sektor pembuatan, perniagaan, pelancongan dan pembuatan kebelakangan ini pelabur-pelabur dari sektor perniagaan, perkhidmatan perniagaan global, *Global Business Services* terus meningkat justeru mewujudkan peluang pekerjaan dalam bidang kewangan, teknologi maklumat, IT dan sumber manusia. Kerajaan negeri melalui Penang Development Corporation juga telah melaksanakan Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang yang merupakan program mikro kredit yang memberikan pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil untuk membantu

usahawan tempatan, penganggur dan golongan rakyat berpendapatan rendah untuk menceburi dalam bidang perniagaan. PTSR merupakan satu usaha untuk membasmi kemiskinan dan pengangguran. Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan program baru iaitu *Penang Accelerator For Creative, Analytics & Technology @ CAT* yang telah dilancarkan bagi golongan yang ingin menceburi bidang perniagaan sebagai perintis bermula niaga. Program ini bertujuan membantu usahawan kecil yang terlebih dalam bidang kreatif, animasi, analisis, teknologi ataupun yang terlibat dalam sektor *Internet Of Thing (IOT)*.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang. Program ini memberi dorongan kepada golongan belia supaya menjadikan sektor asas tani sebagai kerjaya dan berpotensi sebagai punca pendapatan yang lumayan. Peruntukan sebanyak RM500 ribu telah disediakan dimana setiap pemohon yang berjaya mendapatkan pinjaman sebanyak RM5 ribu dan tempoh pembayaran pinjaman adalah dua (2) tahun tanpa faedah. Sehingga bulan Oktober 2016, sebanyak RM245,000 telah diagihkan kepada 49 orang usahawan tani untuk menikmati kemudahan kredit ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

YB. Dato' Speaker, soalan tambahan. Cuma saya nak bangkitkan di sini saya ialah berkaitan di mana saya difahamkan masih terdapat banyak kilang-kilang haram lebih kurang 400 lebih. Ini pun sudah amat cukup membimbangkan sekiranya sekarang ini, kilang haram ini masih beroperasi cuma yang menjadi kebimbangan saya ialah apa akan terjadi kalau kilang-kilang ini diarahkan tutup dan di mana mereka dan apakah yang disebutkan tadi juga diantara perkara yang boleh menyelesaikan masalah pekerja-pekerja kilang.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat dapat maklumat tentang kilang-kilang haram dan bagaimana kita tangani masalah kilang-kilang haram, satu ialah bagaimana kilang-kilang haram ini boleh memenuhi syarat supaya mereka dapat dijadikan halal. Ataupun sampaikan maklumat kepada agensi-agensi Kerajaan Negeri samada MPSP atau mana-mana agensi, kalau kilang-kilang haram ini dirasakan bahaya dan tidak boleh memenuhi apa-apa syarat yang akan diletakkan supaya kilang dijadikan halal, saya rasa ini perlu ditutup, jadi saya rasa Yang Berhormat boleh sampaikan mesej. Tapi ini perlu ditangani supaya ini tidak menjejaskan bahawa keadaan ekonomi di Negeri Pulau Pinang. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Perai. Soalan seterusnya soalan 17 dari YB. Bertam. Memandangkan YB. Bertam cuti, soalan dilangkau. Soalan 18 dari YB. Bayan Lepas yang telah pun mengambil cuti sakit, maka soalan 18 dilangkau. Soalan 19 YB. Batu Uban, tidak ada di sini, soalan dilangkau. Ingin saya persilakan YB. Kebun Bunga.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

YB. Dato' Speaker. Soalan saya soalan 20.

- No. 20.
- (a) Apakah status *Penang Transport Master Plan* selepas beberapa perbincangan yang telah dilakukan baru-baru ini?
 - (b) Adakah Rancangan Alternatif PTMP ditawarkan kepada Kerajaan Negeri?
 - (c) Senaraikan jalanraya, laluan atau trek LRT, Monorail dan Trem yang akan dibina dalam projek PTMP ini.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Yang di-Pertua, terima kasih YB. Kebun Bunga. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, status terkini pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan ialah seperti berikut bagi skim *rail* Bayan Lepas LRT telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) pada 29 Mac 2016. Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk mendapatkan kelulusan bersyarat atau *conditional approval* daripada SPAD. Mesyuarat Kick Start bersama SPAD telah diadakan pada 8 November tahun ini. Kedua, penyediaan laporan *Detailed Environmental Impact Assessment* (DEIA) bagi Bayan Lepas LRT kini diperingkat akhir dan dijangka akan dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar pada penghujung bulan November tahun ini. Ketiga, penyediaan laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA) bagi *Pan Island Link I* kini di peringkat akhir dan dijangka akan dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar pada bulan Disember tahun ini untuk pertimbangan dan kelulusan. Keempat, penyediaan laporan *Detailed Environmental Impact Assessment* (DEIA) bagi penambakan tiga buah pulau di selatan bahagian pulau Negeri Pulau Pinang juga kini diperingkat akhir dan dijangka akan dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar pada bulan Disember 2016 untuk pertimbangan dan kelulusan, dan kelima, kertas kerja permohonan Majlis Pembangunan Fizikal Negara untuk penambakan tiga buah pulau di selatan telah dibentangkan dalam Jawatankuasa Kerja Majlis Pembangunan Fizikal Negara yang bersidang pada 13 Oktober ini.

Walau bagaimanapun, Jawatankuasa ini telah menetapkan beberapa syarat yang perlu dipatuhi terlebih dahulu dan Jawatankuasa memutuskan agar permohonan ini dibentangkan semula untuk pertimbangan Jawatankuasa Kerja ini. B, tiada rancangan alternatif *Penang Transport Master Plan* yang ditawarkan oleh mana-mana pihak kepada Kerajaan Negeri setakat ini. C, berikut adalah senarai keseluruhannya cadangan pelaksanaan Penang Transport Master Plan iaitu Perkara 1 Fasa 1 Jajaran LRT dari George Town ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Pan Island Link I, Lebuhraya North Coast Pair Road dan tambakan laut di selatan Pulau Pinang. Kedua, Fasa 2 Monorail George Town ke Air Itam, Monorail George Town ke Tanjung Bunga, Trem di kawasan warisan George Town, Lebuhraya Air Itam, Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu, Lebuhraya Persiaran Gurney ke Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu, LRT Permatang Tinggi ke Batu Kawan dan LRT George Town ke Butterworth.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Soalan tambahan. Terima kasih atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya adalah apakah bajet ataupun jumlah wang yang diberikan untuk menanggung *the impact study* di dalam kes tersebut dan juga sampai bilakah dan adakah satu jangka masa yang boleh diberi kepada orang awam bahawa bila *assessment-assessment* tertentu boleh disiapkan. Dua soalan saya.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan tambahan oleh YB. Kebun Bunga. Perbelanjaan untuk menjalankan penilaian alam sekitar dan juga lain-lain kajian *impact* sama ada warisan dan sosial dan sebagainya adalah di bawah tanggungjawab SRS Consortium sebab ini adalah satu syarat dalam pelantikan SRS. Mereka perlu bertanggungjawab untuk menjalankan kajian-kajian ini sehingga mendapat kelulusan daripada agensi-agensi yang bertanggungjawab iaitu termasuk Jabatan Alam Sekitar, termasuk Kerajaan Pusat untuk tambakan laut dan SPAD untuk komponen *rail*. Bagi kelulusan-kelulusan ini adalah melalui satu proses misalnya apa yang saya sebutkan tentang DEIA, EIA, *railway scheme* dan sebagainya. Mesyuarat-mesyuarat ataupun pembentangan telah pun bermula dengan agensi-agensi persekutuan dan tarikh-tarikh itu pun sudah saya sebutkan tadi dan kebanyakan laporan-laporan ini dapat diserahkan oleh SRS Consortium pada bulan November mahupun bulan Disember dan bagi EIA untuk tambakan laut juga melibatkan satu *stakeholder engagement* yang sudahpun dijadualkan pada bulan Disember ini. Jadi ini mengikut jadual-jadual ataupun proses undang-undang yang ditetapkan dibawah akta-akta yang berkenaan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan tambahan, YB. Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan saya ialah berkenaan dengan soalan no. B tadi, rancangan alternatif. Setahu saya, semasa bengkel *Penang Transport Council*, *Penang Forum* telah membuat pembentangan Rancangan *Alternative Penang Transport Master Plan*. Adakah ini bermakna yang pihak kerajaan tidak akan menimbangakan pembentangan yang telah dibuat semasa bengkel *Penang Transport Council*.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Sebenarnya apa yang dikemukakan oleh SRS Consortium diberi gelaran *Alternative Transport Master Plan* sebab ianya mempunyai komponen-komponen yang berbeza daripada *Halcrow Master Plan Study*. Selain daripada itu, semasa sesi pendengaran yang kita adakan dan dianjurkan oleh pihak Kerajaan Negeri bersama SRS Consortium sepanjang tahun ini dan juga dalam bengkel-bengkel *Penang Transport Council* merupakan pembentangan idea-idea alternatif terhadap apa yang dibentangkan termasuk idea-idea yang dibentangkan oleh wakil Penang Forum yang akan diteliti dengan penuhnya dan akan diambil kira kalau sesuai untuk dimasukkan dalam apa yang dibentangkan oleh SRS Consortium akan juga buat pindaan-pindaan. Sebenarnya dalam jawapan yang sudahpun disediakan untuk YB. Batu Uban, kita pun sudah melihat bahawa setelah lantikan dibuat, banyak lab-lab sudah pun diadakan bersama *SRS Consortium* dengan pelbagai agensi kerajaan. Sudah pun memberi input-input kepada cadangan SRS dan juga dipinda mengikut pandangan-pandangan teknikal seperti agensi-agensi seperti JKR, PBT, JPS dan sebagainya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya ingin mempersilakan YB. Sungai Acheh.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud bin Zakaria):

Dato' Speaker, soalan saya soalan no. 21.

No. 21. Kenapakah Kerajaan Negeri tidak menaikkan bayaran pencen bagi ADUN-ADUN yang telah bersara?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih. Yang Berhormat bertanyakan mengenai bayaran pencen kepada ADUN-ADUN yang telah bersara. Pencen kepada pesara bagi bekas Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada ketika ini dibayar $\frac{1}{2}$ daripada gaji mengikut Enakmen Bilangan 2 Tahun 1980. Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak 1980. Mengikut Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak 1980 Pindaan 2015, Enakmen A18, pencen hendaklah dikira semula kepada maksimum sebanyak $\frac{3}{5}$, kalau tadi $\frac{1}{2}$, 50%, kali ini $\frac{3}{5}$ maknanya 60% daripada gaji mulai 1 Januari 2016.

Di samping itu, setiap pesara juga menerima kenaikan 2% setiap tahun. Ini bermakna, perkiraan kenaikan $\frac{3}{5}$ daripada gaji adalah berdasarkan kepada kenaikan mulai pada tahun 2013 dahulu bukan yang *latest* dan bukannya berdasarkan gaji ADUN yang baru iaitu pada 1 Januari 2016, ia *refer* balik pada 2013 dahulu. Bayaran pencen atau gaji semasa atas gaji pada 1.1.2016 tidak dilaksanakan lagi kerana Ahli Dewan Rakyat juga yang telah bersara juga dibayar pencen berdasarkan pada gaji yang lama. Bayaran pencen berdasarkan perkiraan $\frac{3}{5}$ sedang dibuat perkiraan dan dijangka selesai dan pembayaran sebelum akhir tahun ini. Ini jawapan saya, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih YB. Pulau Jerejak. Dato' Speaker, saya sebut sikit sebelum saya buat soalan. Okey, pertama, untuk pengetahuan sidang DUN, mengikut saya dapat maklumat Negeri Sembilan dulu RM2,000 lebih, ia RM4,000 lebih telah dibayar mulai Januari 2015. Untuk Terengganu dulu RM2,000 lebih, sekarang RM5,500 dibayar pada Disember 2015. Untuk Negeri Perlis asal RM3,000, baru RM5,500 dibayar pada Januari 2016. Untuk Negeri Melaka dulu RM2,050, sekarang bayar RM4,500 dibayar pada

Ogos 2015 dan untuk Negeri Sabah dulu RM2,000, sekarang RM3,000, dibayar pada 2015. Untuk Negeri Kedah dulu RM2,056, sekarang bayar RM5,500 dibayar pada Jun 2016 dan untuk Negeri Kelantan dulu RM2,300, sekarang RM3,450 dibayar pada Januari 2016.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan?

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Soalan. Okey. Perak RM2,056.39 sekarang bayar RM4,000, dibayar Januari 2014. Yang hendak menarik saya Negeri Kelantan dibayar Januari 2016. Pimpinan Kelantan juga pernah menyebut hendak wujud Negara Kebajikan dan kali ini Air Putih sebut dalam bajetnya, Bajet Kebajikan. Maka haruslah kita bantu kepada wakil-wakil rakyat yang bersara sebelum ini yang telah menabur banyak jasa yang menjadi asas kepada Pakatan Harapan membina Pulau Pinang lebih elok. Kalau takdak ada asas dia bukan boleh nak buat berjaya hari ini. Saya rasa ADUN-ADUN lama dan sesuai dengan Air Putih yang sebut kebajikan. Saya cukup seronok bila dia sebut kebajikan. Kelantan pun dulu Haji Hadi pun sebut kebajikan. Tapi la tak sama barangkali, tak kebajikan barangkali, mungkin...(gangguan) ini rakyat la.... (gangguan) ADUN juga rakyat. ADUN juga pembayar cukai. ADUN juga rakyat diutamakan. ADUN yang pernah membela rakyat. Dan membantu Air Putih memimpin Pulau Pinang hari ini. Jadi.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jadi soalan?

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Jadi Dato' Speaker, ada setengah-setengah wakil rakyat yang bersara yang sekarang ni terima BR1M. Dapat BR1M makna dapat BRI1M maknanya RM3,000 ke bawah. Kesian, kesian. Ya...(gangguan) ada. Contohnya ada dekat. Lihat yang terima lebih kurang RM1,700 Dato' Speaker. Tak dak pencen apa. RM1,700 bayangkan sekarang ini. Jadi elok lah Air Putih bagi simpati sesuai dengan bajet kebajikan ini. Jadi soalnya. Bolehkah tidak, pihak Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Air Putih yang begitu semangat hendak membela rakyat pertimbangkan semula supaya elaun mereka ini dinaikkan. Pertamanya, mengikut gaji terbaru, yang keduanya ikut 3/5 tadi supaya sebenarnya Penang ini semuanya ke atas. Dalam bidang pertanian kita ke atas, dalam bidang ikan dalam sangkar pun ke atas. Macam-macam ke atas. Dalam soal ini juga kita kena *lead*, barulah berjaya sebagai Ketua Menteri slogan CAT tadi. Soalan saya tadi boleh atau tidak, terima kasih. Saya ingat Dato' Speaker pun setuju juga sebab lepas ni kita nak bersara juga....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya lama lagi.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Ooo. Lama lagi....(gangguan)

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Nampaknya Yang Berhormat dah nak pencen dah. Dah tak mau nak bertanding lagi dah. Dah tanya pencen. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi proses pengiraan sedang dibuat dan perkiraan berdasarkan perkiraan 3/5 dijangkakan akan diselesaikan sebelum akhir tahun ini. Jadi, ini yang dimaklumkan. Jadi usah kluatir sememangnya gaji untuk ADUN Negeri Pulau Pinang antara yang tertinggi juga di dalam daripada ADUN-ADUN yang lain. Jadi saya nak menyatakan bayaran pencen berdasarkan pada 3/5 sedang dibuat perkiraan dan dijangka selesai sebelum akhir tahun ini.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Tutup dah? Tutup terus?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tutup. Tadi mukadimah terlalu panjang.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Saya simpati Dato' Speaker.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya kena ikut peraturan. Ahli-ahli Yang Berhormat 1 jam 30 minit untuk soalan lisan telah pun tamat selaras dengan Sub. Peraturan 26 (7) Peraturan-Peraturan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri selaras dengan Peraturan 6A (1) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mohon supaya masa persidangan hari ini 17 November 2016 dilanjutkan sehingga jam 10.00 malam.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sokongan?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telahpun mengemukakan usul dibawah Peraturan 6A (1) untuk melanjutkan tempoh masa persidangan hari ini 17 November 2016, hari Khamis sehingga jam 10.00 malam. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan "Ya".

Ahli-Ahli Kerajaan:

"Ya".

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju katakan "Tidak".

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Tidak....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Lebih suara setuju. (gangguan). Usul dipersetujui. (gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Saya tarik balik.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Jadi pembangkang terlalu lama. Dia ingat dia di Parlimen.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tiada bantahan usul dipersetujui.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Yang Berhormat. YB. Yang di-Pertua, saya juga ingin nyatakan bahawa jawapan kepada soalan lisan yang telah dijawab sebentar tadi akan diletak di atas meja Ahli Yang Berhormat yang bertanya dan akan dimasukkan dalam Penyata Rasmi. Terima Kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat. Sesi perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2017 dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2017 bermula sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat, siapa yang ingin ambil bahagian terlebih dahulu. Dipersilakan. YB. Dato' Telok Air Tawar.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum W.B.T. Selamat Pagi dan salam sejahtera. Saya ingin mengucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan ucapan Bajet 2017 Negeri Pulau Pinang yang dibentangkan oleh Y.A.B Ketua Menteri pada 15 November 2016.

Terang bulan dipagar awan,

Sampan kolek mudik kehilir,

Betapa tuan hatiku rawan,

Negeri yang indah dilimpahi banjir.

Pergi ke bendang menaiki kuda,

Memakai celana dengan jubah,

Gunung ganang sudah dinoda,

Pantai yang indah telah diubah.

Alang bermandi biarlah basah,

Ikan kerapu digulai bersama keli,

Rakyat marhean keluh dan kesah,

Kondo bersepah tak mampu dibeli.

*Buah cermai dibuat juadah,
Pergi beriadah berjalan kaki,
Bila pelabur ramai dah pindah,
Di mana rakyat nak cari rezeki.*

*Mengaisi siakap diatas titi,
Lalu dimasak bersama kemili,
Laungan Cekap, Telus dan Akauntabiliti,
Keyakinan dah defisit bukan bajet ja, cerminlah diri.*

YB. Yang di-Pertua Kerajaan Negeri kita bersyukur kerana dalam apa pun keadaan ekonomi dunia dan berbagai cabaran yang perlu dihadapi oleh Negeri Pulau Pinang yang merupakan sebahagian daripada komponen Negeri Persekutuan Malaysia kita telah dapat terus menikmati pertumbuhan dan kemajuan selari dengan dan seiring dengan Negara Malaysia yang aman makmur dan pesat membangun.

Sepertimana Kerajaan Malaysia yang telah menyediakan Bajet bulan Oktober yang lepas untuk Tahun 2017 untuk mengambil kira keperluan rakyat dan keperluan untuk pembangunan Negara, Negeri Pulau Pinang tidak terpisah dari arus perdana keperluan ini. Walaupun Ketua Menteri menggariskan kebimbangan dengan kenaikan bakal Presiden Donald Trump sebagai satu *Black Swan Event* di Amerika Syarikat sebagai pemimpin negara yang paling berkuasa di dunia walau apa pun janji atau ugutan yang dibuat semasa kempen pilihan raya untuk menjadi presiden sebagai pemimpin sebuah negara yang mahu memimpin dunia bebas, *Black Swan* ataupun perlu berdepan dengan realiti semasa di dalam semua tindakan kerana pelabur di Amerika berada di seluruh pelusuk dunia. Dengan itu, *American Interest* atau kepentingan adalah juga kepentingan rakyat Amerika. Dan sekiranya contoh dihalau 11 juta rakyat asing yang tidak berdaftar sebagai pekerja di Amerika ianya akan menyebabkan banyak industri dan perkhidmatan di Amerika Syarikat yang bergantung kepada pekerja-pekerja yang akan terjejas. Ekonomi Amerika Syarikat sendiri yang akan menerima padah. Perang dagang dan dasar *Protectionism* sudah pasti akan menjejaskan ekonomi dunia tetapi ianya adalah satu yang berbentuk serampang dua mata kerana tidak kestabilan ekonomi dunia akan membawa kemelesatan dan kesan global yang melantun juga kepada negara dagang besar Amerika Syarikat dan tentu sekali kesannya juga akan dirasai oleh negeri kecil seperti Pulau Pinang.

Apa kurangnya dengan janji DAP dahulu, yang hendak merobohkan Tol Sungai Nyuir jika menang pilihan raya dan ramalan-ramalan yang dibuat oleh Pembangkang di peringkat pusat menakutkan rakyat bahawa Malaysia ini akan bankrap. Tabung Haji dan EPF duitnya dah lesap. Semuanya bertujuan membuat rakyat pengundi benci kepada Kerajaan Barisan Nasional. Nampaknya, dalam ucapan bajet ini, hanya Pakatan Rakyatlah yang akan menyelamatkan Negeri Pulau Pinang daripada angkara *Black Swan*. Harus juga di ingat, bahawa jalan cerita *Black Swan dalam cerita "Swan Lake"* ialah penjelmaan dari sumpahan seorang Puteri yang jelita yang akan menjadi jelit kembali. Jadi kita akan tunggu dan lihat apakah yang akan berlaku di dalam dunia politik yang serba boleh *political is the art of possible* dan dalam politik juga *there's no permanent friend and there's no permanent enemies...*(dengan izin). Dulu benci sekarang sayang, jadi itu lah politik, ya....(gangguan). Pun boleh. Terima kasih kalau sayang saya.

YB. Dato' Yang di-Pertua, di dalam ucapan Bajet Ketua Menteri menyatakan bahawa ada tiga (3) cabaran besar yang perlu diatasi oleh Negeri Pulau Pinang iaitu memenuhi keperluan perumahan awam, perumahan rakyat dan menyediakan stok rumah mampu milik. Keduanya menangani masalah kesesakan trafik dan banjir dan ketiganya mencari penyelesaian, maaf, kesesakan trafik dan ketiganya banjir. Jadi saya ingin menarik perhatian Dewan tentang isu perumahan ini, kita perlu berasaskan kepada keperluan rakyat Negeri Pulau Pinang. Keperluan perumahan rakyat di Negeri Pulau Pinang, datanya boleh kita perolehi daripada mereka yang memohon ataupun mendaftar di Pejabat Perumahan Negeri Pulau Pinang. Selain daripada itu, data-data juga boleh diperolehi daripada pendaftaran-pendaftaran yang

dibuat melalui Prima contohnya, JKP Sdn. Bhd., PERDA dan agensi-agensi Persekutuan. Sementara itu pula jumlah penawaran perumahan boleh diperolehi daripada rekod Pihak-pihak Berkuasa Tempatan, MBPP dan MPSP melalui jumlah permohonan untuk kelulusan pelan merancang pembangunan perumahan. Daripada jawapan bertulis oleh YB. Datok Keramat yang merupakan EXCO Perumahan, ternyata terdapat *mismatch* ataupun penawaran yang tidak selari dengan permintaan atau pun masalah-masalah yang perlu diatasi dari segi memenuhi keperluan perumahan rakyat. Terdapat *mismatch*.. (dengan izin) tentang jenis-jenis rumah dan keluasan, *mismatch* dari segi kemampuan untuk membeli, *mismatch* dari segi lokasi pembangunan.

Dalam ucapan Bajet juga di muka surat 25, Ketua Menteri menyatakan Pulau Pinang akan melancarkan Program Perumahan Awam Mampu Milik sebanyak 26,255 unit dan juga 155 unit di SPS sebagai skim sewa beli. Maklumat diperolehi melalui jawapan oleh YB. Datok Keramat sejak tahun 2008 Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak 160 projek melibatkan 21,005 unit pangsapuri mewah, 32,825 unit pangsapuri kos sederhana menjadikan jumlah penawaran di pasaran sebanyak 53,830 unit di mana di DTL sahaja, 57 projek, DBD 36 projek, SPT 42 projek, SPU 19 projek dan di SPS 1 projek.

YB. Datok Keramat juga menyatakan bahawa sejak Januari 2012 Kerajaan Negeri telah membenarkan pemaju memohon dikecualikan dari membina rumah kos rendah 30% dengan membayar sumbangan iaitu bayaran sumbangan sebanyak 120,000 se unit kepada pemaju tempatan dan 150,000 se unit kepada pemaju luar. Sehingga sekarang, jumlah sebanyak 1,484 unit rumah kos rendah telah dikecualikan dibina di Pulau Pinang dan bayaran sumbangan yang telah dikutip adalah sebanyak RM124,378,500.00 untuk 17 buah projek di Pulau Pinang dan tiga (3) projek di Seberang Perai. Permohonan untuk membeli rumah kos rendah, sederhana rendah dan rumah mampu milik ini telah menimbulkan masalah untuk dipenuhi kerana pertama, pemaju-pemaju swasta hanya berminat untuk membina rumah kos sederhana dan rumah mewah. Ini menambahkan masalah kerana Kerajaan Negeri telah meluluskan permohonan pemaju-pemaju untuk mengecualikan dari pembinaan rumah kos rendah. Dahulunya di bawah Kerajaan Barisan Nasional dimestikan 30% mesti dibina dengan rumah kos rendah dan di kawasan sendiri, di tempat projek itu sendiri dan kalau pun ada kelonggaran, pemaju perlu membina 40% rumah dibahagikan kepada 20% rumah kos rendah dan 20% rumah sederhana rendah. Sekarang ini sudah timbul masalah penyediaan rumah kos rendah. Saya juga hendak bertanya iaitu kutipan sebanyak RM124 juta itu apa yang dibuat? Tabungan perumahan, adakah ianya digunakan untuk membina semula rumah-rumah kos sederhana untuk menampung keperluan rakyat.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan. Saya hendak tanya Yang Berhormat, kita dapati di Negeri Pulau Pinang ini, ratio pendapatan rakyat yang berpendapatan tinggi dan rendah jurangnya adalah begitu besar. Sekiranya kita tidak mengamalkan dasar membina rumah kos rendah ini, bagaimanakah rakyat yang berpendapatan rendah ini hendak tinggal, adakah akan ada pertambahan gelandangan dan sebagainya. Itu menjadi kekhuatiran, adakah kita mempunyai statistik tangga gaji dan sebagainya.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat YB. Datok Keramat akan jawab soalan itu. Data-data sudah ada, dari segi keperluan dan juga kemampuan. Kerajaan Negeri seharusnya memberi tumpuan, kalau betul-betul hendak membantu rakyat, dari segi penyediaan untuk memenuhi dasar satu keluarga satu rumah dan bagaimana untuk membolehkan rakyat mampu dan memiliki rumah-rumah.

Saya juga hendak tahu apakah insentif yang diberi oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membantu mengalakkan pemaju-pemaju menyediakan rumah-rumah kos rendah dan sederhana rendah. Semua pemaju berminat hendak buat untung besar...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya amat berterima kasih dengan keperihatinan YB. Teluk Ayer Tawar. Saya ingin menghulurkan tangan supaya kita bekerjasama dalam usaha ini. Masalah utama yang kita hadapi adalah bukan kita tidak ada bekalan rumah kos rendah yang cukup, masalah pun bukan kita tidak ada pemohon yang cukup, masalahnya ialah bank tidak mahu meluluskan pinjaman. Masalah ini bukan sahaja di Pulau Pinang tetapi di seluruh negara, sehingga kita ada stok rumah kos rendah yang kosong dan terpaksa kita

tukar kepada skim sewa-beli, bukan kerana kita tidak ada pemohon tetapi kerana bank tidak mahu berikan kelulusan. Bolehkah Yang Berhormat tolong beritahu kepada Y.A.B. Perdana Menteri yang merupakan Menteri Kewangan untuk mengeluarkan arahan supaya Bank Negara longgarkan. Kita telah timbulkan perkara ini banyak kali, apa guna kita bina rumah kos rendah atau pun rumah kos sederhana rendah bila ia akan jadi kosong bukan kerana tidak ada pemohon tetapi kerana tidak mendapat kelulusan bank. Perkara ini telah berbangkit berkali-kali tetapi tidak ada sebarang penyelesaian selagi Bank Negara tidak mahu mengeluarkan arahan untuk longgarkan syarat-syarat. Saya harap perkara ini kita jangan politikkan perkara ini, *we have to find a solution*. Ini secara ikhlas, kalau kita boleh bersama kita buat permintaan kepada Menteri Kewangan untuk memberi arahan kepada Bank Negara. Saya rasa Yang Berhormat semua pun tahu, Bank Negara sekarang sukar, sekarang banyak yang komplek tidak boleh mendapat pinjaman dan ini adalah satu masalah yang besar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih Y.A.B. Air Putih. Saya rasa Air Putih juga adalah Ahli Parlimen Kawasan Bagan dan mempunyai peluang dan ruang untuk menyuarakan isu tadi di Parlimen di mana ianya perlu diatasi di peringkat kebangsaan. Isu kemudahan pembiayaan, *end financing* daripada bank-bank dan institusi kewangan memang adalah satu isu besar kerana ia melibatkan kemampuan, kebolehan dan keupayaan pembeli untuk membeli. Saya rasa Kerajaan Negeri juga boleh membantu dengan menyediakan skim-skim dan membantu pemaju-pemaju untuk membolehkan penjualan yang boleh dibeli, misalnya mengurangkan deposit, saya rasa dulu Kerajaan Negeri ada mengumumkan untuk membantu dengan menampung atau memberi pinjaman, beza antara kos deposit dengan peminjaman dan sebagainya. Pelbagai kaedah boleh difikirkan dan dilaksanakan untuk membantu pembeli-pembeli ini.

Saya ingin teruskan lagi mengenai tawaran dan permintaan, *supply and demand*, tentang rumah kos rendah ini, Kerajaan Negeri(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bolehkah saya cadangkan sebagai suatu keputusan bersama, Pembangkang dan juga Kerajaan Negeri kita buat satu usul bersama, kita buat kepada Perdana Menteri dan Bank Negara untuk longgarkan syarat. Kalau tadi Yang Berhormat sebut kita bayar 10%, itu pun kita sudah buat, Taman Seri Emas, sudah buat tetapi tidak dapat kelulusan bank sehingga kosong. Sehingga kita terpaksa tukar kepada skim sewa beli, itu adalah hakikatnya. Bolehkah kita buat itu bersama, *this is a real problem*, ini bukan perkara mudah, itu adalah satu masalah besar, bolehkah kita buat satu usul sebagai Kerajaan Negeri bersama demi rakyat dan minta kepada Perdana Menteri dan Gabenor Bank Negara, kita buat bersama, bahawa kita ada 44 ADUN supaya longgarkan syarat-syarat pinjaman. Kita boleh buat satu delegasi, YB. Ketua Pembangkang pun boleh hadir dan kita jumpa Perdana Menteri bersama saya. Kerap kali saya telah bangkitkan di Parlimen tetapi kita tidak dapat jawapan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Y.A.B. Air Putih, ini bukan isu politik, ini adalah isu rakyat. Ahli-ahli Barisan Nasional pun ada membangkitkan masalah ini, kita tidak ada masalah dan kita pun bersetuju untuk membuat usul bersama supaya syarat-syarat pinjaman ini dilonggarkan untuk membolehkan rakyat memiliki rumah. *No problem, provided*, rakyat dapat membeli rumah yang mereka mampu beli.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ini rumah kos rendah, yang saya sebut sekarang ialah bukan rumah mampu milik, saya sebut rumah kos rendah dan kos sederhana rendah iaitu RM42,000 dan RM72,500, saya tidak sebut lebih daripada itu. Itupun tidak dapat kelulusan bank dan itu yang menyusahkan kita semua.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Untuk makluman Dewan juga, di bawah inisiatif Unit Penyertaan Bumiputra Pulau Pinang, Kerajaan Pusat ada menyalurkan sedikit peruntukan untuk kita menyediakan tabung dan memberi pinjaman yang diparking, diletak di Bank Persatuan yang membantu pembelian rumah di bawah

RM200,000 kepada pembeli-pembeli bumiputra yang gagal untuk mendapat pinjaman daripada institusi-institusi kewangan luar. Memang tidak cukup, jumlah ini kecil dan ianya sedikit sebanyak telah membantu kepada pembeli-pembeli bumiputra untuk memiliki rumah di Pulau Pinang.

Perkara yang saya ingin bangkitkan di sini ialah peranan Kerajaan Negeri di dalam penyediaan rumah kos rendah. Terdapat kenyataan menyatakan bahawa Kerajaan Negeri membina 1,277 unit rumah kos rendah dan terdapat di sini kenyataan yang dikeluarkan melalui Penang Kini apabila Y.A.B. Ketua Menteri menyerahkan kunci kepada projek Laguna Indah pada 1 Oktober 2016 bahawa, ini merupakan rumah kos rendah yang pertama yang disiapkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan dan sejak 2008 Kerajaan Negeri telah menyediakan 9,133 unit rumah kos rendah, sederhana rendah dan menemplant kerajaan Barisan Nasional bahawa di BN hanya menyediakan 769 unit sejak 2000 hingga 2007. Jadi saya nak rujuk kepada jawapan yang diberi oleh YB. Datok Keramat yang menyenaraikan projek 1,270 unit itu tadi, sebenarnya 864 adalah projek Taman Cempedak, Taman Sri Desa, 864 unit yang merupakan projek Barisan Nasional dan 2008, Pakatan Harapan serah kunci saja janganlah lembu punya susu, sapi dapat nama.

Walau bagaimanapun usaha untuk membina rumah-rumah yang boleh dimiliki oleh rakyat ini penting. Adalah didapati terdapat beberapa dasar-dasar yang telah dibuat Kerajaan Negeri yang saya rasa menjadi masalah kepada penyediaan rumah-rumah ini. Satu dari segi kemampuan, isu kepadatan. Dimaklumkan bahawa sekarang Kerajaan Negeri telah melonggarkan syarat yang mana dahulu 1 ekar 30 unit syarat kepadatan, sekarang 1 ekar 87 unit dan ada pula beberapa projek yang saya tak tahu atas dasar apa yang diluluskan 178 unit se ekar iaitu kepada projek di Bayan Bay syarikatnya Ideal G Ventures Sdn. Bhd. dan kepada Asia Green Sdn. Bhd. projek Quay West Residents 7.4 ekar 1,225 unit merupakan 167 unit se ekar dan dimaklumkan syarat-syaratnya ialah rumah ini mesti keluasan lebih 900 kaki persegi dan dijual lebih dari RM400,000 jangan kurang dari RM400,000. Ini akan menambah lagi stok penawaran rumah yang mahal kepada rakyat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Saya minta penjelasan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. YB. Telok Ayer Tawar, saya ingat ada kekeliruan berkenaan isu kepadatan di sini. Isu kepadatan memang wujud suatu garis panduan yang dikatakan 87 unit per ekar di mana sekiranya sesuatu pemaju itu hendak guna garis panduan ini dia masih tertakluk kepada pembinaan kuota 30% rumah kos rendah ataupun kos sederhana rendah dan selain daripada itu memandangkan kita memberi dia nikmati kepadatan yang lebih tinggi ini, dia perlu juga menyediakan rumah mampu milik itu merupakan lahirnya spesis rumah mampu milik apabila polisi ini dikeluarkan pada tahun 2012.

YB. Telok Ayer Tawar. *Let me just go through with you because obvious there is a big confusion if you rujuk kepada Penang Kini. Penang kini ni langsung tak boleh dipercayai langsung dan mereka memang apa yang Dato' kata tadi saya terpaksa perbetulkan kepada ini tak betul dan apabila kita lihat kepada isu 87 unit per ekar ini, sekarang dikatakan tadi apa yang YB. Telok Ayer Tawar, kita perlu pastikan unit rumah itu lebih daripada RM400,000 menyebabkan rumah lebih dari RM400,000 yang ada di situ bukan langsung tidak benar sama sekali Yang Berhormat Telok Ayer Tawar. Apa yang berlaku, obviously telah disalah lapor oleh Penang Kini adalah 87 unit per ekar apabila seorang hendak membina guna garis panduan itu. Ia adalah di atas satu plot 122,000 kaki persegi. Kita boleh guna garis panduan 87 unit per ekar, the 87 units per ekar its on 122,000 sq feet plot. Apabila kita lihat kepada hakikat pemaju-pemaju mengguna garis panduan itu, kita hendak mengaut lebih kos rendah dan lebih RMM melalui garis panduan, there was a intention tapi apa yang berlaku peratusan rumah yang boleh dijual dipasaran terbuka menjadi tidak kurang daripada 1,400-1,500 kaki persegi, the units to be sold to the open market, we have the affordable range 25%, we have 30% of low cost, low medium cost dengan izin but the normal market price units that the developer use under 87 units per acre guideline...(dengan izin), would in various about 1,400 -1,500 sq feet itu akan menjadi di Negeri Pulau Pinang 1400-1500 sq feets tidak kurang RM800,000 atau RM900,000. Tidak kurang daripada RM800,000 atau RM900,000 ini tak baik kepada rakyat kerana memang tak mampu dimiliki, ini juga tak baik kepada pemaju kerana dia pun tak boleh jual kerana kekangan ekonomi yang buruk sekarang, so apa yang berlaku, kita ada siri perbincangan dengan pihak stakeholder pemaju dengan pihak stakeholder yang berkepentingan di mana Kerajaan Negeri mencadangkan supaya kita naikkan density, benarkan mereka bina lebih unit juga dalam tapak 122,000 kaki persegi tersebut sehingga ke 128 unit per ekar, itu apa perbincangan yang berlaku baru-baru ini. Kerana apabila kita beri mereka lebih unit di atas footprint yang sama, kalau saya ada tanah sebesar ini 87 unit per ekar Yang Berhormat Telok Ayer Tawar saya ada 87 unit di dalam kertas ini betul? /*

say 1400 or 1500 so what I have suggested is we will give them higher density but still on the same 100,022 still in the same page, but I have 128 units what happen then? Unit itu akan berkurangan saiz betul tak? Daripada 87 jadi 128, kurang saiz dia sekarang kita ada saiz 900 kaki persegi. Dan 900 kaki persegi boleh dijual dengan harga yang lebih murah, jadi saya ada 25% RMM yang ikut sekarang is 300,000 sq feets, saya ada 30% kos rendah atau kos sederhana rendah but *this component* sekarang akan *reduce size* dan juga *reduce price*. Tapi apa saya cadangkan kepada pemaju ialah saya kata *this component* tak boleh lebih tak boleh kurang daripada RM400,000 sampai RM400,000 boleh tapi tak boleh RM300,000 mengapa? Kerana saya ada satu lagi garis panduan 100% rumah mampu milik untuk pemaju swasta di mana mereka dikehendaki bina 100% RMM 850 sq feet at RM300,000 sekiranya saya beri pemaju yang guna garis panduan ini yang kurangkan dia punya harga ia akan saing dengan pemaju yang gunakan 100% garis panduan itu tak sihat, tak elok, tak adil kerana mereka ini *margin* mereka begitu kurang. *They cannot sell to the open market 100% is subject to our guideline in 850 sq feet at RM300,000 so that is why I said this open market now 122,000 units per acre* tak boleh kurang dari RM400,000 supaya ia tidak saing kerana memang ada pemaju yang boleh kurangkan tetapi ini tak adil kepada pemaju yang menggunakan garis panduan 100%.

Saya harap YB. Telok Ayer Tawar dapat ikut kerana apabila buat satu kenyataan bahawa Kerajaan Negeri hendak mengkehendaki pemaju membina unit yang lebih dari RM400,000 itu tak betul mesti di ambil dalam konteks. Bagaimana ia wujud, bagaimana ia menjadi *that's so many* garis panduan Yang Berhormat , *is very easy to make swiping statement but its not fair to me and not fair to* Kerajaan Negeri *must understand when we come out with 128 the intention of the objective* niat dia adalah untuk menjadikan dia lebih mampu dimiliki rumah rumah yang akan dijual pada pasaran terbuka.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih Ahli Kawasan Datok Keramat, jadi sekarang isunya adalah kelulusan perancangan untuk memastikan bahawa lebih banyak rumah ditawarkan dengan kos yang lebih murah dan kita mengharapkan betul-betul memantau dari segi penjualannya supaya ianya tidak menjejaskan keperluan rakyat. Saya ingin membawa Dewan kepada permasalahan permohonan yang begitu banyak dibuat oleh pemaju-pemaju untuk mebuat projek yang mana ianya melibatkan perlingkungan semula kampung-kampung kawasan-kawasan pertanian. Asakan pembangunan, kenaikan harga-harga perumahan menyebabkan pelabur begitu tertarik sekali dengan hartanah di Pulau Pinang dan mereka juga sebaliknya pula pemilik-pemilik tanah begitu tertawan dengan tawaran tawaran harga tanah yang tinggi di Pulau Pinang di tambah pula apabila yang tinggal di kawasan kampung, pertanian ini adalah lapisan yang dah tua yang mana anak-anak semua dah berhijrah ke bandar bandar besar dan tidak lagi minat untuk memajukan kawasan- kawasan kampung. Ini menyumbangkan kepada penjualan tanah-tanah kampung yang begitu berleluasa di Negeri Pulau Pinang.

Dalam jawapan bertulis oleh YB. Datok Keramat, juga pada tahun 2008 hingga 2016 rekod di Jawatankuasa Perancang Negeri dapati 383 permohonan perlingkungan semula dibuat dan dari jumlah itu 274 telah diluluskan dan kebanyakkan adalah di Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya, Daerah Seberang Perai Tengah yang mana akan melihat kepesatan pembangunan. Ini menimbulkan persoalan bagaimanakah daripada jawapan kelulusan-kelulusan yang dibuat ini oleh kerana pelan tempatan, *local plan* tidak digazetkan lagi dan pihak SPC mempunyai kuasa sepenuhnya untuk meluluskan perlingkungan ini tanpa batasan ataupun tanpa melihat atas keperluan pembangunan setempat. Kita dapati ada kilang besar yang dibina di kawasan kampung di tengah-tengah bendang. Kawasan saya ada satu. Jadi ini timbul persoalan bagaimanakah pembangunan ini nak diselaraskan dan bagaimana kekurangan kawasan-kawasan pertanian yang berlaku di Negeri Pulau Pinang.

Oleh itu kampung demi kampung, bendang demi bendang telah dijual dan kita dapati di sini perlingkungan yang banyak dibuat ini akan diterjemahkan kepada bentuk-bentuk pembangunan yang akan mengurangkan tanah-tanah pertanian dan juga mengagalkan sasaran kita untuk mencapai pertumbuhan di sektor pertanian supaya kita mampu atau *self satisfaction* di dalam pengeluaran makanan

Pulau Pinang juga telah menyenaraikan 631 buah kampung dan dari itu 48 buah kampung telah disenarai sebagai kampung warisan di dalam Dasar Sektor 33 L1, Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 dan diwartakan pada Julai 2007. Kampung-kampung ini ditakrifkan sebagai kampung tradisional atas dasar ianya wujud sekian lama dan berlaku secara tidak terancang. Sehingga November

2016 tiada kepastian muktamad dibuat oleh kumpulan kerja bagi penyelarasan sempadan kampung yang diurusitiakan oleh Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk menjadi takrifan kampung tradisional dan kajian masih diteruskan untuk diberi definasi jelas untuk komponen dan ciri-ciri bagi kampung tradisional dan penjelasan yang terperinci dan definasi bagi kategori kampung tradisional terus bagi perbincangan terutama dalam penyediaan RSNPP 2030. Fokus bagi merungkai penjelasan kampung tradisional akan diperjelaskan di dalam RSNPP 2030 yang sedang dalam kajian.

Jadi isu di sini dari 631 kampung di Negeri Pulau Pinang ini, 48 telah disenaraikan yang lain-lain dapat diperincikan sesuai atau tidak sebagai kampung tradisional dan sebagainya. Bagaimanakah kita merasionalisasikan kewujudan kampung-kampung tradisional dengan pembangunan di dalam Negeri Pulau Pinang. Kita tidak mahu kampung tinggal nama sahaja misalnya Kampung Buah Pala kawasan Seri Delima, pokok pala pun tidak ada. Ada lagi pokok buah pala di situ? Tidak ada jadi tinggal nama... (*gangguan*).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat, boleh saya?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Lambat dicuit.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih. Saya nak perbetulkan bahawa Kampung Buah Pala memang dok ada lagi Yang Berhormat. Masih ada kekal, Kampung Buah Pala masih kekal cuma perumahan di situ lebih moden lebih selesa. Terima kasih lah kepada Kerajaan Negeri kalau tidak mungkin memang ranap semuanya angkara Barisan Nasional. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ya ada kampung-kampung yang mempunyai ciri-ciri warisan dan ini harus dikekalkan dan walaupun ditakrifkan disenaraikan sebagai Kampung Warisan, semua kampung-kampung ini disediakan kemudahan-kemudahan moden memodenkan kampung-kampung nikmatikan sebuah negara atau negeri yang maju disinilah satu perancangan yang teliti yang dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa kampung-kampung ini dapat dipelihara dan warisan-warisan ini dapat dipulihara bangunan-bangunan dan untuk memastikan ianya tidak luput dan kita berharap oleh kerana diperjelaskan sedang di dalam kajian ini, kajian ini dapat mengambil kira pandangan sejarah dan cadangan-cadangan yang boleh dibuat oleh penduduk tempatan untuk memastikan bahawa kampung-kampung ini terus kekal, pembangunan moden yang akan menenggelamkan rakyat-rakyat di kawasan kampung.

YB. Dato' Yang di-Pertua, saya ingin juga bertanya tentang masalah yang dihadapi oleh PDC Properties Sdn. Bhd. dalam apa yang dinyatakan dalam jawapan kepada saya, penutupan PDC Properties Sdn. Bhd. yang mana terlibat di dalam projek-projek pembangunan Kerajaan Negeri yang mana dua (2) anak syarikatnya PDC Consultancy dan PDC Premier Holdings di dapati di sini bahawa PDC Propoties kalau ditutup mempunyai liabiliti yang perlu diperjelas, dilangsaikan dan saya pun hairan kerana apa PDC Propoties dulu giat dengan pembangunan perumahan bahkan boleh dikatakan Seberang Jaya banyak dimajukan oleh PDC Propoties dan sebagainya dan kalau ditutup bagaimanakah pulak Kerajaan Negeri perlu menyusunkan projek-projek pembangunan selain daripada pembangunan kawasan-kawasan perindustrian dan sebagainya untuk dimajukan di Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Terima kasih juga YB. Telok Ayer Tawar. Saya nak persoal juga tentang PDC ini. Sejak bila saya nak tanya PDC tidak ada duit ni sebab saya difahamkan PDC, Kerajaan Negeri ini bantu bagi pinjaman terutama yang kedua saya dengar PDC tengah berurusan dengan bank untuk dapatkan pinjaman. Saya difahamkan RM2.1 bilion jadi suka saya nak sebut 35 tahun yang lalu

semasa PDC di bawah Kerajaan Barisan Nasional. Suka saya sebut bahawasanya PDC adalah satu perbadanan yang terbaik di Malaysia malah di dunia. Kita tahu kewangan PDC pada masa itu mencecah bilion ringgit dan mempunyai aset tanah melebihi daripada 7,000 ekar tetapi hari ini terpaksa membuat pinjaman. Sekarang saya nampak PDC yang diurus tadbir oleh Kerajaan Negeri nampak tidak ada kecekapan dalam menguruskan PDC ini.

Jadi setakat hari ini yang kita nampak ambil tanah, beli tanah, tebus guna tanah dan jual kepada syarikat-syarikat kroni umpama ASPEN, Ivory dan sebagainya. Ini membuktikan kelemahan dan kewibawaan kerajaan yang mentadbir dan dalam masa yang sama juga moral Kerajaan Negeri yang telah menyalahgunakan Akta Pengambilan Balik Tanah itu dengan sendirinya. Jadi saya tidak mahu ambil masa yang lama yang diberikan oleh YB. Teluk Ayer Tawar. Saya suka juga untuk memaklumkan buat masa ini juga untuk pengetahuan YB. Teluk Ayer Tawar, PDC juga menanggung *over head* yang tinggi. Sekadar menjadi *broker* saja. Baru-baru ini dok interview, temuduga lagi kerja kakitangan itu untuk apa. Kalau ada kakitangan 400 orang yang ada dah cukup. Setakat jadi *broker* saja tak perlu ada, menanggung bebanan yang begitu banyak dan menunjukkan kelemahan. Saya suka menyebut bahawasanya PDC sekarang ini di bawah Kerajaan Negeri Pakatan Harapan rakyat di sana sudah putus harap berbanding dengan Kerajaan Barisan Nasional dulu, yang kita ada kewangan yang banyak berbilion dan dalam masa yang sama dan juga mempunyai aset tanah yang begitu banyak lebih daripada 7,000 ekar. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih YB. Pinang Tunggal. Saya rasa biarlah Pengerusi PDC sendiri jawab, tapi kita boleh mengatakan dulu bawah Kerajaan Barisan Nasional, PDC telah memainkan peranan yang besar untuk memajukan bandar Seberang Jaya, untuk menjadikan sebuah bandar satelit untuk menyediakan banyak rumah mampu milik, rumah kos rendah untuk rakyat, saya ingin menarik perhatian Dewan kepada isu yang telah dibangkit di bawah soalan lisan...(*gangguan*). Boleh saya teruskan. Nak jawab sekarang. Gulunglah nanti.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tak apa. Saya amat tertarik dengan kenyataan yang dibuat oleh YB. Pinang Tunggal dan juga oleh YB. Telok Ayer Tawar, YB. Telok Ayer Tawar tadi menimbulkan keresahan tentang tanah-tanah pertanian yang telah ditukar milik. Adakah YB. Telok Ayer Tawar tanya YB. Pinang Tunggal sama ada perkara ini adalah sesuatu perkara yang tidak baik. Faham maksud saya tak? Adakah kalau tanah pertanian ditukar milik kepada tujuan lain, adakah ini suatu perkara yang tidak baik. Saya rasa YB. Pinang Tunggal pun boleh faham maksud saya. So saya rasa kita kena lihat keadaan. Sekiranya nak bina stesen pam minyak... (*gangguan*). Saya nak nasihatkan jangan makan tuan. Saya harap....(*gangguan*).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Padan muka.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Tak guna punya YB. Seri Delima.

Y.A.B. Ketua Menteri:

So Kita kena lihat apakah tujuannya. YB. Pinang Tunggal pun tahu, kadang-kadang ada sesuatu sebabnya dia ada pertanyaan, dia akan rayu. Bukan satu kali, banyak kali rayu...(*gangguan*). Saya belum habis lagi. Ini rayu banyak kali tapi kita adalah sebuah kerajaan yang mahu lihat semua rakyat maju. Termasuk daripada Pembangkang, kalau maju boleh bawa perubahan dan tentu boleh selesaikan masalah mereka. Tidak jadi hal nak selesai masalah mereka. Saya tak mahu nak pergi secara terperinci kerana ini *personal*. Saya tidak mahu pergi secara terperinci tapi saya nak ucapkan tahniah kepada YB. Pinang Tunggal kerana beliau ada sebuah stesen pam minyak yang amat berjaya....(*gangguan*). Mungkin selepas pilihan raya kalau ada sesiapa yang tak bertanding boleh minta kerja daripada YB. Pinang Tunggal dan tentang harga minyak jangan salahkan dia, dia hanya jual minyak saja, ini kena salahkan Kerajaan BN. Dia hanya jual minyak apa boleh buat, dia tak boleh buat apa-apa.

Ahli Kawasan Teluk Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Ini tak boleh Yang Amat Berhormat. Itu *world* punya...(gangguan). Yang Amat Berhormat sebagai Ketua Menteri mesti...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat mungkin iri hati tidak dapat stesen minyak...(gangguan). Boleh pohon kepada Kerajaan Negeri dan kita boleh pertimbangkan. Saya nak teruskan tentang PDC, mungkin YB. Pinang Tunggal sekarang, dulu Barisan Nasional mana ada *seven billion* punya aset PDC, tak ada. Tak pernah, kita baca penyata kewangan kita pun tahu. Kita tak tahu macam mana YB. Pinang Tunggal baca itu penyata kewangan. Baca itu penyata stesen minyak bolehlah. Penyata PDC, saya ingat kena beri pada akauntan bertauliah untuk baca. Tidak pernah ada aset seperti yang disebut tapi tahun demi tahun atas usaha bersama kita telah menambah asetnya dan sekarang aset ini kira-kira lebih 3 bilion dan inipun telah pun disekali gandakan kalau banding sebelum 2008. So bukan lah saya harap sangat ada tujuh bilion kecuali mungkin ada harta benda yang disembunyikan di sesuatu tempat yang kita tidak tahu, tolong beritahu kepada Kerajaan Negeri. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Pinang Tunggal sudah, nanti cari pasal.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Minta laluan. Terima kasih YB. Telok Ayer Tawar, kekanda saya yang lama berjuang dengan saya. Terima kasih YB. Dato' Speaker. Sikit juga saya bukan YB. Seri Delima, saya memahami Peraturan Dewan. Y.A.B. Ayer Puteh, saya suka sentuh bila Y.A.B. sentuh pasal stesen minyak dan sebagainya memang saya akui, tapi itu 1.3 ekar sahaja. Dan saya memahami, tentang peranan dan tanggung jawab saya, wakil rakyat dan juga seorang ahli perniagaan yang bukan EXCO. Boleh berniaga. Saya memikirkan di kawasan saya memerlukan orang-orang yang memerlukan peluang kerja. Saya nak mewujudkan peluang kerja dan hari ini 40 orang boleh bekerja dengan saya. Jadi, terima kasih banyak kepada YB. Air Putih kerana memberi pertolongan memberi kelulusan kepada saya, tetapi pada masa yang sama, saya terpaksa sebut, tidak saya tak mahu sebut. Bila Yang Berhormat sebut, saya suka sebut juga. Permohonan saya nak dapatkan kelulusan itu ambil masa terlalu lama. Itu saya, cuba bayangkan yang lain-lainnya. Tolong pertimbangkan perkara ini kerana...(gangguan)

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ini tanah pertanian, sebab itu agak lama....(gangguan). Akhirnya lulus juga.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Tak apa...(gangguan). Akhirnya lulus tetapi setelah saya *appoint consultant*, saya bayar *consultant*, di peringkat Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan MPSP dah beri kelulusan dan saya nak mulakan kerja tiba-tiba fail saya di angkat dan ditarik ke SPC State Public Committe....(dengan izin) dan dalam masa yang sama saya perlu tunggu satu tahun setengah tiga (3) kali bawa masuk mesyuarat, tak bagi kelulusan,. Saya bila nak *start* kerja buat, nak bagitahu dalam Dewan yang mulia ini, saya kena pagar keliling dulu, bila dah setahun setengah saya tak mula-mula kerja lagi, pagar yang ada pun runtuh habis. Timbul pula pokok-pokok penuh di kawasan tu 1.3 ekar. Orang kampung dah mula kata kepada saya "Tok Lan" dah bankrap. Tak, saya nak cerita masalah yang disebut...(gangguan)

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kerana ini adalah pertanian. Kerana pertanian kita kena buat secara was-was.... (gangguan) bukan seperti Yang Berhormat sebut tadi, kita bukan buat sesuka hati, kita gunakan proses dan YB. Pinang Tunggal adalah seorang penerima manfaat.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Suka saya sebut sikit lagi YB. Telok Ayer Tawar. Pertanian ini dia ambil kira bukan tanah bendang. Ini tanah kampung yang perlu saya majukan. Kerajaan mendapat hasil, Pihak Berkuasa Tempatan mendapat hasil. Jadi, maksudnya yang saya sebut kekejaman Kerajaan di bawah naungan DAP ini yang memberi tekanan yang cukup kuat kepada saya. Saya wakil rakyat yang mampu bercakap dalam Dewan Yang mulia ini, apatah lagi orang yang di luar sana. Itu yang saya nak maksudkan. Terima kasih YB. Telok Ayer Tawar.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bagi lulus dianggap kejam, macam ini kira jangan lulus lah lain kali. Kalau macam ini bagi lulus pun kejam. Mau kita tarik balik kah?

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih. Dato' Speaker sikit sahaja. Bila Y.A.B. Air Putih kata dia mudah terpedaya dengan rayuan-rayuan akhirnya lulus. Saya pun Dato' Speaker pernah bercakap seolah merayu supaya kawasan saya juga janganlah diluluskan permohonan ini. Kawasan bendang, tiba-tiba saya dapat jawapan 13 ekar tanah kawasan bendang saya ingat Dato' Speaker pun perjuang dulu. Tanah bendang masa jadi EXCO Pertanian. Pasal gagal tu depa letak jadi Dato' Speaker. Bendang sedangkan kita ini *import* beras dalam Pulau Pinang 25%. Patut dok ambil beras di luar. Kita kena ada sendiri. Ini sebagai contoh Dato' Speaker. Untuk direkod. Tanah lot kebetulan YB. Datok Keramat pun tanya kelmarin, Lot 2343, lot 2344 Mukim 10, Lot 1508 Mukim 10, Seberang Perai Selatan. Betul-betul Dato' Speaker untuk pengetahuan Y.A.B. Air Putih, tanah sawah bendang, bukan tanah rang yang memang ada hasilnya tapi dilulus. Mungkin ini juga atas rayuan Tetuan Primawangi Sdn Bhd. Jadi mudah sangat wakil rakyat dipilih oleh pengundi di situ merayu, meminta. Tetapi Y.A.B. Air Putih tak peka langsung. Masih lulus juga tanah tu. Mungkin kerana rayuan ini....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat, sikit sahaja. Sebab Y.A.B. Ketua Menteri sebut nama saya. Saya dengki dekat YB. Dato' Roslan. Ini sahabat baik saya. Janganlah jadi batu api. Kecil hati saya Yang Berhormat. Saya nak tanya sikit YB. Dato' Roslan. Kenapa terlampau lama sangat YB. Pinang Tunggal sampai setahun setengah. Yang Pulau Jerejak tu tak sampai enam (6) bulan *ideal* boleh lulus cepat. Kita kena *check* benda-benda ini. Saya tak tahulah. Orang kampung kata. Saya nak tanya....(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Sikit sahaja lagi YB. Telok Ayer tawar. Saya sejak angkat sumpah jadi wakil rakyat, orang yang paling saya hormati adalah YB. Telok Ayer Tawar. Saya jadi sikit ja sebut kalau saya tunggu satu (1) tahun setengah ni YB. Telok Bahang sebut tadi *ideal* tak sampai enam (6) bulan. Cubalah, cubalah Dewan yang mulia ini dan juga yang diluar sana menilaikan, tengoklah sekali lagi kekejaman Kerajaan DAP ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Biarlah semua orang membuat keputusan kejam atau tidak. YB. Dato' Yang di-Pertua, Akta Kawalan Sewa Malaysia telah dimansuhkan pada tahun 2000. Memanglah banyak ada buruk baiknya. Tetapi Bandaraya George Town apabila telah dimansuhkan Akta Kawalan Sewa, mendapati penghijrahan penduduk di dalam bandaraya ke kawasan luar. Kerana satu pemilik-pemilik dahulunya yang nak ambil bangunan, dulunya pemilik-pemilik tak mahu membaiki bangunan kerana sewa terlalu rendah dan sewa dikawal. Jadi pemilik-pemilik ini, bila naikkan kadar sewa mereka keluar pindah di luar dan Bandaraya George Town menghadapi pertumbuhan penduduk yang sifar. Yang bukan sifar, negatif sebab penghijrahan keluar dan juga kita dapati bahawa ada eksploitasi daripada penyewa-penyewa yang menyewa dengan kadar rendah di bawah Akta Kawalan Sewa tetapi menyewa kecil, *sublet* dengan kadar sewa yang tinggi. Mereka pula buat untung. Jadi di sini kita dapati bahawa dimaklumkan Kerjaan Negeri sedang menimbang untuk memperkenalkan balik Akta Kawalan Sewa Bangunan di dalam zon Warisan

Enakmen Penyelarasan Sewa Pulau Pinang dan mereka sedang membuat kajian. Memang Datok Keramat telah menjelaskan di dalam jawapan soalan lisan.

Bandaraya George Town ini diberi status Bandar Warisan sebagai *living culture*, budaya yang hidup dan apa yang hidupkan budaya itu adalah orang yang tinggal di dalam kawasan bandaraya dan tentu sekali perlu dikekalkan, dipelihara, penduduk-penduduk di dalam itu di dalam aktiviti-aktiviti tradisional mereka. Ada yang buka kedai kopi, ada yang buka tempat penginapan dan sebagainya dan didapati juga rungutan keluhan daripada pemilik-pemilik bangunan di dalam kawasan warisan ini di mana mereka nak baik pulih untuk mengekalkan industri ataupun aktiviti mereka, kos terlalu tinggi oleh sebab syarat-syarat yang dikenakan oleh Jawatankuasa Warisan MBPP yang mana antaranya kena guna *original* bahan-bahan *original* dan mengekalkan lepaan ataupun *plastering* dan sebagainya mengikut keadaan asal. Oleh sebab itu, pemilik-pemilik yang ada bangunan ini mereka bila dapat tawaran, nak jual lah. Tambahan pula oleh kerana kos untuk membeli ataupun harga jualan rumah-rumah ataupun kedai-kedai di dalam Bandaraya George Town ini, kalau dibandingkan dengan Singapura, begitu rendah sebab tukaran kita yang rendah sekarang. Misalannya kalau di Beach Street, King Street dan sebagainya dinilai lebih kurang RM2,100 hingga RM2,400 sekaki per segi di Singapura ia adalah di antara RM9,000 sekaki per segi, duit kita, ataupun \$3,000 dolar Singapura, jadi ini menyebabkan ramai pembeli dari luar, bukan sahaja Singapura, walaupun di dalam jawapan yang diberi oleh YB. Datok Keramat, jumlah yang didaftarkan pemilik asing itu sedikit. Tapi sebenarnya kita tahu ada kaedahnya membeli syarikat misalannya dan sebagainya, *back door*. Cara *back door* ini yang menyebabkan banyak bangunan-bangunan ini telah bertukar tangan.

Oleh itu, Kerajaan Negeri dalam usaha untuk memeriahkan suasana *living culture*....(dengan izin), kehidupan tradisional di dalam bandaraya warisan ini hendaklah mengambil langkah-langkah yang lebih proaktif untuk membuatkan usaha untuk membaik pulih, membaiki dan memperindahkan bangunan-bangunan lama ini dapat dijalankan oleh pemilik-pemilik asal supaya mereka tidak begitu dibelenggu dengan kos yang tinggi dan boleh meneruskan aktiviti tradisional mereka dan tidak menjual bangunan-bangunan ini dan juga saya ingin bertanya apakah galakan-galakan yang diberi oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan ataupun menggalakkan pemilik-pemilik bangunan ini memperindahkan ataupun membaiki bangunan-bangunan lama ini untuk menjadi tarikan kepada pelancong. Kerajaan Negeri ataupun Ketua Menteri sendiri telah menyatakan bahawa oleh kerana masalah ekonomi dunia dan masalah ekonomi negeri, Kerajaan Negeri terpaksa bergantung besar kepada industri pelancongan untuk menjana pendapatan. Oleh sebab itu, tarikan besar sebuah bandaraya warisan ini haruslah dibaiki dan dipelihara.

Saya juga ingin menarik perhatian tentang tarikan pelancongan yang dibuat oleh bandar warisan ini kandungan ataupun komponen penduduk-penduduk Islam atau melayu ini amat sedikit. Saya pergi ke Lebuh Armenian, kita boleh lihat Rumah Agam Syed Al-Attas itu tinggal papan tanda sahaja. Tinggal papan tanda sahaja, tidak digunakan. Tidak di baikpulih dan tidak menjalankan aktiviti sebagai... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta laluan. Terima kasih. Apabila Kerajaan Negeri pada tahun 2000 telah memansuhkan *Rate Control Acts*, Kerajaan Pusat ada bagi satu dana sebanyak RM100 juta supaya bantu pemilik-pemilik rumah di George Town. Apakah terjadi kepada dana RM100 juta itu dan apakah projek-projek atau sumbangan-sumbangan telah bagi pada pemilik-pemilik rumah di sana? Saya percaya bahawa Ahli Yang Berhormat pada masa itu juga seorang EXCO. Kemungkinannya Dato' Yang Berhormat boleh bagi sedikit sebanyak apa terjadi kewangan itu. Adakah kewangan itu dibelanja atau dipulang balik kepada Kerajaan Pusat sehingga tahun 2008.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Sungai Puyu, 16 tahun dah berlalu. Bukan kita nak boleh ingat semua. Tapi saya percaya wang itu digunakan dengan baik untuk aktiviti-aktiviti yang berfaedah terutama sekali untuk membantu membaik pulih bangunan-bangunan di dalam kawasan warisan. Saya nak tarik Dewan kepada kalendar *Tourism Calendar of Events* Pulau Pinang. World Heritage Site dan *Penang Tourism Brochure*. Dimana didapati di sini, dinyatakan Islamic Museum yang ada ini semua termasuklah *Islamic Museum* Syed Muhammad Al-Attas *prominent merchant* ini dan sebagainya dibawahnya *temporary close*, samalah

dengan yang lain-lain yang mana ada menyatakan *Islamic Museum temporary close* yang lain-lain tidak ditutup pun, itu satu saja dan dalam mempromosikan lokasi-lokasi yang menarik ini hanya masjid sahaja, kubur pun dipromosikan sebagai *Tourism Product*.

Jadi YB. Dato' Yang di-Pertua, Bandaraya George Town ini sebenarnya diasaskan oleh orang Islam pun tetapi tidak ada satu bentuk, saya ada bercakap pada Dewan yang lepas, tidak ada satu bentuk pun pengiktirafan menyatakan sejarah yang sebenar yang ada hanyalah *glorification...*(dengan izin) tentang penjajahan British dan lain-lain komponenlah yang ada di dalam Bandaraya George Town ini bahkan dalam *brochure* ini diberi *prominent* kepada *Sun Yet Seng Memorial Center* yang ada satu, dua Warisan Islam itu ditutup, saya tahu ini adalah usaha dibelakangnya adalah inisiatif swasta, saya pun hendak bertanyalah yang ada di dalam Dewan ini ada juga yang mempunyai kepentingan, Batu Maung, Pantai Jerejak, Warisan Islam kita harus juga diberikan perhatian dan juga diberi bantuan dan sokongan untuk dihidupkan...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Minta laluan sikit, janganlah kalau YB. Telok Ayer Tawar hendak nilai sampai sehingga itu, kerana sejak di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat dan juga Pakatan Harapan kita telah mewujudkan banyak entiti-entiti dan juga organisasi-organisasi yang mempunyai objektifnya untuk mengenengahkan kebudayaan dan juga tempat-tempat Warisan Islam. Seumpamanya ialah seperti pembentukan Yayasan Islam Negeri Pulau Pinang tidak pernah dahulu ada Yayasan Islam dan Yayasan Islam Pulau Pinang mempunyai *core* selain daripada *core* aktivitinya pendidikan kesihatan adalah juga *tourism*, pelancongan dan sebab itulah YB. Telok Ayer Tawar dan juga rakan-rakan pembangkang kita boleh mengkritik, tetapi kita juga kena bercakap yang benar. Dahulu tidak ada Galeri Haji, sekarang ada Galeri Haji, dahulu tidak ada *Muslim and enclave* sekarang ada *Muslim and enclave* dan benda-benda ini banyak lagi kita telah adakan, selain daripada itu YB. Telok Ayer Tawar penutupan Syed Al-Attas *mansion* itu adalah sebab keadaan bangunan ini yang telah dimakan oleh anai-anai dan bukan senang seperti mana juga YB. Telok Ayer Tawar kata tadi, bukan senang hendak *renovate mansion* seperti itu. Oleh sebab itu pihak *Think City* dan juga pelbagai agensi pusat dan juga negeri sedang berusaha untuk kita siapkan balik dan untuk kita fikirkan, kita sudah ada perhubungan dengan beberapa pihak-pihak daripada Universiti Sains Malaysia (USM) dan juga pihak-pihak daripada yang mahir dalam segi aspek-aspek pelancongan dan juga warisan ini untuk kita *develop* satu pusat pembangunan ataupun Pusat Pelancongan Warisan Islam.

Yang kedua YB. Telok Ayer Tawar kena juga faham, dahulu tidak pernah ada *Muslim Travel Guide* untuk Pulau Pinang. Setelah Halal Penang ditubuhkan pada tahun 2009 kita yang buat pertama kali di Malaysia ini yang mempunyai *Muslim Travel Guide* dan *Muslim Travel Guide* ini sudah masuk *third edition* dan setiap *edition*nya dilancarkan di Dubai, kerana ini adalah untuk kita menarik pelancong-pelancong asing terutama sekali pelancong-pelancong Arab, terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih YB. Batu Maung. Kita mengalu-alukan dan mengucapkan tahniah kepada YB. Batu Maung telah mewujudkan Yayasan Islam, ia adalah inisiatif yang baik, saya harap Yayasan Islam dapat membantu di dalam pemuliharaan bangunan Syed Al-Attas ini. Bukan banyak pun bangunan-bangunan macam itu di kawasan warisan ini, memang perlu sangat perhatian kerana dari segi *ownership*nya kepada Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Yang Berhormat kalau dah hilang, cari dahulu, boleh bagi saya laluan, saya hendak menyelamatkan keadaan YB. Telok Ayer Tawar, YB. Dato' Speaker, terima kasih banyak-banyak, saya patah balik YB. Batu Maung cakap popa popa, YB. Telok Ayer Tawar cakap *slow* lembut sahaja, Batu Maung, pop popa untuk apa lagu tu, YB. Telok Ayer Tawar *steady* ya pun. Ini Pinang Tunggal nak jawab. Saya hendak beritahu kepada YB. Batu Maung, tadi YB. Batu Maung mengeluarkan kenyataan tidak betul dan mengatakan tidak ada syarikat yang boleh membangunkan dan baik pulih dan sebagainya....(gangguan). Apa semua. Ada kata tadi. Batu Maung kata. Boleh saya cakap macam tu?

Saya tidak marah, tetapi saya hendak beri nada yang seiring dengan YB. Batu Maung, oleh kerana YB. Telok Ayer Tawar *steady* sahaja, apabila YB. Batu Maung bangun sahaja saya hendak bagi nada yang sama, sebut yang pertama itu tadi masih banyak lagi *company* dan syarikat-syarikat yang boleh mengubah suai rumah, *renovate, up grade...*(dengan izin), rumah sejarah, rumah-rumah warisan ini dan saya juga sebagai pengerusi *focus group* Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan Bumiputera Pulau Pinang, ramai dikalangan *tour guide* Muslim datang berjumpa dengan saya kata mereka, mereka tertekan dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang ada sekarang ini, sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Apa yang dikatakan oleh YB. Telok Ayer Tawar saya ingin memperbetulkan, ini satu tuduhan yang liar.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Saya ada berbagai bukti, untuk membuktikan kepada Batu Maung...(gangguan), apa semua yang YB. Batu Maung sebut semua itu tidak betul.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Buktikan!!

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Saya boleh buktikan.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Jangan membuat tuduhan yang liar begitu.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Saya suka hendak memberi pengajaran, hendak memberi teguran kepada YB. Batu Maung dan saya akui kewibawaan YB. Batu Maung dengan jawapan-jawapan yang beliau beri dan menjawab soalan dan saya hendak beri sedikit sebanyak kalau beliau hendak menggantikan dan mengambil alih tempat YB. Pantai Jerejak cukup cantiklah, dia bolehlah cara YB. Pantai Jerejak menjawab, orang tanya lain dia jawab lain, YB. Batu Maung bila-bila masa pun boleh ambil alih tempat YB. Pantai Jerejak, saya harap kepada Penanti, Penanti maklumkan kepada Presiden Parti tukar YB. Batu Maung mai duduk di Pantai Jerejak, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Pinang Tunggal sebut hari ini *petrol station* sahaja, macam makan *petrol*, nanti saya tidak mahu beri peluanglah. Kawan pun susah. Nanti waktu perbahasan saya tolak semua masa-masa yang sudah masuk campur tempoh tadi, biar Ketua Pembangkang habiskan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Okey, okey genjatan senjata, kalau tidak kita akan menjadi macam Aleppo, hancur semua. YB. Dato' Speaker, saya ingin menarik perhatian tentang Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang (PTNP). Tadi nak cakap pasal pelancongan dah lupa. Ekoran daripada usul yang dibuat pada sidang DUN yang lepas, Majlis Pengangkutan Negeri Pulau Pinang telah pun ditubuhkan selepas sidang DUN yang lalu, yang terdiri daripada 38 orang ahli jawatankuasa, besar itu tidak termasuk jemputan-jemputan untuk membuat pembentangan dan sebagainya. Terdiri daripada kebanyakan Ahli-ahli Dewan *backbencher* di sini termasuk yang dijemput adalah saya, Ahli Telok Bahang, Ahli Bayan Lepas. Saya menerima surat yang bertarikh 7 Jun 2016 jemputan ke Majlis Pelantikan Ahli Majlis Pengangkutan Negeri Pulau Pinang pada 14 Jun 2016 yang saya terima surat itu pada 10 Jun 2016 dan saya menjawab

surat tersebut pada 13 Jun sehari sebelum itu kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri menyatakan sebelum saya dan kami tiga (3) orang boleh terima pelantikan ini saya perlu tahu terma dan rujukan lantikan Majlis Pengangkutan Negeri ini.

Jadi selepas itu pelantikan dibuat kami tidak hadir, saya menerima surat bertarikh 16 Jun 2016 saya menerima surat pada 21 Jun 2016 menyatakan bahawa saya telah dilantik sebagai ahli MPNP berkuatkuasa pada tarikh setuju terima yang kita tidak hantar dan dilampirkan juga terma rujukan penubuhan MPNP ini yang mengatakan bahawa satu, berhubung MPNP majlis ini akan berkubur secara langsung dengan projek *delivery partner* bagi pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIP) dengan berfungsi sebagai forum bagi jabatan-jabatan dan agensi-agensi serta individu yang telah dilantik bagi memastikan pelaksanaan PIP berada di landasan seperti kehendak Kerajaan Negeri, saya ulang seperti kehendak Kerajaan Negeri.

Kedua mengesyorkan serta memberi cadangan bagi menambahbaikkan kepada struktur pengangkutan awam di seluruh Negeri Pulau Pinang. Saya menjawab bahawa dimaklumkan bahawa saya dan Ahli Telok Bahang dan Ahli Bayan Lepas tidak bersetuju dengan terma rujukan tersebut yang terkandung di dalam Lampiran A, ia tidak menepati usul oleh YB. Padang Kota dan saya merujuk balik kepada usul bahawa Dewan yang mulia ini membuat ketetapan supaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang diwajibkan tidak memulakan projek penambakan laut sehingga mendapatkan kelulusan *Detail Environmental Impact Assessment* dari Jabatan Alam Sekitar Persekutuan yang perlu dipantau dan diperiksa oleh Majlis Pengangkutan Negeri (PTC) dan termasuk mencari *alternative* lain, saya ulang mencari *alternative* lain dari segi pembiayaan projek-projek PIP yang mempunyai model yang *feasible* dan *sustainable* termasuk pembiayaan oleh Kerajaan Persekutuan.

Adalah didapati bahawa perkara di bawah peranan Ahli Majlis dalam PTC ini yang terkandung di dalam terma *preference* itu Ahli-ahli PTC bertanggungjawab memantau, mengikuti, mengkoordinasikan pelaksanaan projek-projek mega di Negeri Pulau Pinang, seharusnya ialah ahli-ahli PTC bertanggungjawab sepatutnya mengkaji, menilai, memperakukan untuk kelulusan pelaksanaan projek-projek mega di Negeri Pulau Pinang. Dan nampaknya PTC ini hanyalah *rubber stamp*, dengar saja taklimat-taklimat, buat bengkel tadi ada dibangkitkan tentang satu bengkel yang mana NGO memberi cadangan balas dan soalan ditanya setakat manakah cadangan balas itu akan diperhalusi dan dinilai keberkesannya. Tambakan laut di Selatan Pulau Pinang tidak seharusnya dimasukkan kerana belum diluluskan oleh DEIA dah masuk dalam senarai untuk dipertimbangkan oleh PIP itu. Pembinaan Terowong Dasar Laut masih terdapat kekeliruan sama ada hendak diteruskan atau tidak kerana dalam sidang Dewan Undangan yang lepas, Ketua Menteri menyatakan hendak dibuat Jambatan Ketiga. Tiba-tiba aja nak buat, umum Jambatan Ketiga kalau Kerajaan Pusat setuju. Kemudian hantar surat dua keping, dua helai, untuk mendapat kelulusan membina Jambatan Ketiga tanpa sebarang kertas kerja, kertas cadangan dan sebagainya dan telah disusuli pula oleh Menteri Kerja Raya tidak pun dijawab. Sebenarnya bila Y.A.B. Air Putih mengeluarkan kenyataan nak membina Jambatan Ketiga, itu hanya omong-omong kosong saja, tak serius, sebenarnya Kerajaan Negeri telah pun memutuskan nak buat, semua projek-projek di bawah Pelan *Master Plan* Pengangkutan...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Nak buat jambatan?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

No, no, bukan. Sebenarnya saja acah-acah saja, nak buat jambatan ketiga itu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Adakah itu tadi Yang Berhormat sebut bahawa JKR ada rancangan nak buat jambatan ketiga. Saya nak sahkan. Kerana itu yang disebut oleh Yang Berhormat tadi.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Pihak JKR minta bagi cadangan terperinci kalau nak buat jambatan ketiga, tapi tak disusuli pun dengan satu kertas yang terperinci untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan Pusat jadi kenapa tiba-tiba saja nak buat jambatan ketiga? Dan di sini juga adalah selain daripada itu bagi melaksanakan peranan Ahli Majlis adalah lebih, saya cadangkan tadi lebih baik *Penang Transport Council* ini bermesyuarat sekurang-kurangnya setiap 3 bulan dan jumlah minima yang dinyatakan 10 orang adalah tidak munasabah, dari 38 orang, 10 hanya hadir cukup. Dicapangkan keahlian minima adalah separuh daripada jumlah keseluruhan jumlah PTC, jadi YB. Yang di-Pertua, memang kita akui bahawa masalah kesesakan lalu lintas adalah masalah besar di Negeri Pulau Pinang. Dan keutamaan haruslah dibuat untuk memberi keselesaan kepada rakyat Negeri Pulau Pinang dan selepas itu pengunjung-pengunjung yang datang ke Negeri Pulau Pinang. Buat masa ini kita pun faham masalah pengangkutan ini menyebabkan kehilangan masa bekerja, rakyat Negeri Pulau Pinang meningkatkan stress dan menyebabkan pelbagai masalah kesihatan dan sebagainya. Tetapi kita harus ambil kira bahawa Kerajaan Pusat telah pun membantu menolong menyediakan pengangkutan Bas Awam di bawah Prasarana melalui Rapid Penang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

YB. Telok Ayer Tawar, saya nak ucapkan tahniah kepada Barisan Nasional.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Di mana-mana Bandaraya kita pergi pun, termasuk Bandaraya Warisan. Kita ada bas, dan kita ada pengangkutan bas, jadi di sini Rapid Penang telah pun menyediakan kemudahan pengangkutan bas kepada rakyat Pulau Pinang bukan sahaja di Pulau tetapi di belah Seberang, sampai ke kawasan-kawasan yang syarikat swasta tak mau masuk kerana ada dasar untuk membantu rakyat ini ada CSR dia yang laluan yang rugi pun Rapid Penang pergi untuk menyediakan kemudahan asas kepada rakyat. Tapi di sini kita dapati pertumbuhan kenaikan bas di Negeri Pulau Pinang adalah pertumbuhan yang cukup sihat bertambah 5% setahun, dan Rapid Penang telah membelanjakan 134.87 juta untuk menyediakan, ini merupakan kos operasi, Rapid Penang sejak tahun 2007. Isunya di sini YB. Yang di-Pertua, kenapa tidak disediakan atau diberi kemudahan kepada Rapid Penang untuk menggunakan laluan dengan baik untuk, memberi kemudahan pengangkutan bas kepada Rakyat Pulau Pinang, yang mana kita dapati di sini pada tahun ini sahaja setakat sampai September 37,468 orang menggunakan kemudahan bas Rapid ini. Dan mereka mensasarkan akhirnya sejak 2007 hingga sekarang dan ke depannya lebih RM49 juta akan dibelanjakan untuk menambahbaik kemudahan-kemudahan Rapid Penang.

Bila ditambah nanti dengan kemudahan-kemudahan lain pengangkutan awam, penggunaan bas kita tak pasti sama ada akan berkurangan atau tidak tetapi saya rasa perlu dibuat unjuran dan kiraan penggunaan kaedah-kaedah pengangkutan yang lain dicadangkan di bawah Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang kerana ini akan memberi kesan kepada *viability* keupayaan, istilah *viability* la senang faham ya. Kemudahan-kemudahan itu kerana kita sebenarnya perlu menyediakan kemudahan untuk rakyat Pulau Pinang. Rapid Penang memerlukan laluan bas yang lebih baik, *dedicated bus lane...* (dengan izin). Ini telah mereka mohon kepada Kerajaan Negeri dan mereka pun dah tambah lagi tarikan penggunaan bas dengan Bas *Double Decker* seperti Bandaraya-bandaraya yang besar London dan sebagainya. Dan sama ada laluan LRT dan sebagainya ini akan menyebabkan penggunaan bas Rapid ini menjadi *redundant* atau tidak diperlukan. Pembinaan depo-depo baru dan juga mereka memperkenalkan sistem tambang tanpa tunai, *cashless* dan laluan-laluan baru untuk bas *shuttle* dan sebagainya.

Jadi sebenarnya Kerajaan Pusat juga telah membantu menyediakan *public transport* penggunaan pengangkutan awam di Negeri Pulau Pinang dan kita perlu melihat juga perkhidmatan yang disediakan oleh feri Pulau Pinang kerana ini adalah satu tarikan kepada pelancong-pelancong, orang kalau datang ke Pulau Pinang nak naik jambatan lepas itu nak naik feri, dia sinonim dengan *Penang* dan kita mahu supaya feri-feri ini dikekalkan dan ditambah baik, perundingan harus dibuat dengan *Penang Port* dalam khidmat feri ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta penjelasan Yang Berhormat, berkenaan feri.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya bukan mewakili *Penang Port*.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya nak tanya Yang Berhormat, saya telah bangkitkan perkara ini dalam sidang Dewan yang lalu tentang kerisauan saya mengenai tahap keselamatan feri-feri yang digunakan sekarang, kerana saya ada keratan akhbar yang menunjukkan dalam tiga empat bulan yang lalu terdapat *incident* kebocoran dalam satu feri yang digunakan dan juga lesen kegunaan atau pun premit keselamatan dalam feri-feri tersebut juga telah pun saya difahamkan tidak diperbaharui dan ini menimbulkan kerisauan maklumlah, di Malaysia ini selalunya kita menunggu sehingga berlakunya sesuatu kejadiannya barulah ambil tindakan. Saya faham semua feri-feri yang digunakan ini ialah feri-feri lebih 20 tahun yang lalu. Kita tidak dimaklumkan tentang tindakan penyelenggaraan, *maintenance* dan sebagainya yang diambil jadi adakah Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa kita perlu memberi perhatian yang lebih serius kepada *maintenance* feri-feri yang kita perlu lihat memang menjadi satu *icon*, (dengan izin), tarikan pelancong di Pulau Pinang, tahap keselamatan terutamanya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih YB. Seri Delima yang telah membangkitkan isu keselamatan, saya kira saya setuju dengan pandangan YB. Seri Delima, kita nak supaya feri-feri ini yang digunakan oleh rakyat dipastikan keselamatannya supaya tidak menjejaskan pengguna-pengguna.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Terima kasih YB. Telok Ayer Tawar, YB. Dato' Speaker, saya setuju dengan YB. Seri Delima, saya setuju sungguh-sungguh apa pendapat, pandangan dan buah fikiran daripada YB. Seri Delima, dalam bab feri ini. Saya sokong sehabis baik. Suka juga saya tambah kita tahu keadaan feri hari ini nampak macam rugi tapi dalam masa yang sama saya difahamkan ada usaha-usaha yang telah pun dilakukan oleh pengurusan dan pentadbir feri. Contohnya, memberi kebenaran kepada sesiapa sahaja untuk adakan majlis-majlis keraian, majlis perkahwinan, buat kali pertama, kedua dan sebagainya di atas feri, dibawa belayar apa semua itu, YB. Telok Ayer Tawar, dan saya yakin jadi kalau ada sambutan yang sebegini sudah tentulah akan ada keuntungan dia dan dengan sendirinya di Pulau Pinang kita kaya dengan sumber-sumber pelancongan dia sebut Pulau Pinang sudah tentu ada dia punya sumber-sumber pelancongannya dan dengan feri ini mendatangkan kebaikan kepada syarikat itu sendiri. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ya. Kita harus ingat dan harus juga berterima kasih kepada Penang Port kerana menyediakan khidmat pengangkutan feri yang mengenakan caj yang cukup rendah. Sehingga mengalami kerugian, kerugian di dalam pengangkutan penumpang pengangkutan kenderaan dia untung, jadi ada *cross* subsidi di situ, dengan aktiviti-aktiviti pelabuhan yang lain untuk menampung kerugian operasi pengangkutan penumpang. Jadi ianya telah pun dari zaman dulu Barisan Nasional diawasi untuk memastikan bahawa tiket tambang feri ini tidak dinaikkan dah banyak kali nak dinaikkan dan kita tak setuju dulu pun... (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan, inilah contoh Kerajaan Barisan Nasional, terbaik.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kita nak pastikan bahawa pengguna-pengguna jalan kaki ini, yang berulang-alik kebanyakannya dari Pulau ke Seberang ini dapat menggunakan khidmat feri dengan kos yang paling rendah walaupun operasinya mengalami kerugian. Jadi kita terima kasih kepada Penang Port. Dan kita harap ini akan diteruskan tetapi aspek-aspek *maintenance*, penyelenggaraan, feri ini perlulah diambil perhatian untuk memastikan bahawa keselamatan penumpang terjamin.

YB. Dato' Speaker saya ingin pergi ke isu banjir. Memang akhir-akhir ini Pulau Pinang mengalami bencana banjir yang begitu teruk sekali. Bila banjir berlaku, ia adalah disebabkan dua (2) perkara sahaja. Iaitu keadaan semula jadi, hujan, ombak besar, *supermoon* yang menyebabkan air pasang besar. Itu kita tidak boleh kawal. Sebab kedua ialah kerana sungai-sungai kita sudah menjadi cetek, parit-parit longkang tersumbat, sampah sarap dibuang dengan begitu berleluasa. Yang ini...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Bagi saya habiskan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Sedikit sahaja. Yang Berhormat, tengok ini Yang Berhormat. Ini apa dia ini? Ini bukannya yang sungai tersumbat. Semua tidak sebut.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Okey, terima kasih. Saya kata dua (2) elemen yang menyebabkan banjir. Satu, kuasa alam. Nombor dua, masalah ditimbulkan oleh manusia. Jadi perancangan, tindakan, pemantauan tentang pembangunan di kawasan-kawasan lereng-lereng bukit, di kawasan-kawasan yang sensitif. *Flood prone* atau mudah naik air, *flood prone area*, kawasan mudah naik air dan juga masalah pencemaran, pembuangan sampah yang berleluasa yang menyebabkan parit-parit, longkang-longkang tersumbat. Bila ini berlaku, rakyat mengalami penderitaan dan kerugian. Kita boleh bantu bagi sedikit bantuan. Wakil rakyat semua bila jadi banjir, memang teruk semua, kena pusing kawasan, pergi bantu, beri makan, buat Pusat Penempatan Banjir dan sebagainya tetapi kita tidak boleh memberi bantuan yang sepenuhnya. Macam mana pun rakyat akan rugi. Perabot rosak, rumah senget dan sebagainya. Jadi perkara yang kita tidak boleh kawal seperti hujan lebat dan sebagainya, kita tidak boleh atasi tetapi masalah-masalah pembangunan, masalah parit-parit longkang tersumbat, ini adalah dalam kawalan kita. Dan harus diberi penilaian semua. Saya tengok di sini, laporan-laporan, banyak laporan tentang kawasan bukit diteroka, lereng-lereng bukit diteroka. Kita dimaklumkan dalam beberapa kenyataan yang dibuat oleh Ketua Menteri dan Ahli-ahli EXCO Kerajaan Negeri hendak pakai *drone*, MBPP hendak pakai *drone* untuk pergi tengok semua ambil gambar tentang pembangunan ataupun pencerobohan yang dilakukan di kawasan-kawasan lereng bukit dan sebagainya. Terutama sekali penerokaan haram yang dibuat oleh penduduk Pulau Pinang untuk, dulu tanam durian, buah pala sekarang tanam sayur. Gambar pun ada di sini, tanam sayur.

Di kawasan-kawasan mungkin bukan di dalam rizab hutan simpan, tetapi berhampiran, sebelah rizab hutan simpan yang sepatutnya merupakan *buffer zone* atau kawasan penampungan. Dan ini juga menyebabkan kawasan ini ditarah untuk ditanam seperti mana apa yang berlaku di Cameron Highland. Bila hujan turun dengan lebat, kawasan ini tidak ada tadahan dan tidak boleh menampung arus deras seperti mana gambar yang ditunjukkan oleh YB. Telok Bahang tadi. Jadi saya hendak minta laporan, kalau sudah buat, pasang *drone* pergi ambil gambar ini semua, berapa hasilnya, berapa banyak kawasan-kawasan yang telah diterokai secara haram tanpa kebenaran dan apakah tindakan yang dibuat untuk mengatasi atau membendung dan membanteraskan penerokaan haram ini...(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Saya minta laluan. Terima kasih YB. Telok Ayer Tawar, terima kasih Dato' Speaker. Suka juga saya memberi teguran yang mesra kepada jabatan-jabatan untuk membuat penambahbaikan, YB. Dato' Speaker. Contohnya kepada JKR, kepada JPS dari segi penyelenggaraan parit-parit, longkang dan sebagainya ini. Apabila wakil-wakil rakyat dapat maklumat dan buat teguran kepada jabatan, parit-parit, tali air ataupun longkang-longkang yang berkenaan minta supaya jabatan-jabatan ini kenal pasti. Kalau JKR, selesaikan masalah perparitan JKR, JPS sama juga. Jangan bila kita maklum kepada JPS, JPS kata ini parit JKR. Bila kita mendapat maklumat yang begini. Bila kita pergi dengan JKR, JKR pula patah balik kepada JPS. Jadi ini kita tidak tahu siapa yang mengendalikan.

Dalam Dewan yang mulia ini, suka saya memberi teguran yang mesra untuk membuat penambahbaikan dan rakyat peroleh keselesaan. Itu yang pertama. Yang kedua, yang bersangkutan paut dengan banjir juga, saya ada keratan surat khabar hari ini. TV ambil, tunjuk betul-betul dalam TV malam ini. Kerajaan Negeri hanya mesra pemaju dalam erti kata yang cukup luas ini. Jadi yang disebut dalam surat khabar Harakah ini bukannya orang UMNO, bukan orang Barisan Nasional. Ini Pesuruhjaya PAS Pulau Pinang. Dia kata kelulusan sesuatu projek perumahan ikut prosedur, ikut kehendak pemaju sahaja. Ini satu persoalan yang harus dijawab oleh kerajaan yang berkuasa pada hari ini. Begitu juga pada Pesuruhjaya PAS tersebut. Cerun-cerun bukit ditarah dengan sesuka hati dan ini menyebabkan saluran air tersekat dan ini menyebabkan banjir kilat. Contohnya boleh dilihat di Telok Bahang di mana-mana juga yang berlaku. Ini satu.

Yang keduanya, sedikit lagi saya suka tanya juga. Saya akui dengan kewibawaan wakil-wakil rakyat dari sebelah sana. Kalau sekian tempat banjir, kita sampai dan kita pastikan tempat yang sebenarnya kita pergi adalah tempat banjir. Ini berlainan dengan Y.A.B. Air Putih ini. Banjir di tempat lain, dia pergi tanya di tempat lain. Ini Y.A.B. Air Putih, tidak ada dalam Dewan. Ini tengok gambar jelas, di mana sebenarnya. Satu lagi, ini pun satu lagi. Kalau di Selangor, tidak cukup air, BN juga yang salah dan di Pulau Pinang banyak pula air, BN juga yang salah. Jadi saya hendak rakyat di luar sana menilai akan kewibawaan akan Barisan Nasional yang memerintah sudah sekian lama. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat, minta laluan sedikit. Saya juga terpanggil, kawasan saya ini banyak banjir... (gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli Yang Berhormat ada masa lagi untuk berbahas. Biar Ketua Pembangkang....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Sedikit sahaja. Saya memang tidak boleh *accept* mengenai banjir ini. Saya hendak minta kepada jabatan seperti JKR dan JPS. Saya tengok bajet dalam tahun 2015 tidak habis digunakan. Tolong habis gunakan bajet untuk kepentingan mengawal banjir ini, tebing-tebing sungai dan sebagainya. Bukan perlu wang yang banyak pun, duit itu ada tetapi tidak digunakan. Yang Y.A.B. Air Putih tunjuk, *surplus*, pandai tadbir wang. Wang tidak ditadbir secara yang betul. Tolong habiskan wang supaya kita boleh mengatasi banjir.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih. Saya hendak rujuk kepada laporan suratkhbar The Star yang menyatakan Lintang Bukit Jambul ditarah untuk projek-projek mewah dan jawapan oleh YB. Padang Kota bahawa yang berlaku di situ ialah untuk memotong bukit untuk pembinaan jalan raya di bawah *PIL (Penang Island Link) Project*. Dan *Penang Island Link* ini adalah satu daripada projek di bawah PTMP.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Pembetulan, saya pun sudah buat pembetulan pada masa itu, itu tidak sangkut paut dengan PIL, itu jalan dari Thean Teik ke Bukit Jambul yang diberi nama Bukit Kukus.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Bukit Kukus? Okey. Dan juga kenyataan yang dibuat oleh Dr. Tam Suan Ping yang mewakili Penang Forum bahawa terdapat 56 pemajuan yang diluluskan di kawasan lereng bukit, 250 kaki ke atas di seluruh Negeri Pulau Pinang. Saya minta dijawab sama ada kenyataan ini benar atau tidak. Nantilah. Dan ini adalah juga satu daripada kerisauan-kerisauan rakyat Negeri Pulau Pinang, bila lihat air terjun berlaku di kawasan-kawasan yang tidak pernah ada air terjun, banjir teh tarik yang telah disebut oleh Kawasan Bertam dahulu sekarang sudah jadi berleluasa di kawasan-kawasan yang belum naik air. Dan ini kita tidak boleh menyangkal langsung bahawa ini tidak ada hubung kait secara terus menerus dengan

projek-projek pembangunan yang telah diluluskan dan sedang berjalan di merata-rata tempat di Negeri Pulau Pinang.

YB. Dato' Speaker, sehubungan dengan itu juga saya ingin menarik perhatian tentang RFP (*Request For Proposal*) untuk pembangunan Bukit Bendera. Saya rasa Bukit Bendera ini kita semua *sentimental*, itulah bukit yang ada pun di Negeri Pulau Pinang. Jadi walaupun kawasan-kawasan dekat Bukit Bendera itu banyak sudah dibotakkan dan menjadi isu besar dari jauh, kita dari Seberang Perai nak masuk sudah nampak kawasan-kawasan bukit kita. Jadi di sini, bantahan-bantahan yang telah dikemukakan oleh banyak pihak, bukan sahaja NGO, kawasan-kawasan penduduk Negeri Pulau Pinang tentang cadangan untuk membangunkan Bukit Bendera oleh *Penang Hills Corporation*.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Yang Berhormat, sedikit sahaja ataupun *last*.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Sikit-sikit, lama-lama jadi bukit, tau.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Ini mengenai bukit juga ini. Kita mempersoalkan mengenai bukit, YB. Telok Ayer Tawar. Sedikit sahaja. Saya ingat lagi masa saya masih belajar dahulu, saya suka baca mengenai Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini. Jadi saya dapati masa itu, bapa kepada Y.A.B. Air Putih sendiri yang membantah sekeras-kerasnya kerajaan pada masa itu untuk hendak bangunkan Bukit Bendera. Tetapi hari ini bagaimana pula, ini saya hendak mempersoalkan Y.A.B. Air Putih macam mana pula Yang Amat Berhormat yang ada hari ini hendak buat balik, hendak bangunkan. Macam mana? Ini amat bertentangan, hendak buat hotel dan sebagainya, hendak buat semua. Ini amat bertentangan dengan apa yang dibuat oleh bapa Y.A.B. Air Putih dulu. Ini nampaknya jelas menderhakai.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya bagi laluan sedikit sahaja. Tambah banyak sangat ni.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Sedikit lagi sahaja. Ini sudah tentulah mengecewakan rakyat di luar sana. Ini ayatnya yang saya hendak sebut akhir. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Memang semasa mendiang Tun Dr. Lim Chong Eu menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang sudah ada satu cadangan oleh *Berjaya Group* untuk membangunkan Bukit Bendera dan ia mendapat tentangan hebat oleh bapa Air Putih dan NGO-NGO sehingga ianya dibatalkan. Jadi adalah ironinya kepada situasinya sekarang bila Y.A.B. Air Putih sebagai Pengerusi Perbadanan Bukit Bendera mencadang dan merancang untuk membangunkan Bukit Bendera. Sekarang ini pun sudah ada 1.6 juta, kalau tidak silap saya, pengunjung yang datang ke Bukit Bendera setahun. Bukit kecil itu setakat mana boleh menerima pengunjung? Dan banglo-banglo yang sudah ada di atas itu, eloklah dibaik pulih, dielokkan dijadikan tempat penginapan dan sebagainya. Tetapi kalau hendak ditambah, saya tidak tahu betul atau tidak betul, hotel 300 bilik dan sebagainya, ini sudah melampau. Lebih daripada yang perlu untuk menarik orang ke Bukit Bendera. Saya teringat Twin Peak di Hong Kong, Hong Kong ini lainnya kawasan di Hong Kong tidak menerima air hujan macam kita di sini. Tidak mengalami cuaca Tropika jadi ia menjadi tarikan begitu baik semua orang kalau pergi sana nak naik tengok bandar Hong Kong dari pandangan yang begitu indah di kawasan tinjauan Twin Peak ya. Kita galakkan pelancong naik Bukit Bendera kita baiki *funicular trail* Kereta api Bukit Bendera itu untuk tambah baik kemudahan dan juga menambah pengunjung ke atas tetapi bagaimana kita nak mengurus supaya pembangunan di atas Bukit Bendera itu tidak akan menjejaskan *ecology*, tidak akan menjahanamkan apa yang ada di kawasan yang begitu cantik dan indah dan kita dimaklumkan kawasan Bukit Bendera ini mempunyai flora dan fauna tumbuhan yang unik

sehingga Kerajaan Negeri ada menguar-uarkan nak mencadangkan kepada UNESCO untuk mengezetkan sebagai Hutan Simpan Ecology ataupun *Eco Forest* untuk mengekalkan memelihara tumbuh-tumbuhan yang unik di kawasan Bukit Bendera.

Jadi memang kalau diteruskan cadangan itu ianya sekali lagi akan menarik ataupun menimbulkan bantahan daripada banyak pihak, saya rasa penduduk Pulau Pinang tak mahu Bukit Bendera ini dirosakkan dengan tambahan pemajuan yang akan membawa begitu ramai pengunjung dan akhirnya kita hilang pedoman begitulah juga dengan apa yang berlaku di Pantai Jerejak bukan Pantai Jerejak, Pulau Jerejak. Kalau nak bangunkan tengok balik konsep asal Pulau Jerejak. Asalnya untuk menyediakan kemudahan-kemudahan produk pelancongan, *golf course* dan *resort* serta lain-lain produk yang amat *Eco-friendly* dan tidak menjejaskan persekitaran Pulau Jerejak yang hijau dan semula jadi. Saya pun ada bertanya di dalam soalan saya penggal lepas tentang cadangan untuk ataupun rancangan untuk mengezetkan hutan di Pulau Jerejak itu kenapa tidak dibuat? Rupa-rupanya ada undang di sebalik batu ada sebalik mee sebalik batu, Yang Berhormat jangan sebut makanan kita semua dah lapar ini. Perancangan itu tidak mahu diumumkan kalau tadi YB. Padang Kota kata dah tiga tahun dok dirancang tapi saya baru tanya soalan penggal lepas dan kelulusan diberi untuk perancangan yang begitu padat dan walaupun ini adalah bertujuan untuk mendapat pulangan yang tinggi untuk menarik lagi ramai orang membeli unit-unit yang akan dibangunkan sehingga 1,200 unit yang akan dibangunkan di Pulau Jerejak itu nanti. Ia nak bina jambatan walaupun dikatakan kenderaan tak boleh masuk saya tak faham macam mana nanti orang nak pergi duduk di rumah-rumah itu nak pergi *resort* kalau tak boleh masuk kenderaan kalau sekarang hanya pakai bot maknanya kena tambah lagi bot keliling Pulau Jerejak itu untuk memudahkan orang menggunakan ataupun berulang alik. Jadi ini dia pulau kita, bukit kita, gunung kita semuanya dah dirancang begitu banyak sekali oleh Kerajaan Negeri. Pantai kita pun dah habis, dah habis lah pulau habis ada yang kita ada yang begitu kita sayang bernilai ini telah di akan di buka, di cerahkan, ditarah, dibangunkan dengan begitu banyak pembangunan....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta penjelasan, sedikit sahaja. Saya nak tanya, minta penjelasan berkenaan dengan Bukit Bendera dan Pulau Jerejak. Yang Berhormat bersetuju dengan saya walaupun dengan perancangan-perancangan ini dibuat, Kerajaan Negeri masih berpegang kepada prinsip tidak akan membenarkan mana-mana rumah perjudian dibuka di dua-dua tempat ini seperti yang telah dibenarkan di tempat seperti Genting Highlands. Yang Berhormat bersetuju bahawa perancangan- perancangan ini masih teratur dan masih berpegang kepada prinsip yang mengikut prinsip-prinsip moral untuk tidak membenarkan apa-apa rumah perjudian walaupun ada desakan oleh ataupun nasihat daripada salah seorang daripada Yang Berhormat daripada UMNO sendiri dan Parti yang baru ditubuhkan untuk membuka rumah perjudian untuk menggalakkan industri pelancongan di Pantai Jerejak. Setuju Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih YB. Seri Delima. Saya ingat kita tak payah kita cakap pun, tak ada siapa yang dalam Dewan ini yang akan bersetuju untuk bina *Casino* di situ. Pulau Pinang tak perlu *Casino* untuk mempromosikan Pulau ini, Pulau Pinang dah masyur di seluruh dunia. Masa saya belajar di London duduk Westbourne Grove ada satu kedai nama dia Penang Laksa. Kedai itu di Westbourne Grove namanya Penang Laksa, masih ada. Jadi itu dia begitu mahsyurnya Pulau Pinang produk dia pun dah jadi masyur jadi itu dia kalau ada siapa-siapa pun yang nak cadang kami di sini dan saya percaya semua yang di depan pun tidak akan setuju dan kita akan bantah habis-habisan. YB. Dato' Speaker dah pukul satu, saya belum habis, saya banyak lagi.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang ini saya nak bagi nasihat jangan bagi terlalu banyak laluan minta penjelasan. Yang minta itu nanti saya akan senaraikan, saya akan tolak masa pembahasan. Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan berhenti berehat dan akan bersambung pada jam 2.30 petang nanti.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.10 tengah hari.

Dewan bersambung semula jam 2.30 petang.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan disambung semula. YB. Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung perbahasan saya tentang ucapan bajet oleh Ketua Menteri pada 15hb yang lalu. Di dalam ucapan tersebut Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan membelanjakan RM220 juta untuk pembiayaan projek-projek mitigasi banjir merupakan pembiayaan langsung Kerajaan Negeri, PBAPP, MBPP dan MPSP dan ini tidak mengambil kira peruntukan sebanyak RM150 juta yang dijanjikan oleh Kerajaan Persekutuan.

Saya ingin merujuk kepada perenggan 28 dan 29 di mana Kerajaan Negeri juga melalui Perbadanan Bekalan Air akan menyediakan peruntukan sebanyak RM50 juta untuk projek pembinaan paip besar. Ini adalah di perenggan 29 dinyatakan kerana demi mengikis persepsi negatif bahawa PBAPP ada melepaskan air daripada empangan Air Itam. Projek paip air besar akan dibina untuk mengalihkan air daripada empangan Air Itam ke empangan Telok Bahang dan seterusnya jadi ini menunjukkan bahawa sebahagian besar sebanyak RM50 juta akan diperuntukan untuk mengikis persepsi negatif. Bukan saya cakap ini Y.A.B. Ketua Menteri cakap. Jadi Bajet-bajet Kerajaan Negeri ini sebahagian yang besar adalah juga untuk menangkis persepsi-persepsi negatif, jadi ini saya rasa adalah saya rasa satu asas pertimbangan yang tidak wajar kerana yang penting di sini adalah mengatasi masalah atau isu-isu penting yang dihadapi oleh rakyat dan didapati juga RM9.45 juta akan dibelanjakan oleh MPSP untuk menangani isu banjir kilat di mana RM7.5 juta adalah untuk kerja-kerja menyelenggarakan Parit Monsun, Kolam Takungan dan penyelenggaraan Rumah Pam. Jadi YB. Timbalan Yang di-Pertua, RM220 juta adalah jumlah yang besar dan ianya adalah untuk projek-projek mitigasi di dapati sini antara projek-projek mitigasi yang dicadangkan, senarai yang diberi di muka surat 13 yang mana peruntukan RM150 juta oleh SPS untuk Sungai Permatang Rawa, Sungai-Sungai Padang Lalang, Bukit Tengah daerah Seberang Perai Tengah untuk Taman Mangga, Alma Daerah Seberang Perai Tengah, Mak Mandin, Sungai Relau, Taman Iping Daerah Barat Daya, Kampung Naran Daerah Barat Daya, saya rasa kawasan-kawasan ini bukan sahaja kawasan-kawasan yang dilanda banjir banyak lagi kawasan yang dilanda banjir tapi peruntukan-peruntukan tidak dinyatakan di sini yang akan diberi di bawah RM220 juta dan RM150 juta oleh JPS ini. Saya ingin menarik perhatian permohonan oleh Penanti untuk menangani isu-isu banjir di kawasan Penanti tak ada pula yang diberi dinyatakan di sini. Ini saya rasa banyak lagi kawasan-kawasan yang terjejas dan saya nampak dari senarai ini semua kawasan-kawasan yang mana wakilnya dari DAP. Jadi janganlah peruntukan-peruntukan projek ini....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Di mana kawasan DAP? Sungai Permatang Rawa, Kampung Permatang Rawa, Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Ong Chin Wen):

Bukit Tengah bukan DAP.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

DAP, PKR semua....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Taman Mangga, Alma.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Satu pun tak ada dalam sepuluh kawasan kami ini

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Mak Mandin mungkin lah, Sungai Relau, Sungai Iping.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Mak Mandin adalah kawasan Air Putih, kawasan Parlimen Bagan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow) :

Ya saya katakan Mak Mandin la, melainkan Mak Mandin.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Mak Mandin bukan DAP ke?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Ya lah saya kata ya, selain dari itu?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Selain daripada DAP, saya tambah PKR dan lain-lain tetapi tak termasuk kawasan-kawasan di bawah Barisan Nasional.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Sungai Muda, Sungai Kerian....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya kata tak disenaraikan, tambahlah kalau nak tambah. Jadi di sini ada tadi dinyatakan bagaimana untuk mengimbangi peruntukan-peruntukan ini untuk memasukkan keperluan-keperluan kawasan-kawasan lain yang juga menghadapi masalah banjir dan juga masalah peparitan yang dihadapi.

Saya ingin menarik perhatian laporan yang telah dibuat oleh *World Economic Forum* yang menyatakan bahawa dengan penggunaan plastik sejak 100 tahun dahulu menyebabkan masalah alam sekitar yang begitu serius kerana setiap minit satu lori sampah plastik di buang ke dalam lautan. Jadi ini global lah, *alright*. Ini untuk kita ambil iktibar bahawa dunia lautan-lautan kita menghadapi pencemaran daripada plastik dan didapati juga 32% daripada 78 juta tan plastik *packaging*, pembungkusan plastik yang dikeluarkan setiap tahun di buang ke dalam lautan dan hanya 14% daripada pembungkusan plastik ini 14% sahaja yang dikitar semula dan 2% sahaja digunakan di dalam pembungkusan yang di kitar semula. Jadi ini bermakna tidak berapa lama lagi menjelang 2030, jumlah plastik akan melebihi jumlah ikan di dalam lautan. Kita bila nelayan pergi bubuh pukat naik plastik daripada ikan, inilah senarionya dan kita pun *contributor* juga. Kita juga menyumbang kepada masalah pembuangan plastik global. Ya ada program untuk mengurangkan plastik ataupun menggunakan beg plastik di mana pasaraya-pasaraya kena cas duit kepada penggunaan plastik tapi ini tidak mencukupi. Ini baru kita cakap tentang plastik belum cakap lagi tentang sampah sarap yang dibuang ke dalam parit ke dalam sungai dan akhirnya

masuk ke laut. Kalau kita pergi Pulau Aman, saya dimaklumkan nelayan diupah untuk mengutip sampah di Pulau Aman kerana kalau tidak Pulau Aman itu nanti jadi Pulau Plastik Pulau Sampah sebab dia duduk di kawasan muara Sungai Perai dekat dengan muara Sungai Perai dan sampah sarap dari Sungai Perai akan terperangkap di Pulau Aman. Jadi bagaimanakah sebagai sebuah negeri yang sedang membangun ini yang mana penggunaan plastik adalah satu budaya yang telah menjadi budaya harian kepada rakyat kita harus dilaksanakan program atau aktiviti untuk mengurangkan penggunaan plastik dan mengurangkan penggunaan sampah ke dalam saluran-saluran parit dan sungai. Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan telah melaksanakan program kitar semula dan pengasingan dari sumber *at source* dan ini sedang giat berlaku dilaksanakan tetapi yang lagi penting yang kita tumpu dan laksanakan ialah memberi pendidikan dan kesedaran kepada rakyat dan ia harus bermula dari peringkat mula dari tadika dari sekolah rendah dan kempen untuk kebersihan jangan buang sampah ini amat penting untuk menerapkan nilai-nilai budaya bersih kepada masyarakat kita kerana ini adalah satu dari usaha untuk menangani masalah yang tadi akhirnya akan timbul banjir kerana sampah sarap yang tersekat di saluran-saluran parit dan longkang. YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, peruntukan harus disediakan untuk kempen pendidikan awal kepada penduduk Pulau Pinang kerana bila kita meningkat maju kita makin nak mudah menggunakan plastik-plastik ia *convenience* mudah tetapi ia akan memberi kesan jangka panjang kepada kehidupan kita.

YB. Dato' Timbalan Speaker, saya ingin menarik perhatian kepada isu yang diperbincangkan di bawah *World Economic Forum* iaitu *Global Gender Gap* ataupun lompong kesaksamaan gender. Indeks ukuran ke atas partisipasi dan peluang pencapaian ekonomi, pendidikan, kesihatan, kelangsungan kehidupan dan pengupayaan wanita menunjukkan tahap peningkatan yang amat perlahan ke atas kesaksamaan gender dan kalau diukur dengan dasar-dasar negara yang digunapakai sekarang akan mengambil 83 tahun untuk dilaksanakan dan walaupun terdapat kemajuan, negara-negara asia timur seperti Malaysia mencatat tahap kemajuan yang amat lemah. Ini bermakna anak perempuan kita kalau dilahirkan hari ini di Malaysia hanya akan menyaksikan a *level playing field* iaitu kesaksamaan gender di dalam peluang-peluang kesihatan, pendidikan, peluang ekonomi dan politik selepas dia berumur 83 tahun.

Di Malaysia sendiri walaupun terdapat kesaksamaan gender dalam aspek pendidikan dan kesihatan tetapi masih terdapat jurang yang besar dan di partisipasi ekonomi dan politik iaitu dalam tahap 106 daripada 144 negara di dunia. Tangga teratas diduduki oleh negara-negara Nordic seperti Iceland 87%, Finland, Norway, Sweden dan Uganda, Ireland, Philippines, Slovenia, New Zealand dan Caraqua. Iceland menduduki tangga ke atas bila ia mencatatkannya 64% paling mentaliannya adalah wanita. Di Malaysia kita hanya 8% jadi lompong itu begitu besar sekali. Untuk dicapai itu saya kata 83 tahun barulah nak sampai ke tahap itu.

Wanita di Malaysia menerima pendapatan 20% kurang daripada lelaki. Dan jawatan-jawatan tinggi yang membuat keputusan 30% kurang daripada lelaki dan kita dapati penglibatan wanita di sektor pekerjaan sebagai guna tenaga masih lagi kurang. Walaupun di peringkat rendah ada kelebihanannya partisipasi wanita iaitu 54%. Tetapi jumlah penduduk wanita melebihi sedikit bukan 50%/50% lelaki lebih sedikit jadi tidak ada justifikasi untuk kahwin dua, tiga atau sebab wanita lebih.

Jadi kita pun faham dan tahu bahawa kemasukkan di Institusi-Institusi Pengajian Tinggi memang wanita melebihi lelaki sampai dan juga di bawah struktur sosial di dalam budaya masyarakat kita. Oleh kerana lebih wanita berpelajaran tinggi sekarang dikeluarkan oleh universiti-universiti ini. Perkahwinan adalah di antara dalam oleh kerana budaya perkahwinan ini sosial srata sosial yang sama jadi kita dapati bahawa lebih kurang. Kurang lelaki yang sesuai untuk dipasangkan dengan wanita dan ini menyebabkan perkahwinan lambat *late marriages* dan juga oleh kerana itu tahap kesuburan pertambahan penduduk berkurangan. Ini juga oleh sebab jurang atau lompong sosial ini dan pendapatan dan oleh kerana sikap pemikiran lelaki yang perlu menguasai wanita terdapat tidak seimbangan bukan sahaja daripada pendidikan pendapatan sekarang, tetapi ianya menyebabkan pertambahan kepada keganasan terutama di rumah tangga dan keganasan sosial oleh kerana ketidakseimbangan ini....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta penjelasan Ketua Pembangkang. Ada juga aduan bahawa wanita di Malaysia pada masa ini tertarik kepada pekerja-pekerja ataupun lelaki warga negara asing. Di mana sejak kebelakangan ini tak kiralah sama ada daripada kaum India, Melayu atau Cina tertarik dan berkahwin dengan lelaki

warganegara Bangladesh dan Pakistan dan dikatakan rupa paras seperti Rajesh Khanna atau Shah Rukh Khan dan ini juga menyumbang kepada kelewatan ataupun tidak begitu lelaki daripada warganegara Malaysia yang dikatakan tidak dikatakan tidak begitu menarik kepada wanita dan saya ingin menyumbang ataupun meminta pendapat Yang Berhormat mengenai perkara ini. Di Pulau Pinang sahaja saya sendiri sebagai Peguam saya pernah mengendalikan kes-kes di mana isteri menuntut cerai kerana beliau tertarik pekerja kontrak berdekatan yang dikatakan rupa paras seperti Rajesh Khanna atau Shah Rukh Khan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih Ahli Kawasan Seri Delima. Sebenarnya bukan kerana wanita tempatan kurang tertarik dengan lelaki tempatan, tetapi saya ingat lebih daripada lelaki warga asing yang ingin mengambil kesempatan ke atas wanita dan mereka nakkan *convenience marriages*...(dengan izin). Perkahwinan yang memberikan faedah kepada mereka dari segi nak dapatkan status warganegara, penduduk kekal dan sebagainya untuk mendapat *security* bila datang ke Malaysia sebagai warga asing. Dan saya rasa ramai di kalangan wanita kita juga yang terpedaya dengan Shah Rukh Khan dan sebagainya. Dan lelaki-lelaki warga asing ini yang memikat mereka.

Terutama sekali mereka yang ada *access* kepada wanita di kampung-kampung, misalannya di pusat-pusat di kilang-kilang, bila mereka bawa masuk jual *carpet* masuk kampung. Dia masuk 10.00 pagi suami semua yang lelaki sudah pergi kerja dan mereka memberi tawaran boleh bayar perlahan-lahan boleh datang banyak kali kutip hutang dan bila jadi situasi macam itu memanglah ini membawa kepada banyak padah. Pada wakil rakyat kita semua biasa mengalami kes-kes di mana bila dah kahwin permit kerja dah tamat anak pun dah ada si suami kena balik dan mereka tersadai dengan keluarga yang perlu dibiayai sebagai ibu tunggal. Dan bersusah payah pula nak bawa masuk suami nak minta pula permit kerja nak minta pula status *permanent resident*. Jadi inilah saya ingat masalah yang dihadapi oleh wanita kita mengalu-alukan peranan yang dibuat oleh PWDC. Dimaklumkan dalam bajet yang baru dinyatakan ini RM1.5 juta diberi kepada PWDC. Pada pandangan saya jumlah itu tak cukup. Terlalu sedikit kepada 50% penduduk Pulau Pinang. Kerana ini adalah jumlah yang perlu digunakan untuk memperkasakan wanita. PWDC dimaklumkan saya pun ada baca buku-buku laporan semua memang banyak aktiviti yang dijalankan dan diberikan pengiktirafan di peringkat antarabangsa untuk membentangkan program di Bangsa-bangsa Bersatu. Yang paling penting di sini bagaimanakah Kerajaan Negeri nak membantu usaha untuk memperkasakan wanita di Negeri Pulau Pinang?. Kalau ada pengauditan di Pihak Berkuasa Negeri apakah kesan ke atas audit itu? Apakah perubahan dari segi dasar yang dilaksanakan?.

Bukit Bendera saya ingat minta nak buat, kejap saya bagi laluan nanti. Bukit Bendera nak buat tandas khas pun untuk *transgender* jadi sini sebelum nak pergi ke isu itu isu wanita ni pun berapa banyakkah bilik susuan disediakan di pejabat-pejabat Kerajaan Negeri? Berapakah banyakkah kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk ibu-ibu yang menyusu dan juga adakah disediakan juga dasar membenarkan waktu kerja anjal? *Flexible working hours* atau waktu kerja anjal untuk membolehkan wanita berkeluarga datang lewat balik lewat sikit tidak apa. Ataupun yang melahirkan anak dia boleh bercuti setahun untuk membesarkan anak dia lepas setahun dia boleh datang kerja balik. Ini adalah dasar-dasar yang boleh membantu wanita di sektor pekerjaan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih YB. Telok Ayer Tawar. Ada suatu dasar yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri ialah mengenai JKKK. Jadi dalam JKKK sekarang dikatakan kita mesti sekurang-kurangnya mesti ada satu kalau satu JKKK 15 orang mesti ada seorang sekurang-kurangnya seorang wanita. Tetapi kita nak berikan masa sampai mungkin dua (2) atau empat (4) tahun lagi dia mesti sampai 30% dalam JKKK itu adalah wanita. Ini adalah sangat jelas bahawa ini adalah dasar dan dalam juga Ahli Majlis kita juga mahu ingin tetapi ini belum diterima pakai. Di Selangor sudah diterima pakai dia sudah ada pekelling sudah keluar bahawa dalam semua Ahli Majlis dia seharusnya ada sekurang-kurangnya 30%, Ahli Majlisnya adalah wanita dan kami Pulau Pinang kita pun dalam usaha untuk mencapainya.

Saya rasa masa anjal *flexible hour*, *flexible hour* dia hanya boleh diterima pakai di sesetengah jawatan sahaja. Bukan semua orang boleh gunakan *flexible hour* ini umpamanya kalau dia adalah telefonis dia angkat telefon dia tak boleh. Kecuali kita benarkan dia ambil telefon di rumah. Dan ini juga kalau *service sector* dia tak boleh. Tetapi ada jawatan itu kalau boleh saya rasa kita mahu mula juga

tetapi dia ada yang datang lewat sikit balik lewat atau datang awal balik awal itu sudah dilaksanakan. Jadi saya rasa kita sama-sama berusaha kerana banyak perkara ini juga terlibat Kerajaan Pusat umpamanya kalau kita nak beri cuti, cuti memanjangkan cuti kepada kaum ibu yang baru bersalin. Itu kita perlukan mungkin pinda akta dalam pekerja. Saya rasa kita boleh sama-sama berusaha supaya kita betul-betul boleh melaksanakan memperkasakan kaum wanita di Pulau Pinang dan juga di Malaysia. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sikit Yang Berhormat. Saya juga nak minta Yang Berhormat iaitu pandangan Yang Berhormat kita jangan asyik cakap tentang wanita sahaja. Suami pun memainkan peranan. Masa melahirkan anak, masa menjaga anak memainkan peranan, di United Kingdom umpamanya ada peruntukan di mana suami diberi cuti apabila isteri bersalin. Bukankah sepatutnya Pulau Pinang juga kalau boleh kita mengimplimentasikan satu program baharu di mana ketika isteri bersalin sekurang-kurangnya minggu pertama atau sekurang-kurangnya dua minggu cuti diberikan supaya suami dapat bersama-sama dengan isteri supaya dapat memberikan perhatian kepada perkara-perkara asas seperti pembelian lampin, mendaftarkan anak tersebut dan sebagainya. Apa pendapat Yang Berhormat mengenai perkara ini kalau kita ingin menggalakkan, melahirkan anak banyak lagi, perkara ini juga harus diberi perhatian. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya rasa sudah ada dasar kemudahan. Sudah ada cuti 5 hari...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat, minta laluan. Saya ingat Seri Delima ini dia tidak tahu apa terjadi sebab kena marah dengan YB. Dato' Roslan dia pun tidak faham. Memang dah ada pun *parternity leave*.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Parternity leave.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Memang ada pun.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya minta ditambah. Ditambah.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Cakaplah ditambah. Saya ingat Yang Berhormat sudah *confused*.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Dua minggu sekurang-kurangnya, yang ada itu sekarang tidak mencukupi. *Mandatory*

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya minta YB. Seri Delima boleh buat usul. Boleh buat usul ditambah *parternity leave* ditambah bergaji. Jadi ini sebagai satu usaha untuk menambahkan dasar dan kemudahan untuk suami-suami bahkan lebih dari itu dasar-dasar yang mesra keluarga untuk membolehkan...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat, sedikit sahaja Yang Berhormat. Ini tidak diimplimentasikan di pihak swasta. Cuma mungkin dijamin oleh pihak kerajaan, masalahnya di pihak swasta cuti tidak diberikan. Mereka diwajibkan untuk ambil cuti sendiri. Mungkin perkara ini...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Swasta ada inisiatif mereka sendirilah. Atas *company policy* sendiri, jadi ini yang harus digalakkan dan Kerajaan Negeri perlu memberi galakan-galakan tertentu kepada sektor swasta, kalau kata audit tadi jangan audit kerajaan sahaja, audit swasta sama.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan, saya ingat di swasta macam *multi national company* semua ada. Macam Seagate, Hewlett Packard. Semua ada. Saya ingat YB. Seri Delima ini masih *confused* lagi.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri :

Panjang lagi ya?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya ingin menarik perhatian Dewan pada jeti nelayan yang telah dibina pada tahun 2011 di kawasan saya di Bagan Ajam yang mana peruntukan daripada Kerajaan Pusat disediakan kepada MICB sebagai agensi syarikat pelaksana sebanyak RM40 juta untuk membina jeti nelayan dan ia sepatutnya boleh menempatkan 200 bot-bot nelayan. Bot-bot nelayan itu walaupun jeti ini di Bagan Ajam digunakan dari Bagan sampailah ke Telok Ayer Tawar.

Semasa memulakan projek ini, pembinaannya melibatkan Fasa Pertama jeti dan untuk membina jeti itu perlu ditambah tanah seluas 2.6 ekar untuk tapak jeti dan ia merupakan *head land*, dan di *head land* inilah sepatutnya dijalankan Fasa Kedua. Dan Fasa Kedua ini melibatkan kemudahan-kemudahan untuk nelayan seperti bilik beku (*cold room*), untuk menyediakan ais, stor simpanan pukat, pejabat persatuan nelayan, kemudahan-kemudahan giliran iaitu untuk aktiviti ekonomi nelayan-nelayan seperti penjualan makanan asas hasil laut dan juga penjualan-penjualan kraf tangan dan sebagainya untuk meningkatkan ekonomi nelayan.

Sekarang Fasa 1 dah siap, tetapi dari 200 hanya 24 bot sahaja yang boleh menggunakan jeti itu kerana dari 2013 apabila ianya diserahkan kepada LKIM sampai sekarang sudah tiga (3) tahun, banyak kemudahan-kemudahan itu sudah rosak antaranya pontun itu sudah retak, pecah dan ada juga kemudahan tidak cukup misalannya pemecah ombak tidak cukup untuk menghalang ombak-ombak daripada memukul bot-bot nelayan yang ada diikat di situ. Jadi peruntukan tambahan perlu lagi ditambah untuk menambah benteng pemecah ombak, membaiki dan menambah pontun-pontun dan juga peruntukan tambahan untuk membina Fasa 2.

Jadi di sini pembinaan Fasa 2 menghadapi masalah kerana isu tapak. Isu tapak ini menjadi pertikaian kerana Kerajaan Negeri tidak mahu memberi kebenaran kepada LKIM, kepada Kementerian Pertanian untuk membina Fasa 2 dan oleh sebab itu kita tidak boleh memohon peruntukan itu. Jadi disinilah bagi pihak nelayan-nelayan disitu bukan sahaja kawasan saya tetapi juga kawasan Parlimen Bagan, saya berharap Kerajaan Negeri dapat memberi pertimbangan yang positif ke atas usaha untuk membaiki ekonomi nelayan dan menyediakan kemudahan untuk bot-bot nelayan disitu bahkan tapak itu kalau dimajukan ia juga boleh digunakan oleh nelayan-nelayan laut dalam untuk mendaratkan ikan-ikan tangkapan laut dalam.

Dan juga kita sedang berusaha untuk menyediakan Pasar Nelayan pertama di Pulau Pinang. Saya harap mendapat kerjasama daripada Seberang Jaya. Pasar nelayan ini akan memasarkan terus tangkapan ikan kepada pembeli. Kita dapati disini kalau kita hapuskan orang tengah, rakyat akan untung dan nelayan juga akan untung kerana misalannya kalau ikan kembong dijual kepada peraih ataupun orang tengah sebanyak RM4 sekilo dipasarkan secara runcit RM8. Kalau dijual dengan harga RM6,

nelayan masih dapat untung yang berlebihan, pembeli kita rakyat yang pergi beli pun untung kerana membeli hasil laut dengan harga lebih murah. Jadi ini akan memberi manfaat kepada semua pihak. Saya harap mendapat kerjasamalah daripada Kerajaan Negeri untuk memberi kebenaran kepada LKIM untuk membina jeti kemudahan nelayan di situ.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Saya minta penjelasan daripada YB. Telok Ayer Tawar. Saya agak risau sedikit kerana tapak tersebut kemudiannya akan ditambah laut oleh Rayston di mana kontrak telah diberi kepada Rayston semasa Yang Berhormat atau Barisan Nasional memerintah. Jadi, apabila tambakan laut dilakukan maka jeti ini akan ditimbus dengan pasir dan tambakan, jadi ia tidak lagi jadi satu jeti malah ia akan jadi daratan sahaja. Jadi sekiranya kita nak buat kemudahan-kemudahan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat, ia mungkin tidak sesuai kerana buat masa sekarang Rayston ada membuat cadangan untuk menghidupkan semula tambakan laut itu. Jadi apa pendapat Yang Berhormat sekiranya tambakan laut dapat dijalankan?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih YB. Bagan Jermal. Sebenarnya apabila projek ini dimulakan, konsesi Kerajaan Negeri kepada Rayston memang dah ada. Dan kita pun tidak tahu bila akan bermula, bila akan habis dan kita pun tidak tahu apa perancangan Rayston.

Jadi saya juga besar hati kalau boleh dapat tahu program ataupun perancangan penambahan laut yang akan dibuat oleh Rayston ini sebab ia menjadi satu tanda tanya dari dahulu sehingga sekarang. Juga tentang penambahan yang akan dibuat untuk terowong nanti sama ada ianya akan menjejaskan kawasan sebelah Pantai Bersih, Bagan Ajam dan sebagainya. Ini semua juga satu tanda tanya, dan kalau boleh juga dibuat satu perundingan dengan *stake holder*. Saya ingat LKIM adalah *stake holder* dalam perkara ini ia melibatkan hampir 300 nelayan di kawasan persisiran pantai itu yang akan terjejas dengan penambahan laut sama ada projek terowong ataupun Rayston. Jadi sekurang-kurangnya biarlah boleh berunding tengok macam mana untuk menyelamatkan jeti-jeti nelayan dan kehidupan nelayan di kawasan itu.

Sehubungan dengan itu, saya ingin menarik perhatian Dewan tentang soalan saya kepada YB. Padang Kota. Tentang terdapatnya dua (2) kedai berkembar di Pantai Bersih di Bagan Ajam yang sekarang sudah siap masa saya beritahu kepada pihak yang berkenaan di sini sedang dibina. Jawapannya di sini adalah sebab kedai ini adalah sederet kedai-kedai, restoran makanan laut yang beroperasi sekarang secara kekal. Ia bukan pondok ataupun gerai, tetapi kedai. Bangunan ini atas jawapan ini adalah sebenarnya diberi kebenaran kepada nelayan pada masa itu yang terlibat dengan pembinaan jeti dan bangsal nelayan kekal yang sepatutnya dibina di Kuala Bekah. Dan mereka ini ialah terlibat dengan penempatan semula kesan daripada projek *Butterworth Outer Ring Road (BORR)*.

Seingat sayalah jeti nelayan-nelayan ini hanya ada stor pukut sahaja. Stor-stor pukut dan stor-stor pukut ini adalah kebenaran yang telah diberi oleh Pejabat Tanah untuk kemudahan nelayan di situ sehingga mereka pindah ke Kuala Bekah. Jadi sekarang, stor-stor ini telah dibina bangunan kekal. Restoran-restoran makanan laut dan yang terakhir ini ialah dua (2) banguan Semi-D Berkembar yang saya rasa mendapat restu daripada Kerajaan Negeri untuk dibina. Kalau bagi TOL pun, bukannya lesen untuk membina bangunan kekal. Ia hanyalah untuk membina stor nelayan untuk menyimpan pukut.

Dan jawapan seterusnya, struktur binaan itu tidak mendapat kelulusan bertulis daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai melalui Pelan Kebenaran Merancang atau pelan bangunan. Oleh itu MPSP telah mengeluarkan notis binaan tanpa kebenaran, berhenti kerja, notis meruntuh bangunan pada bangunan tersebut. Jadi saya dan saya rasa rakyat Pulau Pinang nak tengoklah nak robohkah, kata suruh berhenti. Suruh berhenti dahulu pun zaman sekarang tidak berhenti sampai siap. Persoalannya adakah ini mendapat restu perlindungan daripada pemimpin-pemimpin setempat.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta jalan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Silakan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Adakah kegiatan pada petang ini bahawa pembinaan-pembinaan di Pantai Bersih hendak diroboh atas nasihat daripada Ahli Yang Berhormat daripada Telok Ayer Tawar. Buat. *Put a stand there first.*

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Jangan kata apa yang saya tidak sebut. *Don't put words into my mouth.*

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB Phee Boon Poh):

But you are putting the responsibility to me.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Heard properly. Dengar betul-betul apa yang saya cakap.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB Phee Boon Poh):

Saya dengar *properly*. Saya sudah dengar betul-betul. Kerana kata dilindungi oleh pemimpin-pemimpin tempatan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya dapat maklumat. Penduduk di situ, ahli-ahli persatuan nelayan nampak pemimpin-pemimpin ini keluar masuk ke hulu ke hilir di kawasan itu semasa pembinaan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Keluar masuk?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ya.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya nak beritahu kepada Ahli Yang Berhormat, saya yang keluar masuk kerana dapat aduan dan saya yang bawa Puan DO masuk ke kawasan untuk dia ambil tindakan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Bagus.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Dia tidak beritahu pun tujuan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ya terima kasih. Tetapi disiap bina kerana perlindungan daripada pemimpin tempatan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tanya. Saya tidak buat tuduhan. Adakah?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Telah membuat satu kenyataan....(gangguan)

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tanya, saya tak buat tuduhan. Adakah..?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ini telah membuat satu kenyataan. Di sini juga saya nak menarik, 18 tahun yang dahulu. Tadi dalam Dewan yang mulia ini, kata 18 tahun, sudah tak ingat. Ahli Yang Berhormat membuat bantahan supaya tidak boleh penjaja di sana. Pada masa itu, telah minta MPSP ambil tindakan terhadap penjaja di sana....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Juga tak tepat..juga tak tepat. YB. Sungai Puyu, jangan membuat tuduhan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya tak buat tuduhan. Pada masa....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya menanyakan soalan kenapa tindakan tak sama. Di sebelah pulau, di sebelah Seberang, ke atas penjaja.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Perkara ini telah main isu...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Benda ini telah dibincangkan di dalam Dewan-Dewan yang lepas.. (gangguan). Saya nak menarik perhatian kepada isu dua (2) kedai kembar di Pantai Bagan Ajam. Itu sahaja. Jangan nak kait-kait dengan isu-isu lama. Cukup, saya dah tak bagi laluan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Tetapi Ahli Yang Berhormat, di dalam Dewan yang mulia ini, cuba main isu di sini. Ahli Yang Berhormat Telok Ayer Tawar memang tidak bertanggungjawab kerana Ahli Yang Berhormat kata ambil tindakan terhadap penjaja-penjaja di Pulau....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tak sebut pun penjaja. Saya sebut kedai ni. Jangan nak kaitkan dengan isu-isu yang tak ada berkaitan...(gangguan). Isu ini dah diselesaikan lama sebelum ini.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Isu ini telah bangkit di Dewan yang mulia ini sebelum....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Cukuplah Dato' Timbalan Speaker.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ya, sila.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya nak teruskan dengan ucapan saya....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya telah kata, seorang yang bertanggungjawab, satu orang pemimpin tempatan, jangan main *racial issue* dalam Dewan yang mulia ini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ni apa pula *racial issue* pula ni?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Tau sama tau la.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Apa pula *racial issue* apahal?....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Duduk YB. Sungai Puyu. Kita teruskan dengan YB. Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Jangan kaitkan dengan hal-hal yang tidak ada kaitan. Jadi persoalannya di sini, apakah tindakan dan ini akan memberi ruang kepada pihak-pihak lain pula untuk mengeksploitasi, untuk terus membuat binaan-binaan tanpa kebenaran dan tidak mengendahkan notis-notis yang diberi untuk berhenti kerja, untuk roboh kedai dan sebagainya.

YB. Dato' Timbalan Speaker, saya ingin pergi kepada satu tajuk yang telah pun dibangkit tadi dalam soalan lisan tetapi saya rasa perlu diberi penjelasan yang lebih lanjut. Tentang isu pencen ADUN. Walaupun ini dikatakan perkara kecil, tetapi melibatkan hak masing-masing. Dalam pembukaan Dewan yang baru ini dimaklumkan bahawa empat (4) bekas ADUN meninggal dunia dan mereka ini dan mereka ini tidak dapat faedah daripada kenaikan pencen ini. Saya harap, dapat dipertimbangkan cadangan yang akan dibuat ini. Mengikut Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri Saraan Tahun 1980, terdapat peruntukan Perkara 21, bila-bila masa sahaja gaji Ahli atau Anggota disemak. Gaji yang berasaskannya pencen diberi di bawah Perenggan 2 terbitan di beri di bawah Perenggan 5.6 dan 5.7 hendaklah diselaraskan dengan gaji tersemak. Gaji tersemak itu sebagaimana sesuai dan pencen terbitan itu hendaklah dihitung dengan sewajarnya. Perkara 22, pencen yang telah dihitung semula di bawah Perenggan kecil 1, hendaklah kena bayar mulai tarikh mula berkuatkuasanya gaji yang tersemak itu. Perkara 3 dalam hal seorang yang sebelum mula berkuatkuasa enakmen ini berhenti menjadi ahli

atau anggota atau orang tanggungannya, menerima pencen atau pencen terbitan mengikut mana yang berkenaan. Pemberian pencen atau pencen terbitan itu hendaklah dikawal oleh peruntukan-peruntukan ini dan gaji yang berasaskan pencen diberi di bawah perenggan 2, atau pencen terbitan diberi di bawah perenggan 5.6 atau 5.7 hendaklah diselaraskan dengan gaji ahli atau anggota sebagaimana sesuai dengan pencen atau pencen terbitan itu hendaklah dihitung semula dengan sewajarnya dan kena dibayar mulai tarikh mula berkuatkuasanya enakmen ini dan selepas itu, pencen atau pencen terbitan hendaklah dihitung semula dan dikena bayar mengikut perenggan kecil 1 dan 2 bila-bila masa sahaja ada penyemakan gaji. Ini peruntukan yang telah diberi pada tahun 1980.

Dalam jawapan yang diberi, dinyatakan bahawa pada 1 Jun 2013, satu enakmen pindaan kepada Enakmen Anggota Pentadbiran 1980 iaitu Enakmen A 18 yang berbunyi pindaan itu "Pencen hendaklah dikira semula daripada maksimum sebanyak 3/5 daripada gaji mulai 1 Januari 2016 dan 1 Januari 2016 itu perkiraan yang berdasarkan kenaikan mulai 1 Jun 2013". Ini bermakna jumlah itu tidaklah sama dengan pencen yang sebelum ini dengan pencen kita semua dalam Dewan ini nanti. Tidak sama sebab pencen kita adalah mengikut peruntukan yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2016. Ini adalah satu perkara yang saya rasa perlu dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri untuk menyelaraskan pencen-pencen untuk bekas-bekas wakil rakyat. Harus dipertimbangkan bahawa mereka telah bertugas untuk membela rakyat. Ada yang terpaksa berhenti kerja untuk bertanding sebagai wakil rakyat. Ada yang berhenti itu, tak mendapat nikmat pencennya kerana tak layak mendapat pencen sebelum itu. Dan bergantung pada pencen sebagai wakil rakyat. Oleh kerana semakan ini, adalah tidak berkuatkuasa pada gaji yang telah dinaikkan pada 1 Jun 2013, bukan gaji yang telah dinaikkan pada 1 Januari 2016. Maka, adalah perbezaan antara bekas-bekas wakil rakyat ini dengan kita yang akan jadi bekas wakil rakyat ke depan. Adalah diharapkan, dapat diselaraskan perbezaan ini. Satu daripada sebab kenapa Kerajaan Negeri tidak menyelaraskan adalah kerana Parlimen. Jawapannya, Ahli Dewan Rakyat juga bersara mengikut bayaran pencen berdasarkan gaji lama. Jadi sepertimana yang dinyatakan oleh rakan saya tadi, semua negeri-negeri di Malaysia sudah menyelaraskan pencen kecuali Pulau Pinang dan Selangor. Semua negeri termasuk Kelantan telah pun menyelaraskan pencen supaya adalah kesinambungannya adalah kesamarataannya faedah yang diperolei oleh wakil rakyat yang telah bersara. Jadi, demi keadilan, kesejahteraan dan kebajikan untuk semua wakil-wakil rakyat yang telah bersara sebelum 1 Januari 2016, jadi, saya mintalah diselaraskan. Ini adalah hak mereka, haruslah dipertimbangkan supaya tidak ada perbezaan antara negeri-negeri, perbezaan antara yang pencen sebelum ini dan sekarang. Harap dipertimbangkan. Saya akan kemukakan kepada Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri senarai negeri-negeri yang telah membuat semakan.

Saya ingin merujuk kepada Ucapan Bajet yang mana Kerajaan Negeri setuju untuk membantu rakyat Pulau Pinang mengurangkan kos sara hidup dengan memberi pengecualian bayaran cukai pintu. Pelepasan, bukan pengecualian. Pelepasan cukai pintu sebanyak 6% kepada semua penghuni rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan rumah kampung yang bertanah. Rakyat Pulau Pinang seronok, MBPP memperuntukkan ataupun akan kurang cukai sebanyak RM8 juta, MPSP RM6.035 juta menjadikan jumlah kekurangan hasil sebanyak RM14 juta lebih. Saya ingin menarik perhatian Dewan bahawa sebenarnya MBPP, MPSP gagal mengutip cukai pintu pada tahun 2015 MBPP sebanyak RM197.7 juta, maaf kutipannya sebanyak RM197.7 juta, tunggakan sebanyak RM66.6 juta. Ini merupakan 33.68% daripada semua cukai, 33.6% tak dikutip kerana tunggakan. Pihak MPSP pula, pada tahun 2015, ini jawapan yang diberi kepada saya, kutipan dibuat RM161,858.00, tunggakan adalah RM20.6 juta ataupun 12.72%. Ini bermakna, MPSP lebih berjaya untuk mengutip cukai. Dan siapakah mereka ini yang gagal membayar cukai dengan baik? Mereka ialah pemilik-pemilik kawasan industri, kilang dan komersial. Kebanyakannya. Kalau dikutip penuh bermakna tambahan hasil sebanyak RM46.4 juta. Banyak tu. Jadi, kalau dapat kutip semua lah, kita semua boleh dapat pengecualian 6% tu, bukan sahaja rumah kampung, rumah kos rendah, semua pemilik rumah boleh dapat pengurangan cukai pintu. Kilang, kedai komersial tak mau bayar. Jadi, ini berbanding dengan *household* atau rumah-rumah biasa, mereka ini bayar. Bila dapat notis, takut....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Tak berapa betul. Kategori yang terdapat tunggakan yang tertinggi adalah kediaman strata dan bukan industri. Industri saya rasa paling kurang atau dalam kategori kurang.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ini jawapan yang diberi oleh YB. Padang Kota. *That's not going detail* lah. Tapi memang kita akuilah, tunggakan ini banyak dan kalau boleh dikutip bermakna hasil akan bertambah dan boleh diberi semula kepada rakyat dalam bentuk pengurangan cukai pintu.

Saya ingin tarik perhatian tentang peruntukan-peruntukan bajet yang diberi kepada berbagai sektor yang amat menonjol di sini adalah jumlah peruntukan sebanyak 48.7% daripada *total* bajet pembangunan kepada Pejabat Ketua Menteri. Ini merupakan 4.4 kali ganda daripada tahun 2016. Dan Ketua Menteri menyatakan bahawa sebab kenaikan ini adalah untuk memberi pinjaman kepada PDC dan juga RM30 juta kepada PBA. Persoalannya di sini, ada muslihat untuk menambahkan bajet untuk pembelian tanah yang akan dibuat oleh PDC kepada Pejabat Ketua Menteri. Sepertimana juga keseluruhan bajet selama ini yang meletakkan jumlah -jumlah yang tinggi yang mana akhirnya jumlah ini tidak dibelanjakan sepenuhnya dan dilaporkan sebagai lebih bajet dan Kerajaan Negeri mendabik dada ini adalah kerana ada penjimatan, kita tidak korupsi dan urus tadbir cekap. Tiap-tiap tahun berlaku ni. Maksudnya tiap-tiap tahun jumlah peruntukan untuk bajet ni di *inflect* kan dinaikan supaya akhir tahun tak habis tahun belanja boleh isytihar ini penjimatan kerana urus tadbir baik. Sebenarnya kalau di peringkat pusat perbelanjaan tak habis ni kena pulang balik dan dari segi *auditing* kalau dari segi jumlah tu kalau tak dipakai tahun depan tak boleh bagi dah jumlah besar yang diminta tu, dia kena potong mengikut saiz keperluan. Kenapa nak di tambah jumlah peruntukan supaya akhirnya kata tak habis belanja. Kami lagi bagus, kami boleh jimat. Tiap-tiap tahun macam tu. Begitulah juga dengan pengumuman bahawa Kerajaan Negeri telah mengurangkan pinjaman atau beban hutang.

Walhal pada mulanya penstrukturan semula PBA bila dijual aset-aset PBA kepada Kerajaan Pusat ini telah menyebabkan hutang PBA menurun, Kerajaan Negeri menurun sebenarnya bukan kerana dijana dengan ekonomi dalam negeri tetapi kerana penstrukturan yang dilakukan. Jadi ini adalah kita dapati satu (1) manipulasi angka. Untuk mempamerkan situasi yang membanggakan Kerajaan Negeri yang sebenarnya tidak seharusnya berlaku.

Jadi sebagai kerajaan yang memerintah perlu berhati-hati dalam membuat perancangan dan keputusan. Kerajaan Negeri Pulau Pinang nampaknya begitu tergesa-gesa untuk membawa pembangunan dan menggunakan segala sumber yang ada walaupun sumber itu amat terhad dan tidak boleh ditukar ganti. Pantai sekali ditimbun akan hilang sampai bila-bila, perkampungan nelayan dengan warisan yang ada akan hapus, punca rezeki dan cara hidup tradisional akan berubah dan lenyap. Bukit-bukau menjadi kebanggaan Negeri Pulau Pinang sumber air serta kehidupan flora dan fauna serangga serta kehidupan liar akan juga terjejas kalau misalan Bukit Bendera dan sebagainya itu dibangunkan. Pembangunan akan ada *costnya* dan perubahan belum tentu membawa kemajuan didalam kehidupan. Kita semua sampai contoh suka makan char kuey teow. Kerang di Pulau Pinang ni hampir pupus dah, takda dah penternakan kerang. Kalau ada pun kita makan char kuey teow kerang tak nampak pun terlampau kecil tak sempat besar dah di masak. Tu selain daripada banyak lagi cengkerang-cengkerang kita pergi di tepi laut pun tak dah.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Pasaipa jadi lagu tu, tolong habaq sat.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penggal lepas dia cakap kita tak dah belacan dulu orang pulau pengeluar belacan dah, Pulau Aman, Kuala Muda semua yang buat. Jadi sekarang kerang pun tak ada di Pulau Pinang. Mengambil kata-kata Mahatma Gandhi "*Bumi, Tanah, Udara, Air, Bukanlah harta yang kita warisi dari datuk nenek kita, tetapi kita pinjam dari anak cucu kita.*" Dengan itu, kita semua yang telah diberi amanah untuk menjaga negeri ini harus memikul tanggungjawab dan amanah itu dengan berhati-hati untuk menjaga supaya dan memelihara sebaik mungkin dan janganlah di pecah-pecah bahagi menjadi sumber modal untuk mengekalkan kuasa yang ada mengayakroni-kroni kita, mengeksploitasi kelemahan-kelemahan orang lain dengan menabur janji manis yang mengkaburkan mata rakyat dengan gula-gula pemanis.

Oleh itu saya amatlah berharap segala bentuk perancangan dan yang kelulusan yang diberi itu akan mengambil kira segala keperluan masa depan rakyat Pulau Pinang ini bukan besar. Kecil ja. Kita ada 16,241 hektar yang mana yang dibangunkan ditepu bina 35,915 hektar sahaja. Ataupun 33% yang kita diami yang bakinya adalah hutan dan dari hutan itu 26,000 hektar 16,000 adalah di atas paras 250 kaki yang kita kena pelihara. Yang kita hadkan untuk pembangunan itupun telah dicerobohi. Yang bakinya sungai dan sebagainya 5,000 hektar, pertanian hanya 39,000 hektar dan kita harus cemburui aset yang kita ada, bukan nak kita lupuskan dalam masa 8 tahun atau 10 tahun kita memerintah lepas tu tak dak apa. Pulau Jerejak pun dah nak dibangunkan nak menjadi *5 Star Tourist Centre* lepas ni ambil la Pulau Rimau, Pulau Kendi, Pulau apa lagi yang kita ada....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Pooh):

Minta jalan. Minta jalan.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya nak habis dah.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Pooh):

Sebelum habis saya nak cakap sikit berkenaan Pulau Jerejak. Siapa yang jual Pulau Jerejak kepada UDA?

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tak bangkitkan hal-hal lain berkenaan Pulau Jerejak.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Pooh):

Siapa yang jual Pulau Jerejak kepada UDA?

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kita tak mau pergi tentang isu mendalam tentang Pulau Jerejak.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Pooh):

Jangan..jangan..jangan pilih apa nak.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ni apa ni Dato' Speaker, tak tahu ka peraturan dewan tak minta laluan pada saya.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Pooh):

Saya nak tanya satu soalan. Sebelum *you* lari,

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tak bagi laluan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Pooh):

Kalau *you* cakap tak mau jawab kata tak mau jawab. Siapa yang jual Pulau Jerejak kepada UDA, siapa?

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Nanti Sungai Puyu buat masa penggulungan nanti.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Cakap ada peluang nanti cakap habis-habis tak payah membebel di sini.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Silakan.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua kakitangan Jabatan-jabatan serta Agensi-agensi Persekutuan dan Negeri yang selama ini memberi kerjasama yang baik kepada saya sebagai Wakil Rakyat di DUN Telok Air Tawar dah sampai 21 tahun. Dan saya mengucapkan selamat maju jaya pada semua dan saya ucapkan terima kasih pada Dato' Speaker yang memberi peluang membahas usul pada hari ini. Sekian terima kasih. *Wassalamualaikum W.B.T.*

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Walaikum salam. seterusnya, YB. Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Bismillahirrohmanirohim. Assalamualaikum W.B.T. dan Salam Sejahtera. Dato' Timbalan Yang di-Pertua saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya menjadi pembahas selepas Ketua Pembangkang yang juga wanita bagi pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2017.

Pertamanya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana telah memberi lebih perhatian dan sedikit peruntukan tambahan bagi KADUN Penanti untuk tahun 2016 dan juga untuk 2017. Kalau boleh *of course* saya nak minta lebih peruntukan memandangkan mungkin ni *the last year* kan kita tak tau kan *election next year* ke mungkin. So saya harap tahun ini dapat membantu penduduk di 29,800 penduduk di Penanti yang tinggal di 30 kampung. 71.56% daripada penduduk adalah orang-orang kampung dan 76% adalah orang Melayu di Penanti.

Sebelum saya memulakan perbahasan merujuk pada jawapan-jawapan bertulis dan lisan, saya takut terlupa nak mengucapkan berbilang terima kasih Agensi-agensi Kerajaan sebab selalunya kadang terlupakan bila dah penghujung saya banyak sangat terima kasih kepada Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah dan Pejabat Daerah Tanah Seberang Perai Tengah *special* sebab dia adalah Pejabat Daerah yang memberikan sumbangan bajet tertinggi di Pulau Pinang iaitu RM175 juta berbanding dengan daerah lain. Dan Pejabat Daerah menjaga kawasan kampung dan saya mengharap yang sebab tu saya tanya soalan lisan tadi berapa dari Bajet 2017 adakah dia seimbang untuk kawasan kampung dan di kawasan bandar, kawasan di pulau, sebab kawasan di Pulau pendapatan sumbangan Pejabat Daerah di Pulau sikit sangat RM33 juta saja pada Bajet Kerajaan Negeri tak seperti Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah....(gangguan), rasanya ada data-datanya dan saya dah buat analisa secara terperinci tapi *before* saya pergi ke analisa terperinci saya nak cerita yang bagus-bagus saja la yang rasa seronok dan terima kasih saya kepada Kerajaan Negeri. Jadi merujuk kepada jawapan bertulis dan juga ucapan bajet dari Ketua Menteri saya nak mengucapkan kepada Kerajaan Negeri memperuntukkan bajet sebanyak RM400,000 untuk menaik taraf Padang Bola Mengkuang Titi dengan peruntukan RM400,000 dan RM800,000 untuk membina Dewan Serbaguna di kawasan tersebut. Jadi saya terima kasih, sebab kawasan itu dulu selama ini disebabkan projek pembesaran Mengkuang Dam telah jadi kawasan banjir, tapi *Alhamdulillah* sekarang Mengkuang Dam pun nak siap dan *Insya-Allah* akan menjadi salah satu tumpuan pelancongan di Pulau Pinang sebab dia punya kawasan riadah untuk *jogging track* adalah 11 k.m dan kalau sekarang saya dah pergi kat situ dah macam cantik. Memang cantik. Jadi. ok. Jadinya

saya mengharapkan kalau tengok dari Bajet *speech*, pelancongan kebanyakan tertumpu hanya kepada George Town dan Pulau. Saya harap Kerajaan Negeri bagi Bajet 2017 juga memikirkan keadaan semulajadi ataupun apa-apa aset pelancongan yang kita ada di dalam Pulau Pinang untuk dipromosikan dan dikembangkan, *Insyallah*.

Dato' Timbalan Yang di-Pertua, walau pun padang di Mengkuang Titi pada masa ini tidak berapa lengkap serta serba kekurangan tetapi kami telah mula menggunakan secara intensif sejak bulan Mei 2016 dengan mengadakan latihan bola sepak bagi anak-anak kampung iaitu di 30 buah kampung, bawah umur 12 tahun, setiap Ahad 8.30 pagi. Padang ini menjadi tumpuan kerana kebanyakan sekolah-sekolah di KADUN Penanti tidak mempunyai padang dan juga ketiadaan guru sukan khas di sekolah. Saya telah menubuhkan Kelab Sukan Bola Sepak DNA, DNA itu Dr. Norlela Ariffin di mana saya telah tubuhkan pada awal tahun, terdiri daripada 151 kanak-kanak di bawah 12 tahun. Kebanyakannya yang datang ke klinik bola ini pada setiap Ahad 8.30 pagi ini adalah anak-anak dari Penanti, tetapi ada juga yang datang dari Bandar PERDA dan Seberang Jaya. Kelab bola ini memberi latihan percuma kepada anak-anak kampung dan latihan diberi oleh 7 orang jurulatih profesional yang diiktiraf oleh badan-badan seperti MSN dan sebagainya. Mereka melatih anak-anak ini bermula dari jam 8.30 hingga 11.30 pagi. Pada 2 Disember ini, *Insyallah* Kelab Bola Sepak di Penanti kita akan menganjurkan *tournament* dan telah mendapat sambutan daripada 16 pasukan kelab luar daripada Penanti sempena Karnival Homestay KADUN Penanti 2016. Saya hendak mengucapkan berbilang terima kasih kepada EXCO Pelancongan Kawasan Batu Lanchang kerana telah menyokong aktiviti Karnival Homestay ini pada 2 dan 3 Disember. Bila kanak-kanak ini datang sudah pasti ibu bapa akan datang, saya dapat berjumpa dengan ibu bapa dan menanyakan masalah yang dialami. Namun rata-ratanya ibu-bapa memang suka dengan adanya klinik bola setiap Ahad, jadi sekurang-kurangnya di kampung, walaupun kita tidak ada banyak fasiliti yang macam-macam seperti di bandar-bandar, kita ada ada juga aktiviti-aktiviti seperti ini. Kita juga mengharapkan dengan mendapat peruntukan sebanyak RM400,000 ini untuk menaik taraf padang Mengkuang Titi ini diharap kita dapat melahirkan pemain bola sepak yang bertaraf profesional di kalangan anak-anak tempatan. Mengkuang Titi berbangga kerana daripada padang kecil ini telah dapat melahirkan tiga (3) pemain profesional seperti Syukur Saidin, pemain dari Pulau Pinang, Faisal Halim, pemain Pahang yang juga *top twenty* untuk Malaysia dan juga Iman Razaai.

Aktiviti sukan dapat juga menarik industri pelancongan di Penanti, sebagai contoh, setiap tahun JKKK Sungai Lembu di KADUN Penanti, menganjurkan larian *marathon* lasak atau pun *endurance race* sejauh 100 km dan 165 km larian. Bagi tahun 2016 ,sambutan dari penyertaan luar adalah amat menggalakkan di mana pelari daripada lebih 26 negara seperti Jepun, Taiwan, Singapura, Thailand, Canada dan Amerika Syarikat telah menyertai larian lasak ini iaitu sejauh 165 km dan golongan perempuan juga menyertai sukan ini. Kawasan-kawasan luar bandar yang mempunyai tarikan semula jadi ini wajar di *recognize*...(dengan izin) oleh Kerajaan Negeri sebagai punca pelancongan kerana pelancong bukan setakat datang untuk tengok *colonial building* tetapi mereka juga hendak melihat tempat-tempat seperti alam semula jadi....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Saya hendak beri sedikit penjelasan. Untuk *eco 100 km*, sebenarnya banyak pihak yang menyumbang kepada penganjurannya, bukan hanya JKKK sahaja. Kerajaan Negeri pun ada menyumbang kepada penganjuran itu, ini memang salah satu usaha Kerajaan Negeri untuk membangunkan sukan di tempat-tempat yang menarik di Seberang Perai melalui sukan, jadi saya harap boleh dapat satu *recognize* untuk pihak-pihak lain yang juga telah menyumbang kepada usaha itu. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Memang saya berterima kasih sangat kepada YB. EXCO Sukan yang telah memberi sokongan yang sangat padu kepada sukan larian lasak ini dan juga telah membantu juga sukan *Street WorkOut* di Fiesta Sukan ataupun Karnival Homestay. Kita juga mengadakan *Street Workout* kerana anak-anak muda dan ditaman-taman kalau kita tengok taman-taman banyak dia punya *playground* telah rosak dan anak-anak muda ini telah menggunakan *playground* untuk buat satu sukan *underground* dan bermain gimnastik dan ini adalah satu sukan antarabangsa. Pada 3 Disember 2016, aya menganjurkan satu *Battle Street Workout* dan EXCO Padang Lalang telah membuat satu cadangan yang sangat bagus iaitu pokok-pokok yang tumbang itu boleh digunakan sebagai satu tempat latihan, bukan hanya padang-padang permainan

yang rosak, ianya boleh digunakan. Bila kita buang pokok-pokok itu, kita guna sebagai tempat latihan. Sukan ini sangat diminati dan saya juga menyokong sukan ini sebab kalau boleh saya hendak cuba alihkan minat mat-mat motor yang kadang-kadang suka *race* di *highway* *instead* bermain sukan lasak di padang ataupun di dalam dewan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Penjelasan. Terima kasih YB. Penanti. Dato' Timbalan Speaker, tahniah kepada YB. Penanti dapat bergiat cergas dalam sukan dan dapat mendekati anak-anak muda dan akhirnya berjaya menubuhkan sebuah kelab DNA, Dr. Norlela Ariffin, ada lagi? DNAP, Dr. Norlela Ariffin Penanti. Cumanya saya hendak dapatkan sedikit pandangan dari YB. Penanti, setakat ini Kerajaan Negeri melalui YB. Padang Lalang, berapa banyakkah sumbangan kewangan yang diberi kepada YB. Penanti yang begitu aktif ini? Terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Untuk sukan larian yang lasak, 100 km dan sebagainya, di samping sumbangan dari pihak swasta, YB. Padang Lalang juga telah membantu memberi banyak sebenarnya sumbangan, saya rasa dalam RM20,000.00 kepada Larian itu yang bertaraf antarabangsa dan juga untuk *Battle Street Workout*, berlawanan dengan 4 negeri, dan juga Kuala Lumpur ada 20 pasukan, YB. Padang Lalang juga telah memberi peruntukan RM10,000.00, *Alhamdulillah*, terima kasih.

Saya juga hendak war-warkan pada 2 Disember 2016, *group* Rock yang paling besar sekarang di Malaysia, Khalifah juga akan datang untuk berjumpa dengan budak-budak kelab *tournament* dan karnival.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Terima kasih YB. Timbalan Speaker dan juga YB. Penanti kerana telah memberi laluan kepada saya untuk bertanya soalan. Saya tertarik dengan program yang dijalankan oleh Yang Berhormat di kawasan Yang Berhormat, setelah mendapat peruntukan dari YB. Padang Lalang. Saya hendak bertanya tentang penglibatan peserta, berapa ramai peserta yang terlibat dalam program tersebut dan berapa ramai pengunjung yang datang semasa program itu diadakan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Sekarang ini, ahli kelab ada 265 orang, semasa kita bermula dahulu ada 150, kita mulakan sebelum Ramadan dan setiap minggu memang ada klinik bola itu berjalan setiap Ahad dan saya ada 7 jurulatih *professional* yang mengajar budak-budak. Dan Kelab *Street Workout* adalah satu sukan yang baru, sebenarnya saya baru mengenali budak-budak *Street Workout* ini, saya sebenarnya tidak tahu di Penanti ada tetapi bila saya berjumpa dengan Persatuan *Street Workout* saya baru tahu ini adalah satu sukan yang sangat diminati dan untuk *battle* pada 3 Disember ini ada 20 *team* dan satu *team* ada 10 orang yang telah mendaftar untuk menyertai. Juga untuk *tournament* dengan kelab-kelab luar ada 16 buah kelab yang telah berdaftar untuk menyertai *tournament* bola sepak bawah umur 12 tahun pada 3 Disember ini, *Insyah-Allah*.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah membantu saya menaik taraf jeti nelayan di Kampung Terus. Pada tahun 2015 Kerajaan Negeri telah memberi sebanyak, pada mula-mulanya RM60,000 untuk menaik taraf jeti nelayan iaitu sebanyak RM40,000 untuk membina jeti dan RM20,000 untuk membina stor simpanan untuk menyimpan enjin dan sebagainya untuk nelayan. Bila saya pergi ke Kerala, India pada 17 Ogos 2015 hingga 23 Ogos 2015 dengan pembiayaan Kerajaan Negeri, saya telah pergi ke satu tempat bernama *Cochin Backwater*. Kami sebenarnya duduk dalam dorm saja, dan kami telah pergi naik *boathouse* di situ dan nampak keadaan kawasan itu macam Kampung Terus, di situ saya dapat satu idea dan saya berjumpa dengan kaum nelayan di Kampung Terus, kenapa kita tidak bangunkan Kampung Terus ini bukan hanya untuk nelayan sungai tetapi sebagai satu tarikan pelancongan sungai sebab di depan Kampung Terus itu ada satu hutan rimba pelajaran Air Itam yang mempunyai banyak spesis burung. Pada masa itu saya bersama dengan penduduk dan nelayan di situ, mula memikirkan untuk membangunkan Sungai Terus sebagai satu pelancongan sungai. Kerajaan Negeri telah meluluskan tambahan jeti sepanjang 50 kaki dan pembinaan sebuah balai lintang dan sebuah

tandas dengan peruntukan sebanyak RM150,000 yang telah diluluskan dan projek dijangka siap pada Disember 2016. Saya juga berterima kasih kepada JPS Negeri kerana telah mendapatkan peruntukan daripada JPS Malaysia untuk memperkukuhkan tebing Sungai Kampung Terus dengan membina *sheet piling* yang cantik sangat sekarang ini, dengan peruntukan sebanyak RM300,000, saya ucapkan berbilang terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

YB. Penanti dapat banyak peruntukan nampaknya, maknanya bajet sudah seimbang, barangkali. Menarik perhatian saya tadi, salah satu iaitu YB. Penanti dapat ialah pembinaan jeti nelayan. Dato' Timbalan Speaker, ada satu jeti nelayan yang dipertikaikan baru-baru ini di Changkat, kalau tidak salah saya, keluar dalam surat khabar baru-baru ini, sudah selesai atau tidak.

Yang kedua mencadangkan ataupun saya buat pertanyaan boleh tidak Kerajaan Negeri bagi peruntukkan untuk pembinaan jeti nelayan di kawasan persisiran sungai yang terlibat dengan tebatan banjir, jadi sebelum projek tebatan banjir ini dibuat terutamanya di Sungai Kerian, terdapat jeti-jeti nelayan yang asal-usul dulu dibina oleh Pejabat Daerah dan ada juga yang dibina secara pakatan nelayan setempat dan difahamkan ada juga jeti nelayan yang mungkin terlibat diruntuh kerana terlibat dengan projek tebatan banjir itu. Jadi soalan saya adakah Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan itu untuk bina semula jeti nelayan? Terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Disebabkan oleh usaha-usaha dan juga sokongan daripada Kerajaan Negeri dan juga JPS dan juga YB. Batu Lanchang dan juga YB. Pantai Jerejak dengan membantu memberi, YB. Pantai Jerejak bagi RM100,000 untuk menaik taraf jeti nelayan menjadi jeti boleh digunakan untuk pelancongan, dengan itu saya telah bercadang untuk menganjurkan *Penanti River Run* di Sungai Terus dan saya telah membawa penganjur *KL Run* untuk melihat kawasan tersebut. Memang cantik sebab laluan yang digunakan itu menyusur sungai. Penanti memang banyak bendang jadi pemandangannya bila *Penanti River Run* akan lalu bendang yang banyak...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, pertamanya saya nak, YB. Penanti banyak menyebut tentang sumbangan daripada Kerajaan Negeri tak tahu lah dulu YB. Penanti duk bising tak dapat sekarang dah dapat banyak dah semua ditumpukan kepada Penanti. Jadi saya nak tanya sikit YB. Penanti ada juga sumbangan Kerajaan Persekutuan dari segi *homestay* pembangunan *homestay* di Mengkuang Titi yang sememang pelancong luar ramai daripada Jerman, Korea, Jepun dan sebagainya dan saya rasa banyak peruntukkan yang dilaburkan disitu termasuklah penubuhan koperasi dan sebagainya menambahkan pendapatan penduduk disitu, adakah benar sumbangan daripada Kerajaan Persekutuan terdapat dari segi pembangunan *homestay* di kawasan Penanti pertama.

Kedua tentang sungai Kampung Terus dengan Sungai Dua dekat saja dengan sempadan. Banyak orang Kampung Terus dan mai Sungai Dua lalu ikut sungai, tepi sungai dan di Sungai Dua juga bercabang bawah sungai Pengkalan Machang, Sungai Air Itam, dan juga Labuh Banting kita akan buat *river cruise* pelancongan sungai. Apa pandangan YB. Penanti kalau boleh kita sekali kan *joint venture* untuk pembangunan agro *tourism* untuk kita bangunkan sungai sepanjang untuk faedah masyarakat di dalam kawasan Penanti dan juga kawasan Sungai Dua dan kalau boleh sumbangan daripada Kerajaan Negeri juga perlu untuk dibangunkan di kawasan belah Sungai Dua, kita nak bangunkan kawasan Penanti, jangan Penanti saja. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Saya boleh jawab tu, sebab saya memang memohon untuk kawasan Sungai Dua untuk membina jeti, sudah hantar dan *Insya-Allah* rasanya Batu Lanchang bagi. Jeti di.. (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Jeti kita dah ada.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Jeti supaya bot nelayan saya yang nak bawa pelancong tu boleh singgah di Hutan Pelajaran Air Itam, sebab sekarang ni Hutan Pelajaran dah cantik ada kanopi, memang cantik tapi dia tak ada jeti jadi saya telah mohon jeti....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Saya ingat benda ni kita kena *sit down* sekali sebab kalau tidak dia akan jadi satu masalah pasal dia nak mai ke Sungai Dua dan kita pun dah ada peruntukan untuk bina *on-turn* di kawasan hutan simpan tu...ha kena janji dengan Yang Berhormat Penanti kita bincang elok-elok.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Okey tapi sebagai contohnya untuk Karnival *homestay* Penanti yang dibuat di Dataran Mengkuang Titi pada 3 haribulan Disembr 2016 ini dan juga Forum "Hang Pi Mana" pada 2 haribulan jam 9.00 malam memang kita buat bersama-sama dengan Koperasi *homestay* Mengkuang Titi kita buat bersama dengan JKPP pun datang mesyuarat saya juga, bersama dengan JKKN demi pembangunan industri *homestay* dan kita juga akan buat pada 3 haribulan Disember 2016 pertandingan *homestay* terbaik dan ini diuruskan *interm of* penghakiman, juri dengan Koperasi Mengkuang Titi. Saya juga kalau nanti siapa-siapa datang ke karnival kami buat projek pengindahan, kita akan jadikan dataran *homestay* itu tempat *grass*, area tu sebagai *garden*, sebagai laman, kita juga nak tarik pelancong sebab sekarang memang ada pelancong dari Jepun dan Korea dan US yang datang tinggal di *homestay* Mengkuang Titi.

Jadi berbalik kepada penganjuran Penanti River Run saya telah membawa penganjur tetapi masa kita pergi ke situ kita dapati yang air sungai bila kita menyusuri sungai itu berwarna hitam, jadi bersama dengan penganjur *KL Run* kami telah buat siasatan dengan menyusuri sungai tersebut bagi mengenal pasti punca pencemaran air sungai dan didapati pencemaran air sungai tersebut, *second time* saya pergi dengan JPS SPU dan juga JPS SPT berpunca daripada air kumbahan ataupun air sisa dari ladang babi yang terbesar di Pulau Pinang yang dilepaskan ke sungai jadi pada 18 Ogos 2016 saya bersama JPS SPT, JPS SPU telah melawat ladang babi tersebut di Kampung Selamat, di ladang tersebut kita anggarkan lebih kurang 300,000 ekor babi dan air kumbahan yang dilepaskan ke dalam sungai masuk ke Sungai Prai itu air adalah hitam dan tidak dirawat sebenarnya. Justeru itu saya sangat menyokong usaha yang dilakukan oleh Yang Berhormat Seberang Jaya, Exco Pertanian, Pembangunan Desa saya menyokong usaha Seberang Jaya untuk membenteng Rang Undang-Undang Enakmen Baru Penternakan Babi 2016 di sidang DUN kali ini pada saya rasa hari Rabu dan saya juga telah akan menyertai perbahasan sebagai pembahas pertama.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Minta laluan, terima kasih Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, terima kasih Yang Berhormat Penanti, saya nak balik pada *homestay* tadi disebut oleh Yang Berhormat Penanti mengatakan bahawa ramai pelancong-pelancong asing datang di Mengkuang Titi, sebenarnya di *homestay* Kota Aur pun ramai pelancong-pelancong asing yang datang, saya nak tanya pelancong-pelancong asing yang datang ke Mengkuang Titi adakah mereka datang atas usaha pengusaha *homestay* Mengkuang Titi atau bagaimana cara mereka menarik pelancong-pelancong asing datang ke situ atau *their own* inisiatif lah maksud saya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Dia ada dua (2) rasanya sebab *homestay* Mengkuang Titi ada Koperasi *Homestay* Mengkuang Titi sangat aktif yang mempunyai pemasaran *online* dia sendiri tapi Kerajaan Negeri melalui MMK pelancongan juga banyak kali cuba membuat karnival di situ tapi disebabkan dataran *homestay* Mengkuang Titi terlampau popular jadi hanya kita dapat anjurkan pada tahun ini. Memang Kerajaan

Negeri kita boleh nak jadikan *homestay* Mengkuang Titi itu sebagai lebih, maknanya mengembangkan lagi jadi lebih terkenal, saya juga ada melawat *homestay* Lonek di Negeri Sembilan dia mempunyai pengangkutan sendiri menggunakan *electric bus*, *electric van* semua jadi saya pun tengok di situ *homestay* dia semua bezanya ialah *homestay* di Lonek Negeri Sembilan, dia kena rumah tradisional, di *homestay* Mengkuang Titi ada juga rumah moden dan ada juga rumah tradisional jadi masa karnival yang akan dibuat ini walaupun kita ada *street workout* tetapi menggunakan gendang Cina, menggunakan baju silat, menggunakan kompang dan juga bukan rap muzik kalau selalunya sukan ini dia guna rap muzik tapi kali ni kami guna muzik tradisional kami juga buat *Master Chef* untuk masakan tradisional dan juga pertandingan bola tuju supaya tempat Mengkuang Titi ni, karnival ini dia akan nampak seperti satu tarikan untuk tradisional dan rasanya YB. Danny akan menjemput juga agen-agen pelancong dan persatuan-persatuan hotel supaya dengan kita mengharapkan supaya bila mereka datang ke tempat ini mereka nampak orang yang datang ke George Town dapat juga datang ke Seberang Perai seperti di Penanti hanya dan juga bila Mengkuang Dam 11 kilometer *jogging track* ini siap ia juga akan jadi satu tarikan pelancongan jadi saya telah membuat permohonan pada Kerajaan Negeri pada bulan Mac dan juga kepada SPAD untuk mengadakan membantu mendapatkan kelulusan permohonan *internal feeder bus* ataupun *feeder van* yang dapat masuk ke dalam kampung.

Kalau bas-bas rapid yang besar tidak dapat masuk ke dalam 30 kampung-kampung jadi saya telah memohon peruntukan *feeder bus*, *shuttle* ataupun *feeder shuttle van* percuma dengan kos hanya RM68,760.00 sebulan sahaja so tak perlu berbilion macam LRT dekat George Town ke Bayan Lepas ini sedikit saja, duit sikit sangat, sebulan jadi kalau sekarang di Penanti kita tak ada pengangkutan awam dan bila berjumpa dengan persatuan-persatuan dan agen-agen pelancongan mereka mengadu yang kalau pelancong yang nak datang ke Penanti, mereka kena bayar naik teksi RM200, jadi jika ada *feeder shuttle* di dalam Penanti dan MPSP telah membantu dengan membuat *bus stop* yang baru di gerai JKKK tepi *highway* jadi kalau ada *feeder shuttle* dalam Penanti dan keluar Penanti, insya Allah pelancong-pelancong dapat pergi ke Mengkuang Dam, pergi naik bot di Mengkuang Titi pergi ke *Educational Forest* di Air Itam, and so on dan juga ke *homestay* Mengkuang Titi, *Insya-Allah*.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih, berkaitan dengan *homestay* di Mengkuang Titi, kebetulan Mengkuang Titi berada di dalam Adun Penanti. Untuk pengetahuan YB. Penanti, ADUN Sungai Aceh ada dua *homestay* tapi tak sehebat di Mengkuang Titi bukan kerana wakil rakyat, mungkin kerana Kerajaan Negeri tak tolong, mungkin. Tak sampai soalan cuma nak maklumkan, sedarkah YB. Penanti bagaimana *homestay* di Mengkuang Titi ini wujud dan agensi manakah yang memantau, membantu, secara yang serius untuk menentukan kejayaan *homestay* Mengkuang Titi ini. Dan saya tolong maklum kalau saya salah, saya fahamkan untuk Timbalan Yang di-Pertua Dewan ini wujudnya adalah di bawah urussetia fokus *group* pelancongan dan warisan Bumiputera di bawah YB. Dato' Roslan. Nasib baik dia tidak ada. Dan agensi yang memantau ialah Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang atau PERDA. Soalan saya, selain daripada agensi pusat yang dari dulu mewujudkan dan memberi peruntukan adakah tidak Kerajaan Negeri juga melalui EXCO Pelancongan khususnya memberi peruntukan dan berapa banyakkah peruntukan yang telah diberi. Kalau ada tolong bawa sama peruntukan tersebut kepada kawasan Sungai Aceh, iaitu *homestay* Kota Aur, *homestay* Sungai Setar dan *homestay* Chenaam. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Kerajaan Negeri memang mendengar permohonan yang dipohon. Jadi dalam bajet ini saya gembira jugalah kerana mendapat RM1.2 juta untuk kawasan *homestay* Mengkuang Titi. Di Dataran *Homestay* Mengkuang Titi pembinaan bangunan dewan sebab sekarang ni ada dewan terbuka tapi dia tak ada untuk kegiatan sukan. Kegiatan sukan dan juga menaiktarafkan padang tu naik taraf sebanyak RM400 ribu dan juga peruntukan yang diberikan oleh YB. Batu Lancang juga memberi peruntukan RM25 ribu untuk karnival *homestay* Mengkuang Titi ini pada 3 haribulan *Insya-Allah*.

Berkenaan dengan Permatang Pauh Agro Park yang seluas 22 ekar di Jalan Ara Kuda, di Penanti, saya sangat mengalu-alukan dan gembira yang Ketua Menteri telah membuat pengumuman dalam Ucapan Bajet 2017, pertanyaan saya adalah "Adakah ianya akan disertai oleh 49 usahawan tani muda yang disebut dalam *budget speech*"? Namun dalam usahawan saya membuat soalan adakah usahawan tani program usahawan tani boleh dikembangkan kepada orang-orang yang berumur lebih daripada 40 tahun tapi jawapannya tidak. Jadi saya harap Permatang Pauh Agro Park yang luasnya 22

ekar ini boleh dimanfaatkan kepada masyarakat di situ bukan sahaja yang berumur 40 tahun ke bawah. Disebabkan oleh keadaan ekonomi sekarang ini, sebab ia dapat kita mengharapkan menghadapi masalah ekonomi dan ramai juga orang-orang kampung dan anak-anak muda dan juga orang-orang yang lebih tua yang telah dibuang kerja dan sebagainya dan saya nak tanya juga soalan sama ada Permatang Pauh Agro Park ini yang seluas 22 ekar apakah dia jenis bajet dan juga insentif yang ditawarkan di kawasan ini.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Panjang lagi ke?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Sikit saja sebenarnya adalah sedikit. Lepas ini saya nak berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah meluluskan RM2.3 juta untuk membina dewan serbaguna untuk pelajaran sains, ataupun kafe sains di Taman Guar Perahu. Dan yang ini telah diluluskan pada tahun lepas rasanya dan akan disiapkan selama 52 minggu dan tender juga telah dibuka dan ditutup pada November 15. Dalam Bajet 2017 Ketua Menteri menyebut berkenaan dengan peruntukan Kerajaan Negeri pada 2017 sebanyak RM20 juta untuk kafe sains. Jadi saya nak tanya sama ada kafe sains ini adalah RM20 juta ini hanya bajet pembangunan ataupun termasuk juga bajet kos operasi sebab masa mula-mula saya mulakan *science cafe* dengan *Penang Science Cluster*, kita ada kos-kos operasi dan kos-kos elektronik, *robotic* dan *3-D printer* yang kita perlu tanggung. Jadi saya nak tanya sama ada RM20 juta ini termasuk kos-kos pembelian peralatan dan juga kos operasi membayar trainer-trainer, pelatih-pelatih kepada budak-budak dan juga orang dewasa.

Buat sementara ini, Khazanah Nasional juga telah melawat dan saya dah membawa juga beberapa syarikat elektronik dan kami fikir, kita nak jadikan bukan hanya setakat untuk pembelajaran sains untuk budak-budak, untuk fun tetapi kita juga nak jadikan Sains Kafe ini dimana anak-anak muda boleh mereka bentuk atau *design product* yang diperlukan oleh masyarakat seperti alat-alat untuk beri *early signal* untuk banjir ke ataupun membuat *mini scooter* untuk orang-orang kampung yang tua-tua di rumah yang sakit *stroke* yang mereka tidak boleh mobile seseorang. Kalau ada produk-produk seperti katil hospital yang elektronik dan *so far*, kita fikir ini bukan hanya kelas-kelas yang untuk *fun learning* untuk budak-budak kecil, kita juga jadikan dewan yang kerajaan dah bina ini untuk menjana pendapatan bagi penduduk Penanti sebab kita nak kekalkan kawasan kampung tetapi kita nak kampung kita mempunyai GDP yang tinggi seperti negara-negara maju seperti di Germany.

Jadi kalau ditengokkan, sekarang ni saya nak fokus pula kepada yang masalah, tadi semua cerita yang seronok, saya sangat berterima kasih, sekarang ini saya nak pergi kepada peruntukan keseluruhan Pulau Pinang bagi keseluruhan jalan-jalan kampung sebanyak RM2 juta pada muka surat 8. Kalau RM2.0 juta setiap daerah di Pulau Pinang ada lima, maknanya setiap daerah RM400,000. Setiap KADUN seperti SPT ada lapan (8) KADUN, maknanya dah tinggal lebih kurang RM44,000 - RM45,000 macam tu, jadi di Penanti saya ada 12 JKKK, bermakna kalau kita beri pada setiap JKKK, hanya RM3,700. Setiap kampung kalau kita beri *in terms of* kampung duit yang dapat tu, yang RM2 juta tu bermakna Penanti saja ada 30 kampung jadi tinggal RM1,481.48 dengan duit yang RM1,000 lebih sahaja memang tidak boleh buat apa-apa jalan kampung, maknanya kita hanya mampu buat mungkin, dua sebab jalan kampung selalu RM20,000 kosnya, RM2.0 juta tu memang tidak mencukupi.

Jadi saya mengharapkan seperti yang saya katakan tadi daerah SPT adalah penjana pendapatan tertinggi di Pulau Pinang. Pejabat Daerah SPT, jadi saya sangat mengharapkan seperti saya minta dalam Sidang DUN yang lepas, supaya kita dapat walaupun RM175 juta itu disatukan dalam satu akaun tapi saya rasa kita perlu lebih negeri berkebakikan dan adil. Jawapan yang diberikan itu kena lebih baik sebab kalau dulu jawapan diberikan saya tanya MOF masa dia datang sini, saya tanya pengutipan GST dia kata berapa banyak boleh pulangkan kepada penduduk Pulau Pinang? Dia kata akaun itu disatukan kita tidak boleh nak pulangkan. Jadi saya mengharapkan Kerajaan Negeri jangan gunakan jawapan yang begitu. Sebab kita tahu di kawasan kampung memang memerlukan, RM2.0 juta memang tidak cukup untuk bina jalan kampung, jadi *since* kita ada pendapatan, saya rasa pengagihan perlulah adil jadi saya mengharapkan sangat.

Lagi satu jawapan yang saya terima ialah berkenaan dengan saya ada memohon supaya peruntukan untuk perkara-perkara bahaya seperti pili bomba, pokok, pemotongan pokok-pokok bahaya dan lampu-lampu jalan diberi keutamaan tapi jawapan yang saya terima ialah ADUN perlu menggunakan peruntukan RM180,000 setahun itu. Untuk membuat segala projek pembangunan di kawasan ADUN saya, saya ada 30 kampung dengan RM180,000 itu kalau di kirakan memang satu kampung itu RM6,000 saja. Lampu jalan pun saya rasa memakan masa sangat lama. Saya juga tanya soalan, kenapa bila saya mohon lampu jalan, yang saya nak bayar tiang dia pun memakan masa setahun. Kenapa lama sangat, tapi ini bukan masalah kepada Kerajaan Negeri sebenarnya. Ini masalah TNB. TNB mengambil masa satu hingga lima bulan. Jawapan bertulis saya tengok yang *bottle neck*, dalam mesyuarat Tindakan Daerah kita juga telah tanya TNB, masalahnya TNB hanya ada satu pegawai jadi itulah masalah. Di kampung-kampung memang banyak rungutan, YB. Pantai Jerejak telah pergi, pergi masa *Chinese New Year* tidak ada lampu tapi sampai sekarang pun belum dapat lagi. Saya belum dapat lagi kos daripada TNB berapa nak bayar nak pasang tiang lampu. Nak minta duit daripada YB. Pantai Jerejak sebab dia dah janji nak bagi RM15,000.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Minta laluan. Nak menambah di sini. Saya pun berpengalaman permohonan untuk lampu. Saya rasa ianya bukan di peringkat TNB. Kalau tak silap saya, kelulusan daripada pihak Majlis. Yang luluskan selepas itu akan dihantar kepada pejabat ADUN untuk menjelaskan kepada TNB.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Itu yang beri kos tu tak dapat.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

MPSP akan beri kos. Lampu saja saya rasa RM600 lebih atau RM700 lebih. Surat daripada MPSP.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Minta laluan. Saya pohon untuk mencelah sedikit. Selalunya ADUN akan memohon kepada MPSP. MPSP akan semak tempat itu. Kalau ada keperluan maka MPSP akan lulus dan akan rujuk kepada TNB. TNB akan mentaksirkan sama ada kena tanam tiang atau pasang lampu saja. Kalau pasang lampu di atas tiang yang sedia ada itu lebih mudah. Kalau kena tanam tiang, dia kena tarik *wayer* atau apa dia akan berbelanja banyak. Selepas itu TNB akan tulis balik kepada MPSP. MPSP akan balas kepada ADUN yang memohon meminta ADUN yang memohon membayar. Dengan slip bayaran merah itu ADUN boleh bayar kepada TNB. Selepas TNB dapat wang sahaja, dia akan pasang. Itu dia ... (*gangguan*).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Itu saya memang tahu proses itu, Masalahnya saya nak dapat kos itu daripada TNB dan MPSP sebagai contoh futsal berbumbung di Taman Guar Perahu, tak ada lampu, mintak meter mengambil masa setahun untuk dapat kos supaya saya boleh bayar. Tak, ini bukan salah pada MPSP sebenarnya. Sebab saya dah bincang dengan TNB dia kata memang dia ada satu pegawai saja. So kalau pegawai dia pergi kursus ke mesyuarat ke, memang lambat. Jadi saya itu masalah yang selalunya rakyat selalu *complain* lah. Membuat aduan mengatakan kenapa lambat sangat nak dapat. Bukan ADUN tak nak bayar tapi saya perlukan kos, saya nak guna peruntukan saya, tapi saya perlukan kos. Juga pemotongan pokok-pokok yang saya sebut tadi tu, benda - benda yang bahaya seperti pili Bomba, bila berlaku kebakaran, bomba datang tak ada pili bomba memang masalah, jadi saya telah memohon 10 pili Bomba. Satu pili bomba berharga RM 7,000 hingga RM8,000. Dan peruntukan kecil saya hanya boleh guna sampai maksimum satu baucer RM20,000. Saya hanya boleh beli tiga (3) maksimum pili Bomba dua (2) atau tiga (3). Jadi, saya nak sebab itu saya mohon pada UPEN dan juga Kewangan Negeri tapi ditolak. Saya rasa perkara-perkara yang asas seperti pili bomba, pokok-pokok yang nak di potong memang pokok - pokok setengah pokok kalau kita boleh gunakan *sky lift* MPSP, memang kita guna buat gotong royong, tapi masalahnya pokok-pokok yang tinggi yang sebelah rumah-rumah orang kita kena guna dua (2) kren dan harga potong

satu pokok menjangkau sampai RM10,000 lebih untuk satu (1) pokok. Dan kadang-kadang macam pokok kekabu hari itu, RM 8,000 lebih. Tepi jalan. JKR pun tak boleh potong, MPSP punya *sky lift* pun tak sampai. Memang harga tinggi. Jadi, dengan RM180,000 duit pembangunan saya untuk menjaga kawasan 30 kampung tu memang tak mencukupi. Jadi saya mengharap sangat.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan. Minta penjelasan sikit. Saya sebenarnya ada cara Yang Berhormat boleh selesai. 2 cara soalan saya. Pilih yang mana satu. Nombor dua, teriak lagi sekali, yang nombor satu, mai *join* Barisan Nasional, mesti okey.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

YB. Penanti, saya nak bantu YB. Penanti ni. Isu pokok. Kecil sahaja. Tapi kalau dia jadi masalah jadi besar. Isu pokok ni isu yang cukup kontroversi di kawasan-kawasan luar bandar. Yang pertama, pokok besar atas tanah *private*, di hadapan itu ada kabel elektrik ataupun Telekom. Yang kedua, pokok besar bahaya atas tanah atas tanah *reserved* Kerajaan yang bahaya mungkin tumbang kena kabel elektrik ataupun Telekom, contohnya. Yang ni kadang-kadang ada agensi tertentu masing-masing tidak bertanggungjawab menunjuk sana sini.

Tapi, YB. Penanti sebut kata MPSP dok bantu juga. Kalau tanah *private* katanya kita kena minta kebenaran tuan tanah untuk tebang pokok. Kalau tanah Kerajaan tak payah minta dah sebab Kerajaan yang nak buat. Tapi dua-dua tak buat. Masalahnya, kalau tanya JKR, JKR kata pokok tu kalau jatuh atas jalan baru dia pi rintih-rintih pokok. Kalau tanya Tenaga Nasional ataupun Telekom, kalau kena wayar kabel tu baru pi rintih, lebih kurang. EXCO JKR dok gelak. Dia ni amat berbahaya kalau dari segi penjimatan duit, lebih baiklah agensi tadi bantu dari awal. Kalau kata MPSP, sebagai pembayar cukai dia bantu cepat-cepat lah. Tapi masing-masing tidak mahu bertanggungjawab kerana ini kita dapat maklumat dalam satu mesyuarat kata JKR kata MPSP termasuk di kawasan Dato' ni. Jadi, takut esok bila pokok tu tumbang, timpa atas kereta, timpa atas orang baru kita bergegas nak pi buat. Boleh atau tidak, kalau sapa tak mau jawab, saya nak tanya EXCO JKR, YB. Bagan Jermal. Kita menggunakan peruntukan MARRIS, MARRIS ini Kerajaan Pusat bagi kan atas dasar perlembagaan, bagi duit kat Kerajaan Negeri. Tu yang jalan dok buat banyak luar bandar tu. Kawasan Dato' Maktar pun depa tolong. Jadi, soalan boleh atau tidak kita menggunakan duit MARRIS itu, kerana ia sebahagian daripada penyelenggaraan jalan, itu persoalannya. Negeri lain ada buat. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Menjawab soalan itu, kalau ditengokkan daripada Bajet 2017...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Nanti jawablah.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Nak jawab soalan dia tu la. Saya nak jawab soalan dia. Sebab saya analisis bajetnya, saya tengok sebab di dalam kampung JKR memang tak potong pokok. Pokok JKR dia akan potong kalau tepi jalan JKR. Tapi kalau tengok bajet penyelenggaraan dan pembaikan kecil pada 2017, Pejabat Daerah SPT hanyalah RM103,000. Walaupun pendapatan sebenar Pejabat Daerah SPT ialah RM175 juta kalau dibandingkan dengan Pejabat Daerah SPU, pendapatan hanyalah RM22,650,000. Tetapi SPU dapat bajet untuk penyelenggaraan dan pembaikan kecil untuk 2017 sebanyak RM130,000 dan juga 2016, RM160,000. Jadinya kalau maknanya macam inilah nak cakap. Duit yang RM103,000 untuk membuat pembersihan awam ke, potong pokok oleh Pejabat Daerah memang tak potong pokok. Jadi semua tu diperlukan menggunakan duit ADUN. Saya nak cakap di sini yang kalau seseorang ADUN kalau dia ada 2,3 kampung tak apa. Tapi kalau 30 kampung dengan menggunakan bajet yang sama dan Pejabat Daerah SPT juga mendapat hanya RM103,000 pada 2017, memang kita tak dapat menyelesaikan masalah ini. Kita memerlukan sebab tu saya tanya soalan, tunjukkan bagaimanakah peruntukan seimbang antara kawasan bandar dan kawasan kampung.

Lagi satu, MPSP diberi pengecualian, maknanya dia kekurangan *income* sebanyak RM15.942 juta *loss of income*. Kalau ikut bajet ucapan bajet daripada Ketua Menteri, apakah kesan daripada *loss of income*? Adakah tahap pembersihan di kawasan sebab walaupun MPSP tidak melakukan perkhidmatan di kawasan kampung, tetapi sekurang-kurangnya MPSP bila kita minta tolong dia datang bersihkan tepi-tepi jalan di kampung tu saya bayar sendiri. Tapi saya punya kerisauan ialah apakah kesan penurunan pendapatan daripada MPSP? Adakah ia akan menjejaskan pembersihan awam? Boleh saya sambung lagi ke?

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Satu (1) minit lagi.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Okey, berkenaan dengan, saya nak terima kasih banyak-banyak pada Kerajaan Negeri yang ada projek khas ekonomi dan juga agenda ekonomi saksama. Sangat bagus sebab membantu orang kampung untuk dan peruntukan RM3.0 juta telah diberi untuk membina rumah baru, baiki rumah, projek bantuan peralatan dan RM200,000 untuk pembangunan modal insan untuk warga desa. Itu saya mengucapkan terima kasih. Hanya saya nak buat cadangan kalau boleh, boleh tak pelaksanaan selepas diluluskan di Jawatankuasa Kemiskinan Daerah itu dilaksanakan dengan lebih cepat sebab buat masa ini, kelulusan di peringkat negeri adalah di peringkat UPEN Pembangunan adalah dua (2) kali setahun. April dan September atau Oktober. Saya nak mohon kepada UPEN Pembangunan untuk mengadakan mesyuarat dengan lebih kerap untuk meluluskan projek-projek yang telah diluluskan di peringkat daerah. Dan saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada YB. Seberang Jaya kerana telah meluluskan 14 rumah untuk dibaiki di Penanti. Dari bulan 5 sampai ke bulan 8, terima kasih. Dan saya nak mengucapkan kepada YB. Sungai Puyu kerana telah membantu memberikan bantuan bulanan AES kepada 69 orang di Penanti dan saya suka proses ini sangat cepat lepas diluluskan dua (2) minggu lepas tu terus masuk kepada akaun orang-orang yang susah. *Actually*, saya ada banyak lagi nak cakap tapi macam.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sudah satu (1) jam.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Okey. Yang ni saya nak sebut satu pasal isu nafkah, saya dapat jawapan yang Kerajaan kita mempunyai undang-undang syariah, Mahkamah Syariah yang mempunyai undang-undang yang sangat sebenarnya mesra kepada wanita. Bagi kepada wanita. Dalam seksyen 61. Maknanya, mengikut undang-undang syariah di Pulau Pinang tidak ada sebab wanita tidak diberi nafkah. Kalau dia berkahwin ke, tak berkahwin ke, bercerai ke, dia mesti dapat nafkah dari suami ke, dari bapa dia ke, dari waris ke. Itu memang wajib. Kalau tidak, dan saya berterima kasih kepada Batu Maung kerana baru-baru ini telah mengadakan satu forum bagaimana Mahkamah Syariah melindungi wanita. Sebab selalu di kampung dan saya pun tak berapa faham undang-undang di Negeri Pulau Pinang. Maknanya di Negeri Pulau Pinang ni, kalau sesiapa lelaki tak bagi nafkah kepada wanita bawah penjagaan dia, dia boleh dimasukkan *jail*, boleh masuk *jail*, boleh ditolak gaji dan kalau dia tak bayar boleh di sita. Dan saya sangat, bagus sangat undang-undang. Jadi, isu ialah mungkin penguatkuasaan oleh Bahagian Sokongan di Mahkamah dia ada Bahagian PSK yang maknanya kakitangan untuk menguatkuasakan penghakiman itu. Saya harap Kerajaan Negeri boleh menambah bajet dan juga perjawatan walaupun perjawatan datang dari JPA, tetapi kalau Kerajaan Negeri boleh menambah pegawai secara kontrak dan juga Biro Bantuan Guaman kepada wanita-wanita yang susah. Sebab undang-undang ada, tapi wanita itu dia kena tahu dan dia kena mohon kepada Mahkamah Syariah. Kalau dia mohon kepada Mahkamah Syariah, *Insyah-Allah* Mahkamah Syariah boleh bantu. Saya harap Kerajaan Negeri akan tambah perjawatan dan juga tambah bajet untuk penguatkuasaan penghakiman.

Lagi satu, YB. Batu Maung telah membuat juga menganjurkan Rahmatan Lil Alamin dan saya hadir ke *almost* semua program Rahmatan Lil Alamin. Saya nak cadangkan kepada Kerajaan Negeri salah satu cara dan sebagainya di Penanti. Apa yang saya buat untuk mengeratkan hubungan antara kaum dan persepsi Agama Islam dan agama-agama lain, apa yang saya buat adalah mengadakan dialog. Sebagai contoh, dialog pasal islam dalam bahasa mandarin dengan semua tokong-tokong dan Persatuan

Cina. Mereka boleh tanya apa pun pasal Islam. Pasal hudud, kenapa kita azan, apa-apa pun boleh bertanya dan saya mendapat *feedback* daripada surat khabar Cina, penduduk-penduduk Cina mereka suka sebab kadang-kadang ia banyak persepsi dan mereka tidak faham dan juga untuk masyarakat Islam. Masyarakat Melayu di kampung kebanyakannya tidak tahu, dia tinggal di kampung tidak tahu kenapa orang Cina, orang India, orang Hindu, orang Kristian kenapa mereka sembahyang macam itu, apa yang di *belief*, jadi apabila saya membuat dua hari latihan kepada semua Jawatankuasa Keselamatan Kampung (JKKK) wajib dan jemput kepada Kariah Masjid mereka baru tahu agama Hindu, apa yang dia percaya apa yang terkandung dalam kitab-kitabnya supaya kita boleh mengeratkan hubungan antara kita sama-sama di Pulau Pinang ini, sebab akhir-akhir ini banyak juga berlaku *insiden-insiden*, ketegangan kaum. Saya rasa salah satu cara untuk mengurangkan *insiden-insiden* ini ialah jika kita boleh mengadakan dialog supaya orang boleh Q and A dan bertanya apa yang dia hendak bertanya dalam bahasa dia sendiri.

Jadi saya harap Kerajaan Negeri dan saya rasa YB. Batu Maung juga harap dapat menyokong aktiviti-aktiviti seperti ini. Akhir sekali saya hanya hendak memohon bagi untuk penjagaan kanak-kanak, saya harap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan mengklasifikasikan pusat jagaan kanak-kanak sebagai khidmat sosial yang tidak mengenakan syarat-syarat seperti satu *business* atau perniagaan. Maknanya walaupun Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengatakan kena di kawasan kediaman di *corner* dan sebagainya, tetapi apabila hendak tukar jadi *commercial* memang mahal kena bayar *parking*, *parking* itu boleh jadi sampai RM50,000, RM20,000 ini menyebabkan ramai ataupun pengusaha-pengusaha ini tidak mendapat lesen dan mereka tidak dapat menjadikan taska yang halal.

Jadi saya mengharapkan kalau Kerajaan Negeri, dan saya tahu YB. Chong Eng Padang Lalang, sangat menyokong dan dia sendiri *fight* untuk mendapatkan PBT supaya saya harap Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dapat mengklasifikasikan seperti di Negeri Kedah supaya semua pusat penjagaan kanak-kanak ini diklasifikasikan sebagai Pusat Khidmat Sosial seperti tempat-tempat ibadat, dia bayar cukai RM1.00 sahaja. Kenapakah kita tidak boleh tengok tempat-tempat yang menjaga anak-anak kita supaya ibu-bapa boleh bekerja itu sebagai satu khidmat sosial. Dengan ini saya mohon menyokong.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Seterusnya YB. Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Terima kasih di atas peluang diberi untuk membahas Rang Undang-undang Perbekalan 2017 dan Usul Anggaran Pembangunan 2017.

YB. Timbalan Dato' Speaker, Pulau Pinang kini telah mencapai status negeri yang berjaya dibawah pemerintahan Pakatan Harapan Pulau Mutiara ini telah mencapai banyak perubahan positif. Semasa diperintah oleh Barisan Nasional negeri ini tidak sihat, ianya diserang penyakit ketidakcekapan dan korupsi yang memudaratkan Pentadbiran Negeri dan sekali gus menjejaskan kebajikan rakyat. Hari ini Negeri Pulau Pinang mempunyai had moral untuk digelar sebagai Negeri Bersih yang berasaskan nilai-nilai murni. *Reality* ini tidak akan direalisasikan jika rakyat Pulau Pinang tidak bertindak memilih Pakatan Harapan sebagai kerajaan.

YB. Dato' Timbalan Speaker, mentadbir sebuah negeri bukannya mudah, ia merupakan satu tugas yang amat mencabar, berbagai-bagai kesulitan harus dihadapi dan seterusnya diselesaikan. Kerajaan Negeri Pulau Pinang hari ini beriltizam mengatasi apa jua rintangan demi kebajikan Penduduk Pulau Pinang. Hari ini Negeri Pulau Pinang dapat berbangga kerana menjadi negeri yang kedudukan kewangan yang sihat. Sebelum ini di bawah pemerintahan Barisan Nasional kewangan negeri tidak memuaskan, mengapa ini berlaku? Jawapannya ialah pengurusan kewangan yang lemah sehingga penyelewengan sewenang-wenangnya berlaku. Sistem kawalan berbeza kepada berbagai-bagai bentuk penyalahgunaan dan ketirisan, hasilnya kemantapan pengurusan terjejas dan yang paling buruk sekali kebajikan rakyat Pulau Pinang tidak mendapat perhatian yang sewajarnya. Suka saya menyatakan yang senario ini tidak lagi wujud kerana itu cukai taksiran untuk rumah-rumah kos rendah dimansuhkan. Sesungguhnya YB. Timbalan Dato' Speaker, ini bukan semata-mata isu kutipan hasil negeri, ini haruslah dilihat dalam konteks yang lebih luas iaitu komitmen Kerajaan Negeri meringankan beban rakyat yang berpendapatan rendah. Mengapa ini tidak dilakukan semasa pemerintahan Barisan Nasional?

YB. Dato' Timbalan Speaker, pengumuman Y.A.B. Ketua Menteri dalam Bajet 2017 bahawa Kerajaan Negeri akan memberi potongan sebanyak 6% cukai pintu untuk semua hartanah lain termasuk hartanah komersial adalah dialu-alukan dan akan menjimatkan wang rakyat dan mengurangkan beban mereka. Manakala Kerajaan Pusat hanya tahu untuk meningkat cukai sahaja.

YB. Dato' Timbalan Speaker, baru-baru ini telah muncul satu parti politik yang baru di Pulau Pinang yang saya maksudkan ialah Parti Barisan Pulau Pinang. Yang penting disedari ialah ini adalah satu strategi Barisan Nasional untuk melemahkan sokongan pengundi Pulau Pinang kepada Kerajaan Pulau Pinang yang diterajui oleh DAP bersama rakannya PKR. Penasihat Parti Barisan Pulau Pinang ini ialah Ahli Parlimen Padang Besar. Beliau adalah seorang tokoh UMNO, apa lagi yang hendak dikatakan Barisan Nasional Pulau Pinang sudah begitu putus harapan untuk menawan Pulau Pinang semula. Apa yang mengejutkan ialah pemimpin Parti Barisan Pulau Pinang ingin membina sebuah kasino di Pulau Pinang dan ini disokong oleh UMNO. Sesungguhnya tindakan begini bukanlah aksi politik yang bermoral dan bersih. Apa pun YB. Dato' Timbalan Speaker, pengundi-pengundi Pulau Pinang khususnya rakyat Pulau Pinang amnya berfikiran rasional mereka mampu membezakan antara politik kotor dengan politik yang berteraskan intergriti. Cukuplah sudahlah, Barisan Nasional dengan hipokresi politiknya, rakyat Pulau Pinang sudah muak dengan politik kotor sebegini. Sampai hari ini Presiden UMNO tidak menafikan bahawa mereka tidak ingin mengadakan satu kasino di Pulau Pinang. Di negeri dia sendiri ada kasino sebab itu mungkin dia gunakan Parti Barisan Pulau Pinang untuk mencadang satu kasino di Pulau Pinang.

Seterusnya saya ingin menyentuh isu pelabuhan dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Kedua-duanya perlu dinaikkan taraf dengan segera. Tugasan ini adalah tanggungjawab Kerajaan Pusat malangnya sehingga kini ianya belum diselesaikan. Mengapa ini terjadi saya tidak tahu? Jika inilah keadaannya akan lebih buruk lagi imej Kerajaan Pusat kepada rakyat Pulau Pinang.

YB. Dato' Timbalan Speaker, soalan bertulis saya tentang kedatangan pelancong-pelancong ke Pulau Pinang dalam tahun ini adakah kenaikan dan jawapan yang diberi ialah berdasarkan statistik pelancong yang direkodkan oleh Malaysia Airport yang mengunjungi Pulau Pinang melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang sehingga September 2016 menunjukkan peningkatan bilangan statistik pelancong ke Pulau Pinang pada tahun 2015 adalah 4,634.507 juta orang dari tahun 2016 sehingga September terdapat peningkatan peratusan sebanyak 5.87% iaitu 272,562 pelancong berbanding tempoh yang sama dalam tahun 2016. Peningkatan tersebut menjadikan seramai 4,916.69 juta pelancong yang telah mengunjungi Pulau Pinang sehingga September 2016 dan jumlah ini tentu akan naik ke 5 juta lebih hujung Disember dan makin tahun tentu kenaikan pelancong ke Pulau Pinang ini akan tetap akan naik. Kalau tidak ada langkah-langkah diambil saya rasa kedatangan *Penang Airport* tidak lagi boleh menerima banyak *tourist-tourist* ke Pulau Pinang...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Netahji Rayer A/L Rajaji):

Minta lalau Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat menyentuh tentang Lapangan Terbang Pulau Pinang. Saya telah menyentuh perkara ini beberapa kali dalam beberapa sidang Dewan dan saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada Timbalan Dato' Speaker, kepada satu liputan di dalam surat khabar *The Star* bertarikh 19 Julai yang menunjukkan keadaan muka surat hadapan *Star*, *The People Papers*. Seperti kolam renang dan kejadian ini berlaku tiap-tiap kali berlakunya hujan lebat walaupun berjuta-juta telah pun dibelanjakan keadaan ini membawa malulah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan maklumlah tempat ini ialah tempat pertama yang memberi (dengan izin)...*first impression* mengenai Pulau Pinang dan pada hari tersebut saya difahamkan dalam gambar ini menunjukkan tempat ini adalah dengan izin, keadaan di dalam Lapangan Terbang Pulau Pinang di mana takungan air itu kita dapat melihat dengan jelas sekali, jadi saya meminta pendapat YB. Bagan Dalam, apakah saranan yang boleh dibuat kepada Kementerian Pengangkutan, Menteri Pengangkutan, Kerajaan Persekutuan supaya perkara ini tidak berulang kali berlaku? Tiap-tiap tahun berlaku apabila berlakunya tiap-tiap kali hujan lebat perkara ini berlaku, di mana kita pergi tempat ini bukan lagi sebagai Lapangan Terbang Antarabangsa. Dia menjadi kolam Antarabangsa, tiba-tiba sahaja di Pulau Pinang kita lihat keadaannya begitu teruk, Yang Berhormat terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Terima kasih, Seri Delima. Menteri Pengangkutan Liow Teong Lai, beliau ini adalah Menteri Boneka sahaja.

YB. Dato' Timbalan Speaker, yang jelas Kerajaan Pusat tidak menunjukkan komitmen yang sewajarnya, amat mengecewakan, sehubungan dengan ini ada baiknya Kerajaan Pusat bersikap lebih bermoral dalam berpolitik bertindak negatif terhadap negeri-negeri yang tidak dikuasainya semata-mata tidak mencerminkan berperihal kaum yang boleh memburukkan kredibiliti sebagai kerajaan, tentunya Barisan Nasional tidak mahu imej tercemar, di sini saya ingin mengingatkan Barisan Nasional supaya melaksanakan kewajibannya kepada Pulau Pinang dengan penuh tanggungjawab....(gangguan).

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Laluan, minta maaf saya datang tadi, saya tidak tahu bahawa YB. Bagan Dalam juga tahu isu hospital. Jadi isu panas di Malaysia. Akibat kebakaran di Hospital Sultanah Aminah Johor Baharu, sekarang ini pun saya ingat YB. Seri Delima bangkit isu ini. Kalau tak ada sebelum gulung, mungkin saya alihkan perkara hospital ini jadi satu isu yang sangat-sangat penting. Ini memang saya rasa hospital besar di Pulau Pinang juga mengalami masalah kan. Mungkin kesesakkan tak ada *parking*, tak tempat untuk pelawat melawat pesakit dan sebagainya jadi isu saya balik kepada kebakaran, ada dua kebakaran, bukan satu. Kebakaran pertamanya enam hilang nyawa, kemudian kedua saya tidak tahu bahawa ini kebakaran ini dibuat sengaja oleh pihak tertentu. Tapi biasanya apabila ada macam ini satu perkara di Negara-Negara lain, tentunya Para Menteri Kesihatan akan letak jawatan. Tapi di sini, betul ini dia tak tau pekak ka, apa ka. Dia sebenarnya dia buat tak tau sahaja dia sebenarnya dia tuduh pihak lain bukan hanya Menteri, Timbalan Menteri Pulau Pinang, dia pun macam ini tidak sebut apa-apa. Jadi saya minta pandangan Bagan Dalam, Bagan Dalam pun ada memang ada menyuarakan perkara masalah hospital am hospital Kerajaan di Negeri Pulau Pinang dan sebagainya, apa isu dan kenapa ini seorang Menteri, yang seorang yang doktor tapi dia tidak begitu mengambil perhatian tentang isu kebakaran dan juga kebajikan pesakit-pesakit. Terima kasih.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta laluan daripada YB. Bagan Dalam. Saya merujuk balik tadi YB. Seri Delima telah bangkitkan isu di mana Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang setiap kali hujan yang lebat akan mengakibatkan banjir. Kebetulan saya ada tanya soalan tentang Sidang DUN ini, soalan bertulis "Berapakah kos penyelenggaraan yang dibayar oleh Kerajaan Persekutuan setiap tahun untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan Lapangan Terbang Antarabangsa Negeri Pulau Pinang?" Jawabannya bagi tahun 2015 Lapangan Antarabangsa Pulau Pinang yang dibelanja oleh Malaysia Airport Holding Berhad telah membelanjakan sebanyak RM13,504,690.04 untuk kerja-kerja penyelenggaraan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Tapi kejadian banjir kilat yang sering berlaku di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang adalah disebabkan oleh jumlah air hujan yang tinggi berbanding dengan kemampuan sistem perparitan kawasan luar yang masuk ke dalam kawasan lapangan terbang semasa hujan lebat.

Saya ingat semasa projek-projek menaiktarafkan lapangan terbang ini kontraktor ataupun kontraktor yang dilantik...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Soalan YB?

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Ya, soalan *coming soon*. Di mana kontraktor-kontraktor semasa mereka membuat kerja-kerja penaiktarafan *Penang International Airport*, mereka haruslah mengkaji keadaan tersebut dan bukan setiap kali kita ditanya-tanya oleh kawan-kawan datang luar negara atau luar negeri semasa mereka datang dan singgah di Pulau Pinang mereka tengok *Penang Airport*, lapangan terbang kita banjir. Soalan saya sama ada Menteri-Menteri ataupun pihak tertentu seperti Malaysia Airport Holding Berhad mereka yang

melantik kontraktor-kontraktor, mereka yang membelanjakan duit rakyat sejumlah RM13 juta tahun 2015. Adakah kontraktor-kontraktor itu berkemampuan ataupun mempunyai kepakaran untuk selesaikan masalah-masalah bukan sahaja masalah banjir, kita boleh masuk tandas mereka kita boleh tengok mereka punya jubin semua rosak dan kerja-kerja penyelenggaraan di mana? Dan ada banyak lagi rakyat-rakyat di luar, mereka ingat lapangan terbang Negeri Pulau Pinang ada lagi diselenggara oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Tetapi sepatutnya bukan terutama EXCO Pelancongan kita sentiasa kena jawab kepada pelancong-pelancong yang datang dari luar Negara. Inilah soalan saya sama ada Malaysia Airport Holding Berhad termasuk juga Menteri Pengangkutan kita dan juga pihak-pihak tertentu Kerajaan Persekutuan mereka haruslah bertanggungjawab supaya tidak memalukan rakyat-rakyat Negeri Pulau Pinang. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya minta laluan sedikit Yang Berhormat, sebenarnya kalau jawapan itu, adalah jawapan yang diberikan oleh EXCO, mungkin tepatlah. Tapi dalam laporan yang telah diberikan oleh surat khabar The Star, dengan izin YB. Dato' Speaker, jumlah yang dinyatakan yang telah dibelanjakan adalah "RM250 million...(dengan izin), *this despite of two hundred and fifty million upgrading project* yang telah dilaksanakan. Saya ingin tanya YB. Bagan Dalam tadi ada mengatakan bahawa Menteri ini adalah Menteri Boneka adalah Yang Berhormat tahu, bahawa Kementerian Pengangkutan terdapat satu Menteri Penasihat Khas. Penasihat Khas yang merupakan Tan Sri Kayveas yang bukan merupakan Ahli Parlimen, tidak dipilih oleh rakyat yang masuk pintu belakang, terima kasih Yang Berhormat Perai tapi kita masih menghadapi masalah ini. Kementerian Pengangkutan membelanjakan wang membayar gaji RM30,000 lebih kurang tiap-tiap bulan kepada Tan Sri Kayveas yang dilantik sebagai Penasihat Khas kepada Kementerian Pengangkutan. Tapi masalah banjir yang berlaku di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang masih tak dapat diselesaikan. Apa pendapat YB. Bagan Dalam? Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Untuk menjawab soalan itu yang masalahnya. Ini yang semua tahu ialah kontrak-kontrak untuk membaiki *renovation Airport* Pulau Pinang kontrak-kontrak ini semua diberikan kepada abang adik, sebab itulah kerja-kerja ini sudah dibuat dengan sempurna. Kalau ada *open tender* mungkin lebih baik. Jawapan dari YB. Perai, hospital itu kebakaran ada dua kali, Perai sudah lupa ada banjir satu kali di Ipoh. Ada banjir lagi bukan bakar lagi banjir pula. Ini menunjukkan macam mana kehandalan Menteri Kesihatan lah so kami di Pulau Pinang minta dia letak jawatan dan tidak layak menjadi satu Menteri Kesihatan dan tidak mahu tanggungjawab atas kedudukan hospital-hospital di Malaysia kerana ini adalah sangat bahaya, bukan sahaja bakar, boleh jadi banjir....(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta YB. Bagan Dalam beri laluan. Tadi saya nak jawab sedikit dari YB. Seri Delima di mana *maintenance fees* RM13 juta tahun 2015 bukan kerja-kerja pembinaan so di mana kerja-kerja penyelenggaraan iaitu *maintenance fees...*(dengan izin), YB. Dato' Speaker setiap tahun mereka membelanjakan tapi hakikatnya kita masih lihat keadaan-keadaan perkara seperti banjir kawan-kawan kita daripada pihak Barisan Nasional tadi menyentuh bahawa setiap kali banjir kita tolak kepada Kerajaan Persekutuan, tapi hakikatnya Lapangan Terbang *International* Pulau Pinang memang di bawah jagaan dan juga penyelenggaraan daripada Kerajaan Persekutuan maka Kementerian Pengangkutan Malaysia Airport Holding Berhad, pihak-pihak tertentu kena tahu saya mintalah Barisan Nasional punya wakil rakyat tolonglah sampaikan *mesej* ini. Saya ingat mereka juga ada naik kapal terbang daripada Negeri Pulau Pinang ke lain tempat. So saya nak minta mereka tolong sampaikan masalah ini ambil gambar, tunjuk kepada Menteri ataupun jemput Menteri turun untuk membuat lawatan. Betulkah? Setujukah Bagan Dalam?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Setuju. YB. Dato' Speaker, sebagai panduan dalam pengurusan Negara, Rukun Negara semacam telah dilupai. Rukun Negara kini hanya tinggal sebagai hiasan di dinding sekolah dan kulit buku. Lanya tidak jadikan sebagai garis panduan dalam proses urus tadbir dalam pembangunan oleh Barisan Nasional. Natijahnya Rukun Negara tinggal sebagai slogan langsung tidak dimanfaatkan sama sekali.

Seperkara lagi YB. Dato' Speaker ialah isu perpaduan nasional sering diperkatakan persoalannya adakah perpaduan nasional kini sudah wujud? Jawapannya tidak. Perpaduan masih lagi tidak wujud, perpaduan masih lagi menjadi ungkapan yang menjadi ulang-ulang tanpa *realizing*. Adanya pergaulan mesra antara kaum yang kaum tidak bererti adanya perpaduan kaum. Ini berlaku merata-rata di tempat kerja, sekolah dan lain-lain perhimpunan sosial. Ini sudah pun menjadi budaya Malaysia. Yang lebih penting ialah perilaku di peringkat interaksi sosial yang lebih serius. Politik kita masih lagi berlandaskan perkauman aktiviti sosial bersifat perkauman, ceramah agama masih berbau perkauman. Semua ini memberi dan menguatkan sentimen perkauman. Ini semua membuatkan cara berfikir atau persepsi dipengaruhi nilai perkauman. Sebagai contoh ambil saja kemiskinan. Ianya tidak ada kena mengena dengan kaum. Ia adalah situasi sosial ekonomi dan mendapatkan seorang hidup miskin. Tidak tepat serta adil kalau kemiskinan dikaitkan dengan mana-mana kaum tertentu.

Yang jelas sekarang perkauman telah dieksploitasi untuk mencapai matlamat politik oleh Barisan Nasional. Sampai bilakah situasi ini harus berterusan? YB. Dato' Speaker, Kerajaan Pulau Pinang amat prihatin....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat. Saya ingin tanya pendapat Yang Berhormat. Apakah pendapat Yang Berhormat menyentuh tentang isu perkauman ini? Setujukah Yang Berhormat bahawa Parti UMNO adalah parti yang selalunya memainkan isu perkauman. Soalan saya pertama. Kerana kita dapat lihat gambar-gambar yang telah disiarkan dalam laman-laman sosial, dengan izin YB. Dato' Speaker saya tunjukkan di sini gambar-gambar yang menunjukkan pemimpin-pemimpin baju merah yang terlibat dalam perhimpunan-perhimpunan yang selalu mengeluarkan kenyataan-kenyataan perkauman bermesra dengan pemimpin UMNO. Satu saya ada gambar Jamal, seorang yang terkenal pemimpin baju merah yang sedang makan durian dengan Perdana Menteri kita, Y.A.B. Datuk Seri Najib. Gambar ini bukan gambar photoshop, gambar ini gambar benar. Satu lagi adalah gambar Jamal sedang makan dengan Khairi Jamaluddin seorang lagi Menteri UMNO. Adakah YB. Bagan Dalam setuju dengan saya bahawa walaupun Barisan Nasional dan UMNO selalu melaung-laungkan kenyataan 1 Malaysia kononnya memupuk perpaduan dan sebagainya secara senyap-senyap mereka menyokong baju merah yang sekarang kita lihat memporak-perandakan silaturahmi di antara kaum-kaum di Malaysia. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa secara senyap-senyap pemimpin-pemimpin UMNO mungkin yang ada di sini tapi yang sedang ada di luar dan sedang menyaksikan persidangan ini semua lari tak tau sebab apa kerana takut mungkin perkara ini didedahkan menyokong secara senyap-senyap perhimpunan baju merah ini yang kita lihat sejak kebelakangan ini mengganggu gugat ketenteraman, keamatan perpaduan di antara kaum terutamanya di Pulau Pinang. Apakah pendapat Yang Berhormat tentang perkara ini? Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Saya setuju bahawa UMNO main isu-isu perkauman untuk meluluskan kepuasan politik di Negara ini. Ini memang bukan satu situasi baru ini kita boleh katalah dalam darah UMNO lah.

YB. Dato' Speaker, Kerajaan Pulau Pinang amat prihatin dengan kebajikan penduduknya. Sehubungan dengan ini, rancangan melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, 600 unit rumah kos rendah akan dibina di Ujung Batu, dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Bagan Dalam. Ini sekaligus menangkis tuduhan bahawa Kerajaan Negeri tidak memberi prihatin kepada rumah kos rendah atau rumah mampu milik. Selain membina rumah seluas 650 kaki persegi, kemudahan rekreasi dan sukan akan disediakan.

Berkaitan dengan perumahan, seperkara lagi ialah hal proses kelulusan rumah awam. Saringan oleh jawatankuasa, penambahbaikan proses pemilihan spek adalah sangat ketat dan teliti. Tidak ada sebarang bayaran deposit jaminan rumah. Proses pemilihan adalah sangat teliti berdasarkan beberapa kriteria antaranya ialah jumlah pendapatan isi rumah, bilangan anak dan jumlah harta yang telah dimiliki oleh pemohon. Dakwaan oleh sebuah parti politik bahawa ada amalan rasuah tidak langsung berasas.

YB. Dato' Speaker, pada 19 November, BERSIH akan mengadakan satu himpunan aman di Kuala Lumpur. Saya harap semua di Dewan ini boleh hadir termasuk Ahli-ahli UMNO. Tetapi apa yang ambil *center stage* sekarang ini bukan BERSIH tetapi baju merah seperti yang YB. Seri Delima katakan tadi.

Satu kumpulan samseng diketuai oleh Jamal dari UMNO yang ingin buat kacau. Satu kumpulan ekstremis UMNO yang tidak mahu keadilan. Mereka berlagak sebagai *they are above the law*. Mereka YB. Tuan Speaker, boleh pukul orang, musnahkan harta, ugut orang lain dengan sukarela tetapi pihak Polis tidak akan tangkap mereka. Tidak ada tuduhan atas mereka. Adakah mereka ini ada satu jenis orang yang *special people that cannot be touched above the law is* kalau bila kata YB. Seri Delima kata UMNO celaka, dia telah tuduh.

YB. Tuan Speaker, saya ingin, saya bawa *Penal Code* di sini, *Penal Code* adalah semua *offense*, kesalahan-kesalahan yang dibuat. Jamal telah dan UMNO, ahli-ahli UMNO telah melanggar semua undang-undang tetapi mereka tidak dituduh di mahkamah. Apa guna *Penal Code* ini? Lebih baik kita buang ini. Tidak payah pakai *Penal Code*. UMNO boleh maharajalela, pergi bunuh orang, pergi curi barang, apa pun dia boleh buat. Kita tidak mahu *Penal Code*....(gangguan).

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

YB. Bagan Dalam, sekarang bukan sahaja baju merah, ada baju oren. So ini merupakan bahawa bantahan terhadap BERSIH ini sudah jadi pelbagai kaum. Baru-baru ini kita dengar bahawa kumpulan baju oren ini sudah bergerak, adakan demonstrasi untuk menunjukkan sokongan kepada Perdana Menteri, Najib, dan kemungkinan besar baju oren ini akan campur dengan baju merah untuk menghalang baju kuning. So apakah pandangan dan ini ketua, saya ingat Yang Berhormat pun tahu siapa ketua ini baju oren, dia daripada Pulau Pinang dan dia satu masa ketika pejuang Hindraf tetapi mungkin dia sudah pusing 360 darjah sekarang. Jadi apa pandangan, adakah baju merah ini adalah satu yang telah di *out source* oleh UMNO. Sekarang ada baju oren, jadi apa pandangan?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat, sedikit sahaja. Ada baju hitam juga YB. Perai yang diketuai oleh Ayahanda yang selalu buat *report* Polis. Beliau juga akan mengetuai satu kumpulan baju hitam tetapi dia belum nyatakan sama ada dia belah baju merah atau dia belah baju kuning. Besar kemungkinan dia akan menyertai juga baju merah juga. Jadi kita lihat ada *trend*. Saya terpanggil untuk memberi pandangan saya atas isu yang diutarakan oleh YB. Bagan Dalam. Kita kalau mengikut undang-undang, (dengan izin), *nobody is above the law*. Dan saya memberi penghormatan yang tertinggi kepada Polis Diraja Malaysia. Mereka adalah pihak yang harus menjaga keamanan di seluruh negara. Tidak kiralah sama ada pihak itu adalah pihak UMNO atau pihak pembangkang atau pihak baju kuning atau pihak baju merah.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Boleh saya catitkan di sini, ada tiga (3) ADUN sudah ambil bahagian?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sedikit sahaja Yang Berhormat. Perkara ini menarik. Sebagai seorang peguam, saya ingin mengatakan apabila saya bertemu dengan anak guam saya sendiri...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

YB. Jawi ambil bahagian, YB. Seri Delima sudah ambil bahagian. Sekarang...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Isu penting YB. Dato' Speaker. Isu penting. Di sini apabila kita pergi ke kawasan, melawat kawasan, ramai orang yang datang berjumpa dengan kita bertanya apakah kekebalan baju merah ini di mana pihak polis sendiri takut untuk mengambil tindakan? Kita lihat *double standards* bila sahaja kenyataan dibuat terhadap pihak Polis, Ketua Polis Negara, pihak Polis, sebarang tohmahan, kalau tohmahan itu dibuat oleh wakil rakyat daripada DAP, PAS, PKR, minta maaf PAS itu tersasul. Mungkin tidak akan diambil tindakan, terus diambil tindakan. IGP *tune* kata ambil tindakan.

Baru-baru ini kita lihat satu adegan yang menunjukkan Jamal berteriak menuduh pihak Polis menumbuk beliau. Saya minta pihak Polis menyasat. Kalau itu adalah perkara yang tidak benar, sepatutnya Jamal ini diambil tindakan. Sebarang pertuduhan yang dibuat terhadap pihak Polis walaupun sedikit, kenyataan oleh IGP, tindakan akan diambil. Mengapakah pihak polis begitu takut sehinggakan ada anggota Polis yang datang berjumpa dengan saya memberitahu tolonglah utarakan perkara ini di dalam Dewan. Kita sebagai anggota Polis begitu malu tidak dapat mengambil tindakan terhadap baju merah yang kita lihat bermaharajalela melakukan apa sahaja, menggugat keselamatan rakyat di Pulau Pinang. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Minta laluan, terima kasih. Saya hendak beri penjelasan bahawa tadi Yang Berhormat daripada Perai bangkitkan bahawa baju oren dari Pulau Pinang. Tetapi ini oren bukan oren yang ini ya. Kami pun ada *Penang Goes Orange*. *Penang Goes Orange* itu Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui PWDC mengamalkan keamanan dan rasa sayang. Bukan *violence*, jadi dengan ini semua tolong faham ini oren, terima kasih. Ini sayang.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Ada oren yang baik, ada oren yang tidak baik. Orang-orang baju oren yang pengkhianat. Saya merujuk kepada seorang pemimpin daripada Pulau Pinang. So mungkin Ahli Kawasan Bagan Dalam cuma rujuk kepada demonstrasi yang berlaku semalam dan hari ini terhadap BERSIH. Dia kata Bersih ini kotor. Itu yang saya mahu tanya YB. Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Tentang baju oren ini, pemimpin dia, walaupun dari Pulau Pinang, tetapi dia tidak berani datang ke Pulau Pinang. Dia pergi seluruh Malaysia tetapi tidak berani datang ke Pulau Pinang. Saya pun tidak tahu mengapa dia tidak berani, mungkin dia takut Perai. Dia Bagan.

YB. Tuan Speaker, kita semua tahu bahawa ekonomi dunia kini tidak berapa baik. Ini tentunya mempunyai impak negatif kepada ekonomi Malaysia. Namun menyalahkan ekonomi dunia semata-mata bersabit dengan prestasi ekonomi Malaysia adalah tidak wajar. Sikap seperti ini samalah seperti menyalahkan keadaan bila diri tidak sihat tanpa mengambilkira keadaan diri sendiri, kesihatan diri sendiri diketepikan begitu sahaja. Walaupun ekonomi dunia tidak berapa baik, kelemahan dalaman ekonomi negara patut juga dilihat sebagai penentu prestasi. Janganlah pula perhatian dialihkan dari situasi dalaman. Beberapa kelemahan dalaman seperti kepimpinan yang tidak berintegriti, salah guna kuasa, rasuah dan pengurusan yang tidak cekap boleh juga menjejaskan keutuhan ekonomi. Skandal 1MDB melibatkan RM52 *billion* adalah salah satu punca merosotnya ekonomi Malaysia. Dan sekarang pula ini, *East Coast Rel Line* (ECRL) yang kosnya RM55 *billion* tidak boleh masuk akal tetapi dua hari dahulu, Menteri Pengangkutan, Liow Tiong Lai, kata kos sudah tinggi kerana nilai wang ringgit jatuh. Menteri ini bila dia balik dari China bersama dengan Perdana Menteri, dia tidak ada jawapan mengapa kos ECRL begitu tinggi RM55 *billion*. Masa itu dia tidak ada jawapan. Tiba-tiba bila nilai wang jatuh, dia cakap kerana nilai wang jatuh kos itu sudah naik RM55 *billion*. Inilah 'Menteri Boneka'. Ini Menteri MCA punya Presiden, saya ingat dia nyawa Cina pun boleh dijual. Rakyat mesti jatuhkan dia dalam pilihan raya yang akan datang untuk menjaga maruah bangsa Cina.

YB. Dato' Speaker, akhir sekali tentang Briged Wanita. Briged Wanita ditubuhkan oleh Kerajaan Pulau Pinang supaya melalui Briged Wanita aktiviti-aktiviti boleh diadakan untuk golongan wanita, terutama untuk kebajikan wanita dan lain-lain keperluan. Kini Briged Wanita adalah di bawah ADUN-ADUN. Untuk lebih efektif untuk menjayakan program Briged Wanita, saya ingin cadang kepada EXCO Wanita untuk mengadakan satu *secretariat* di kawasan Parlimen yang boleh memantau aktiviti-aktiviti wanita dan mengatur aktiviti-aktiviti untuk wanita. Kos untuk penganjuran aktiviti boleh disumbangkan oleh ADUN-ADUN di dalam Parlimen itu. Tanpa sebuah *secretariat* untuk memantau aktiviti Briged Wanita, adalah susah untuk meneliti kejayaan Briged Wanita. ADUN-ADUN ada kerja-kerja mereka dan masa untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti wanita saya ingat lebih baik kita ada satu *secretariat* yang boleh tuju kepada hal-hal wanita sahaja dan boleh kerjasama dengan ADUN-ADUN. *There must be a specific office to liase with all ADUN so there be more activities being carried out for wanita...*(dengan izinnya). YB. Tuan Speaker, dengan itu, saya pohon menyokong.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Seterusnya ya.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Terima kasih YB. Dato' Timbalan Speaker di atas peluang yang diberikan untuk saya bahas di Dewan yang mulia pada petang ini. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat di sini yang telah sama-sama sekali berusaha dalam memajukan dan menjayakan Negeri Pulau Pinang sepanjang tahun 2016. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menjayakan rancangan yang telah dirancang untuk tahun 2016 yang berbaki tak sampai dua bulan dan untuk tahun 2017 yang akan datang.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, yang pertama saya ingin menyatakan sokongan penuh saya kepada Kerajaan Negeri yang telah meneruskan pengecualian Cukai Pintu kepada rumah kos rendah, sederhana rendah dan juga rumah kampung dan juga menanggung beban GST untuk perkhidmatan MBPP dan MPSP pada tahun 2017. Saya percaya bahawa pengecualian cukai pintu lebih kurang RM14 juta ini dapat mengurangkan beban rakyat yang daripada kumpulan berpendapatan rendah terutamanya dalam keadaan kenaikan harga minyak, pelaksanaan GST dan impak-impak ekonomi negatif pada masa kini. Impak ekonomi negatif yang diakibatkan oleh Kerajaan Persekutuan ialah kita sebagai Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang benar-benar berkemampuan menghadapinya. Rakyat Pulau Pinang perlu dilindungi dan dijamin dari kos sara hidup yang sederhana dan kualiti hidup yang baik. Kita sebagai Wakil Rakyat yang demi rakyat turut rasa gembira dengan langkah dan kemampuan Kerajaan Negeri dalam mengurangkan beban rakyat. Saya berharap Kerajaan Persekutuan benar-benar dengar kepada suara rakyat dan mencontohi Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menjaga kehidupan rakyat kita mestilah berusaha mencari jalan bagi membaiki keadaan ekonomi supaya kualiti kehidupan rakyat dapat dijagai.

Di sini saya percaya bahawa semua Ahli Dewan mengetahui bahawa banjir besar sungai dan banjir kilat merupakan isu yang penting dan mustahak yang mesti diselesaikan sebelum ia berlaku lagi. Insiden banjir kilat yang telah berlaku di Jalan Thean Teik semasa hari Deepavali lepas telah menunjukkan betapa seriusnya masalah banjir kita mesti diselesaikan tanpa lengah. Insiden-insiden ini banjir yang lain juga telah berlaku di kawasan seperti Jalan P. Ramlee, Bayan Lepas, Jalan Masjid Negeri malahan Lapangan Terbang Pulau Pinang pun pernah dan masih boleh mengalami banjir lagi. Setiap kali hujan semua penduduk Pulau Pinang akan mulai merasa bimbang dan cemas dengan kemungkinan banjir. Impak banjir kilat tidak harus dipandang rendah, ia bukan sahaja mendatangkan kerosakkan kepada infrastruktur awam malahan ia mendatangkan kerugian ekonomi yang besar kepada Pulau Pinang. Contohnya operasi peniagaan dan perkilangan yang tidak dapat dijalankan sebab banjir dan lagi satu contoh adalah kerosakan alat elektrik dan barang di rumah mangsa banjir. Kerosakan kereta yang juga disebabkan oleh banjir pihak insurans tidak akan membayar ganti rugi. Semua tanggungan kerosakan alatan elektrik, barang rumah dan kereta akan ditanggung oleh mangsa banjir yang merupakan penduduk Pulau Pinang sendiri. Mereka tidak boleh lagi dibebani dengan kos-kos tambahan seperti ini lebih-lebih lagi pada keadaan ekonomi sekarang. Oleh itu saya mengalu-alukan pengumuman Y.A.B. Ketua Menteri bahawa Kerajaan Negeri akan memperuntukan wang yang paling besar dalam bajet iaitu sebanyak RM220 juta untuk pencegahan banjir di seluruh Pulau Pinang. Ini menunjukkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang memang mengambil tindakan yang cepat, tegas dan efektif untuk mengatasi masalah banjir kilat ini.

Sistem perparitan yang lama dan tidak sesuai dengan perubahan landskap dan pembangunan Pulau Pinang kini. Pemantauan dan penilaian semula sistem perparitan sedia ada harus dilaksanakan. Peruntukan sebanyak RM220 juta ini untuk pengurusan pencegahan banjir di dalam bajet tahun 2017 ini patut termasuk juga dalam menaik taraf sistem perparitan di Pulau Pinang untuk menyesuaikan dengan landskap dan pembangunan Pulau Pinang masa kini. Masalah banjir ini patut juga ditanggung oleh kedua-dua Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri, adalah tidak adil sekiranya beban ini hanya ditanggung atau dipikul oleh Kerajaan Negeri sendiri. Demi rakyat pihak Kerajaan Pusat juga patut memikul bersama Kerajaan Negeri dan mestilah menghulurkan peruntukan untuk membantu pencegahan masalah banjir di Negeri Pulau Pinang ini. Tindakan tegas juga harus dikenakan kepada mereka yang membuang sampah ke dalam sungai, longkang, sistem perparitan ataupun sistem saluran air yang lain-lain. Tindakan yang mementingkan diri sendiri sebegini patut dihalang dan dihukum. Hukuman yang setimpal patut diberi

sebagai amaran kepada sesiapa yang mementingkan diri sendiri dan menyebabkan sistem saliran air tersumbat. Saya menyokong Aplikasi Penyaluran Maklumat Kecemasan untuk kesesakan lalu lintas ataupun banjir kilat yang dinamakan *Penang Alert* seperti yang disebutkan dalam pembentangan bajet tahun 2017 ini. Ia merupakan satu langkah yang memang bijaksana dan menunjukkan betapa *efficiency*nya Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, isu yang seterusnya adalah isu ganti rugi kepada penduduk daripada pemaju. Dengan pembangunan yang berlaku secara pesat di Pulau Pinang, banyak penduduk yang dibelenggu dengan isu menerima arahan berpindah daripada pihak pemaju. Selepas tanah telah dibeli oleh pihak pemaju daripada pemilik tanah asal, biasanya penduduk cuma menerima ganti rugi yang di anggar beberapa puluh ribu ringgit yang tidak mampu untuk membeli sebuah rumah baru, sebelum ini saya ada mendengar kes seperti ini di mana penduduk juga menerima notis berpindah keluar daripada pemaju. Di sini saya ingin mengucapkan syabas kepada dua (2) syarikat pemaju di Pulau Pinang iaitu Sunway Group dan PLB yang memang telah mempunyai keperhatian dan juga berperikemanusiaan di mana kedua-dua syarikat pemaju telah memberi pampasan sebuah rumah kos rendah kepada penduduk dan kesemua penduduk telah menerima rumah pampasan tersebut dan perkara ini dapat diselesaikan dengan damai. Saya memang berharap pemaju-pemaju lain juga dapat mencontohi pemaju sebegini, semasa membuat pembangunan untuk mencari wang juga dapat mempertimbangkan untuk membantu golongan miskin. Ganti rugi kepada penduduk seharusnya setimpal kepada kerugian mereka. Demi kepentingan penduduk dan juga supaya penduduk Pulau Pinang kita mempunyai satu tempat teduhan yang sesuai dan selesa dan saya berharap Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat mengeluarkan satu garis panduan atau sistem yang bersesuaian untuk melindungi para penduduk Pulau Pinang yang menghadapi masalah tersebut. Ganti rugi yang diberikan patut setimpal kepada penduduk, cara yang paling baik adalah jumlah bayaran ganti rugi patut mencukupi untuk sekurang-kurangnya menampung sebuah rumah kos rendah ataupun penduduk diberi satu rumah yang baru sebagai gantian. Kalau pihak pemaju tidak memberi ganti rugi yang setimpal kepada penduduk masalah sosial ekonomi akan timbul. Kerajaan Negeri boleh bertindak dengan tidak memberi kebenaran pembangunan kepada pihak pemaju yang enggan memberi ganti rugi yang setimpal kepada penduduk. Bagi kes di mana ada yang belum adanya permohonan kebenaran merancang dikemukakan kepada Kerajaan Tempatan tetapi notis keluar telah dikeluarkan kepada penduduk, cadangan boleh dikaji dan dipertimbangkan bawah Kerajaan Negeri boleh membekukan sebarang pembangunan di tanah lot ini sehinggalah pemaju *willing* bersedia untuk mengeluarkan satu ganti rugi yang setimpal.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, pembangunan yang berlaku di kawasan bukit ataupun di tepi pantai harus diawasi dengan rapat. Projek yang *controversial* seperti pembangunan Rumah Pangsa bertingkat 47 tingkat di Bukit Kukus kawasan Paya Terubong dan projek untuk membina bangunan 60 tingkat di kawasan pinggir pantai Tanjong Bunga dalam pengetahuan saya telah menimbulkan kontroversi dan saya berasa patutlah dikaji dengan teliti. Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan pihak yang berkaitan harus meningkatkan tahap sensitif terhadap pembangunan di kawasan bukit dan pinggir pantai dari segi alam sekitar dan persekitaran dan memastikan projek yang dicadangkan oleh pihak pemaju atau betul-betul merupakan projek yang mampan terhadap pembangunan Pulau Pinang. Memang pemaju akan senantiasanya mengemukakan permohonan merancang yang dapat memaksimumkan *density* atau *plot ratio* demi keuntungan tetapi saya ingin menegaskan bahawa walaupun garis panduan membenarkan *density* atau *plot ratio* yang maksimum (dengan izin)...*allowable density* atau *allowable ratio* tetapi ini tidak bermaksudnya MBPP atau MPSP semestinya meluluskan semua *density* atau *plot ratio* yang dipohon oleh pemaju.

Pihak Kerajaan Tempatan mesti mempunyai sensitiviti terhadap keadaan di sekeliling dan sama ada keadaan sekeliling mempunyai keperluan untuk pembangunan yang dipohon oleh pihak pemaju. Keperluan pemaju tidak semestinya sama dengan keperluan yang sebenarnya yang diperlukan oleh rakyat di kawasan tersebut ataupun bersesuaian dengan keadaan sekeliling. Keperluan pemaju memanglah adalah untuk keuntungan tetapi Kerajaan Tempatan mesti senantiasanya mengawal dan meneliti supaya pembangunan yang dipohon oleh pemaju adalah tidak terlalu padat atau tidak berharmoni dengan kawasan sekeliling. Memang merupakan fakta bahawa sesuatu tempat yang mempunyai pembangunan yang padat atau tidak berharmoni dengan keadaan atau tidak berharmoni dengan keadaan kediaman yang sedia ada akan mewujudkan masalah sosial ekonomi, masalah trafik dan masalah kekurangan tempat letak kereta dan sebagainya. Kualiti hidup masyarakat sekeliling juga akan terjejas. Oleh demikian saya menegaskan bahawa semua pembangunan yang diluluskan dan dijalankan haruslah mengikut piawaian rancangan struktur Negeri Pulau Pinang. Pembangunan padat yang melibatkan bangunan-bangunan tinggi harus dikajikan dengan teliti khususnya di kawasan sensitif alam sekitar dan kawasan

pembangunan koridor kedua. Pihak Kerajaan Tempatan harus memastikan pembangunan yang mampan dan *eco-friendly* di kawasan bukit dan di tepi pantai dan di sini saya ingin sebut sekali bahawa projek seperti projek 47 tingkat di Bukit Kukus kawasan Paya Terubong yang akan dibina di kawasan bukit dan di tepi rumah teres *low-rise* perlu dikaji semula oleh pihak Kerajaan Tempatan termasuk juga cadangan bangunan tinggi 60 tingkat di pinggir pantai Tanjong Bunga juga harus diteliti sama ada bangunan yang setinggi 60 tingkat ini diperlukan di kawasan pinggir pantai yang sensitif atau hanya semata-mata memenuhi keperluan pemaju sahaja. Keharmonian pandangan juga merupakan satu usul yang penting dalam *town planning* ...(dengan izin), bangunan yang *extremely* tinggi *suddenly* diwujudkan di sebuah kawasan *low-rise* atau di tepi rumah *low-rise* bukanlah satu pembangunan atau *town planning* yang bagus.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai kawasan Paya Terubong sendiri, tidak dapat dinafikan kawasan Paya Terubong merupakan kawasan yang terkenal dengan kepadatan penduduk yang tinggi, kemudahan seperti perhentian bas, pasar dan lain-lain mudah didapati. Walau bagaimanapun kemudahan perpustakaan dan ruang perbincangan sekolah tidak dapat dijumpai di kawasan Paya Terubong. Penduduk Paya Terubong khususnya para pelajar tiada tempat untuk dituju apabila ingin mencari sumber maklumat untuk kerja sekolah atau tempat yang sesuai untuk membuat kerja sekolah. Perpustakaan yang terdekat pun adalah perpustakaan cawangan George Town di Jalan Scotland, Perpustakaan Siber Ilmu di Bayan Baru dan Perpustakaan Bergerak yang cuma datang seminggu dua jam sekali. Kemudahan perpustakaan dan ruang perbincangan sekolah perlu ditubuhkan di kawasan Paya Terubong, ia bukan sahaja akan memudahkan pelajar dalam pembelajaran malahan semangat untuk belajar dapat dipupuk di kalangan penduduk dan mengalakkan masyarakat yang maju dan berilmu tinggi. Saya mencadangkan penubuhan kemudahan perpustakaan dan ruang belajar atau ruang perbincangan sekolah di kawasan Paya Terubong untuk memanfaatkan penduduk tempatan dan juga rakyat Pulau Pinang sejagat. Begitu juga Paya Terubong memerlukan Pusat Jagaan Kanak-Kanak kerajaan di kawasan ini. Pada keadaan ekonomi hari ini banyak pasangan suami isteri yang muda terpaksa berkerja sehari suntuk untuk membiayai keperluan mereka dan lebih bagi untuk membiayai kos untuk menjaga anak mereka. Oleh sebab ini mereka tidak mempunyai masa yang cukup serta masa lapang untuk menjaga anak mereka ini mengakibatkan anak mereka tidak dapat dijaga dengan rapi, kesihatan, keselamatan, pelajaran dan banyak lagi aspek anak mereka tidak dapat diberi perhatian. Ini juga mengakibatkan prestasi ibu bapa di tempat kerja merosot dan tekanan mental yang tinggi, Paya Terubong merupakan kawasan yang paling banyak penduduk dan kebanyakannya merupakan kumpulan berpendapatan sederhana rendah. Pasangan suami isteri di kawasan ini juga adalah yang paling banyak menghadapi isu ini.

Oleh itu saya minta perhatian Kerajaan Negeri Pulau Pinang satu pusat penjagaan kanak-kanak percuma dan sistematik dan Paya Terubong supaya isu ini dapat secara berkesan.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua saya ingin menarik perhatian semua Yang Berhormat tentang prestasi Pasukan Bola Sepak Negeri Pulau Pinang. Iaitu PBSPP pada era 50-an sampai 70-an pernah menjadi satu kumpulan bola sepak yang unggul yang terkenal dalam kancah Bola Sepak Malaysia selepas prestasi PBSPP adalah keadaan biasa dan ke bawah. Walau bagaimanapun sejak Ketua Menteri melakukan satu perubahan yang positif dalam PBSPP iaitu melantik Dato' Seri Nazir Ariff sebagai Presiden PBSPP dan menarik penajaan PBA pada tahun 2013 PBSPP kini dalam kebangkitan.

Mereka telah mendapat Juara Liga FAM pada 2013, Tempat Ketiga dan Naib Juara Liga Premier pada 2014 dan tahun 2015. Malahan juga pada tahun lepas mereka telah berjaya ke pusingan suku akhir Piala FA. Walaupun tahun ini Bola Sepak Pulau Pinang tidak dapat masuk ke pusingan suku akhir Piala FA saya masih percaya dengan potensi pasukan Pulau Pinang untuk menjadi juara pada masa depan. PBSPP perlu diberi perhatian dan inisiatif untuk melancarkan Pasukan Bola Sepak Pulau Pinang menjadi juara. Program untuk menarik lebih banyak perhatian dan sokongan daripada rakyat Pulau Pinang boleh dilaksanakan ada kebaikannya untuk dibuat sedemikian. Lebih banyak sokongan moral yang akan datang daripada pihak awam dan merangsangkan prestasi pemain Bola Sepak Pulau Pinang untuk menjadi lebih baik dengan perhatian dan sokongan yang tinggi daripada rakyat Pulau Pinang ia mampu menambah nilai kepada PBSPP untuk mendapat lebih banyak penajaan dan secara langsung akan mengurangkan beban Kerajaan Negeri sendiri. Penubuhan Akademi Bola Sepak pun boleh dikaji. Dengan adanya Akademi Bola Sepak inisiatif untuk menarik bakat pemain bola sepak tempatan khususnya bakat muda sangat senang dilaksanakan.

Semenjak *Draft Penang Local Plan* diluluskan pada tahun 2008 ramai yang memberi harapan tinggi terhadapnya dan mengharapkan perkembangan positif daripada *Penang Local Plan* ini. Namun sampai hari ini *Penang Local Plan* tidak dapat diwartakan. Saya difahamkan bahawa sejak tahun 2008 sehingga tahun 2016 terdapat banyak pindaan dari segi data, amalan polisi baharu, pertukaran guna tanah di kawasan pentadbiran MBPP. Ini juga merupakan faktor utama kenapa *Penang Local Plan* masih tidak boleh diwartakan. Oleh itu saya mengesahkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempercepatkan proses pengemaskinian data pembangunan dengan mengambil kira polisi-polisi terkini yang diguna pakai selaras dengan Pelan Rancangan Pembangunan Negeri merangkumi Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, sejak tahun 1973 Pulau Pinang telah menjalin hubungan *sister cities* Australia kini Adelaide telah menjadi sebuah bandaraya yang disenaraikan di tangga kelima sebagai salah satu *the most live able city in the world* oleh *The Economist*. Walaupun Pulau Pinang tidak kurang kehebatannya dan disenaraikan *the most live able city* oleh *ECA International* tetapi berbanding dengan Adelaide yang berada di tangga kelima *the most live able city in the world*. Pulau Pinang masih mempunyai ruang untuk dimajukan. Dan *number 5, yours is number 1*.

Kriteria untuk disenaraikan *the most live able city in the world* oleh *economist* diiktiraf oleh *conomist* termasuk kualiti perkhidmatan kesihatan, kualiti perumahan dan utiliti, *access* kepada kemudahan rangkaian atau internet. Kualiti infrastruktur, keselamatan sendiri, kualiti udara, kualiti kehidupan dan sebagainya. Sebenarnya kriteria untuk disenaraikan *the most live able city* juga selaras dengan apa yang kita impi-impikan oleh Negeri Pulau Pinang. Lebih-lebih lagi dengan nama *most live able city* mampu menarik pelancong asing yang memanfaatkan industri tempatan dan juga mampu menarik pelabur asing dari luar negeri. Kepentingan penduduk Negeri Pulau Pinang seperti kualiti kehidupan dan kualiti infrastruktur juga dapat ditingkatkan. Oleh itu saya berharap Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menyiasat dan menjayakan Pulau Pinang untuk disenaraikan sebagai *most live able city in the world* dan mengekalkan dalam usahanya untuk disenaraikan.

Pada 1 Julai 2016 di bawah transformasi dasar *cleaner, greener, safer and healthier Penang* Pulau Pinang telah mencatatkan rekod tertinggi kadar kitar semula dalam negara. Iaitu bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang kadar kitar semula tahunan adalah 28% manakala Majlis Bandaraya Seberang Perai 34%. Kadar ini jauh lebih baik daripada sasaran kitar semula kebangsaan iaitu sebanyak 20%. Ia merupakan fakta yang bangga dan terkenal di seluruh Malaysia. Syabas dan tahniah kepada rakyat dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Untuk meningkatkan prestasi baik kitar semula di Pulau Pinang dan memanfaatkan rakyat Pulau Pinang dasar pengasingan sisa di punca. Banyak aktiviti memberi kesedaran dan latihan pengasingan sisa sampah telah diberikan oleh orang awam terutama di kawasan di bangunan-bangunan *residence* tinggi yang mempunyai kadar penduduk yang tinggi.

Namun apa yang saya dapat perhatikan pada kebelakangan ini selepas beberapa bulan Program Pengasingan Sisa di Punca dilancarkan, respon daripada pihak awam masih pudar dan MBPP dan MPSP perlu mempergiatkan lagi program-program yang dapat memberangsangkan rakyat untuk memahami dan mengamalkan pengasingan sisa di punca. Saya minta perhatian kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjayakan dasar pengasingan sisa di punca ini cara penyelesaian ataupun inisiatif baharu diperkenalkan dan dijalankan. Penglibatan golongan muda dan pelajar dalam dasar ini janganlah diabaikan sebab mereka merupakan golongan yang paling bertenaga. Insentif-insentif seperti diskaun kepada cukai pintu pun boleh dipertimbangkan kepada pangsapuri yang dapat mengamalkan pengasingan sisa di punca dengan baik. Secara ringkasnya pihak MBPP dan MPSP haruslah meneruskan publisiti mengenai dasar pengasingan sisa di punca ini tanpa berhenti dan juga berharap satu peruntukan yang khusus dapat di hulurkan kepada kedua-dua PBT ini supaya dapat membantu mempergiatkan lagi publisiti-publisiti untuk menjayakan program ini.

Akhir sekali saya ingin mengetahui dan menyoal mengenai status pandangan Bangunan DUN yang baharu yang telah dicadangkan oleh T.Y.T. Sama ada lokasi telah dipertimbangkan atau sedang dikaji. Adakah apa-apa *feasibility study* telah diadakan bagi cadangan Bangunan DUN yang baharu ini?

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, terima kasih dan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan sekali lagi kepada usaha-usaha yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, jabatan-jabatan, agensi-agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kepada semua yang beragama Islam saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Maulidur Rasul yang akan diadakan pada bulan depan. Dan juga kepada yang beragama Kristian saya mengucapkan *Merry Christmas* dan *Happy New Year* pada Hari Natal yang akan datang juga pada bulan depan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua dan sekian terima kasih, saya memohon menyokong.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Seterusnya Ahli Kawasan Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Macang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua salam sejahtera, salam bersih, salam reformasi. Terima kasih kepada YB. Dato' Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Rang Undang-Undang Enakmen Bagi Perbekalan dan Anggaran Pembangunan bagi 2017 yang telah berjaya dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada hari Selasa yang lepas.

Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri kerana berjaya mencatat bajet dengan jumlah lebih sebanyak RM574 juta bagi tempoh lapan (8) tahun dari 2008 hingga 2015. Aset Pulau Pinang juga digandakan dalam tempoh lapan (8) tahun dari RM850 juta kepada RM1.6 bilion. Dengan tata kelola kerajaan yang cekap dan *accountable* yang tulus pengurusan kewangan yang jauh lebih baik dengan Kerajaan Persekutuan yang gagal dalam pengurusan ekonomi khususnya masalah skandal 1MDB serta hutang negara yang meningkat setiap tahun.

Akibat buruk daripada urus tadbir yang menyeleweng dan juga rasuah, rakyat yang perlu menanggung pelbagai kesan buruk seperti cukai yang jalin, GST, kenaikan harga barangan keperluan, harga minyak, harga minyak masak dan nilai mata wang RM jatuh merudum. Keadaan ekonomi sedunia yang semakin mencabar dan tidak menentu dengan pemilihan Donald Trump sebagai Presiden Amerika Syarikat yang baharu. Sekiranya Donald Trump yang menunaikan janji pilihan raya seperti *trade protectionism* iaitu eksport Malaysia ke Amerika Syarikat mungkin akan terjejas dan juga kilang-kilang Amerika Syarikat yang berada di Pulau Pinang ini kemungkinan juga akan pindah balik ke Amerika Syarikat. Sejauh manakah Pulau Pinang akan terkesan sekiranya Donald Trump menunaikan janjinya untuk menaikkan takrif ke atas semua produk luar negara.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua terdapat banyak pelabur dan kilang-kilang dari Amerika Syarikat yang memilih Pulau Pinang sebagai tapak pelaburan mereka atas beberapa faktor. Namun demikian kebelakangan ini kita tahu dengan ekonomi dunia yang tidak baik, terdapat pembuangan pekerja juga berlaku di Pulau Pinang, antaranya Seagate juga tutup kilangnya di Batu Kawan serta pembuangan pekerja. Sejauh manakah Kerajaan Pulau Pinang bersedia dengan situasi yang mencabar seperti ini? Berapakah banyak lagi kilang-kilang seperti Seagate yang akan tutup atau akan meninggalkan Pulau Pinang? Apakah langkah-langkah alternative yang diambil oleh Kerajaan Negeri misalnya adakah kita akan cuba untuk menarik pelabur dari negara china atau negara-negara lain?

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, usahawan *start-up*. Selaras dengan matlamat kerajaan negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai satu negeri keusahawanan yang berpaksikan kerjasama di antara sektor awam, swasta dan rakyat agar memaksimumkan pulangan kewangan dan memberi impak sosial yang tinggi, saya mencadangkan supaya kerajaan negeri tumpu pada pembangunan usahawan *start-up* yang boleh mewujudkan peluang pekerjaan kepada golongan orang muda dan wanita. Dalam jawapan soalan bertulis saya yang ke-9, usaha utama yang diambil oleh kerajaan untuk membangunkan usahawan *start-up* lebih tumpu kepada pinjaman iaitu melalui Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) dan Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) yang baru diperkenalkan tahun 2015. Bilangan usahawan *start-up* yang berdaftar dengan PDC di seluruh Pulau Pinang ada seramai 2368 orang. Berdasarkan jawapan tersebut, saya mendapati bilangan usahawan tersebut adalah ramai tetapi kita juga perlu membuat analisis terhadap jenis usahawan tersebut. Apakah jenis *business* yang telah didaftarkan dan berapakah yang masih berdaya saing serta mampu untuk bertahan dalam persaingan business yang sengit pada masa sekarang. Dalam era pembangunan ekonomi digital, adakah usahawan *start-up* tersebut dilengkapi

dengan pengetahuan dan ilmu tersebut? Kesemua ini perlu dikaji dan ditangani dengan baik agar kerajaan dapat mewujudkan satu persekitaran yang mesra terhadap usahawan *start-up*.

YB. Dato' Timbalan Yang Dipertua, saya juga ingin membangkitkan tentang pengagihan peruntukan kerajaan kepada ADUN-ADUN yang berdasarkan dengan keluasan Kawasan ADUN dan juga serta bilangan penduduk yang ada di dalam kawasan tersebut. Bagi ADUN-ADUN yang mempunyai banyak kampung, seperti Penanti yang ada 30 kampung, di Machang Bubuk kawasan saya pun ada 18 kampung, dan rasa Permatang Pasir, Jawi pun sama. Memang di kawasan khasnya Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan, yang di Seberang pun ada banyak kampung. Peruntukan yang banyak perlu digunakan untuk pembangunan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam yang banyaknya tidak disediakan oleh PBT. Contoh tadi kita ada dengar banyak contoh khasnya penebangan pokok kelapa atau pokok yang membahayakan keselamatan orang awam. Kebanyakan kawasan-kawasan kampung ini akan bergantung kepada peruntukan ADUN. Padahal ADUN-ADUN yang di kawasan bandar Timur Laut seperti di KOMTAR, kita pun tidak nampak ada pokok kelapa, so oleh itu ke semua penyelenggaraan di kawasan sekitar bandar kebanyakannya di selenggara oleh PBT. Pokong Pinang.. (ketawa). Itu untuk hiasan..dan ia di bawah PBT. Selain itu, masalah seperti pembersihan am di kawasan perkampungan atau kampung tersusun kebanyakannya yang terletak di kawasan Seberang Perai juga tidak diselenggara oleh PBT. Maka pihak ADUN perlu menggunakan peruntukan yang amat terhad tersebut untuk memperbaiki jalan, longkang, lampu jalan dan juga pembersihan am.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta laluan YB. Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Ya, silakan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Memang saya tertarik dimana dari segi kawasan-kawasan ADUN, peruntukan-peruntukan yang disalurkan kepada Pejabat Daerah seperti negeri Pulau Pinang ada lima (5) Pejabat Daerah, maka di kawasan-kawasan tertentu seperti yang telah disebutkan oleh YB. Machang Bubuk dan juga YB. Penanti, kawasan Jawi juga N.19 memang juga mempunyai banyak kampung ada 14 kampung di kawasan saya, dimana setiap kali kita, setiap tahun kita kena pecahkan peruntukan saya dan juga membuat permintaan ke atas Pejabat Daerah untuk kerja-kerja seperti pembaikan jalan, pemasangan lampu jalan, pembinaan parit daripada parit tanah kepada parit konkrit, pembinaan minyak tar, cantas pokok dan juga pemotongan pokok-pokok kelapa, pokok kelapa sawit. Soalan saya, saya nak minta seperti kawasan-kawasan yang dekat perumahan atau pun yang dekat dengan kawasan kampung kita memilih sama ada Pejabat Daerah atau pun kerajaan boleh minta di mana tuan tanah tersebut membuat sesuatu parit di atas tanah beliau supaya jika tuan tanah di tepi kawasan kampung ini yang tidak dibangunkan dengan tanaman seperti pokok kelapa atau pun pokok kelapa sawit di mana tanah beliau amat tinggi dan air akan mengalir masuk kepada kampung yang sedia ada itu diduduki penduduk, maka masalah ini akan diselesai oleh Pejabat Daerah dan Pejabat Daerah atau penduduk akan minta peruntukan daripada kita.

Persoalan saya, sama ada Pejabat Daerah ataupun kerajaan negeri boleh meminta atau pun mengeluarkan syarat kepada tuan tanah supaya minta mereka membuat parit untuk mereka ada sistem perparitan yang sempurna. Kadang-kadang keadaan sebegini ia akan mendatangkan banyak masalah seperti hujan lebat, air tidak ada saluran nak keluar, maka akan semua air itu turun ke kampung ini seperti kawasan Dato' Timbalan Yang di-Pertua, kampung situ, setiap kali kita tengok hujan turun, di kampung situ mesti banjir.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud bin Zakaria):

Sungai Kechil.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Ya Sungai Kechil pun satu, saya ingat YB. Sungai Acheh pun ada banyak kawasan kampung, betul? Saya ingat tuan tanah sepatutnya mesti mahu ada sekurang-kurangnya tanggungjawab dan selain daripada itu tuan tanah yang disebelahan kampung ini, dia juga kalau tidak dipagarkan ia akan jadikan satu tempat pembuangan sampah atau pun tempat pembuangan sisa binaan, maka sisa-sisa binaan akan dibuang atau ditutup parit tanah tersebut, masa hari hujan, air juga akan mengalir dan menjejaskan kawasan kampung. Inilah nasib-nasib penduduk-penduduk di kawasan kampung dan setiap tahun peruntukan-peruntukan saya perlulah diagihkan kepada setiap kampung. Kita tidak boleh memberikan tumpuan kepada satu kampung tetapi lain-lain kampung tidak dijaga. Saya melihat masalah ini bukan sahaja pada saya di Machang Bubuk, saya nak kongsi sedikit dan saya mungkin minta peruntukan daripada kerajaan negeri.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Soalan apa?

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Soalan saya, Kerajaan Negeri sama ada memberikan peruntukan yang seimbang untuk setiap Pejabat Daerah atau pun perlulah memberikan lebih banyak tumpuan atau lebih banyak peruntukan di mana kawasan-kawasan KADUN yang terdiri lebih banyak kita ada lebih banyak kawasan kampung dan luar bandar.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Singkat sahaja, sebab tadi YB. Penanti pun ada mencadangkan agar peruntukan untuk kawasan yang dimana ada banyak kampung-kampung bertambah, tetapi saya ada sedikit kerisauan tentang cadangan ini, memang saya bersimpati dengan kawasan yang ditimpa kesusahan di kawasan perkampungan, kerisauan saya hanyalah bahawa cadangan ini saya rasa haruslah diperhalusi dengan lebih mendalam kerana di kawasan bandar juga ada kerumitannya sendiri.

Sebagai ADUN Pulau Tikus, pandangan saya sebagai setiap KADUN ada cabarannya sendiri. Jadi adalah terlalu *simplistic* untuk menyatakan bahawa kawasan yang ada lebih banyak kampung harus diberi peruntukan yang lebih besar, tetapi mungkin masalah-masalah di setiap kawasan itu haruslah.. cara pengurusan itu perlulah lebih di *centralize* sedikit agar masalah di setiap kawasan boleh ditangani dengan lebih berkesan lagi. Terima kasih.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Satu mahu tambah *simplistic* Machang Bubuk, tadi lupa tambah. Dari segi masalah pemasangan tiang lampu di kawasan kampung

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Soalan tadi belum jawab lagi...(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Masalah-masalah seperti pemasangan tiang lampu, saya ingat pihak TNB selain daripada pihak kerajaan negeri pihak TNB juga perlu memberikan sedikit timbang rasa supaya semasa memberikan kos-kos pemasangan yang akan dihantar kepada MPSP semasa pemindahan yang dibuat, maka kenalah memberikan perhatian kerana kos-kos pemasangan tiang lampu memang tinggi. Seperti satu contoh,

pemohonan untuk pemasangan tiang lampu di kampung Titi Hitam. Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan, saya sebut untuk Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan dan di kawasan sana memang tidak ada tiang lampu, maka saya buat untuk pemasangan tiang lampu tetapi kosnya RM20,000 maka kalau kita menggunakan peruntukan kita, habislah RM20,000 untuk memasang 100%. Saya nak cadangkan sama ada pihak TNB boleh juga memberikan sedikit kelonggaran untuk kos pemasangan tiang lampu. Di samping itu, saya ingat portfolio untuk pembangunan desa haruslah juga bertanggungjawab atas pemasalahan itu.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

YB. Machang Bubuk, kita akan berhenti pada jam 6.30 petang.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan tetapi saya belum habis, hanya mukadimah tidak lama sahaja, tetapi saya kena jawab juga soalan-soalan yang telah ...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Bagi EXCO jawab.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Tetapi saya nak kongsi pengalaman itu yang saya rasa kedua-dua YB. Jawi dan YB. Pulau Tikus telah menyatakan, saya setuju bahawa memang pembahagian peruntukan itu perlu diperhalusi dan cuma itu adalah cadangan daripada kita adalah dari segi pertimbangan Kerajaan Negeri boleh mengambil aspek keluasan kawasan DUN tersebut dan juga bilangan penduduk yang ada disana, so jika sekiranya untuk pihak yang ADUN-ADUN yang berada di kawasan bandar, maka bilangan penduduknya akan tinggi. Kenapa kita katakan keluasan KADUN tersebut kerana sekiranya jalan hendak ditarkan atau longkang, parit tanah itu nak ditukarkan kepada parit konkrit, kos itu akan mengambil lebih banyak dan tinggi. So, ini saya rasa pembahagian peruntukan mengikut bilangan pengundi serta keluasan kawasan itu adalah satu cara untuk kita mempertimbangkan. Maka saya cadangkan supaya kerajaan akan mempertimbangkan sekali lagi tentang pengagihan peruntukan ADUN-ADUN tersebut mengikut keluasan dan bilangan penduduk.

Berkenaan dengan tuan tanah, sama ada tuan tanah, kerajaan boleh minta tuan tanah membuat parit, membuat jalan dan untuk tidak dijadikan macam tempat pembuangan sampah haram, memang nanti saya ada, akan jawablah. khasnya dalam, saya juga ingin mencadangkan supaya kita kerajaan sekadar ingin menasihati atau memberi notis kepada kepada tuan tanah untuk mereka buat, mereka tidak akan buat, hanya sampai kadang kala tanah tersebut sudah dijadikan tempat pembuangan sampah, tuan tanah pun tidak mengambil apa-apa tindakan. Maka saya nanti akan mencadangkan supaya kerajaan boleh mengambil satu tindakan yang lebih tegas lagi. Dalam usaha mengatasi masalah kesesakan lalu lintas serta mempertingkatkan keselamatan lalu lintas, beberapa projek pelebaran...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Terima kasih YB. Machang Bubuk, terima kasih YB. Timbalan Dewan, saya ingin mengambil bahagian juga dalam perbincangan mengenai pokok-pokok di kawasan kampung. Saya menghadapi masalah yang sama. Sebenarnya ada soalan-soalan juga yang saya ingin kemukakan ke Dewan ini iaitu berbentuk soalan bertulis. Memang saya bersetuju sekali dengan pandangan yang diberi oleh YB. Penanti tadi, YB. Machang Bubuk dan juga YB. Jawi, masalahnya... saya tidak ada jawapan bertulis disini, tapi jawapan yang diberi oleh....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Soalan saja Yang Berhormat, soalan sahaja. Nanti bahagian kita nanti kita jawab.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Ya, minta maaf. Saya terlupa. Soalannya, jika pokok-pokok yang terbiar itu berada di tanah persendirian, apa tindakan yang boleh diambil sekiranya tuan punya tanah tersebut tidak mempunyai kemampuan dari segi kewangan untuk menebang pokok tersebut. Kadang-kadang, ia akan...(gangguan), beribu-ribu, ini masalahnya, bagaimana tindakan yang perlu kita ambil. Terima kasih.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih YB. Penaga. Ini soalan tanya saya atau tanya EXCO ...(ketawa).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang Berhormat boleh teruskan.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Jika mengikut pengalaman sendiri memang ada kita tengok keadaan macam mana sama ada kita nak tebang atau tidak. Berbalik kepada pembangunan infrastruktur, beberapa projek pelebaran jalan yang dijangka akan dilaksanakan oleh pihak-pihak kerajaan negeri antaranya projek yang sedang dinantikan oleh rakyat atau pun penduduk di Machang Bubuk adalah pembinaan pelebaran jalan Bukit Minyak, Alma yang hanya dijangka bermula pada suku pertama tahun 2017. Cadangan projek tersebut telah dibuat sebelum PRU 13 tetapi sehingga tahun 2016, proses pelaksanaan projek masih perlahan disebabkan proses pengambilan balik tanah yang masih belum selesai sehingga hari ini. Setiap hari ADUN dan juga Ahli Parlimen Kawasan ditanya oleh pengguna jalan raya tentang bila projek tersebut akan bermula. Beberapa kali sidang media telah diadakan oleh ADUN dan juga Ahli Parlimen untuk memberi perkembangan terkini kepada orang ramai. Namun maklumat yang diperolehi sering bertukar sehingga wakil rakyat juga dianggap sebagai penipu kerana memberi maklumat yang tidak tepat kepada orang ramai. Kredibiliti wakil rakyat di kawasan juga terjejas apabila mesej yang disampaikan kepada orang ramai tidak berlaku seperti yang dinyatakan.

Selain itu, jawapan bertulis saya yang ke-7 berkenaan dengan status cadangan pembinaan *slip road* di Jalan Selatan untuk menangani kesesakan lalu lintas juga terpaksa ditangguhkan berikutan keputusan Jawatankuasa Tanah Negeri menangguhkan pengambilan balik tanah kerana kos yang terlalu tinggi iaitu RM7.0 juta. Memandangkan cabaran utama bagi kedua-dua projek pelebaran jalan dan pembinaan *slip road* tersebut adalah pengambilan balik tanah, maka saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri perlu mengkaji semula Akta Pengambilan Balik Tanah agar pampasan yang diminta oleh tuan punya tanah tidak melampau atau dijadikan kesempatan untuk mengaut keuntungan daripada pengambilan balik tanah tersebut.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan, disebabkan proses pengambilan balik tanah yang untuk membuat jalan, untuk membuat parit untuk kegunaan orang ramai tetapi disebabkan kos tanah yang begitu tinggi dan kerajaan tidak mampu menjalankan projek tersebut yang menyebabkan jalan dan juga longkang tersebut tidak dapat dinaik taraf. Oleh itu selain daripada pengambilan balik tanah, faktor lain yang menyebabkan sesuatu projek naik taraf infrastruktur tidak dapat dijalankan dengan lancar adalah disebabkan dasar kerajaan negeri yang menetapkan kos pengalihan utiliti yang akan ditanggung oleh syarikat utiliti sendiri. Walau pun dasar tersebut memang menjimatkan kos perbelanjaan kerajaan dan bertindak adil kepada semua syarikat utiliti tetapi dasar tersebut telah menyebabkan masa dan birokrasi untuk pemindahan utiliti bertambah panjang dan rumit. Contoh yang jelas adalah projek pembinaan parit lencongan (by pass channel) di Taman Impian Indah juga tergendala kerana perlu menunggu TNB untuk mengalihkan kabel 33KV di Jalan Rozhan yang kini masih belum mendapat kelulusan daripada pihak TNB dan projek kena berhenti di sana, tidak dapat dilaksanakan kerana kabel tersebut tidak dialihkan. So, ini adalah satu masalah.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta laluan YB. Machang Bubuk, di sini saya ingin berkongsi bahawa dari segi pelaksanaan kerja daripada pihak TNB. Pihak TNB setiap kali kita mendapati bahawa tiang TNB yang ada *sticker* biru dan merah di mana ia sudah condong nak jatuh ataupun bahaya, kita nak minta mereka ubah dengan

segera seperti di kawasan Nibong Tebal. Saya telah minta sekurang-kurangnya enam (6) bulan tetapi tiada jawapan. Satu lagi saya ingin kongsi di mana kawasan Kampung Tong Hai di mana semasa pihak Kerajaan Negeri PBA yang bersetuju memberikan peruntukan untuk menukar paip PBA di mana selepas siap pertukaran paip PBA itu mereka minta pihak TNB untuk mengubah tiang tersebut kerana ia sangkut di jalan dan sangkut lalu lintas, penduduk-penduduk kampung, maka TNB mengeluarkan surat mereka kena *charge* untuk mengubah satu tiang TNB ke tepi sahaja RM800.00. Di sini saya juga ingin kongsi seperti juga dengan YB. Machang Bubuk di mana pihak TNB setiap kali nak kerja kena buka mulut kena cakap duit, tapi...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Soalan panjang sangat.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Ya, soalan saya. Ini bukan tanggungjawab mereka kah? Soalan saya, TNB ada kutip hasil untuk bil elektrik maka mereka bertanggungjawab untuk ubah ataupun masalah-masalah daripada TNB, bukannya ini tanggungjawab mereka dan kalau masalah-masalah ini yang sepatutnya dijangka oleh pihak TNB ini tidak dapat dijalankan, maka akan menyebabkan jalan-jalan lain yang kita perlu tidak boleh jalan. Kerja-kerja lain seperti contoh di Kampung Tong Hai, saya kena bangkitkan masalah ini dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah, pihak tuan Pegawai Daerah tiga (3) kali panggil TNB, pegawai itu terus untuk mereka ubah, sampai kali ke 3 barulah mereka ubah selepas enam (6) bulan. Inilah saya nak kongsi masalah ini, dan soalan saya, TNB bukan sepatutnya tanggungjawab mereka kah? Skop kerja mereka macam mana?

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih YB. Jawi yang kongsi pengalaman beliau di Jawi. Saya rasa TNB memang adalah juga sebelum *privatization* dibuat ia merupakan sebahagian daripada kerajaan dan memanglah perlu memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Oleh itu saya ingin balik kepada cadangan saya di mana pembayaran untuk pengalihan utiliti yang dahulunya dibiayai oleh syarikat utiliti masing-masing boleh dibiayai terlebih dahulu oleh kerajaan dan kemudian kerajaan boleh menuntut balik syarikat utiliti tersebut untuk membayar balik kerana saya rasa syarikat utiliti itu pun ada banyak projek yang akan dijalankan di dalam negeri kita dan boleh kita letakkan syarat tersebut untuk mereka bayar balik kos pengalihan tersebut yang telah dibayar oleh kerajaan negeri. Maka, ini akan menjadikan pelaksanaan projek tersebut lebih lancar dan juga lebih efisien lagi. Isu berkenaan dengan rampas balik tanah.

Tadi kita dengar YB. Jawi pun ada sebut tentang masalah sampah haram dan saya juga nak tambah pusat hiburan berunsur judi yang semakin berleluasa dan mengancam keselamatan awam. Namun begitu, kerajaan negeri seolah-olah tidak dapat menjalankan tindakan penguatkuasaan yang berkesan memandangkan undang-undang yang sedia ada mempunyai banyak kelemahan dan undang-undang yang ada kelemahan perlu diambil kesempatan oleh para pengusaha-pengusaha atas tanah atau pemilik-pemilik tanah kosong tersebut. Mengikut jawapan soalan bertulis saya yang ke 15. Bilangan pusat hiburan berunsur judi yang telah diambil tindakan oleh MBPP sepanjang tahun 2016 adalah sebanyak 14 kes. Manakala bagi MPSP adalah sebanyak 360 kes, maksudnya ada 360 kes atau pusat hiburan yang berunsur judi ini. Jumlah tindakan yang diambil oleh PDRM adalah 963 kes. Bilangan tersebut amat tinggi dan ini juga menunjukkan bahawa pusat hiburan berunsur judi itu memang boleh ditemui dimana-mana sahaja. So, sekiranya tidak dibanteras aktiviti haram tersebut, maka ia akan berleluasa dengan lebih serius lagi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta laluan dari YB. Machang Bubuk.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

YB. Machang Bubuk nanti sambung pada jam 8.00 malam nanti. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan dan akan disambung semula pada jam 8.00 malam ini.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang.

Dewan bersambung semula pada jam 8.00 malam.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. YB. Machang Bubuk sila sambung.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Tadi saya bangkit tentang isu rampas balik tanah, berkenaan dengan tempat pembuangan sampah haram dan juga pusat hiburan berunsur judi. Saya rasa satu tindakan yang tegas dan drastik perlu diambil ke atas sesiapa yang tidak bertanggungjawab tersebut dengan mengenakan hukuman yang berat seperti tindakan rampas tanah oleh pihak kerajaan, maka golongan tersebut akan menjaga hartanah mereka dengan lebih berwaspada, lebih bertanggungjawab dan apabila mereka membuat satu keputusan untuk menyewakan rumah atau kedai mereka kepada pengusaha pusat hiburan yang berunsur judi, juga akan lebih berjaga-jaga dan juga memikirkan implikasi tersebut.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta laluan daripada YB. Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Okey.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

YB. Dato' Speaker dimana lesen-lesen hiburan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Tempatan, MBPP sama ada dan juga MBPP dan MPSP atas sokongan daripada PDRM, pihak Polis kalau tidak silap, maka kerja-kerja siasatan dan tindakan-tindakan yang seterusnya juga haruslah ditanggungjawab oleh PDRM.

Dan saya disini nak tanya berapa kerap kali pihak PDRM untuk mengadakan operasi ke atas tempat-tempat internet cafe, ataupun tempat-tempat hiburan yang ada berunsur mesin judi dimana ini kerap menjadi satu keadaan yang tidak baik, kelakuan yang tidak baik dikalangan rakyat-rakyat jelata terutama budak-budak sekolah, mereka sanggup ponteng sekolah dan juga ponteng untuk pergi kelas tuisyen membawa *fees-fees* tuisyen ini terus pergi berjudi. Ini di kalangan pusat khidmat saya, kami menerima aduan tersebut dan saya telah meminta tindakan di Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah minta pihak polis melihat perkara-perkara sebegitu tetapi dimana diberitahu bahawa memang sampai sekarang kita tidak ada satu operasi yang besar-besaran dan juga *explanation* daripada pihak-pihak Polis.

Tambahan juga, dua (2) minggu yang lepas kita dapat lihat surat khabar dimana dikawasan Sungai Udang, Nibong Tebal di Kadun Sungai Acheh ada NGO-NGO yang membuat petisyen di mana mereka *say no to* mesin berjudi kerana ini telah menjejaskan anak-anak mereka, pekerja-pekerja mereka yang turut terlibat dalam aktiviti-aktiviti main mesin judi ini. So, disinilah saya minta apakah pandangan pihak Polis, dan tindakan pihak polis yang akan diambil ke atas kedai mesin judi.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sikit saja Yang Berhormat tentang rumah judi, dengan izin saya pun ingin berkongsi pendapat di sini. Saya ingin tanya Yang Berhormat daripada Machang Bubuk, adakah Yang Berhormat setuju bahawa kita sepatutnya mengambil, memikul tanggungjawab bersama bukan sahaja kita menyerahkan tugas ini kepada pihak polis untuk mengambil tindakan serbuan, penyiasatan dan tuduhan tetapi juga kepada (PBT) Pihak Berkuasa Tempatan, dimana kalau boleh satu Jawatankuasa ditubuhkan di mana kita memantau premis-premis perjudian di tiap-tiap KADUN. Kerana seperti dikatakan oleh Yang Berhormat daripada Jawi, saya bersetuju bahawa kebanyakan pengunjung kepada rumah-rumah judi ini adalah murid-murid sekolah yang menghabiskan masa mereka tanpa pergi ke sekolah tetapi menghabiskan masa yang diberikan untuk masa dan duit diberikan untuk perbelanjaan di sekolah di tempat-tempat begini.

Dan saya juga ingin mendapat pendapat Yang Berhormat, kalau bolehlah Pihak Berkuasa Tempatan menggubal undang-undang yang melarang premis-premis ini daripada menyewakan jikalau mendapati bahawa mereka berada di kawasan-kawasan tertentu umpamanya di kawasan perumahan, maka premis tersebut hanya harus digunakan bagi menyewa untuk kegunaan penghunian disitu. Bukan ditukar kepada kegunaan komersial, kita lihat banyak sangat rumah-rumah teres dikawasan-kawasan perumahan ditukar guna sekarang kalau kita lihat diguna sebagai tempat menjual (dengan izin) kereta terpakai, kegunaan perabot dan sebagainya.

Tetapi yang berleluasan sekarang adalah kegunaan atau penukaran premis tersebut kepada penggunaan sebagai rumah judi. Itu menjadi masalah. Terima kasih.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih kepada YB. Jawi dan YB. Seri Delima yang telah menyuarakan keseriusan masalah pusat hiburan judi dan juga kepentingan untuk menguatkuasa secara bersepadu diantara pihak polis dan juga pihak PBT.

Saya pun pernah membangkitkan tentang isu ini, di mana segala penguatkuasaan itu setelah dibuat tetapi masalah ini masih wujud lagi. Ini adalah kerana saya rasa undang-undang itu ada kelemahannya. Maka perlulah saya menyeru kepada pihak kerajaan negeri supaya dapat mengkaji dan menggubal undang-undang yang sedia ada termasuk memikirkan untuk merampas balik tanah keatas tanah-tanah yang gagal dijaga, dilindungi atau melanggar syarat-syarat kegunaan tanah sehingga tanah tersebut dijadikan tempat pembuangan sampah haram dan juga pusat hiburan berunsur judi.

Kenapa saya cakap macam ini, kerana ini apabila kerajaan boleh merampas balik tanah itu, maka pemilik-pemilik tanah akan lebih takut dan juga akan akur kepada hukuman tersebut supaya mereka tidak akan menyewa premis-premis mereka kepada pengusaha pusat hiburan yang berunsur judi ini. Dan masalah yang dikatakan oleh YB. Seri Delima itupun boleh ditangani dengan lebih efektif lagi. Kerana sekarang ramai pengusaha-pengusaha atau pemilik tanah langsung tidak takut kepada penguatkuasaan sebab apabila Polis atau PBT tarik balik lesen pengusaha tersebut, tanah itu masih milik kepada mereka. Tanah kosong yang dijadikan tempat pembuangan sampah haram pun tidak ada masalah kerana nanti Pihak Berkuasa Tempatan akan tolong mereka untuk bersihkan kerana jika tidak dibersihkan masalah denggi masalah sampah haram. So, mereka tidak ada apa-apa. Mereka membayar cukai tanah hanya berapa sahaja bagi mereka jika tanah itu hilang atau dirampas balik oleh kerajaan, maka mereka akan naikkan pagar, jangan biar orang mencerobohi tanah mereka. So, itulah yang saya rasa kita boleh mengkaji langkah ini dan langkah ini juga pernah dijalankan oleh kerajaan di negeri Selangor terhadap kilang-kilang haram yang mengeluarkan bahan-bahan pencemaran yang menyebabkan mengancam keselamatan dan kesihatan orang ramai, maka kilang itu ditutup dan tanah itu dirampas balik oleh kerajaan.

So, saya rasa ini boleh dikaji dan digunapakai di Negeri Pulau Pinang untuk kita membanteras tentang pusat hiburan berunsur judi dan juga tempat pembuangan sampah haram ini.

YB. Dato' Yang di-Pertua, perkara yang saya nak teruskan adalah nak bincangkan adalah Rancangan Tebatan Banjir yang berkesan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan negeri yang memperuntukkan wang yang paling besar dalam

sejarah sebanyak RM220 juta untuk pencegahan banjir. Projek Tebatan Banjir memang perlu dipercepatkan. Saya mengalu-alukan usaha kerajaan negeri dan JPS telah menghasilkan satu Pelan Induk Perparitan Seberang Perai Tengah untuk memastikan kerja-kerja tebatan banjir dapat dirancang sebelum sesuatu pembangunan dilaksanakan pada masa akan datang.

Pelan Induk ini amat komprehensif dimana semua aspek telah diambil kira dalam laporan tersebut, sangat tebal juga. Memang kita ada *soft copy* dan setelah saya *go through*, saya rasa memang ada banyak cadangan-cadangan yang boleh dibuat. Banyak cadangan yang konstruktif untuk dilaksanakan supaya pencegahan banjir dapat dijalankan dengan menepati sasaran dan efektif. Maka saya berharap supaya satu Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan pelan induk itu dapat ditubuhkan yang terdiri daripada Wakil Rakyat, agensi kerajaan, JPS, PBT dan pakar-pakar untuk membincang dan melaksanakan cadangan-cadangan tersebut dalam jangka masa yang munasabah.

Antara cadangan-cadangan yang dibuat dalam Pelan Induk Perparitan SPT ini termasuk penyelenggaraan dan pendalaman sungai kilang ubi perlu dijalankan pemasangan pam di pintu air PDC Juru dan sebagainya. Punca berlakunya banjir di Taman Sukun, Taman Amra, Kampung Permatang Tok Subuh adalah pintu air PDC yang tutup apabila air laut pasang.

Cadangan yang dikemukakan adalah pemasangan pam air di pintu air PDC tersebut supaya air sungai boleh dipam keluar apabila air laut pasang dan pintu air PDC itu ditutup. Air di kawasan perumahan yang berisiko tinggi tersebut, boleh mengalir keluar apabila sekarang pada waktu sekarang air-air itu tidak dapat mengalir apabila air laut pasang kerana pintu air itu sudah tutup untuk mengelakkan air laut mengalir masuk ke dalam kawasan perumahan.

Oleh itu, pam itu adalah sangat penting pada masa akan datang. Selain itu, penyelenggaraan sungai kilang ubi yang telah lama tidak dijalankan juga merupakan salah satu cadangan daripada pelan induk tersebut khasnya usaha untuk meninggikan tebing dan juga memperbaiki tebing yang runtuh. Lembangan Sungai Kilang Ubi telah dibangun dengan pesat dan juga pesat dengan pelbagai taman perumahan dan juga perlu mengadakan rancangan tebatan banjir agar tiada banjir dikawasan Kampung Bukit Minyak, Kota Permai Bukit Minyak Utama dan juga Bukit Permai Indah yang di sepanjang sungai tersebut.

Beberapa projek tebatan banjir yang sedang dijalankan di KADUN Machang Bubuk termasuk projek parit lencongan *bypass channel* atau lebih dikenali untuk juga menaiktaraf rumah pam di Permatang Tinggi memang dinanti-nantikan. Semalam saya berdialog dengan pengilang-pengilang dan juga penduduk-penduduk di Taman Industri Ringan, Permatang Tinggi yang menghadapi banjir serta air tidak dapat surut walaupun hujan sudah berhenti. Mereka menaruh harapan yang sangat tinggi terhadap projek menaiktaraf rumah pam tersebut yang dijangka akan siap pada 27 Disember tahun ini. Terima kasih kepada kerajaan negeri Pulau Pinang. So, seterusnya adalah tentang Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Junjong juga perlu dijalankan kerana kapasiti sungai tersebut semakin cetek dan juga akibat tiada peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Sebenarnya RTB Sungai Junjong ini sudah dipohon sejak Rancangan Malaysia Ke-9 iaitu lebih sepuluh (10) tahun yang lalu, tetapi sehingga sampai sekarang Rancangan Malaysia Ke-11 masih belum ada maklumbalas daripada pihak Kerajaan Persekutuan untuk membuat Rancangan Tebatan Banjir di Lembangan Sungai Junjong tersebut. Masalahnya sekarang setiap kali air hujan, air sungai akan melimpah ke kawasan yang bersekitan dan menyebabkan banjir.

Mengikut pemerhatian di tapak, tebing sungai tersebut adalah rendah dan hanya tinggal satu (1) kaki sahaja apabila hujan lebat turun. Keadaan amat berbahaya sekiranya tebing sungai tidak dinaikkan dan diselenggara dan banyak air-air dari taman perumahan itu juga akan dipam keluar melalui rumah pam Permatang Tinggi ke Sungai Junjong tersebut. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang juga mengeluarkan bajet untuk pembinaan kolam tadahan di Alma yang sangat penting untuk memastikan air di hulu tidak mengalir terlalu cepat ke kawasan perumahan.

Sekali lagi saya ingin juga memohon kepada kerajaan dapat mempertimbangkan agar kolam tadahan tersebut mempunyai pelbagai fungsi termasuk dijadikan tempat rekreasi untuk penduduk tempatan. Yang di-Pertua, isu yang seterusnya yang saya ingin bawa adalah tentang projek perumahan di Kampung Manggis yagn masih belum siap. Saya ingin membangkitkan tentang isu perumahan di

Kampung Manggis yang sebanyak 61 buah rumah yang masih belum siap sepenuhnya dan proses yang begitu lembap. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kampung Manggis adalah satu (1) kawasan yang sentiasa menghadapi banjir kilat dan pada satu ketika ada beberapa buah rumah di Kampung Manggis dibanjiri lebih 40 hari dan ia juga dilapor dalam media. Dan sebenarnya untuk kawasan ini, mengikut jawapan yang telah diberi oleh Y.A.B. Ketua Menteri kepada soalan bertulis saya, sebenarnya Kerajaan Negeri pada tahun 2006 telah meluluskan tempoh pajakan 60 tahun kepada 61 orang penduduk mangsa banjir Kampung Manggis. Keluasan setiap lot adalah berbeza-beza antara 224 meter persegi dan 290 meter persegi. Pemilik projek adalah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Dan dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB). Tetapi sehingga hari ini, pada 03 November 2016, satu lawatan tapak telah dibuat oleh pegawai seranta saya dan kita mendapati hanya 20 rumah yang sedang dibina dan belum siap sepenuhnya. Bukan sahaja hanya 20 rumah sahaja yang dibina, malahan segala infrastruktur seperti jalan, longkang, kolam, pembentungan, masih belum disiapkan. Seperti yang dimaklumkan tadi, berlakunya banjir kilat penduduk-penduduk di kawasan Kampung Manggis ini, mereka terpaksa hidup dalam keadaan air bertakung di dalam rumah. Dan projek tersebut saya ingin tanya kepada SPNB atau rakan-rakan kita dari parti Barisan Nasional, UMNO untuk bertanya bilakah projek tersebut akan disiapkan oleh SPNB supaya keluarga-keluarga mangsa banjir ini dapat pindah ke rumah-rumah yang sememangnya tanah sudah diberikan oleh Kerajaan Negeri dan saya juga ingin tanya yang baki 41 buah rumah itu bila akan dibuat. Kegagalan pihak kontraktor menyiapkan projek ini telah menyebabkan kesukaran kepada penduduk-penduduk kampung yang mengalami banjir ini. Mereka terpaksa berpindah ke pusat pemindahan banjir serta terpaksa menanggung kerugian akibat kerosakan harta benda serta menjejaskan pendapatan mereka kerana ada dua (2) keluarga sampai tidak boleh keluar untuk bekerja.

Masalah kesihatan juga menjadi lebih serius apabila air banjir tersebut masuk ke rumah kerana ianya bercampur dengan najis dan sebagainya. Anak-anak mereka tidak dapat ke sekolah kerana apabila rumah mereka dinaiki air, semua pakaian dan buku sekolah mereka basah. Saya amat berharaplah pihak kontraktor dan SPNB lebih bertanggungjawab untuk memastikan rumah-rumah ini siap dibina sepenuhnya dan diserahkan kunci kepada pembeli agar mereka dapat bertindak serta mendapat penyelesaian yang sewajarnya.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Saya nak tanya Kampung Manggis ke Kampung Manis?

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Kampung Manggis di Permatang Tinggi. Bukan Kampung Manis. Manggis, *mangosteen*.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta penjelasan Yang Berhormat, saya nak tanya adakah mana-mana menteri daripada Kerajaan Persekutuan telah melawat apabila perkara ini berlaku dan menyalurkan apa-apa bantuan bagi menangani masalah atau pun berjumpa dengan Yang Berhormat untuk membincangkan satu penyelesaian setakat ini.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Untuk makluman YB. Seri Delima, memang saya tidak ada maklumat ini sehingga saya menanya soalan kepada Kerajaan Negeri dan kita ada buat lawatan tapaklah sebab projek ini memang di bawah kementerian dan sama ada kementerian ada turun untuk membuat siasatan saya rasa hari ini pun boleh bagi maklumat tersebut kerana memang kita hanya turun tapak hanya 20 buah rumah sedang dibina dan belum siap lagi.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Satu lagi Yang Berhormat. Memandangkan ini adalah di bawah kementerian, adakah apa-apa pampasan ataupun pemberian duit untuk mengatasi masalah kewangan setakat ini. Saya maklum bahawa kadang kala Kerajaan Negeri membantu untuk mengatasi masalah, tapi persoalan saya adalah

adakah Kerajaan Persekutuan turut mengambil bahagian untuk menanggung beban menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penduduk di situ.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Buat sementara ini kita tidak tahulah macam mana kementerian membantu tapi membina rumah adalah tanggungjawab itu yang mereka sudah janji dan kementerian perlu melaksanakannya dan menyiapkan projek itu secepat mungkin, jika tidak setiap kali banjir ADUN yang akan dituduh bahawa kita tidak menjalankan kerja. Dan pejabat daerah sendiri pun selalu kena turun untuk membantu dari segi pusat pemindahan mangsa-mangsa banjir tersebut. Jabatan Kebajikan Masyarakat pun ada turun bagi makanan juga tapi itu bukan *long term solution* sebab setiap kali hujan, memang akan banjir. Kawasan itu memang tidak sesuai untuk didiami. Maka kerajaan yang dulu 2006 sudah meluluskan tanah tersebut tetapi sehingga kini rumah itu tidak siap lagi. Saya hanya menjadi ADUN 2013 tetapi sehingga kini sudah dekat sepuluh (10) tahun rumah itu tak siap lagi dan hari-hari hujan penduduk akan berasa sangat bimbang dan juga tidak dapat menangani masalah tersebut.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta laluan YB. Machang Bubuk. Pagi tadi kita lihat pembangkang ada sentuh isu di mana setiap kali berlaku banjir, kita akan semua tolak kepada Kerajaan Barisan Nasional ataupun kerajaan zaman pimpinan Barisan Nasional. Adakah YB. Machang Bubuk setuju kenyataan yang dibuat oleh Ketua Pembangkang yang buat tadi pagi itu yang mana beliau menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang sekarang semua tolak kepada zaman kepimpinan Barisan Nasional? Adakah Machang Bubuk setuju dengan apa yang dikatakan oleh Ketua Pembangkang itu?

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Saya tidak setuju dan saya berharaplah kita memang ini bukan isu politik. Ini isu rakyat dan kita harap kita sama-sama bersama dengan kementerian sekiranya ada apa-apa perlu bantuan, kita akan menolong memberikan maklumat-maklumat tersebut kepada pihak kementerian.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah):

Penjelasan. Ada banyak masa lagi, boleh ya. Saya nak cadanglah penyelesaiannya. Penggal depan kita cadangkan YB. Seri Delima jadi Ahli Parlimen supaya isu Parlimen dia boleh beritahu pada kita, kita ini semua DUN, mana dapat maklumat pasal Parlimen. Saya nampak dia beriya-ya sangat nak tahu isu Parlimen. Saya cadangkan kalau Ketua Menteri masuk, saya cadangkan YB. Seri Delima jadi Ahli Parlimen dan jadi juga DUN. So dia ada dua-dua. *Coordination* senang berlaku dan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat walaupun muda, *handsome*, tapi semangat kerjasama, niat yang baik kedua-dua kerajaan kena bantu-membantu. Sifat ini tidak ada pada YB. Seri Delima. So kita minta supaya dia boleh ambil kaedah macam ini supaya sama-sama kita selesai masalah rakyat. Masalah rakyat harus bersama diselesaikan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih Yang Berhormat. Sikit ja, saya tak mahu jawab YB. Telok Bahang, dia merapu. Saya nak tanya dua (2) soalan. Satu (1), apakah peratusan penduduk yang tinggal di situ. Maksudnya peratusan kaum yang tinggal di situ, kalau boleh perincikan. Maksudnya kalau 20 rumah terlibat, berapa keluarga Melayu?

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Semua kaum Melayu.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Semua kaum Melayu walaupun kaum Melayu tidak dibantu sekarang? Adakah ini sebab kawasan itu adalah kawasan di mana ADUN daripada pembangkang? Bolehkah Yang Berhormat beri penjelasan. Kita mendengar bahawa selalu kementerian ataupun UMNO melaung-laungkan memperjuangkan nasib orang Melayu dan sebagainya, ini adalah...(gangguan). YB. Telok Bahang belum habis lagi, duduk dulu, ikut peraturan. Kalau mahu memperjuangkan nasib orang Melayu dan ada 20 buah rumah yang selalu menghadapi masalah ketika menghadapi banjir.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

61.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

61? Dan masih tidak dapat perhatian Kerajaan Persekutuan? Bela Melayu macam mana ini? Anak-anak tidak dapat pergi sekolah, buku-buku semua musnah mereka merana. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa ini adalah sebabnya kemungkinan ADUN di kawasan itu adalah ADUN pembangkang. Kalau betul mereka ingin membela nasib orang Melayu, saya percaya tak kiralah sama ada ADUN itu adalah ADUN pembangkang atau ADUN Barisan, sepatutnya menteri berkenaan turun ke padang pastikan bahawa masalah-masalah itu diselesaikan. Dia nak surat khabar melaporkan biarlah DUN hari ini mencatatkan sejarah nasib 61 orang Melayu itu dibela oleh wakil rakyat daripada PKR, DAP, Seri Delima. 61 orang, tiap-tiap kali dilanda banjir, masih lagi merana. Saya ingin tanya kepada YB. Telok Bahang, apa jawapan kepada masalah ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Tidak apa, saya jawab.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Bagilah ruang saya jawab...(gangguan). Bola lambung cukup cantik, ni...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Telok Bahang, nanti jadi EXCO boleh jawab.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya nak jadi Ahli Parlimen...(gangguan). Barisan Nasional jaga semua bangsa, tak betul itu cakap Melayu.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah, ini balik ke isu banjir, jangan nak politikan...(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Saya nak tanya YB. Machang Bubuk setujukah bahawa semasa zaman pimpinan Barisan Nasional sejak perkara ini berlaku 2006, masa itu ada zaman Barisan Nasional yang tidak berjiwa rakyat dan tidak sudi untuk membantu penduduk-penduduk di mana mereka dilanda kesusahan banjir, masalah-masalah penduduk. Adakah setuju?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

YB. Dato' Speaker, memang tak boleh bagi *warning* macam ini, kami bangun tak boleh...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Warning juga.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Ini bukan forum DAP....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Ini masalah rakyat, 61. 61....(gangguan). 61 tak selesai sampai sekarang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudahlah, sesi malam saya tahu *you all* nak panaskan Dewan, sudahlah saya faham, saya pernah duduk di bawah juga....(gangguan). Duduk, duduk yang lain duduk. YB. Sungai Acheh nanti bahas, bahas secukup-cukupnya. Saya faham. YB. Machang Bubuk, silakan.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Saya teruskan. Saya ucapkan terima kasih kepada semua rakan-rakan yang telah prihatin terhadap apa isu yang dihadapi oleh 61 keluarga Kampung Manggis di Permatang Tinggi ini. Memang jika kita Kerajaan Persekutuan lagi tidak siapkan rumah, mereka memang akan jadi kampung menangislah. Bila hujan turun, akan jadi...(gangguan).

Isu yang seterusnya yang saya ingin bangkit, Dato' Yang di-Pertua, tentang loji rawatan kumbahan dapat ditebusguna. Mengikut jawapan YB. Padang Kota kepada soalan bertulis yang ke-11 saya, terdapat 107 tapak loji rawatan kumbahan yang tidak digunapakai di seluruh Pulau Pinang. Antaranya 78 tapak didaftar hak milik kepada Jabatan Perkhidmatan Pembentukan (JPP) dan diuruskan oleh Indah Water Konsortium (IWK). Manakala sebanyak 29 tapak didaftar hak milik atas nama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Masalah yang di hadapan kita ini adalah loji kumbahan yang tidak digunapakai atau terbiar begitu sahaja telah menjadi tempat semak samun, pembiakan nyamuk, ada ular atau timbul kacau ganggu kepada penduduk setempat. Misalnya di kawasan KADUN Machang Bubuk ada Taman Selamat dan Taman Nirwana. Loji kumbahan tersebut telah menjadi tempat yang tidak diselenggara dan merbahaya kepada budak-budak kecil yang mencerobohi masuk ke dalam loji dan bermain di dalam loji kumbahan tersebut. Sekiranya apa kemalangan yang terjadi, kemungkinan ada kecederaan atau peristiwa yang tidak diingini. Kedua-dua loji kumbahan tersebut adalah dimiliki oleh Jabatan Perkhidmatan Pembentukan.

Penduduk tempatan juga melalui Rukun Tetangga pernah membuat permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Pembentukan, Kementerian Tenaga Teknologi Tenaga dan Air. Tetapi dalam balasan surat tersebut, Ketua Penolong Pengarah, Puan Yuni binti Mokhtar telah membalas surat tersebut "Di mana pada dasarnya pihak Jabatan tiada halangan terhadap permohonan tersebut, namun begitu bagi membolehkan pihak tuan menggunapakai tapak tersebut, permohonan penyewaan (kena sewa) haruslah dibuat kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, Jabatan Ketua Pengarah dan Galian Pulau Pinang." Ini adalah satu loji kumbahan yang terbiar dan untuk satu NGO atau persatuan penduduk untuk menyewanya adalah satu tanggungan yang sangat berat untuk persatuan penduduk atau Rukun Tetangga. Maka penduduk yang mengharapkan supaya tempat tersebut dapat ditebusguna dan dijadikan tempat rekreasi. Maka saya cadangkan kepada PBT atau Kerajaan Negeri supaya boleh mempertimbangkan untuk menebus guna loji kumbahan yang terbiar tersebut agar ia boleh dijadikan satu tempat rekreasi yang boleh diguna oleh semua penduduk di Taman Selamat dan kawasan sekitarnya.

Cadangan lain juga boleh dipertimbangkan seperti membuat tempat letak kereta untuk menampung keperluan yang semakin tinggi untuk kegunaan Pasar Awam Taman Selamat. Cabaran *climate change*. Saya ingin menarik perhatian dewan berhubung masalah iklim dan *climate change* yang akan menjejaskan kehidupan rakyat. Kita semua tahu alam semulajadi telah wujud sejak sekian lama menjadi tempat tinggal bagi semua, makhluk di muka bumi ini. Pelbagai punca boleh dikaitkan dengan masalah *climate change* ini iaitu saya ada satu kajian yang dijalankan oleh Profesor Dr. Subramaniam a/l

Karuppanan, Ketua Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Persekitaran, Fakulti Sains Kesihatan, UiTM. Beliau telah membentangkan satu (1) kajian kerja khusus tentang kesan perubahan iklim di negara kita yang bertajuk "Perubahan Iklim dan Kesan Kepada Kesihatan Persekitaran" - *Climate Impacts on Environmental Health....* (dengan izin). Ianya menjelaskan kepada kita kesan pelbagai perubahan iklim iaitu kesan-kesan dari gelombang haba. Kedua, kesan daripada peristiwa cuaca melampau, ketiga kesan daripada kualiti udara rendah. Keempat, kesan kepada penyakit sensitif iklim. Di dalam kajian itu juga menyatakan risiko yang bakal dihadapi, antaranya meningkatkan penyakit morbiditi dan juga mortaliti, ribut risiko banjir teruk, angin kuat dan juga ancaman terhadap orang dan harta benda. Risiko ini adalah kerana suhu panas yang meningkatkan kepekatan pencemaran udara dan air yang tidak sihat dengan kesan kesihatan manusia berkaitan sistem pulmonari dan lain-lain berkaitan. Perubahan suhu juga mengubah corak serta peristiwa melampau yang boleh meningkatkan penyebaran beberapa penyakit berjangkit melalui udara, air dan vektor penyakit.

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri agar memandang serius dengan perubahan iklim ini dan membentuk polisi serta implementasi strategi yang mengambil kira penilaian polisi kesihatan melalui kaedah dan strategi berikut. Satu, variasi dalam keberkesanan dan kesesuaian berkenaan adaptasi mengikut kawasan dan kumpulan demografi. Kedua, bagaimana perlu mengeksploitasi peluang dan mengurangkan risiko kesihatan. Ketiga, perbelanjaan atau kos adaptasi dan potensi serta akibatkan perubahan iklim. Keempat, keperluan adaptasi pelbagai faktor seperti perubahan iklim. Kelima, impak akibat perubahan sistemik alam semulajadi dalam pelbagai sektor yang terlibat dalam pengurangan impak kepada kesihatan awam. Keenam, salah adaptasi polisi yang meningkatkan kesan kepada kesihatan dari perubahan iklim termasuk kesan negatif serius perlu diambil kira.

YB. Dato' Yang di-Pertua, topik yang seterusnya adalah spekulasi hartanah. Seringkali saya dengar aduan daripada orang muda bahawa harga rumah terlalu mahal. Di Dewan ini pun ramai yang kata nilai hartanah di Pulau Pinang sangat tinggi. Selepas tamat pengajian di universiti, dan mereka keluar mencari kerja sehingga bersedia untuk mendirikan rumah tangga, berfikir atau tengok sama ada boleh memilik rumah di mana-mana. Akhirnya mereka mendapati bahawa sekiranya tiada bantuan daripada ibu bapa atau keluarga, langsung tidak boleh memilik sebuah rumah. Pemilikan rumah telah menjadi impian yang semakin jauh untuk orang muda. Mereka merupakan apa yang mereka katakan itu adalah mereka golongan profesional yang mempunyai pendapatan tetap. Bagi golongan muda yang dari akar umbi yang bukan profesional, mereka kemungkinan lepas universiti kena menanggung hutang PTPTN, pinjaman kereta atau tanggungan keluarga yang membebankan. Mustahil bagi golongan tersebut untuk memiliki rumah.

Sementara kadar kenaikan sewa dan harga rumah yang tinggi, terdapat banyak rumah atau unit kosong adalah sesuatu fenomena yang tidak sihat sementara kita tengok nilai rumah yang mewah itu, tetapi banyak yang kosong dan tidak didiami oleh penghuni. Tanah sebenarnya adalah asas kepada segala pembangunan dan pembuatan. Sekiranya nilai tanah telah meningkat akibat daripada aktiviti spekulasi, maka segala perbelanjaan juga akan meningkat termasuk harga makanan di restoran, kos perniagaan dan tempat tinggal, kos perkhidmatan malahan apabila kerajaan ingin mengambil balik tanah untuk pembangunan infrastruktur seperti pelebaran jalan, juga terpaksa menjadi mangsa kepada spekulasi hartanah tersebut. Dua (2) contoh yang tadi saya pun ada sebut di pelebaran jalan Bukit Minyak dan juga di Jalan Selatan, kedua-dua adalah kos yang terlalu tinggi untuk mengambil balik tanah. Kerajaan bukan ambil balik tanah untuk mendapatkan keuntungan, tetapi untuk kepentingan orang awam, juga menjadi mangsa kerana nilai tanah yang begitu tinggi dan kerajaan perlu gunakan wang rakyat untuk membiayai projek-projek pengambilan balik tanah itu. Maka ke semua ini adalah kos sosial yang disebabkan oleh spekulasi pasaran hartanah yang dihadapi oleh seluruh masyarakat di Pulau Pinang ini. Pengawasan ketat ke atas spekulasi tanah bukan satu langkah yang popular pada jangka masa yang pendek, namun sebagai kerajaan yang bertekad untuk membangun Pulau Pinang sebagai negeri yang *livable* dan bukan syurga untuk spekulasi. Kerajaan perlu menunjukkan komitmen dan tekad politik dalam menangani masalah nilai hartanah yang terlalu tinggi ini.

Dato' Yang di-Pertua, *do it yourself* perancangan...(dengan izin). Untuk membina sebuah rumah yang sesuai didiami, harga rumah yang munasabah merupakan syarat yang asas. Namun bagaimana untuk membuat perancangan yang untuk sesuatu tempat pula merupakan cabaran yang berlainan. Dulu kita percaya kepada cadangan yang dibuat oleh profesional atau pakar-pakar. Kerja-kerja perancangan dan pembangunan yang rumit telah diserahkan kepada golongan profesional. Kita percaya perlu ada profesional baru berupaya untuk membuat perancangan. Akan tetapi, masyarakat kini adalah lebih rumit berbanding dengan yang dulu. Permintaan rakyat yang berlainan dan berbilang kaum hanya bergantung

pada pakar-pakar tradisional sudah tidak dapat reka dan rancang berlandaskan keperluan rakyat secara menyeluruh. Saya teringat seorang kawan saya yang mengalami kecederaan kaki patah akibat kemalangan. Beliau bergantung kepada tongkat untuk bergerak, barulah dia sedar bahawa semua tempat yang dia pergi, tempat awam adalah tidak mesra khususnya kepada golongan OKU atau golongan orang yang memerlukan keperluan khas. Walaupun kawan tersebut mempunyai kenderaan, tetapi dia juga tidak dapat melangkah masuk ke dalam bangunan kerana di depannya ada satu tangga. Maka, tiada orang yang lebih mengenali keperluan anda sendiri. Komuniti yang berlainan mempunyai fokus yang berlainan. Saya mencadangkan Kerajaan Negeri mengambil kira unsur perancangan rakyat semasa membuat pembangunan dengan melatih fasilitator perancangan komuniti untuk membolehkan rakyat mempunyai peluang untuk mengambil bahagian dalam reka dan juga perancangan. Proses ini akan mempertingkatkan *sense of belonging* dalam komuniti tersebut. Konsep sebegini juga walaupun masih baru di Malaysia, tetapi di tempat lain serta negara-negara lain di Asia telah membuat perbagai percubaan. Saya berharap Pulau Pinang juga boleh menjadi teladan untuk Malaysia....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Saya hanya ingin dengan izin, *to give a precautionary word in term of what you just said* kerana dari segi aksesibiliti ataupun kesediaan infrastruktur agar boleh digunakan oleh orang yang ada pelbagai keperluan, sama ada orang tua, kanak-kanak, orang yang sudah tercedera, jangka masa pendek, jangka masa panjang, kerumitannya adalah bahawa memang ada situasi di mana jika kami mendengar sahaja kepada mana-mana seorang, kadangkala disebabkan individu itu bukan pakar, maka kadang kala pemahamannya tentang reka bentuk infrastruktur tidak mencukupi untuk dia benar-benar mencari jalan penyelesaian kepada masalah dia.

Jadi, walaupun maklum balas daripada orang awam adalah penting dan saya sokong kuat pandangan Yang Berhormat tentang *sense of belonging* dan tambahan kepada itu, *sense of belonging also leads to sense of ownership, sense of accountability* dan memang orang awam patut ada perasaan tanggungjawab tentang tempat tinggal dia, persekitaran dia. Namun, bagi saya *ideal* adalah kedua-dua pihak yang boleh bekerjasama dan biasanya pakar itu menghasilkan sesuatu produk yang tidak begitu baik. Biasanya, saya rasa bukan masalah teknikal, bukan masalah kekurangan dari segi pengetahuan teknikal, *in the world* tetapi sama ada mungkin pakar itu sendiri kekurangan pemahaman ataupun ada kekekangan atau pun ada pelbagai situasi. Maksud saya adalah jika kepakaran dan pengetahuan teknikal digunakan secara betul, sebagai seorang Ahli Sains, saya percaya bahawa teknologi dan kepakaran teknikal berupaya menyelesaikan masalah dan sebaik-baiknya pakar itu haruslah boleh memahami situasi secara menyeluruh. *But we have to be very careful, about* sama ada kita dengar 100% pandangan orang awam kerana setiap individu ada pandangannya masing-masing dan mungkin akan mengakibatkan produk yang berat sebelah dan tidak memenuhi keperluan individu lain dalam masyarakat. *So, at the end of the day, expertise is important.* Terima kasih.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih YB. Pulau Tikus. Saya setuju dengan apa yang dibangkitkan oleh YB. Pulau Tikus tadi dan memang kepakaran tersebut masih perlu dari segi untuk membimbing dan juga memastikan cadangan-cadangan yang dibuat daripada rakyat atau di komuniti tersebut tidak melebihi atau tidak tersasar daripada objektif yang tersebut. Dan yang penting adalah penglibatan komuniti tersebut di dalam proses perancangan dibuat oleh pihak berkuasa.

YB. Dato' Yang di-Pertua, satu lagi yang ingin saya bangkit adalah berkenaan dengan *race society*. Setelah saya membincangkan dengan begitu banyak masalah dan cabaran tadi, ia telah mengingatkan saya satu konsep iaitu *race society* yang dikemukakan oleh Ulrich Beck seorang pakar sosiologi dari *Germany* pada akhir 80-an tetapi saya rasa masih sangat relevan untuk menerangkan masyarakat sosial hari ini. Sifat asas bagi risiko bukan terhadap individu sahaja tetapi ia adalah risiko terhadap sosial secara kolektif. Apabila sesuatu krisis terjadi, akibatnya akan ditanggung oleh semua golongan masyarakat. Saya berpendapat bahawa krisis yang wujud di masyarakat kita adalah sesuatu yang dipersembahkan dengan radikal lagi. Misalnya *climate change*, iklim yang luar biasa telah menyebabkan bencana alam, banjir yang lebih serius dan kerap, suhu air laut yang tinggi juga menjejaskan mata pencarian nelayan serta penyakit berjangkit seperti demam Denggi dan baru-baru ini kita ada Zika yang merebak melalui nyamuk.

Secara amnya, ke semua krisis tersebut menjejaskan semua orang. Setiap orang dikalangan kita adalah *potential victims*. Ekonomi yang tidak stabil, nilai mata wang jatuh menyebabkan masalah pengangguran. Pendapatan yang rendah juga menyebabkan kuasa membeli menurun. Dalam suasana masyarakat kini, krisis yang serius datang dari pelbagai arah serta penuh dengan merasai kelemahan manusia itu. Namun, bagi kita semua yang berada dalam Dewan yang mulia ini tidak kira Dato' Speaker, ADUN, EXCO atau Pembangkang, kita perlu menjawab persoalan dalam masyarakat yang penuh dengan risiko ini. Sesiapa yang dapat menyelesaikan risiko ini secara diri sendiri. Sebagai ahli politik, apakah peranan yang dimainkan oleh kita semua? Adakah kita boleh memikul tanggungjawab untuk menyediakan perlindungan asas kepada setiap individu sehingga semua rakyat apabila berdepan dengan krisis dan tidak berasa tidak berdaya. Oleh itu, dalam perbahasan saya kali ini, saya telah menegaskan bahawa kerajaan perlu berusaha untuk membina *social safety net* dari kesihatan mental individu sehingga jaminan kehidupan dan pendapatan serta perancangan bandar dan desa yang lestari. Usaha ini adalah untuk mengurangkan ketidaktentuan kehidupan rakyat dan menjamin rakyat dapat menikmati kehidupan yang selamat dan baik.

Akhir sekali, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua agensi-agensi, jabatan-jabatan kerajaan yang telah membantu KADUN Machang Bubuk untuk menyelesaikan dan juga menangani isu-isu rakyat yang dihadapi. Dengan ini saya pohon menyokong. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Machang Bubuk. Sila YB. Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Hj. Mohd. Salleh bin Man):

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...(bacaan doa) dan selamat malam dan salam sejahtera.

Saya mungkin tidak mengambil masa rakan-rakan yang lain. Saya cuma nak rakan-rakan perbahasan sebelum ini yang mungkin sampai penghujung malam ini sebelum ada rakan-rakan yang lain lagi mungkin esok akan disambung. *Alhamdulillah*, ingin saya merakamkan kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah dan keizinan-Nya, malam ini dapat saya bersama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan 2017 dan Usul Anggaran Pembangunan 2017 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri di Dewan yang mulia ini.

Saya ingin mengambil kesempatan yang amat bernilai ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kepimpinan kerajaan yang menerajui Negeri Pulau Pinang ini kerana telah berjaya mengutarakan Bajet 2017 yang berasaskan modal Negeri Keusahawanan dan Negeri Kebajikan juga dengan berlandaskan prinsip Cekap, Akauntabiliti, Telus untuk menghadapi kegawatan ekonomi yang telah kita mula terasa kini. Saya pernah percaya dan yakin dengan langkah yang diambil di dalam keadaan rakyat yang semakin terhimpit dek penurunan nilai matawang ringgit, kenaikan harga barangan dan pelaksanaan cukai rakus GST, akan mengurangkan sedikit sebanyak beban yang ditanggung oleh rakyat.

YB. Dato' Yang di-Pertua, sepertimana yang ditekankan dalam bajet, adalah perlu sesebuah kerajaan untuk menguruskan negeri yang ditadbir dengan baik dan juga bersih. Hal ini adalah kerana jawatan yang diamanahkan kepada kita perlu dilaksanakan dengan adil dan sebaiknya. Sesuai dengan firman Allah SWT di dalam Al-Quran dengan izin, (*bacaan surah*) "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya dan menyuruh kamu apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya, Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu, sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat". Oleh yang demikian, teras utama yang pertama dalam memacu Negeri Pulau Pinang ke arah Negeri Keusahawanan iaitu dengan berteraskan tata kelola kerajaan yang baik dan bersih adalah sejajar dengan apa yang telah saya ungkapkan mengikut firman Allah SWT yang telah saya bacakan tadi.

Telah terbukti sepanjang pemerintahan dengan berlandaskan prinsip Cekap, Akauntabiliti dan Telus, banyak kejayaan yang telah dicapai. Diantaranya, bajet lebih dari tahun 2008 sehingga 2015 sebanyak RM574 juta, dan juga penggandaan aset negeri ini dari RM850 juta kepada RM1.6 billion dan peningkatan pelaburan di sektor pembuatan sebanyak 87% antara tahun 2007 sehingga 2015, serta

pelbagai lagi bukti kejayaan pemerintah kerajaan. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua jentera pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

YB. Dato' Yang di-Pertua, masalah banjir kilat seperti yang telah disebutkan oleh rakan-rakan kita dan juga kesesakan lalu lintas masih lagi menghantui kita sebagai warga Pulau Pinang. Setiap kali berlakunya hujan lebat dalam sesuatu jangka masa yang lama, pastinya kita akan mula resah dek kerana sejak akhir-akhir ini kerap kali banjir kilat berlaku sama ada di kawasan Pulau mahupun di Seberang Perai. Keadaan akan bertambah lebih parah dengan berlakunya kejadian tanah runtuh seperti mana yang berlaku di Telok Bahang, Paya Terubong dan Bukit Bangkok baru-baru ini. Pihak berwajib sepatutnya lebih cekap dan efisien dalam menangani masalah ini, yakni tidak menunggu sehingga berlakunya sesuatu insiden barulah tindakan hendak diambil. Pengembelian kepakaran daripada semua pihak adalah amat perlu untuk memastikan perkara ini dapat dibendung. Jika tidak, mana tahu satu hari nanti bencana alam yang lebih serius malah mengakibatkan kehilangan nyawa berlaku. Saliran yang tersumbat perlu dibersihkan, sampah sarap yang menghalang laluan air juga menyumbang kepada masalah banjir kilat yang sering berlaku.

YB. Dato' Yang di-Pertua... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan. Berkenaan dengan pembuangan sampah, saya ingin menjemput Yang Berhormat untuk memberi pandangan tentang sikap penduduk di Pulau Pinang yang kita lihat suka membuang sampah sarap secara merata-rata. Kita lihat juga baru-baru ini pihak berkuasa tempatan dan pihak-pihak yang berkenaan terpaksa mengambil tindakan-tindakan kerap kali untuk membersihkan Sungai Pinang. Kita lihat tindakan pembersihan itu diambil lebih kerap lagi sekarang berbanding dahulu. Walau pun Kerajaan Negeri telah mengamalkan polisi sifar beg plastik, kita lihat gerai-gerai, pusat membeli belah masih lagi menggunakan beg-beg plastik. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini dan bagaimanakah kita ingin memberi didikan kepada rakyat di Pulau Pinang supaya setiap kali mereka membungkus nasi kandar, bungkus makanan, membawa minuman dan sebagainya, tabiat mereka adalah untuk membawa beg-beg plastik. Bukan seperti di luar-luar negara di mana selalunya disarankan supaya membawa gelas atau...(dengan izin), *self containing drink, cups* dan sebagainya. Ini adalah satu perkara yang kita lihat semangat yang perlu diberi didikan dan jika tidak dapat mengatasi masalah ini, saya rasa kita juga tidak dapat mengelak daripada kejadian-kejadian banjir ini dari berlaku. Apa pendapat Yang Berhormat? Terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man):

Terima kasih YB. Seri Delima di atas pandangan yang boleh kita sama-sama tangani dalam hal-hal yang berkaitan dengan sikap segelintir masyarakat yang bila sesuatu berlaku selalu akan menyalahkan pihak lain. Begitu juga bila berkaitan dengan perkara-perkara yang boleh menyumbang kepada banjir disebabkan banyaknya sampah. Sampah ini juga di antara perkara yang selalu dianggap oleh masyarakat sebagai tidak begitu penting sehingga berlakunya lambakan dan timbunan sehingga boleh mendatangkan kesan sampingan kepada masyarakat apabila berlakunya hujan lebat dan sebagainya. Paling penting ialah perlu kepada satu penguatkuasaan tindakan dan bagaimana satu bentuk pendidikan supaya mereka juga dapat berubah sikap dan dapat merasai dalam keadaan berlaku di kawasan atau di tempat mereka seumpama itu apabila tidak mengambil sikap bertanggungjawab mengenai sampah sarap ini akan berlaku sesuatu keadaan yang boleh mendatangkan kesusahan kepada semua pihak. Di antara perkara yang paling penting ialah sikap dan kita dapat mengetahui sikap masyarakat ini bukan senang untuk diambil tindakan untuk membawa perubahan yang drastik tetapi melalui beberapa kesan-kesan lain supaya kita dapat menyedarkan mereka bahawa apa yang dilakukan itu bukan boleh mendatangkan keuntungan tetapi lebih kepada mendatangkan masalah kepada keseluruhan masyarakat.

Seperti mana dengan apa yang telah disebutkan tadi, YB. Machang Bubuk pun ada sebut tadi adalah berkaitan dengan sikap masyarakat juga. Apabila pokok besar di kawasan perumahan, kawasan rumah dia sendiri, bila dia tanam dapat buah, dapat makan buah dan jual buah tetapi bila besar dan hendak tebang, dia suruh kita tebang. Inilah sikap masyarakat kita. Tentulah bila kita dalam keadaan apa-apa pun mesti prihatin, apabila kita tidak ada penguatkuasaan yang menyeluruh, seperti mana kita dahulu sudah ada keputusan tidak boleh menggunakan polystyrene dalam bungkusan makanan tetapi keadaan

masih macam itu juga. Ini lebih kepada pemahaman dan sikap itu perlu dipupuk untuk membuat perubahan kepada semua pihak.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Boleh beri laluan, sedikit sahaja, boleh saya tambah sedikit sahaja. Saya juga ingin memberi pendapat tentang majlis keramaian, saya ingin beri satu kesimpulan, umpamanya, bila dianjurkan majlis Thaipusam setiap tahun. Kita lihat sebelum Thaipusam berlangsung keadaan jalan memang bersih dan teratur. Tetapi apabila selesai sahaja Thaipusam kita lihat pekerja-pekerja MBPP malahan terpaksa bekerja dua atau tiga hari untuk membersihkan jalan raya tersebut yang penuh dengan sampah sarap di merata tempat. Walau pun tong-tong sampah disediakan di sepanjang jalan perarakan tokong, kita lihat masyarakat terutamanya kaum India masih lagi tidak dapat mematuhi...(dengan izin), *simple concept of throwing the rubbish where it is supposed to be thrown*. Saya berucap tentang perkara ini kerana sebagai Ahli Lembaga Wakaf Hindu kita juga telah cuba bermacam-macam cara untuk mendidik mereka. Kita mendapati bahawa walaupun setiap tahun disarankan supaya menggunakan bekas-bekas yang sama dan tidak membuang merata-rata bekas-bekas yang digunakan tetapi masih tidak berjaya. Konsep rakyat di Pulau Pinang adalah selepas menggunakannya ia harus dibuang dan memerlukan wakil rakyat, saya percaya banyak wakil rakyat akan menerima panggilan, dua tiga hari lori tong sampah tidak sampai, dua tiga hari sampah tidak dikutip. Konsep *recycling*...(dengan izin), masih tidak lagi mendapat sambutan dan ini adalah perkara saya rasa kita perlu beri perhatian, bukan sahaja semasa Thaipusam tetapi umpamanya selepas pasar malam di kawasan saya setiap hari Rabu, kita lihat sampah sarap, walau pun keadaannya terkawal tetapi memang dibuang merata-rata. Bagaimanakah caranya untuk kita mendidik masyarakat yang seringkali hanya sekadar membaling, melupuskan beg-beg plastik atau pun bekas-bekas plastik....(dengan izin), *indiscriminately*, tanpa memikirkan masalah yang akan berlaku jikalau ianya dihimpun dan kita tidak dapat lagi membuangnya di suatu tempat yang khusus atau tempat pelupusan sampah itu tidak ada lagi pada masa akan datang. Terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man):

Terima kasih YB. Seri Delima di atas pandangan dan juga ada beberapa cadangan yang perlu dilaksanakan oleh mereka supaya dalam keadaan terkawal. Apapun biarlah penggunaan beg-beg plastik ini dapat dibuang di tempat yang telah disediakan.

YB. Dato' Yang di-Pertua, di dalam keadaan suasana sekarang dan cuaca yang tidak menentu, bahkan boleh dikatakan hujan setiap hari yang boleh membawa kerisauan di tempat-tempat yang selalu berlakunya banjir. Kerajaan Negeri dalam bajetnya telah memperuntukkan satu jumlah yang besar untuk mengatasi banjir besar atau pun banjir kilat. Saya ingin menyatakan bahawa saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Kerajaan Negeri dan agensi kerajaan seperti PBT dan juga JPS kerana berusaha mencari langkah terbaik menangani masalah banjir di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Seperti mana kita sedia juga maklum bahawa DUN Permatang Pasir adalah antara tempat kerap berlakunya banjir. Namun hasil inisiatif daripada pihak-pihak berkenaan yang berkaitan yang mana sistem perparitan yang sentiasa dinaiktaraf, kerja-kerja penyelenggaraan yang cekap serta berterusan dan pemantauan pencegahan banjir berterusan sedikit sebanyak telah mengurangkan masalah banjir di kawasan saya, di kawasan DUN Permatang Pasir. Dulu kalau musim banjir, saya tidak lena tidur waktu malam. Pernah satu ketika di daerah bila banjir, penduduk selalu ingat Yang Berhormat kena turun walaupun kita tahu bila kita turun ke sana tidak boleh selesaikan masalah. Tetapi sebagai menghormati dan menghargai penduduk dan pengundi kita pun turun ke daerah dan meranduk air naik sampai paha, balik gatai sana sini, nyamuk lagi. Kita sangat bersimpati kepada mereka mangsa banjir ini apatah lagi dalam masa sebulan dua tiga kali banjir. Kita pun dapat merasa macam itu apatah lagi mereka yang sentiasa berhadapan dengan banjir yang sudah tentu kita bersimpati dalam keadaan apa pun. Untuk maklumat, Permatang Pasir, kalau betul-betul ianya bukan kawasan banjir. Banjir ini datang dari kawasan Penanti dan juga melalui Sungai Kulim termasuk Sungai Permatang Rawa. Sungai Permatang Rawa ini kalau air pasang, maka Permatang Pasir juga tidak akan terlepas dari banjir. Begitu juga dengan kawasan Berapit dan juga kawasan Penanti, kalau hujan lebat saya susah hati walau pun bukan kawasan saya yang berlaku banjir, tetapi air yang laju dan deras akan merebak ke tempat-tempat lain dan akan melalui satu saluran khususnya di Taman Juru maka akan berlaku banjir terutama Taman Juru akan tenggelam dan juga di kawasan-kawasan Sungai Permatang Rawa.

YB. Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri yang telah memperuntukkan jumlah yang besar sebanyak RM12.6 juta supaya projek *high impact* di Sungai Permatang Rawa dapat dilaksanakan di dalam tempoh yang tidak lama. Hendak sebut dalam tempoh terdekat mungkin tidak sempat, ambil masa yang tidak lama, tender awal tahun hadapan, tahun hadapan baru nak tender, ambil tempoh yang tidak lama lah....(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Minta laluan, saya ada soalan untuk bertanya, maknanya sebab saya ada pun buat soalan bertulis rasanya, tetapi jawapan yang saya terima itu macam tidak jelas, sebab RM12.6 Juta ini, Mukim 9 Tanah Liat jugakah, kami berdualah.

Saya hendak rujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia berkuatkuasa 1 Mac 2016 mengenai Perbelanjaan Pembangunan 4.2 yang menyatakan Arahan Pekeliling ini adalah untuk menanggung projek-projek bukan fizikal yang bersifat kajian-kajian kemungkinan ataupun *feasibility study* jadi saya rasa setakat ini kita banyak sangat kajian tetapi adalah macam tahun lepas, tahun ini, jadi maknanya RM12.6 juta ini hanya akan direalisasikan bila?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

YB. Dato' Yang di-Pertua, untuk memberi ulasan keempat-empat projek *high impact* memang sudah dilakukan kajian dan konsep *design* dan sekarang sudah sampai ke penyediaan tender dokumen, jadi bahagian itu memang sudah diluluskan di bawah MMK Tebatan Banjir dan awal tahun hadapan akan memanggil pihak kontraktor untuk melaksanakan. Peringkat kajian itu sudah hampir siap.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man):

Okey, terima kasih, di atas kerjasama dan prihatin khusus kepada mereka yang terlibat dengan banjir. YB. Dato' Yang di-Pertua, selain daripada banjir saya juga ingin menyentuh berkaitan dengan masalah kesesakan lalu lintas yang majoriti warga di Pulau Pinang menghadapi setiap pagi bermula dari Seberang Jaya sehinggalah ke jambatan pertama Pulau Pinang. Kadang-kala kesesakan juga berlarutan hingga ke Jelutong Expressway Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu. Kesesakan juga berlaku di sebelah petang di laluan yang sama dan akan bertambah teruk di hari Jumaat, saya pun kalau hari Jumaat, kadang-kala ada mesyuarat cukup susah hati, sebab biasanya kalau mesyuarat pukul 3.00, pukul 7.00 tidak sampai rumah lagi, jadi apatah lagi kalau hari Sabtu dan Ahad dan pada hari cuti, kadang-kala mereka mengambil kesempatan juga dengan balik kampung terpaksa berebut dan berlakunya kesesakan, khususnya di atas Jambatan Pulau Pinang.

Jadi menyentuh kesesakan di Jambatan Pertama Pulau Pinang, saya berasa hairan kerana hal ini masih lagi berlaku walau pun pada hakikatnya Pulau Pinang kini telah mempunyai dua (2) jambatan, sesuatu perlu dilakukan untuk mengurangkan kesesakan waktu pagi di atas Jambatan Pertama Pulau Pinang, contohnya semua kenderaan yang menuju ke kawasan perindustrian Bayan Lepas, ini sebagai cadanganlah tidak dibenarkan untuk melalui Jambatan Pertama Pulau Pinang. Sebaliknya diarahkan untuk menggunakan Jambatan Sultan Abdul Halim Muazam Shah. Mekanisma pelaksanaan mungkin dapat dirangka oleh pihak yang berwajib keperluan untuk kita melaksanakannya adalah berikutan projek jangka panjang yang terkandung dalam Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri ini untuk mengatasi masalah kesesakan kenderaan yang akan mengambil masa yang agak lama mungkin untuk dilaksanakan, mungkin akan dipersoalkan kononnya kalau mengikut laluan Jambatan Kedua mengambil masa yang lama untuk sampai ke tempat perindustrian, tetapi kalau datang dari Seberang Jaya pun juga untuk naik jambatan mengambil masa yang lama juga, dia sangkut juga. Jadi kalau boleh mengambil satu penekanan bagaimana menyelesaikan masalah tersebut bolehlah fikir sama-samalah.

Walau bagaimanapun dengan penyediaan keseluruhan peruntukan berjumlah RM57.57 Juta untuk pembinaan infrastruktur pada tahun 2017 saya berharap agar sedikit sebanyak masalah yang timbul di negeri ini dapat dikurangkan atau pun dapat diselesaikan...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Minta penjelasan, tempat kejadian kesesakan lalu lintas yang ketara pada waktu pagi dan petang di peringkat Seberang Jaya dan juga di jambatan masing-masing adalah dibawa kelolaan Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM), jadi kalau Kerajaan Negeri satu, mungkin tidak berkemampuan dari segi kewangan kerana terlibat dengan projek raksasa. Kedua, bidang kuasa, jadi ini adalah masalah yang Kerajaan Negeri tidak dapat diselesaikan, malah ada cadangan di mana LLM hendak membuat satu *bypass* daripada Jelutong hingga ke Tol Sungai Dua, itulah cara yang terbaik kiranya boleh dilaksanakan dan saya selalu ada meminta Ahli Parlimen daripada parti kita semua membangkitkan hal ini di dalam Dewan Rakyat di Kuala Lumpur, tetapi sehingga sekarang juga tidak ada apa-apa tindakan, jadi harap kita kenalah bersabar dan tunggu sehingga pelaksanaan kerja-kerja ini dimulakan, mungkin Telok Bahang ada apa-apa yang hendak cakap.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Bukankah negeri ini hendak bankrap, minta duit pasal apa?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man):

Terima kasih di atas penjelasan untuk maklumat kita semua bahawa adalah menjadi satu tanggungjawab di bawah LLM berkaitan dengan bagaimana menyelesaikan masalah kesesakan ini makna perlu kepada juga walaupun kita bersahabat tetapi sentiasa juga menyampaikan keluhan rakyat Pulau Pinang kepada peringkat Dewan Rakyat, *Insyah-Allah*.

YB. Dato' Speaker, selain daripada itu Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan pelbagai pembangunan modal insan dan memperkasakan Institusi Pendidikan Agama Islam di Pulau Pinang. Bantuan dan sokongan daripada pendidikan di peringkat tahfiz sehinggalah kepada para guru agama dan Hufaz menjadi pemangkin kepada penzahiran ciri-ciri Kerajaan Negeri yang berkebijakan untuk itu di dalam Dewan yang mulia ini saya selaku atau pun sebagai YDP. Majlis Agama Islam Pulau Pinang ingin mengambil kesempatan merakamkan jutaan terima kasih kepada pimpinan kerajaan kerana sentiasa dekat dengan Institusi Agama Islam khususnya Institusi Pendidikan Islam sepertimana firman Allah Subhanahuwataala...(dengan izin) (*bacaaan ayat suci Al-Quran*) katakanlah "Apakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui sebenarnya hanya orang yang berakal sihat yang dapat menerima pelajaran".

YB. Dato' Yang di-Pertua, sejajar dengan apa yang saya telah bacakan tadi izinkan saya untuk menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang nasib dan masa hadapan anak-anak muda yang tercicir didalam arus pendidikan perdana khususnya di dalam negeri yang kita sayangi ini. Pendidikan alternatif contohnya pendidikan atau pun pengajian yang berlandaskan kemahiran teknik dan vokasional juga perlu diberi perhatian dan bantuan sewajarnya daripada Kerajaan Negeri, bidang perkhidmatan pembaikan alatan elektrik dan elektronik mesin hinggalah pembaikan kenderaan boleh memberikan peluang untuk anak-anak muda yang tidak dapat meneruskan pengajian didalam bidang akedemik, paling tidak kemahiran yang diperolehi dapat digunakan untuk memperbaiki sendiri peralatan elektrik dan elektronik dan sekali gus menjimatkan perbelanjaan di zaman ekonomi yang serba mencabar ini, ada pun anak muda yang berkemahiran ini juga dapat meneroka bidang keusahawanan dengan membuka pusat pembaikan barang elektrik dan elektronik dengan sedikit bantuan modal daripada Kerajaan Negeri. Saya juga ingin mencadangkan jika dapat dilaksanakan satu kerjasama strategi antara Penang CAT dengan syarikat atau pun industri mekanikal elektrik dan elektronik automotif yang boleh menawarkan latihan jangka pendek dengan kos yang minima kepada para belia yang mempunyai minat dalam bidang teknik dan vokasional ini.

YB. Dato' Speaker, selain daripada itu masyarakat yang sejahtera akan menyumbang kepada kehidupan yang tenang, di sesebuah komuniti mahu pun negeri, dewasa ini kita melihat seolah-olah masyarakat di Negeri Pulau Pinang ini hidup di dalam tekanan, baru-baru ini satu kes kematian akibat lemas setelah terjun daripada Jambatan Pulau Pinang begitu menyayat hati kerana status *facebook* terakhir beliau telah *viral* di dalam media sosial dengan beliau mengatakan tindakan terjun daripada jambatan itu diambil akibat tekanan yang dihadapi dalam hidup, ini hanyalah satu kes sedangkan daripada kenyataan yang disiarkan melalui laman sesawang www.freemalaysiatoday.com. Pengarah Daerah II APMM Pulau Pinang memaklumkan bahawa dalam tahun 2016 ini sahaja sebanyak 17 kes bunuh diri di Jambatan Pulau Pinang dilaporkan.

Ini menunjukkan bahawa rata-rata penduduk di Negeri Pulau Pinang ini sedang menghadapi tekanan daripada pelbagai aspek akhirnya mengambil jalan singkat dengan menamatkan riwayat sendiri, sebagai Kerajaan Negeri yang prihatin kita harus fikirkan sesuatu untuk menangani masalah ini jika dibiarkan perkara ini dibimbangi ia akan menjadi lebih parah, pasti ada cara untuk mengatasi masalah ini bagi kita semua sebagai wakil rakyat yang diberi kepercayaan dan tanggungjawab memimpin masyarakat.

Kekusutan fikiran yang diakibatkan oleh tekanan ekonomi boleh membawa kepada tindakan yang boleh merugikan diri sendiri, keluarga dan juga masyarakat. Cuba kita bayangkan seseorang belia yang masih sihat tubuh badan yang masih bertenaga memilih untuk menamatkan riwayat sendiri sedangkan kadar produktiviti di usia sebegini adalah berada pada tahap yang optimum.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta penjelasan, Terima kasih. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa tekanan ini mungkin disebabkan oleh faktor-faktor seperti GST, kenaikan harga minyak, kenaikan harga tol, sekarang dengan kenaikan caj di hospital, macam-macam lagi beban kewangan yang tidak dapat ditanggung dan saya masih lihat lagi kes yang disebut oleh Yang Berhormat merupakan bukan seorang...(dengan izin) *bachelor*. Seorang yang telah berumahtangga di mana isteri masih muda dan beliau mempunyai dua orang anak masih kecil lagi, gambar yang disiarkan di dalam laman web saya masih ingat adalah ketika beliau beristirehat dengan isteri beliau, ketika mereka masih lagi bersama-sama dan beliau saya difahamkan telah ditangkap kali kedua atau kali ketiga sebab menjual rokok yang tidak dibayar cukai dan beliau ketika itu bertanyakan dalam statusnya adakah kesalahan itu merupakan kesalahan yang besar, saya tidak mahu masuk perbincangan yang sama ada beliau betul ataupun salah tapi persoalannya adalah adakah Yang Berhormat setuju rata-rata rakyat di Pulau Pinang dan di Malaysia menghadapi tekanan mustahaknya tekanan kewangan kenaikan macam-macam harga, harga gula, harga tol harga minyak masak, di mana gaji mereka tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan terutamanya mereka mempunyai lima (5) atau enam (6) orang anak dan ini tidak dapat diselesaikan dengan pemberian BRIM, pemberian BRIM sebanyak RM500, RM600, RM1,000 sekalipun tidak akan dapat menyelesaikan masalah ini.

Saya di sini terpanggil untuk menyatakan bahawa kita harus melihat masalah ini dan Kerajaan Negeri harus memberi perhatian kalau Kerajaan Persekutuan kita lihat makin lama makin membebankan. Rakyat tak dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat Kerajaan Negeri harus memberi perhatian walau pun kita faham macam-macam program yang dianjurkan seperti warga emas, anak emas, ibu emas, ibu tunggal dan sebagainya. Saya ingin mendapat pendapat Yang Berhormat Permatang Pasir sama ada sumbangan-sumbangan berkala kewangan ini yang diberikan kepada ibu emas, anak emas, warga emas, ibu tunggal boleh ditambah naikkan oleh Kerajaan Negeri disebabkan oleh beban yang makin lama, makin teruk dipikul oleh rakyat jelata disebabkan oleh sikap rakus kerajaan Barisan Nasional Persekutuan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Minta laluan, saya terpanggil untuk bersama-sama berbahas dengan apa yang di sebut oleh YB. Seri Delima dan juga YB. Permatang Pasir hanya kerana satu insiden seorang lelaki yang berkeluarga membunuh diri meninggalkan satu nota. Kita seolah-olah meletakkan itulah punca semua rakyat Malaysia membunuh diri setakat ini selama GST dinaikkan, kenaikan harga barang minyak yang naik baru-baru ini, inilah baru satu kes yang kita dengar di Pulau Pinang dan tiba-tiba dia bawa masuk dalam *facebook* sebelum dia bunuh diri. Selama ini punya banyak kes bunuh diri meninggalkan nota-nota *suicide* tapi bukan apa, cinta yang terhalang, mengandung anak luar nikah, laki cari betina, laki kerabat jantan lain, ini dalah punca bunuh diri tapi hanya kerana satu orang tulis cerita macam itu kita sensasikan seolah-olah kejadian bunuh diri yang berlaku selama ini di Pulau Pinang seperti mana YB. Permatang Pasir sebut tadi sentiasa berulang di Pulau Pinang, kejadian bunuh diri di Jambatan Pulau Pinang bukan kejadian sekali berkali-kali orang bunuh diri di situ tetapi sebelum ini tidak dijadikan isu hanya kerana tinggal *suicide notes* putus cinta dan sebagainya tak jadikan isu tiba-tiba satu Hamba Allah bunuh diri hanya kerana meletak satu nota dan kita jadi itu punca orang membunuh diri dan ini saya nak bagitahu YB. Permatang Pasir dan YB. Seri Delima kenaikan harga barang bukan saja berlaku di Pulau Pinang atau pun di Lahar Yooi tapi berlaku di seluruh negara malah di luar-luar negara juga tetapi janganlah hanya kerana satu kes ini, inilah punca orang akan bunuh diri selepas ini, bagi saya orang yang bunuh

diri ini ada dua saja tekanan ataupun tidak waras, itu saja. Orang yang waras tak akan terjun daripada bangunan, orang yang waras juga tidak akan minum racun dan sebagainya jadi saya minta kepada YB. Seri Delima jangan kita mempolitikkan sesuatu benda yang kita rasa hanya berlaku sekali dan kita kaitkan dengan kes-kes bunuh diri yang telah berlaku sebelum ini dan yang akan jadi masa depan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Bukan satu.....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sikit saja. Saya lihat YB. Bertam berbahas seolah-olah satu nyawa ini tak bermakna mungkin tak bermakna kepada Yang Berhormat tapi cuba bayangkan nasib isteri dan anak-anak beliau, letakkan diri anda dalam keadaan beliau. Apakah masa depan mereka, masa depan balu, masa depan anak-anak yang masih kecil lagi? Janganlah kita di sini seolah olah mengatakan bahawa nyawa itu tak bermakna *put yourself in his shoes*, Yang Berhormat. Masalah yang beliau hadapi keluhan beliau adalah sesuatu yang dihadapi oleh semua lapisan masyarakat, cuma kita tak dapat lihat sahaja, macam-macam masalah dihadapi. Saya pasti di kawasan Yang Berhormat sendiri pun mesti ada rakyat yang menghadapi masalah beban kewangan, tak dapat membeli pakaian seragam untuk anak-anak, datang saja selepas musim bercuti tak dapat membeli beg, pakaian seragam macam-macam masalah dihadapi. Persoalannya di sini adalah apakah yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan untuk meringankan beban rakyat. Dah lah kita lihat menteri-menteri ke luar negara ke sana sini macam-macam yang dinyatakan oleh media masa berkenaan cara berpakaian isteri Perdana Menteri, pakaian-pakaian yang di pakai oleh beliau... (gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Minta laluan. Ini dah merapu, melampau dan ini dah merepek...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Ayoob Bin Hussain Shah):

(gangguan) Saya nak cabar Seri Delima...(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Seri Delima memutar belitkan kenyataan saya...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

Tak mahu dengar saat-saat akhir saya juga yang akan hantar ke luar...(gangguan). Sudah!.. (gangguan). Seri Delima. Dengar sini, semua duduk!

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Kerajaan Barisan Nasional zalim, Barisan Nasional zalim.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Ayoob Bin Hussain Shah):

Dato' Speaker selalu bagi peluang!....(gangguan). Melampau-lampau.....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

Saya dah kata di sini saat-saat ini pun saya akan hantar keluar, YB. Seri Delima sekali lagi saya pun hantar keluar yang duduk pun....(gangguan). Yang dok mengacau itu pun akan di hantar keluar.. (gangguan). Saya minta YB. Permatang Pasir...(gangguan). Saya ada masa, tapi jangan (gangguan). Sambung, sambung,.. ada.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Saya tak bagi dah selepas ni. Saya beralih pula kepada apa yang sekarang berlaku yang telah pun (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Ayoob Bin Hussain Shah):

Penjelasan sikit saja, minta laluan Yang Berhormat....(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Kegiatan lumba haram yang masih berlaku di Permatang Pasir..(gangguan) saya ingin mengambil satu contoh kegiatan lumba haram yang kerap berlaku hampir setiap malam minggu di lebuh raya BKE berhampiran Kubang Semang, kawasan saya dengan YB. Penanti. Jiran kami. Ini juga merupakan satu contoh perlakuan yang menunjukkan ketidaksejahteraan masyarakat. Kenapa mereka berlumba? Adakah disebabkan tiada aktiviti berfaedah yang boleh dilakukan, kurangnya atau rapuhnya institusi keluarga? Apakah mereka tercicir dalam akademik? Lantas tiada apa yang boleh dilakukan, untuk meningkatkan pendapatan. Saya percaya golongan ini mencari keseronokan sementara dengan berlumba untuk melupakan masalah atau mengisi kekosongan jiwa. Mereka ini bukan saja membahayakan diri sendiri malah kadangkala bertindak menunggang motosikal melawan arus dan membahayakan pengguna lebuh raya yang lain. Justeru saya ingin memohon supaya pihak PDRM supaya giatkan operasi terhadap golongan ini dan pada masa yang sama institusi masyarakat perlu fikirkan sesuatu yang menarik dan memastikan golongan ini sibuk dengan aktiviti yang berfaedah bertepatan dengan perancangan yang terkandung dalam Bajet Negeri Pulau Pinang 2017, saya harap kesemua perkara ini diambil kira malah jika perlu diwujudkan satu litar lumba bermotorsikal untuk mengatasi masalah ini, saya berpandangan yang amat sesuai demi mengurangkan gejala lumba haram di negeri ini, siapa tahu dengan keberanian yang dimiliki oleh para belia ini beraksi di jalan raya kita pindahkan litar lumba yang halal dan gilap bakat mereka supaya lebih menyerlah di persada dunia.

YB. Dato' Yang di-Pertua, sedikit lagi berkaitan dengan apa yang saya sebut mungkin telah disentuh oleh rakan rakan saya yang lain. Dengan kos sara hidup yang semakin meningkat menyebabkan rakyat berpendapatan rendah tidak mampu untuk membeli rumah. Pernah ada satu kajian yang telah dibuat oleh Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan ataupun RIDA menunjukkan lebih 1 juta keluarga di seluruh negara yang berpendapatan di antara RM1,500 hingga RM15,000 di dapati tidak memiliki rumah sendiri. Hal ini kerana dengan pendapatan dengan sebanyak ini tidak melayakkan mereka membeli rumah kos rendah kerana pendapatan melebihi kadar pendapatan minimum bagi kelayakan membeli rumah kos rendah iaitu RM1,500 sebulan. Saya rasa mereka juga tidak mampu membeli rumah jenis kos lain seperti kos sederhana rendah ke atas yang lebih tinggi harga nya berbanding kos rendah.

YB. Dato' Yang di-Pertua, pada hari ini sesebuah rumah mestilah dilengkapi dengan bekalan elektrik, sistem saluran longkang yang teratur, kipas angin, lampu tandas, di dalam rumah dan lain-lain yang kesemuanya ini tidak pernah ada pada suatu ketika dahulu. Hakikatnya keadaan seperti ini menjadikan rumah kos lebih tinggi berbanding dahulu. Saya rasa harga rumah haruslah dikawal supaya tidak terus meningkat. Hari ini peningkatan harga rumah amat ketara dari masa ke semasa. Peningkatannya tidak seimbang atau selari dengan pendapatan. Persoalannya apakah peningkatan ini kerana harga tanah dan harga bahan binaan terus naik atau peningkatan tersebut seolah-olah diadakan? Saja-saja nak pernaik bagi rumah mahal, spekulasi. Ini kerana harga rumah juga meningkat tinggi sekalipun diluar bandar. Kita dapat menerima jika kenaikan itu berlaku dibandar kerana harga tanah dibandar lebih tinggi berbanding diluar bandar, tetapi mengapa pula diluar bandar turut naik hampir sama dengan harga rumah di bandar sedangkan harga tanah luar bandar lebih jauh lebih rendah. Apakah in disebabkan oleh permainan pemaju yang mengaut keuntungan dengan mengambil kesempatan diatas permintaan rumah yang terlalu tinggi. Saya harap pihak berkuasa juga memantau keadaan ini.

YB. Dato' Yang di-Pertua, saya lihat dasar Kerajaan Persekutuan membenarkan warga negara asing membeli rumah kos mewah yang berharga RM500,000 ke atas turut menyumbang kepada harga rumah di kawasan bandar melambung tinggi. Difahamkan mereka terdiri daripada warga rakyat Brunei, Singapura dan juga Timur Tengah. Bagi mereka kos rumah RM500,000 ke atas yang dijual di Malaysia adalah murah kerana kadar tekanan matawang lebih tinggi berbanding dengan Ringgit Malaysia.

YB. Dato' Yang di-Pertua, yang paling penting adalah memiliki rumah yang lebih selesa yang boleh membawa keselesaan hidup, menjadi salah satu kriteria kebahagiaan seseorang di ana yang telah dinyatakan...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta penjelasan. Yang Berhormat setuju tak dengan saya bahawa Kerajaan Negeri boleh menetapkan harga rumah. Yang Berhormat pun ada sindrom menunding jari. Sebagai contoh saya beri cadangan, Kerajaan Negeri boleh gazet tempat-tempat. Gazet tempat-tempat untuk jual kepada *foreigner*, tidak boleh buka *blanket* seluruh Pulau Pinang seperti kawasan pelancongan buka gazet pembeli di luar hanya boleh beli di situ. Ini salah satu cara yang boleh jual rumah. Soalan yang kedua, kawan-kawan Yang Berhormat dah buat dah? Yang Berhormat bila lagi? Kawan-kawan Yang Berhormat semua dah buat dah, mai sebelah sini.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Dok sebelah sana baru boleh buat rumah besar.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Itu di Ampang. Boleh buat rumah macam Disneyland.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Dengan masa yang tidak lama ni saya pun nak ringkaskan Dato' Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi yang paling penting adalah memiliki rumah yang selesa, yang boleh membawa keselesaan hidup, menjadi salah satu kriteria seseorang seperti mana yang dinyatakan di dalam sebuah hadis, Dato' Yang di-Pertua...(dengan izin)...(*Bacaan Hadis*). Yang bermaksud daripada Saad bin Abi Waqqas "Beliau berkata Rasulullah S.A.W. bersabda empat perkara termasuk daripada kebahagiaan yang pertama isteri yang solehah, tempat tinggal yang luas dan selesa, jiran tetangga yang baik dan kenderaan yang selesa. Manakala empat (4) perkara lagi termasuk daripada kecelakaan iaitulah jiran tetangga yang jahat, isteri yang tidak baik, rumah yang sempit dan kenderaan yang tidak selesa".

YB. Dato' Yang di-Pertua, satu lagi yang terakhir saya rasa berkaitan dengan sukan. Di Pulau Pinang ni, Pulau Pinang telah melahirkan atlet-atlet bertaraf tinggi seperti Dato' Lim Choong Wei, badminton. Dato' Nicol Ann David, squash dan ramai lagilah diharapkan Kerajaan Negeri melalui EXCO Sukan dapat menyusun langkah yang cemerlang bagi melahirkan atlet sukan yang berjaya, dalam pelbagai disiplin sukan di negeri kita ini.

Di sini saya turut merasa bangga dan ucapkan tahniah kepada pasukan sepak takraw Negeri Pulau Pinang kerana berjaya menempa kedudukan yang baik di dalam pertandingan sepak takraw yang kini sedang hebat bersaing bagi merebut piala kejuaraan Piala ATL, di Astro setiap minggu, yang disiarkan secara langsung di Astro setiap minggu. Saya juga ada kesempatan menyaksikan pasukan sepak takraw negeri kita bermain di siaran Astro yang mana pemain-pemain kita yang masih muda menunjukkan kepakaran bermain, jika berbandingkan dengan negeri yang lain terutamanya tekong utama di negeri kita yang juga merupakan tekong utama Negara Malaysia di peringkat antarabangsa yang baru berumur 20 tahun terkenal dengan servis kudanya. Diharapkan selepas ini pihak Kerajaan Negeri dapat mewujudkan pelapis yang akan menyambung kegemilangan sukan ini bagi mengharumkan Negeri Pulau Pinang.

Saya juga merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada pasukan bola sepak Pulau Pinang yang masih kekal dalam Liga Super untuk musim depan. Kita semua sedia maklum 60-an, 70-an pasukan bola sepak Pulau Pinang adalah gergasi bola sepak pada tahun tersebut. Diharap Kerajaan Negeri melalui pasukan bola sepak Pulau Pinang dapat menyediakan satu pasukan bola sepak yang *solid* dan kuat pada musim depan dalam Liga Super, dari sudut menyediakan jurulatih bertaraf tinggi, pemain import yang berkualiti, pemain tempatan yang berkemahiran tinggi bagi bersaing dalam Liga Super pada musim depan dan dapat merangkul Piala Malaysia, seperti mana yang kita idam-idamkan selama ini.

YB. Dato' Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin memohon maaf sekiranya terdapat apa-apa perkara yang boleh menyentuh perasaan, terguris hati maklumlah macam kita jalan kadang-kadang tersadung juga dalam ramai-ramai ni. Jadi, mungkin kalau tidak berlaku pilihan raya bulan tiga, bulan empat ni, mungkin sudah terakhir, mungkin Permatang Pasir siapa nak duduk di sini tak tahu lagilah.

Terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang sentiasa prihatin dan sentiasa dapat melaksanakan tugas sebaik mungkin dan saya rasa rakyat Pulau Pinang amat berpuas hati dan di samping kerjasama semua pihak, jabatan-jabatan yang sentiasa bersama-sama saya juga di DUN Permatang Pasir memberi kerjasama yang tak terhingga baiknya saya akan sentiasa di hati. *Insyah-Allah* dan pada pandangan saya Rang Undang-undang Perbekalan 2017 dan Usul Anggaran Pembangunan 2017 Negeri Pulau Pinang yang dibentangkan telah mencakupi aspek-aspek penting dan berupaya untuk menjadikan masyarakat di Negeri Pulau Pinang contoh kepada negeri lain dengan mengambil kira lontaran cadangan yang telah saya sebutkan tadi dan dengan itu Dato' Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Permatang Pasir. Sesi perbahasan disambung semula. Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak menyertai perbahasan. Ahli-ahli Yang Berhormat saya boleh tangguhkan Dewan tapi peringatan ada masa tak mahu bahas esok saya singkatkan semua. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan dan akan disambung esok jam 9.30 pag.

Dewan ditangguhkan pada jam 9.50 malam.